

HARTANAH 

MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN 

PELABURAN STRATEGIK 

KESIHATAN PAKAR 

KULIM 

ICT 

# DEKAD-DEKAD PERTUMBUHAN

PERUMAHAN 

TANGGUNGJAWAB KORPORAT 

BCM & INOVASI 

PERINDUSTRIAN 

PELABUHAN & PERKAPALAN 

قربانف جوهر

Perbadanan Johor

*Membina dan Membela*

# Mengenai Johor Corporation

Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun menerusi Enakmen Johor Corporation No. 4 1968 (sebagaimana pindaan di bawah Enakmen No. 5, 1995). Sebagai sebuah Konglomerat Negeri, Johor Corporation menerusi syarikat dalam Kumpulannya terlibat dalam bisnes teras merangkumi Perladangan Kelapa Sawit (KULIM), Kesihatan Pakar, Perkhidmatan Makanan dan Restoran, Hartanah, Perkhidmatan Pelabuhan, Hospitaliti, Intrapreneur serta Minyak & Gas.

## Misi



Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambilkira kepentingan masyarakat.



Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.



Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.



Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab korporat.

## Visi

*Membina dan Membela*

## Nilai Teras Johor Corporation 2.0



### INTEGRITI

Kami melaksanakan tugas dengan amanah, jujur, adil dan berlandaskan undang-undang serta prinsip tadbir urus korporat.



### PROFESIONAL

Kami komited melaksanakan tugas dengan efisien untuk menghasilkan perkhidmatan cemerlang dan produk berkualiti.



### INOVATIF

Kami berpengetahuan, berwawasan, kreatif, berani merintis, responsif dan panjang ikhtiar ke arah misi kesinambungan bisnes Johor Corporation.



### SETIA

Kami melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen kepada visi dan misi Johor Corporation serta berdaya tahan dan setia sepenuhnya kepada Johor Corporation.



### BERPASUKAN

Kami sekata untuk bekerja secara berpasukan, menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama dan perkongsian visi dalam suasana interaksi yang kondusif.



#### SEKSYEN 1

### Penyata Korporat

Perutusan Pengerusi	2
Penyata Korporat	4

#### SEKSYEN 2

### Mengenai Johor Corporation

Profil & Maklumat Korporat	11
Struktur Bisnes & Korporat	12
Lembaga Pengarah & Profil	14
Jawatankuasa Pelaburan	16
Lembaga Pengarah	17
Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem	17
Bisnes Lembaga Pengarah	17
Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah	17
Lembaga Pelantikan Perunding	17
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi	18
Kumpulan (TERAJU)	18

Jawatankuasa Teraju Korporat	20
Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)	22

#### SEKSYEN 3

### Ringkasan Prestasi Kewangan

Ulasan Kewangan	25
Ringkasan Prestasi Kewangan	26
(Johor Corporation) 2013-2017	
Ringkasan Prestasi Kewangan	27
(Kumpulan) 2013-2017	

#### SEKSYEN 4

### Prospek

Laporan Ekonomi	28
Bisnes Kulim	30
Bisnes Kesihatan Pakar	38
Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran	42
Divisyen Hartanah	48

Divisyen Pembangunan Industri	56
Dividen Pembangunan Bisnes	62
Divisyen Tanggungjawab Korporat	64
Divisyen Pengurusan Sumber Manusia	68
Kumpulan	

#### SEKSYEN 5


### Tadbir Urus Korporat

Penyata Tadbir Urus Korporat	71
Penyata Pengurusan Risiko dan	75
Kawalan Dalaman	
Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus dan	78
Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah	

#### SEKSYEN 6

### Penyata Kewangan

Penyata Kewangan	80
------------------	----



## Rasional Muka Depan

Bulatan yang dipaparkan pada muka depan Laporan Tahunan Johor Corporation 2017 ini menggambarkan entiti Johor Corporation yang kian berkembang dan menceburi pelbagai bisnes dalam dekad-dekad yang telah dilaluinya, bukan sahaja di pasaran Malaysia malah kian bertapak di serantau. Bulatan ini juga menunjukkan keutuhan dan kebolehan Johor Corporation berdaya saing di pasaran selepas lima dekad penubuhannya. Sebelas bulatan kecil bergaris putih pula adalah syarikat anak dan Kumpulan yang menerajui pelbagai bisnes teras serta saling bersinergi untuk menyokong Johor Corporation selaku instrumen pembangunan dan entiti bisnes mega Negeri Johor.

Tulisan warna cerah pula adalah cerminan nilai-nilai murni, integriti serta sifat prihatin Johor Corporation terhadap masyarakat yang dizahirkan melalui program tanggungjawab korporat.

## Fakta Sepintas Lalu



### KPJ Healthcare Berhad

13,400  
anggota pekerja



1,022  
pakar perubatan



### Komitmen Johor Corporation



RM26.96 juta  
sumbangan aktiviti masyarakat



24  
Klinik Waqaf An-Nur beroperasi



RM713 juta  
pelaburan dibawa masuk DPI ke Johor



RM493.76 juta  
sumbangan kepada kerajaan melalui percukaian

## Bisnes Utama/ Strategik



### BISNES KULIM

Diterajui Kulim (Malaysia) Berhad. Ditubuhkan pada 1933 di United Kingdom sebagai Kulim Rubber Plantations Limited. Aktiviti utama: Perladangan (kelapa sawit), Intrapreneur Ventures serta Minyak dan Gas (O&G). Strategi pengurusan dan pertumbuhan Kulim berpandukan Visi 30:30.



### BISNES KESIHATAN PAKAR

KPJ Healthcare Berhad adalah kumpulan penjagaan kesihatan dan perubatan pakar swasta terbesar di Malaysia. Ia tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sejak 1994. Menguruskan 25 hospital swasta di Malaysia; Indonesia (dua); Bangladesh (satu) selain melabur sejumlah saham di sebuah hospital swasta di Thailand serta sebuah hospital dan pusat penjagaan warga emas di Brisbane, Australia. Didokong lebih 1,022 pakar perubatan dan 13,400 anggota pekerja.



### BISNES MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN

Diterajui QSR Brands (M) Holdings Bhd. Aktiviti utama: Bisnes Makanan dan Perkhidmatan Restoran. Jumlah anggota pekerja: 30,000 orang. Melaksanakan rantaian nilai yang bersepadu sepenuhnya. Pemegang francais dan pengendali rangkaian restoran KFC di Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja. Pemegang francais dan pengendali rangkaian Pizza Hut di Malaysia dan Singapura. Terlibat secara meluas dalam industri penternakan ayam melalui aktiviti pengeluaran makanan ayam, penghasilan baka dan pengurusan ladang kontrak ayam pedaging, pusat penetasan dan pemrosesan produk hiliran berasaskan ayam jenama *Ayamas*, serta pelbagai perniagaan lain termasuk kilang roti, komisari, pengeluaran sos jenama *Life* dan syarikat pengedaran QSR Trading Sdn Bhd.



### PELABURAN STRATEGIK BISNES INTRAPRENEUR

Skim ini adalah pendekatan Johor Corporation dalam usaha mewujudkan budaya berbisnes terutama di kalangan anggota pekerja dan masyarakat luar yang mempunyai minat berbisnes. Khususnya dalam bidang ternakan, pertanian dan O&G.

Setakat 2017, sebanyak 10 syarikat intrapreneur berada di bawah Kulim (Malaysia) Berhad; Johor Corporation (lapan); KPJ Healthcare Berhad (enam); Waqaf An-Nur Corporation Berhad (dua); dan QSR Brands (M) Holdings Bhd (satu).



### BISNES HARTANAH

Diterajui Johor Land Berhad sejak 1972 melibatkan pembangunan hartanah kediaman dan komersil dengan 1,012 hektar tanah simpanan di lokasi strategik dalam Iskandar Malaysia. Projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan ialah Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Taman Seroja, Taman Damansara Aliff, Bandar Baru Majidee, Larkin Central Park, Kempas, Bandar Baru Tampoi, Pasir Gudang dan Sri Gading di Batu Pahat. Melaksanakan konsep pembangunan mapan dengan menyediakan kediaman berkualiti serta perijiran beridentiti sendiri untuk pelanggan dalam setiap perbandarannya dan menyediakan ruang serta lokasi komersil yang strategik untuk perniagaan. Menjayakan Dasar Perumahan Rakyat Johor menerusi pembinaan 8,000 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) bermula 2013 hingga 2020 serta skim Rumah Impian Bangsa Johor (RIBJ) mulai 2017.

#### DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Menjalankan aktiviti pelaburan hartanah komersil dan pengurusan bangunan khususnya pusat beli-belah, bangunan pejabat, terminal pengangkutan awam, bazar, kompleks sukan dan resort.

#### AL-AQAR HEALTHCARE REIT

REIT Islamik pertama di dunia dan REIT Islamik berkaitan kesihatan pertama di Asia.

#### AL-SALAM REIT

REIT Islamik kedua terbitan Johor Corporation.

#### DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

Divisyen ini adalah sayap pembangunan perindustrian Johor Corporation yang telah memajukan 31 zon perindustrian dengan kehadiran 1,828 pelabur yang menanam modal RM78.92 bilion. Selain itu, divisyen ini turut memberi fokus kepada pembangunan zon perindustrian industri robotik serta hab industri perabot, industri sokongan O&G serta pangkalan data.

#### TPM TECHNOPARK SDN BHD


Membangunkan kawasan perindustrian dan berperanan sebagai pengurus projek Johor Corporation. Terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur. Merupakan agen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik Johor Corporation.

#### TLP TERMINAL SDN BHD

Pelabuhan Tanjung Langsat seluas 405 hektar merupakan pintu keluar masuk dan tulang belakang kepada Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat.



## SESUATU YANG BAHARU DALAM LAPORAN TAHUN INI



Kod QR ini menghubungkan anda dengan maklumat yang boleh diakses menerusi telefon pintar anda, seperti melayari ke maklumat lanjut mengenai topik-topik tertentu. Muat turun aplikasi dalam telefon pintar anda, imbas gambar kod pada laman yang berkaitan dan ia akan dibuka dalam pelayar (Safari, Google Chrome atau lain-lain) di telefon bimbit anda menerusi "Bakodo" atau "i-nigma" untuk iPhone, "QR Code Scanner Pro" untuk BlackBerry® dan "Barcode Scanner" untuk Android.



Laporan ini boleh diakses di laman web [www.jcorp.com.my](http://www.jcorp.com.my)



#### SEKSYEN 1

### Penyata Korporat

Perutusan Pengerusi	2
Penyata Korporat	4

#### SEKSYEN 2

### Mengenai Johor Corporation

Profil & Maklumat Korporat	11
Struktur Bisnes & Korporat	12
Lembaga Pengarah & Profil	14
Jawatankuasa Pelaburan	16
Lembaga Pengarah	17
Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem	17
Bisnes Lembaga Pengarah	17
Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah	17
Lembaga Pelantikan Perunding	17
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi	18
Kumpulan (TERAJU)	

Jawatankuasa Teraju Korporat	20
Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)	22

#### SEKSYEN 3

### Ringkasan Prestasi Kewangan

Ulasan Kewangan	25
Ringkasan Prestasi Kewangan	26
(Johor Corporation) 2013-2017	
Ringkasan Prestasi Kewangan	27
(Kumpulan) 2013-2017	

#### SEKSYEN 4

### Prospek

Laporan Ekonomi	28
Bisnes Kulim	30
Bisnes Kesihatan Pakar	38
Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran	42
Divisyen Hartanah	48

Divisyen Pembangunan Industri	56
Dividen Pembangunan Bisnes	62
Divisyen Tanggungjawab Korporat	64
Divisyen Pengurusan Sumber Manusia	68
Kumpulan	

#### SEKSYEN 5


### Tadbir Urus Korporat

Penyata Tadbir Urus Korporat	71
Penyata Pengurusan Risiko dan	75
Kawalan Dalaman	
Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus dan	78
Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah	

#### SEKSYEN 6

### Penyata Kewangan

Penyata Kewangan	80
------------------	----



## Rasional Muka Depan

Bulatan yang dipaparkan pada muka depan Laporan Tahunan Johor Corporation 2017 ini menggambarkan entiti Johor Corporation yang kian berkembang dan menceburi pelbagai bisnes dalam dekad-dekad yang telah dilaluinya, bukan sahaja di pasaran Malaysia malah kian bertapak di serantau. Bulatan ini juga menunjukkan keutuhan dan kebolehan Johor Corporation berdaya saing di pasaran selepas lima dekad penubuhannya. Sebelas bulatan kecil bergaris putih pula adalah syarikat anak dan Kumpulan yang menerajui pelbagai bisnes teras serta saling bersinergi untuk menyokong Johor Corporation selaku instrumen pembangunan dan entiti bisnes mega Negeri Johor.

Tulisan warna cerah pula adalah cerminan nilai-nilai murni, integriti serta sifat prihatin Johor Corporation terhadap masyarakat yang dizahirkan melalui program tanggungjawab korporat.

## Perutusan Pengerusi

Sebagai instrumen pembangunan kerajaan negeri dan menyumbang terhadap pembangunan ekonomi terutamanya di negeri Johor, sentuhan Johor Corporation dalam pelbagai projek terbukti telah membuahkan hasil kejayaan yang kita banggakan. Ini penting kerana prinsip 'Membina dan Membela' yang menjadi teras serta asas Johor Corporation memerlukan misi kesinambungan perniagaannya supaya bertambah teguh dari dekad ke dekad.



**DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**

Menteri Besar Johor  
Merangkap Pengerusi Johor Corporation

**12 Titik Sentuhan** akan diusahakan oleh Johor Corporation melibatkan kos lebih **RM700 juta**

Ramai yang tidak tahu bahawa liku-liku perjalanan korporat Johor Corporation yang bermula 18 Mei 1968 dengan pinjaman berjumlah RM10 juta dari Kerajaan Negeri dalam bentuk ladang, kini telah berkembang menjadi entiti konglomerat merangkumi pelbagai industri yang menjanakan aset Kumpulan sebanyak lebih RM21.795 bilion. Bukan saja Johor Corporation kini mencapai saiz mega dan mengorak langkah menuju tahap multinasional, tetapi pencapaian yang memberangsangkan itu hanya dicapai dalam tempoh 5 dekad beroperasi!

Pastinya pencapaian besar ini bukan hasil kerja semalaman malah ia adalah hasil sistem pengurusan yang dipasak budaya kerja berintegriti dan berdisiplin tinggi di kalangan 61,872 anggota pekerja dan barisan pengurusannya. Syabas!

Peranan Johor Corporation dalam membangunkan ekonomi negeri bekerjasama dengan kerajaan negeri amat penting, terutamanya dalam melaksanakan agenda pertumbuhan ekonomi negeri Johor secara khususnya. Dalam tempoh saya



## Perutusan Pengerusi

menerajui pentadbiran kerajaan negeri ini sejak Mei 2013, Johor Corporation telah melaksanakan 24 Titik Sentuhan Bajet Johor 2014-2017 bertujuan membina kepentingan ramai dan rata-rata telah sempurna dilaksanakan. Sebahagian Titik Sentuhan itu juga telah diamanahkan kepada Johor Corporation untuk pelaksanaan. Contohnya, bagi tahun 2018 sahaja, 12 Titik Sentuhan akan diusahakan oleh Johor Corporation melibatkan kos lebih RM700 juta.

Antara projek-projek terbesar yang sedang diuruskan oleh Johor Corporation adalah seperti *B5 Johor Street Market* yang telah dilancarkan seawal Januari 2018 lalu, *Ibrahim International Business District* (IBD) untuk mentransformasi Bandaraya Johor Bahru menjadi bandaraya dunia serta pembinaan Arena Larkin, *Muar Furniture Park*, *Pengerang Industrial Park* serta Pembangunan semula tapak bekas Kem Tebrau juga bakal memberi impak sosio-ekonomi kepada Bangsa Johor. Projek-projek skala besar ini juga termeterai selaras visi kerajaan negeri untuk menggapai status Johor Yang Berkemajuan melalui idea besar Membangun Dekad Baharu Johor 2018-2028. Kesimpulannya, untuk 10 tahun akan datang ini, Johor Corporation akan melaksanakan beberapa projek mega melibatkan penyediaan prasarana, pembangunan zon industri, zon perniagaan bertaraf antarabangsa, penyediaan kemudahan awam serta membina kediaman selesa untuk rakyat Johor.

Johor Corporation juga mahu membantu kerajaan negeri menggapai status Johor Yang Berkemajuan melalui penyediaan Polisi Pelaburan Gelombang Baharu (*New Wave Investment Policy*), menubuhkan Divisyen Kemajuan Teknologi Maklumat (IT), melancarkan Pelan Induk IT 2022 serta menyediakan infrastruktur IT.

Pada masa sama, saya lihat Johor Corporation juga selari dengan visi negeri dalam menapak memasuki gerbang Era Industri 4.0 untuk menyertai era digital dan menceburi bisnes baharu berlandaskan penggunaan teknologi mahupun ekonomi berasaskan data. Johor Corporation kini telah bersiap sedia dari segi set minda, modal dan kepakaran sumber manusia bagi mendepani seterusnya menuai manfaat teknologi Era Industri 4.0 ini. Satu daripada inisiatif besar Johor Corporation ialah menjayakan penubuhan *Robotic City* dan *Sedenak*



*Iskandar Data Hub* (SIDH) yang dijangka meletakkan nama Johor dan Malaysia sebagai destinasi pelaburan berautomasi malah penyedia perkhidmatan awan (*cloud*) dan pangkalan data serantau. Inisiatif ini juga akan memacu perkembangan AI, automasi robot serta peruncitan dan perubatan digital, yang mestinya diceburi untuk kita perolehi manfaat '*skill-transfer*' yang sudahpun mengubah gaya hidup masyarakat sekarang, apalagi pada masa hadapan.

Kejayaan Johor Corporation selama lima dekad ini juga adalah berdasarkan kerjasama baik antara pelbagai agensi di Johor dalam satu prinsip Muafakat Johor yang membanggakan, stabil dan kuat. Sebagai Pengerusi, saya amat berbangga dengan pencapaian Johor Corporation dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dan bekerjasama dengan Johor Corporation untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan projek di dalam mahupun luar negeri Johor.

Menerusi lembaran ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Encik Izaddeen bin Daud dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd Salam, Pegawai Kewangan Negeri Johor di atas sumbangan jasa dan bakti, panduan mahupun nasihat sepanjang tempoh menjadi Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation sehingga masing-masing menamatkan perkhidmatan pada 31 Ogos 2017 dan 19 Oktober 2017.

Pada ruang yang sama, saya mengucapkan tahniah kepada mantan Ketua Pengarah MARA, Yang Berbahagia Datuk Ibrahim bin Ahmad; Yang Berbahagia Datuk Seri Dr Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Yang Berhormat Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin, Pegawai Kewangan Negeri Johor yang turut mengisi barisan Lembaga Pengarah Johor Corporation. Masing-masing dilantik menganggotai Lembaga pada 1 September 2017, 1 Oktober 2017 serta 20 Oktober 2017.

Sesungguhnya, kejayaan yang Johor Corporation kecapai ketika mana pasaran ekuiti, komoditi dan minyak diganggu-gugat pelbagai sentimen adalah hasil sumbangan dan kerja keras daripada anda semua selaku Team Johor yang diamanahkan merealisasikan gagasan Membangun Dekad Baharu Johor 2018-2028. Semoga Allah Subhanawataala mempermudah dan memberkati segala urusan kita.

**Johor Corporation**  
**28 Mac 2018**

# Penyata Korporat



**Johor Corporation terus teguh melebarkan sayap agenda pembangunan ekonomi negeri, bisnes dan tanggungjawab korporatnya. Johor Corporation bagi tempoh 2017 telah melipatgandakan ketiga-tiga agenda tersebut melalui pelaksanaan pelbagai projek berimpak tinggi.**



**JOHOR CORPORATION JUGA TELAH MENGORAK LANGKAH KE ARAH MELETAKKAN INSTITUSI INI DALAM RANTAIAN NILAI EKONOMI ABAD KE-21 MELALUI AGENDA INOVASI DAN INDUSTRI 4.0 YANG MELIBATKAN EKONOMI DIGITAL DAN ROBOTIK UNTUK KESINAMBUNGAN BISNES DEKAD-DEKAD SETERUSNYA.**

## DEKAD-DEKAD PERTUMBUHAN

Sepanjang lima dekad operasi yang disulami pelbagai cabaran dan kejayaan, Johor Corporation kini memasuki fasa baharu dengan pencapaian kewangan Kumpulan yang semakin memberangsangkan. Johor Corporation terus teguh melebarkan sayap agenda pembangunan ekonomi negeri, bisnes dan tanggungjawab korporatnya. Johor Corporation bagi tempoh 2017 telah melipatgandakan ketiga-tiga agenda tersebut melalui pelaksanaan pelbagai projek berimpak tinggi. Selaras dengan falsafah institusi iaitu 'Membina dan Membela', Johor Corporation meneruskan tradisi memacu ekonomi negeri Johor khususnya dan Malaysia amnya secara bijak, berani dan berstrategi.





## Prestasi Kewangan Kumpulan 2017

Perolehan

**RM5,579 juta**



Keuntungan Sebelum Cukai

**RM665 juta**



Keuntungan Selepas Cukai

**RM542 juta**



Secara keseluruhan, prestasi Johor Corporation dan Kumpulan pada 2017 terus meningkat serta mencapai KPI yang disasarkan. Semuanya berlandaskan kepada jati diri individu, kerja berpasukan, keampuhan Perancangan Strategik Johor Corporation 2017-2021 dan kerjasama rapat kami dengan agensi-agensi Persekutuan, negeri serta pihak-pihak berkepentingan.

Sepanjang kewujudan Johor Corporation dalam tempoh 50 tahun, institusi ekonomi ini kian matang tatkala berkecimpung di dalam pelbagai bisnes dan industri. Bermula dengan aktiviti pertanian pada awal 1970-an, Johor Corporation kini mengecapi kejayaan dalam sektor perladangan, menerajui pasaran penjagaan kesihatan pakar, bisnes makanan dan perkhidmatan restoran terbesar di Malaysia serta pembangunan industri. Johor Corporation juga telah mengorak langkah ke arah meletak-semula institusi tersebut di dalam rantaian nilai ekonomi abad ke-21 melalui agenda inovasi, Industri 4.0 yang melibatkan ekonomi digital dan robotik serta aktiviti-aktiviti ekonomi secara lestari.

### RINGKASAN PRESTASI KUMPULAN

Instrumen pembangunan Kerajaan Negeri Johor ini mencatatkan peningkatan dengan perolehan RM245 juta. Keuntungan sebelum cukai yang diperolehi ialah RM112 juta. Prestasi kewangan di peringkat Kumpulan pula mencatatkan perolehan RM5,579 juta manakala keuntungan sebelum cukai berjumlah RM665 juta dan keuntungan selepas cukai RM542 juta.

Syarikat Kumpulan turut mencatat pelbagai pencapaian dalam mengembangkan bisnes dan impak komersil, selain memainkan peranan penting memacu ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Berikut adalah ringkasan pencapaian syarikat Kumpulan dan Divisyen dalam Johor Corporation.

### BISNES KULIM

Johor Corporation menjadi pemegang saham utama Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) sejak 1976. Kulim juga menjadi nadi utama Johor Corporation dalam sektor perladangan kelapa sawit. Ia kini memiliki 47,098 hektar ladang kelapa sawit di Malaysia selain sentang, nanas dan buah-buahan seluas 212 hektar.

Dengan 8,754 anggota pekerja, Kulim sepanjang 2017 terus kukuh beroperasi dan berkembang secara dinamik meskipun berdepan ketidakpastian ekonomi serta pasaran global. Kulim turut mencatatkan perolehan RM1.54 bilion dan menyaksikan Bahagian Perladangan kekal selaku penyumbang terbesar iaitu 67% atau RM1.03 bilion, memandangkan kelapa sawit adalah komoditi yang mampu menawarkan nilai strategik jangka panjang.

Melangkah ke hadapan, Kumpulan Kulim akan terus memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti agronomi yang akan disuntik dengan komponen inovasi ke arah menjana aliran pendapatan baharu.

### BISNES KESIHATAN PAKAR

KPJ Healthcare Berhad (KPJ) merupakan sayap pelaburan Johor Corporation dalam bidang perubatan pakar. Setelah 26 tahun ditubuhkan iaitu pada 1981, KPJ adalah kini merupakan peneraju hospital pakar swasta di Malaysia dengan 25 hospital di seluruh negara. KPJ turut berkembang di peringkat serantau apabila beroperasi di Indonesia, Thailand, Bangladesh dan Australia. Operasinya didokong 13,400 anggota pekerja dan 1,022 konsultan perubatan.

Bagi 2017, KPJ merekodkan momentum prestasi yang kukuh dengan mencatatkan perolehan melebihi RM3 bilion untuk dua tahun berturut-turut. Perolehan Kumpulan KPJ mencapai RM3.18 bilion daripada RM3.02 bilion pada 2016.

Untuk mengukuhkan lagi prestasi dan langkah ke hadapan, pelbagai strategi diketengahkan oleh KPJ seperti membuka lebih banyak hospital merangkumi kebanyakan daerah di Johor khususnya dan Malaysia amnya. KPJ turut memberi penekanan kepada transformasi berasaskan inovasi khususnya menaiktaraf infrastruktur IT dan penambahbaikan sistem melibatkan pelaburan RM30 juta.

## Penyata Korporat



**SEHINGGA 2017, QSR BRANDS KEKAL UNGGUL SEBAGAI PEMILIK RANGKAIAN RESTORAN TERBESAR DI MALAYSIA DENGAN 688 RESTORAN KFC, SELAIN 83 LAGI DI SINGAPURA, BRUNEI (16) DAN KEMBOJA (12). SEMENTARA ITU, ADA 389 RESTORAN PIZZA HUT DI MALAYSIA MANAKALA 80 DI SINGAPURA.**



### **BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN**

Johor Corporation mengambilalih QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) pada 2006 dan kini menguasai 51.86% sahamnya.

Sehingga 2017, QSR Brands kekal unggul sebagai pemilik rangkaian restoran terbesar di Malaysia dengan 688 restoran KFC, selain 83 lagi di Singapura, Brunei (16) dan Kemboja (12). Sementara itu, ada 389 restoran Pizza Hut di Malaysia manakala 80 di Singapura. Jumlah keseluruhan restoran KFC dan Pizza Hut yang dimiliki QSR Brands ialah 1,268 buah.

Dari segi perolehan, KFC Malaysia pada 2017 mencatatkan pertumbuhan pendapatan 8.25% iaitu RM2.56 bilion daripada RM2.37 bilion pada 2016.

Untuk meningkatkan lagi daya saing, QSR Brands juga akan menambah jumlah restorannya di seluruh negara, dan juga di seluruh ASEAN selain melakukan tinjauan pasaran untuk kekal relevan bagi memenuhi kehendak seiring perkembangan teknologi pemasaran digital dan perkhidmatan cekap serta pantas.

### **DIVISYEN HARTANAH**

Johor Land Berhad (JLand) diperbadankan pada tahun 1972. Selaku tulang belakang Johor Corporation dalam Divisyen Hartanah, syarikat ini telah menyerahkan 35,000 unit kediaman serta komersil kepada pembeli.

Tahun kewangan 2017, JLand merekodkan perolehan RM486 juta iaitu 40% lebih tinggi berbanding RM346 juta pada 2016. Keuntungan sebelum cukai bagi tempoh sama ialah RM126 juta berbanding RM193 juta pada 2016 manakala aset bersih meningkat kepada RM1.37 bilion pada 2017 berbanding RM1.29 bilion sebelumnya.

Dalam menunaikan tanggungjawab korporat yang diamanahkan, JLand terus komited untuk menyiapkan lebih 8,000 unit rumah mampu milik sehingga tempoh 2025 dengan belanja RM1.15 bilion.

### **DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI**

Dengan objektif memberi fokus dan meningkatkan impak kepada peranan penting dalam pembangunan industri di Johor, Johor Corporation mewujudkan Divisyen Pembangunan Industri (DPI) pada 2015. Ia merangkumi tiga syarikat – TPM Technopark Sdn Bhd, TLP Terminal Sdn Bhd dan Johor Skills Development Centre Sdn Bhd (PUSPATRI).

Selaku sayap pembangunan industri Johor Corporation dan membawa industri ke semua daerah di Johor, DPI sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Johor mahupun Kerajaan Persekutuan serta agensi kerajaan berkaitan dalam membangunkan setiap zon perindustriannya. Sepanjang 2017, ketika mana senario ekonomi dunia masih tidak menentu namun DPI berjaya menarik pelaburan RM713 juta ke Johor.



## RM21,795 juta

nilai aset Kumpulan

### Sumbangan Melalui Percukaian

## RM493.76 juta

cukai Kumpulan

## RM34.14 juta

potongan cukai berjadual

## RM188.56 juta

cukai barangan dan perkhidmatan (GST)

## RM26.96 juta

laksanakan tanggungjawab korporat

Bagi memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi dalam sektor minyak dan gas serta mendokong inisiatif baharu, DPI kini giat membangunkan zon perindustrian industri robotik bertaraf antarabangsa sebagai sumbangan untuk menyemarakkan lagi ekonomi digital negara.

### DIVISIYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Selaras misi dan visi Johor Corporation - 'Membina dan Membela', Divisyen Tanggungjawab Korporat yang terdiri daripada Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp), Yayasan Johor Corporation dan Koperasi Perbadanan Johor diamanah merealisasikan inisiatif membantu golongan kurang bernasib baik selain menyumbang kepada kesinambungan bisnes Johor Corporation melalui program latihan, keusahawanan mahupun pendidikan.

Sepanjang 2017, Larkin Sentral Property Berhad melalui WANCorp terlibat dengan inisiatif Waqaf Saham Larkin Sentral. Selain itu, WANCorp

memantau 24 Klinik Waqaf An-Nur di seluruh negara, Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang serta lima klinik bergerak. Sehingga kini, rangkaian klinik itu melakukan 1,443,674 rawatan kepada pesakit termasuk 116,859 rawatan kepada pesakit bukan Islam.

Briged Waqaf™ pula terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan dan menghantar bantuan kepada anggota pekerja hospital KPJ Healthcare dan restoran KFC yang terlibat banjir di Pulau Pinang pada November 2017.

Yayasan Johor Corporation pada 2017 pula melaksanakan Projek Tuisyen, Program Pengurusan Kewangan Pro Du-It, Pendidikan Keusahawanan Kelas Rancangan Usahawan, Pendidikan Keusahawanan IPT BIZSiswa, Pendidikan Semarak Jawi™ dan Program 'Raja Zarith Sofiah Wildlife Defenders Challenge'.

### IMPAK HASIL, EKUITI DAN ASET KUKUH

Sehingga 31 Disember 2017, Johor Corporation merekodkan nilai aset Kumpulan berjumlah RM21,795 juta. Dari segi sumbangan kepada kerajaan melalui percukaian pula, Kumpulan Johor Corporation membayar RM493.76 juta. Ia melibatkan RM34.14 juta bagi potongan cukai berjadual (PCB), RM271.05 juta (ansuran CP) dan RM188.56 juta (cukai barangan dan perkhidmatan – GST). Angka itu meningkat berbanding RM414.52 juta pada 2016.

Kumpulan Johor Corporation pada 2017 turut menyumbang RM26.96 juta keuntungannya kepada komuniti dan kumpulan sasaran untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tanggungjawab korporat. Kumpulan Kulim menyumbang RM4.53 juta, Kumpulan KPJ (RM7.72 juta), QSR Brands (RM12.51 juta), JLand (RM1.30 juta), Kumpulan TPM Technopark Sdn Bhd (RM61,000) manakala Damansara Assets Sdn Bhd (RM844,000).

## Penyata Korporat

Hasil pengurusan yang cekap, tahun 2017 menyaksikan keupayaan Johor Corporation melunaskan obligasi pembayaran Sukuk Wakalah berjumlah RM505.5 juta dan RM4.1 juta bagi Yuran Jaminan Kerajaan mengikut jadual ditetapkan. Bagi tempoh Jun 2012-2017, keseluruhan bayaran sukuk dan yuran jaminan yang dilunaskan ialah RM1,030 juta.

### PERISTIWA KORPORAT

Tahun 2017 menyaksikan pelbagai peristiwa korporat, majlis rasmi dan acara berlaku. Melalui ruangan ini, Johor Corporation dengan penuh takzim Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-Tinggi Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor yang berkenan bercemar duli bagi menyempurnakan majlis-majlis anjuran Johor Corporation sepanjang 2017.

Pada 9 September 2017, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berkenan bercemar duli merasmikan perkhidmatan Klinik Bergerak Waqaf An-Nur di Jemaluang dekat Mersing bersempena program Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2017.

TuanKu Sultan Johor juga berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan Majlis Pra-Pelancaran Rumah Impian Bangsa Johor, Yayasan Sultan Ibrahim pada 22 Mac 2017 diiringi Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor.

TuanKu Permaisuri Johor turut berkenan bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Dana *Add Hope KFC* di Persada Johor pada 17 Januari 2017. Baginda turut berkenaan menyempurnakan Program *Add Hope Run – Stop Hunger 2018* pada 18 Mac 2018 di Dataran Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

Terdahulu, Johor Corporation menerusi Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) melancarkan Waqaf Saham Larkin Sentral yang disempurnakan Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor pada 18 Jun 2017.



Johor Corporation  
melunaskan pembayaran  
**Sukuk Wakalah**  
**RM505.5 juta**

Bagi tempoh 2012-2017, keseluruhan  
**bayaran sukuk dan yuran jaminan**  
**yang telah dilunaskan**  
**RM1,030 juta**



Peristiwa korporat lain antaranya ialah Majlis Pelancaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang oleh YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor pada 16 Januari 2017.

Majlis Pelancaran Galeri Jualan dan Pemasaran Menara JLand oleh YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor pada 22 Januari 2017. Beliau turut mengetuai delegasi pada majlis pemeteraian MoU Johor Corporation dengan Siasun Robot Investment Co Ltd bagi membina Bandar Robotik di Johor pada 14 Mei 2017 di Shanghai, China.

Selain itu, 14 syarikat Kumpulan Johor Corporation menyertai Ekspo Johor Berkemajuan 2017 pada 6 hingga 14 Oktober 2017 di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, Iskandar Puteri. Sempena ekspo itu, Program 'Roadmap' Pembangunan Usahawan Bumiputera Dalam Rantaian Halal Industri Ayam Pedaging Berskala Besar Negeri Johor dilancarkan Menteri Besar Johor.

### MISI KESINAMBUNGAN BISNES

Johor Corporation menerusi Jabatan Pengurusan Kesinambungan Bisnes telah meneruskan Fasa 2 pelaksanaan polisi dan projek yang terkandung dalam Rangka Kerja Strategik Inovasi dan Tanggungjawab Johor Corporation. Sebanyak sembilan projek telah dilaksanakan termasuk permodenan amalan tadbir urus Johor Corporation dan pewujudan sistem 'dashboard' untuk membolehkan pelaksanaan tadbir urus secara bersepadu.

Johor Corporation juga telah memperkenalkan Pelan Strategik 5 Tahun Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi meluaskan akses internet kepada semua eksekutif Johor Corporation, meningkatkan mobilisasi di tempat kerja melalui penggunaan komputer riba oleh segenap anggota pekerja Johor Corporation serta memperkasa kebolehpayaan, polisi, sistem pengurusan dan kawalan dalaman teknologi maklumat Johor Corporation.



Johor Corporation juga telah memperkenalkan konsep Intrapreneur 2.0, merombak fungsi jabatan-jabatan yang berteraskan bisnes, merumus proses dan polisi-polisi baharu bagi menilai cadangan-cadangan pelaburan dan bisnes serta meluaskan penggunaan *Blue Ocean Strategy* di dalam aspek bisnes dan operasi hariannya.

Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah Johor Corporation juga telah meluluskan pelan bisnes, pendanaan dan pewujudan syarikat tujuan khas (*special purpose vehicle*) bagi membangunkan lima produk/perkhidmatan berasaskan internet berimpak tinggi dan satu projek pembangunan fizikal berinovatif.

Pada Disember 2017, Johor Corporation mengelola Hari Misi Inovasi Bisnes JCorp 2017. Acara itu menggabungkan pameran dan pertandingan Hari MEKAR dan menampilkan beberapa tokoh tersohor yang telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing dalam topik terpilih berhubung inovasi dan tanggungjawab korporat. Melalui acara *Intrapreneur 2.0 Challenge*, Johor Corporation berjaya melahirkan empat Intrapreneur baharu.

### ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Satu pengiktirafan berprestij bagi Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) apabila memenangi *Excellence*

*Category* bagi Sektor Perladangan pada majlis *Global Responsible Business Leadership Award 2017* yang berasaskan Matlamat Pembangunan Kemapanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kulim turut memenangi tiga kategori anugerah pada majlis *9th Annual Global CSR Summit and Awards 2017*. Kulim Pineapple Farm pula meraih Anugerah Pengekspor Nanas Segar Jaya pada Ulang Tahun ke-60 Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia manakala Danamin (M) Sdn Bhd dianugerahkan Sijil Penghargaan sebagai Kontraktor Bertambah Baik pada Forum Kontraktor Petronas 2017.

KPJ Healthcare Berhad turut diiktiraf melalui anugerah *MSWG-ASEAN Corporate Governance Recognition 2017*.

Damansara Assets Sdn Bhd pula memperolehi pengiktirafan SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk menaiktaraf pensijilan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 manakala KOMTAR JBCC memenangi Anugerah Pusat Beli-Belah Terbaik sempena Anugerah Pelancongan Malaysia Ke-20.

Seterusnya, KFC Malaysia menerima lima anugerah pada 2017 pada sesi *Yum! Asia Franchise Business Unit (AFBU) Brand Conference* di Bangkok, Thailand. Sementara itu, Al-Aqar Healthcare REIT dan Al-Salam REIT memenangi '*The Asia Pacific Best of The Breeds REITs Awards*'.

## Penyata Korporat



**JOHOR CORPORATION  
PASTINYA MERAKAMKAN  
SETINGGI-TINGGI  
PENGHARGAAN DAN  
UCAPAN TERIMA KASIH  
KEPADA SELURUH BARISAN  
AHLI LEMBAGA PENGARAH  
ATAS SEMUA SUMBANGAN  
TIDAK TERNILAI MELALUI  
SOKONGAN, PANDUAN,  
KEBIJAKSANAAN SERTA  
KEPAKARAN YANG MEREKA  
CURAHKAN.**

### SEKALUNG BUDI

Bagi pihak Johor Corporation, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Persekutuan, pemegang kepentingan, semua badan berkaitan, pihak bank dan penasihat kewangan.

Penghargaan dan ucapan sama juga kami kalungkan kepada pelanggan, rakan strategik serta pemegang kepentingan terbesar termasuk semua pemegang saham senaraian awam dan institusi yang membuat pelaburan dalam Kumpulan yang telah menyatakan atau memberi komitmen terhadap semua perancangan korporat mahupun transaksi bisnes sepanjang 2017.

Johor Corporation pastinya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh barisan Ahli Lembaga Pengarah atas semua sumbangan tidak ternilai melalui sokongan, panduan, kebijaksanaan serta kepakaran yang mereka curahkan.

Semua sumbangan itu berjaya memposisikan Johor Corporation di persada kejayaan dan di atas landasan kukuh bagi meneruskan operasi bisnes serta melunaskan obligasi sebagai instrumen pembangunan negeri dan melaksanakan tanggungjawab korporatnya.

### PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan juga dizahirkan kepada lebih 61,872 anggota pekerja dan barisan pengurusan yang saling berganding bahu, kerjasama berkumpulan, menzahirkan kesetiaan mahupun memiliki daya juang tinggi untuk mempertahankan Johor Corporation supaya kekal berada di persada kecemerlangan. Mereka adalah komoditi dan kekuatan sebenar Johor Corporation untuk terus kekal serta mengukuh di pasaran.

**Johor Corporation  
28 Mac 2018**

# Profil & Maklumat Korporat

## Profil & Maklumat Korporat

### Pejabat Berdaftar

#### JOHOR CORPORATION

Level 11, Menara KOMTAR,  
Johor Bahru City Centre,  
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Telefon : +607-219 2692

Faks : +607-223 3175

ISO Faks : +607-224 2692

Emel : pdnjohor@jcorp.com.my

### Pejabat

#### JOHOR CORPORATION

#### CAWANGAN KUALA LUMPUR

Level 11, Menara JCorp  
No 249 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon : +603-27872692

Faks : +603-27872700

### Juruaudit

#### PricewaterhouseCoopers

Level 16, Menara Ansar  
Jalan Trus, Peti Surat 296  
80730 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

### Bank Utama

#### MAYBANK

Lot M1-22, 106-108 City Square  
Jalan Wong Ah Fook  
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4, Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).

Sebagai sebuah konglomerat negeri, Johor Corporation melalui syarikat-syarikat dalam Kumpulannya menceburi bisnes utama merangkumi bisnes:

- KULIM – Kulim (Malaysia) Berhad.
- Kesihatan Pakar (Prisihatin) – KPJ Healthcare Berhad.
- Makanan & Perkhidmatan Restoran – QSR Brands (M) Holdings Bhd.
- Bisnes Intrapreneur.
- Pembangunan Hartanah – Johor Land Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, TPM Technopark Sdn Bhd & TLP Terminal Sdn Bhd, Al-'Aqar Healthcare REIT & Al-Salām REIT.
- Hospitaliti.

Johor Corporation menjadi peneraju pasaran tempatan dalam beberapa bisnes utama dan telah mengembangkan operasi ke seberang laut.

Bisnes KULIM memiliki operasi dan kepentingan bisnes di:

- Malaysia : 50,994 hektar.
  - Indonesia : 14,511 hektar.\*
- \* kawasan di bawah Hak Guna Usaha.

Bisnes Kesihatan Pakar yang diterajui melalui KPJ Healthcare Berhad di dalam negara, telah dikembangkan sehingga ke:

- Jakarta, Indonesia.
- Brisbane, Australia.
- Bangkok, Thailand.
- Dhaka, Bangladesh.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran pula melebar dari Malaysia ke:

- Singapura.
- Brunei.
- Kemboja.

Empat syarikat tersenarai di Bursa Malaysia:

- KPJ Healthcare Berhad.
- E.A. Technique (M) Berhad.
- Al-'Aqar Healthcare REIT.
- Al-Salām REIT.

### Jumlah Syarikat

# 322



### Bilangan Syarikat Aktif Dalam Kumpulan

# 224




### Jumlah Anggota Pekerja

# 61,872



(Nota: Sehingga 31 Disember 2017)


# Struktur Bisnes & Korporat



- ▶ Perladangan
- ▶ Kesihatan Pakar
- ▶ Makanan & Perkhidmatan Restoran
- ▶ Hartanah
- ▶ Intrapreneur
- ▶ Perkapalan
- ▶ Pelabuhan/Logistik
- ▶ RMMJ



Struktur Bisnes & Korporat



\* Maklumat adalah sehingga 31 Disember 2017

- ▶ Industri
- ▶ Pembangunan Intrapreneur
- ▶ Pegangan Pelaburan
- ▶ WANCorp/OBA
- Pegangan Terus Ekuiti
- Pengurusan
- Amanah Pelaburan Harta Tanah

## Lembaga Pengarah & Profil



### **YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**

Menteri Besar Johor  
Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 Mei 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.

### **YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA**

Ketua Setiausaha Negara  
Timbalan Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009 mewakili Kerajaan Persekutuan. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.



### **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2009 dan sebagai Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.



### **YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**

Setiausaha Kerajaan Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2004 dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Ekonomi & Pengurusan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1990. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Johor.



### **YB DATO' ISHAK BIN SAHARI**

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1986. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.



### **YB TUAN HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN**

Pegawai Kewangan Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 20 Oktober 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

## Lembaga Pengarah &amp; Profil

**YBHG DATUK SITI ZAUYAH BINTI MD DESA**

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)  
Kementerian Kewangan

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 11 Mac 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, United Kingdom, Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan.

**YBHG DATO' AZMAN BIN MAHMUD**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Mac 2016. Dato' Azman adalah merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Putra Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia). Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

**YBHG DATUK SERI DR ISMAIL BIN HAJI BAKAR**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Oktober 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran Ekonomi dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari University of Hull, United Kingdom serta Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**YBHG DATUK DR HAFSAH BINTI HASHIM**

Ketua Pegawai Eksekutif  
SME Corporation Malaysia

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Disember 2013. Mulai 1 Disember 2015 beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Pentadbiran dari Aston University, United Kingdom. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia.

**YB DATUK HAJI MD JAIS BIN HAJI SARDAY**

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan &  
Kerajaan Tempatan Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pengerusi, Jawatankuasa Perumahan & Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

**YBHG DATUK IBRAHIM BIN AHMAD**

Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes  
Lembaga Pengarah Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

**ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**

Setiausaha Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 1 Mac 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau mula berkhidmat di Johor Corporation mulai 16 Oktober 1995. Kini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Pengurus Besar, Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation.

## Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah



**PENGERUSI**

**1. YBHG DATUK DR HAFSAH BINTI HASHIM**

Ketua Pegawai Eksekutif  
SME Corporation Malaysia

**AHLI-AHLI**

**2. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

**3. YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**

Setiausaha Kerajaan Johor



**4. YBHG DATO' AZMAN BIN MAHMUD**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

**5. YBHG DATO' JAMELAH BINTI JAMALUDDIN**

Ahli Bebas

**SETIAUSAHA**

**6. ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**

Setiausaha Johor Corporation/Timbangan Pengurus Besar  
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

## Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah



### PENGERUSI

#### **1. YBHG DATUK IBRAHIM BIN AHMAD**

Ahli Lembaga Pengarah  
Johor Corporation

### AHLI-AHLI

#### **2. YBHG TAN SRI ABU KASSIM BIN MOHAMED**

Pakar Perunding Integriti  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

#### **3. YB TUAN HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN**

Pegawai Kewangan Negeri Johor

#### **4. PUAN HAJAH ZAINAH BINTI MUSTAFA**

Ahli Bebas

### SETIAUSAHA

#### **5. TUAN HAJI ONN BIN ISMAIL**

Naib Presiden  
Divisyen Tadbir Urus &  
Ekosistem Bisnes

## Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding



### PENGERUSI

#### **1. YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**

Setiausaha Kerajaan Johor

### AHLI-AHLI

#### **2. YB TUAN HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN**

Pegawai Kewangan Negeri Johor

#### **3. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

#### **4. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif  
Divisyen Pembangunan Industri/  
Pengarah Urusan  
TPM Technopark Sdn Bhd

### SETIAUSAHA

#### **5. TUAN HAJI ABD. RAHIM BIN MUSTAFFA**

Timbalan Pengurus Besar  
Unit Tanah  
Divisyen Pembangunan Industri

## Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)



### PENGERUSI

#### 1. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

### AHLI-AHLI

#### 2. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif  
Divisyen Pembangunan Industri/  
Pengarah Urusan  
TPM Technopark Sdn Bhd

#### 3. TUAN HAJI LUKMAN BIN HAJI ABU BAKAR

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif  
Divisyen Hartanah/  
Pengarah Urusan  
Johor Land Berhad

#### 4. YBHG DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR

Presiden & Pengarah Urusan  
KPJ Healthcare Berhad



#### 5. TUAN HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI

Naib Presiden Kanan  
Divisyen Tanggungjawab Korporat/  
Ketua Eksekutif  
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

#### 6. YBHG DATUK MOHAMED AZAHARI BIN MOHAMED KAMIL

Pengarah Urusan  
QSR Brands (M) Holdings Bhd

#### 7. TUAN HAJI ZULKIFLY BIN ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif  
Kulim (Malaysia) Berhad

#### 8. TUAN HAJI ONN BIN ISMAIL

Naib Presiden  
Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes

#### 9. TUAN HAJI MOHD SAHIR BIN RAHMAT

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan Bisnes

## Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)



**10. ENCIK MOHAMAD  
SALLEH BIN  
MOHAMAD YUSOF**  
Naib Presiden  
Divisyen Kewangan  
Kumpulan

**11. YM UNGKU HARUN  
AL 'RASHID BIN AHMAD**  
Naib Presiden  
Divisyen Pengurusan Sumber  
Manusia Kumpulan

**12. ENCIK WAN AZMAN  
BIN ISMAIL**  
Pengarah Eksekutif  
Damansara REIT Managers Sdn Bhd

**13. PUAN ROZANA  
BINTI RUSLI**  
Naib Presiden  
Divisyen Kemajuan ICT

**14. PUAN WAN SU  
BINTI ALI**  
Pengurus Besar  
Jabatan Undang-Undang &  
Kesetiausahaan Syarikat  
Kumpulan



## SETIAUSAHA BERSAMA

**15. ENCIK MUHAMMAD IKMALUDDIN BIN ISMAIL**  
Pengurus Besar  
Jabatan Bisnes Intrapreneur & Kerjasama Strategik

**16. ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**  
Setiausaha Johor Corporation/  
Timbalan Pengurus Besar  
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

## Jawatankuasa Teraju Korporat



PENGERUSI

**1. YB DATO' KAMARUZZAMAN  
BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif

TIMBALAN PENGERUSI

**2. TUAN HAJI ZULKIFLI  
BIN IBRAHIM**

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif  
Divisyen Pembangunan Industri/  
Pengarah Urusan  
TPM Technopark Sdn Bhd

AHLI-AHLI

**3. TUAN HAJI LUKMAN  
BIN HAJI ABU BAKAR**

Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif  
Divisyen Hartanah/  
Pengarah Urusan  
Johor Land Berhad

**4. TUAN HAJI JAMALUDIN  
BIN MD ALI**

Naib Presiden Kanan  
Divisyen Tanggungjawab Korporat/  
Ketua Eksekutif  
Waqaf An-Nur Corporation Berhad



**5. TUAN HAJI MOHD SAHIR  
BIN RAHMAT**

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan Bisnes

**6. TUAN HAJI IBRAHIM BIN  
ABDUL SAMAD**

Naib Presiden  
Teknikal & Pra Pembangunan  
Divisyen Pembangunan Industri/  
Pengarah Eksekutif  
TPM Technopark Sdn Bhd

**7. ENCIK MOHAMAD SALLEH  
BIN MOHAMAD YUSOF**

Naib Presiden  
Divisyen Kewangan Kumpulan

**8. TUAN HAJI BUKHARI  
BIN ABDUL RAHMAN**

Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang



## Jawatankuasa Teraju Korporat



**9. YM UNGKU HARUN  
AL 'RASHID BIN AHMAD**  
Naib Presiden  
Divisyen Pengurusan Sumber  
Manusia Kumpulan

**10. PUAN ROZANA BINTI RUSLI**  
Naib Presiden  
Divisyen Kemajuan ICT

**11. PUAN WAN SU BINTI ALI**  
Pengurus Besar  
Jabatan Undang-Undang &  
Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan

**12. PUAN RABIATUL ADAWIAH  
BINTI ADNAN**  
Pengurus Besar  
Jabatan Pengurusan & Khidmat Hartanah



**13. ENCIK IDHAM JIHADI  
BIN ABU BAKAR**  
Pengurus Besar  
Divisyen Khidmat Korporat  
Kulim (Malaysia) Berhad

**14. PUAN HAJAH AZIAH  
BINTI AHMAD**  
Pengurus Besar  
Jabatan Pemantauan &  
Nasihat Kewangan Kumpulan

**15. ENCIK MD FAIZAL  
BIN ABDULLAH**  
Pengurus Besar  
Jabatan Strategi Korporat Kumpulan



## SETIAUSAHA BERSAMA

**16. CIK HAJAH NOOR LINDA  
BINTI IBRAHIM**  
Pengurus  
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

**17. PUAN NURALIZA BINTI  
ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Pengurus  
Jabatan Kesetiausahaan  
Syarikat Kumpulan

## Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)



### PENGERUSI

#### **1. TUAN HAJI MOHD SAHIR BIN RAHMAT**

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan Bisnes

### TIMBALAN PENERUSI I

#### **2. ENCIK MOHAMAD SALLEH BIN MOHAMAD YUSOF**

Naib Presiden  
Divisyen Kewangan Kumpulan

### TIMBALAN PENERUSI II

#### **3. PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN**

Pengurus Besar  
Jabatan Pengurusan & Khidmat Hartanah



### AHLI-AHLI

#### **4. ENCIK MD ZIN BIN MD YASIN**

Pengurus Besar Kanan  
Damansara Assets Sdn Bhd

#### **5. TUAN HAJI MOHD HIZAM BIN ABDUL RAUF**

Pengurus Besar  
Johor Land Berhad

#### **6. PUAN HAJAH NORISHAH BINTI MOHD SETH**

Pengurus Besar  
Jabatan Pembangunan Sumber  
Manusia

#### **7. ENCIK MUHAMMAD FARID BIN ABDULLAH**

Pengurus Besar  
Divisyen Kemajuan ICT

#### **8. CIK NARIMAH BINTI ABDULLAH**

Pengurus Besar (Operasi)  
TPM Technopark Sdn Bhd

## Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

**9. TUAN HAJI JAMALLUDIN BIN KALAM**

Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan

**10. ENCIK MOHD FADZIL BIN MOHD NOOR**

Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Pentadbiran

**11. ENCIK SHAFE'I BIN SULAIMAN**

Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Pengurusan dan Pemantauan  
Bisnes

**12. PUAN NINA SAPURA BINTI RAHMAT**

Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Strategi Korporat Kumpulan

**13. ENCIK MOHD KAMAL BIN AHMAD**

Pengurus Kanan  
Penjenamaan Kumpulan dan  
Jabatan Komunikasi Strategik

**14. TUAN HAJI MD ARIS BIN AMIN**

Pengurus Kanan  
Divisyen Tanggungjawab Korporat

**15. PUAN JULIAH BINTI YON**

Pengurus Kanan  
Jabatan Pembangunan  
Sumber Manusia - Nilai & Budaya

**16. PUAN ANISAH BINTI RAMDAN**

Pengurus Kanan  
Unit Pematuhan Kumpulan  
Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes

## Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)



**17. ENCIK MOHAMAD RIZA  
BIN ABDUL HALIM**

Pengurus  
Jabatan Pengurusan & Khidmat Hartanah

**18. PUAN SUHAINI BINTI TAIB**

Pengurus  
Jabatan Pengurusan  
Sumber Manusia – Operasi

**19. PUAN ZARINA BINTI ISMAIL**

Pengurus  
Jabatan Kewangan & Strategi  
Kewangan Kumpulan

**20. PUAN NURUL AIDEA BINTI SENIN**

Pengurus  
Jabatan Undang-Undang Kumpulan



**21. ENCIK ROHAIME BIN ROSPILUJI**

Timbalan Pengurus  
Jabatan Percukaian & Insuran Kumpulan

**22. PUAN YUS ZIANA BINTI SELAMAT**

Timbalan Pengurus  
Jabatan Pemantauan &  
Nasihat Kewangan Kumpulan



**SETIAUSAHA BERSAMA**

**23. ENCIK MOHD FADZLI  
BIN ABU BAKAR**

Timbalan Pengurus  
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

**24. CIK NUR IZZATI BINTI AZMAN**

Eksekutif  
Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan



# Ulasan Kewangan

Amaun Dalam RM Juta

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Hasil	5,579	5,355	245	288
Keuntungan kasar	1,793	1,722	226	232
EBITDA*	1,482	1,069	212	265
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	665	541	112	112
Cukai pendapatan	(123)	(126)	1	8
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai	542	415	113	120
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	(83)	-	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai	459	415	113	120

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA DISEMBER 2017

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Aset bukan semasa	16,941	15,890	5,868	5,692
Aset semasa	4,854	5,190	1,257	1,552
<b>Jumlah aset</b>	<b>21,795</b>	<b>21,080</b>	<b>7,125</b>	<b>7,244</b>
Liabiliti bukan semasa	8,649	9,072	4,072	3,952
Liabiliti semasa	4,520	4,221	1,066	1,323
Jumlah liabiliti	13,169	13,293	5,138	5,275
Jumlah ekuiti	8,626	7,787	1,987	1,969
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>	<b>21,795</b>	<b>21,080</b>	<b>7,125</b>	<b>7,244</b>


\* EBITDA - Pendapatan sebelum faedah, cukai, susutnilai dan pelunasan.

Penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan di atas diperolehi daripada penyata kewangan beraudit Johor Corporation.


# Ringkasan Prestasi Kewangan

(Johor Corporation) 2013-2017


**PEROLEHAN RM (JUTA)**




**JUMLAH ASET RM (JUTA)**




**KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI RM (JUTA)**




**JUMLAH LIABILITI RM (JUTA)**



**KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI RM (JUTA)**




**JUMLAH EKUITI RM (JUTA)**




# Ringkasan Prestasi Kewangan

(Kumpulan) 2013-2017


**PEROLEHAN RM (JUTA)**




**JUMLAH ASET RM (JUTA)**




**KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI RM (JUTA)**




**JUMLAH LIABILITI RM (JUTA)**



**KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI RM (JUTA)**



**JUMLAH EKUITI RM (JUTA)**



# Laporan Ekonomi



**Tahun 2017 lebih baik bagi ekonomi Malaysia berdasarkan pengukuran meluas aktiviti ekonomi. Setelah akur dengan pertumbuhan sederhana sebanyak 4.2% pada 2016, kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) tempatan tumbuh dengan pantas pada kadar 5.9% untuk 2017.**

Pertumbuhan lebih kukuh pada tahun lepas disokong terutamanya oleh keteguhan perbelanjaan sektor swasta dan kemantapan permintaan luaran berpunca daripada kekuatan eksport yang berterusan.

Petunjuk selanjutnya mengenai keadaan ekonomi tempatan yang agak baik pada 2017 dipamerkan oleh pasaran kewangan yang memberangsangkan. Penanda aras Malaysia, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMVKLCI) misalnya, kembali menyerlah dengan mencatatkan peningkatan tahunan menghampiri 10% pada 2017 setelah penurunan 3% pada 2016. Kemasukan sejumlah RM10.3 bilion bersih dana asing di sepanjang 2017 turut mendorong prestasi FBMVKLCI yang lebih tinggi.

Ringgit Malaysia juga berada dalam landasan pemulihan setelah beberapa tahun yang tidak menentu. Sejajar aliran masuk dana asing yang positif, matawang tempatan mencatatkan kenaikan tahunan hampir 10% pada 2017 juga sebahagiannya berpunca daripada pengukuhan harga minyak mentah Brent yang mengalami peningkatan ketara melebihi 20% dalam tempoh sama.

Peningkatan Ringgit sepatutnya memberi manfaat syarikat-syarikat yang amat bergantung kepada sumber luaran termasuk Johor Corporation.

Di peringkat global, ekonomi dunia dan pasaran kewangan antarabangsa mempamerkan prestasi yang agak baik sungguhpun adanya pergolakan ekoran ketegangan politik di antara Korea Utara dan

Amerika Syarikat (AS) serta kerumitan rundingan Brexit. Pertumbuhan global melepasi paras 3% pada 2017 seperti diunjurkan oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia. Peningkatan permintaan global juga dibuktikan melalui peningkatan harga komoditi dipelopori oleh minyak mentah.

Walau apapun, sememangnya terdapat percanggahan beberapa petunjuk daripada keseluruhan prestasi positif ekonomi tempatan lebih-lebih lagi yang melibatkan pengguna. Berdasarkan tinjauan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), ukuran sentimen pengguna masih berada di bawah paras had keyakinan 100 mata dalam suku tahunan terakhir 2017. Melalui tinjauan, kedua-dua aspek penggunaan dan aktiviti bisnes masih belum mencatatkan perkembangan yang besar. Prospek pekerjaan yang dilihat masih tidak menentu disokong oleh kadar pengangguran yang beransur tinggi mungkin menjadi salah satu faktor penyebab.

Satu lagi petunjuk bahawa pengguna terus mengamalkan perbelanjaan berhemah adalah jualan runcit yang agak suram. Berdasarkan data yang dikumpulkan oleh Retail Group Malaysia (RGM), jualan runcit negara sebagai petunjuk penggunaan dalam tiga suku pertama 2017 hanya mencatat peningkatan kecil sebanyak 1.9% berbanding 2016. Kemerosotan kuasa membeli pengguna yang sebahagiannya disebabkan oleh kegoyahan situasi pekerjaan tidak memberi gambaran yang baik kepada industri peruncitan di mana Kumpulan ini mempunyai pendedahan yang agak ketara.

Penambahbaikan dalam pasaran komoditi seperti yang diterajui minyak mentah, tidak melimpah kepada minyak sawit negara. Harga minyak sawit mentah (CPO) Malaysia kekal lembap dan berlegar di bawah paras RM2,500 satu tan menuju ke penghujung 2017 dan memasuki 2018. Penurunan harga CPO mempengaruhi bisnes perladangan Kumpulan. Oleh itu, sememangnya terdapat halangan yang mempengaruhi aktiviti bisnes Kumpulan sepanjang 2017 di sebalik keseluruhan gambaran positif mengenai ekonomi.

## PROSPEK EKONOMI 2018

Tahun 2018 merupakan satu lagi tempoh yang menarik kepada ekonomi tempatan. Ini berdasarkan bahawa Malaysia berhadapan dengan pilihan raya umum dan kerajaan yang dipilih akan memberi haluan kepada corak pembangunan ekonomi selanjutnya. Kestabilan politik selepas pilihan raya amat penting supaya memberikan keseimbangan yang amat diperlukan oleh ekonomi tempatan, termasuk bisnes dalam Kumpulan Johor Corporation.

Pertumbuhan dalam ekonomi tempatan dijangka meneruskan momentumnya menuju ke tahun baharu. Kedua-dua faktor dalaman dan luaran dijangka kekal menjadi dorongan utama kepada pertumbuhan. Pengguna tempatan, setelah membuat penyesuaian kepada tekanan inflasi dijangka akan lebih selesa dalam aspek penggunaan, berbanding tahun 2017, tekanan inflasi sepanjang 2018 tidak akan menjadi ketara seperti sebelumnya, juga disokong oleh pergerakan Ringgit yang lebih





terurus, boleh menjurus kepada penambahbaikan dalam kepenggunaan. Sedikit sebanyak ini akan memberi dorongan kepada sentimen bisnes Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

Apapun, kos sara hidup yang sememangnya tinggi akan terus menggugat golongan tertentu di kalangan rakyat terutama kumpulan berpendapatan kecil hingga sederhana yang lebih terjejas kepada sebarang bentuk cabaran ekonomi. Oleh itu, Kumpulan ini juga harus bijak mengatur pemasaran mereka untuk memastikan segmen ini tidak diabaikan.

Pengukenan eksport yang berterusan, walaupun menyederhana juga akan memberi impak kepada ekonomi tempatan, terutamanya oleh negara China - rakan perdagangan Malaysia yang utama. Ekonomi China mungkin mengalami pertumbuhan sederhana di sekitar paras 6.5% pada 2018 berbanding 6.9% seterusnya akan menjurus kepada pengukenan keseluruhan eksport negara yang lebih perlahan bagi tahun 2018. Dalam tempoh jangkamasa yang lebih panjang, agenda ekonomi China untuk mengurangkan kebergantungan kepada sektor pembuatan dan lebih kepada sektor perkhidmatan sebagai penyumbang utama ekonomi mungkin menjelaskan eksport negara.

Dari segi penawaran ekonomi tempatan, pertumbuhan yang memberangsangkan dalam sektor pembuatan mungkin berterusan dalam tahun ini. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) global sebagai petunjuk prestasi sektor pembuatan global kekal kukuh pada paras 54.4 pada Januari 2018 di mana bacaan melebihi 50 menandakan pengembangan. Oleh itu, peningkatan aktiviti pembuatan global yang berterusan memberi faedah kepada industri berorientasikan eksport tempatan terutama industri elektronik dan elektrik (E&E) yang masih lagi dominan. Ini bermakna, Kumpulan ini boleh memanfaatkan bagi pengembangan bisnes berdasarkan sentimen positif dan menggalakkan dalam sektor ini. Kumpulan ini juga perlu mencari peluang daripada kemantapan aktiviti pelaburan di seluruh dunia dan juga menarik pelaburan asing secara lebih agresif.

Selain China, trajektori pertumbuhan global 2018 ini juga dijangka diterajui oleh kekuatan berterusan ekonomi terbesar dunia iaitu AS. Pertumbuhan lebih tinggi masih diunjurkan terhadap ekonomi AS ekoran pelaksanaan pelbagai rangsangan fiskal. Ini termasuk pengurangan cukai secara besar-besaran yang akan menggalakkan lebih perbelanjaan oleh pengguna dan bisnes untuk mencapai pertumbuhan memberangsangkan.

Bagaimanapun, trajektori positif tersebut mungkin sepenuhnya melimpah kepada ekonomi lain berikutan agenda perlindungan yang dibangkitkan oleh Presiden Donald Trump.

Di peringkat tempatan, prospek pelaksanaan polisi kewangan lebih ketat perlu diambil kira. Ini memandangkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan masih mendorong kadar inflasi yang lebih tinggi. Manakala kadar faedah yang lebih tinggi biasanya mengurangkan penggunaan dan jika tidak dikawal, ini akan memberi kesan tidak baik kepada keseluruhan aktiviti bisnes. Syarikat yang mempunyai bebanan hutang yang ketara juga akan lebih terkesan kerana kadar faedah lebih tinggi yang meningkatkan kos pinjaman. Dalam hal ini, adalah penting bagi mana-mana organisasi seperti Johor Corporation dan syarikat Kumpulan untuk mengekalkan paras hutang yang terurus.

# Bisnes Kulim



Dalam situasi 2017 yang semakin mencabar, tidak menentu dan pesat berubah, Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) mampu berdaya tahan melalui strategi mantap dan bisnes yang kukuh. Persekitaran yang dinamik dan berkembang ini juga disebabkan oleh ketidaktentuan tukaran mata wang, turun naik harga komoditi serta perubahan landskap undang-undang.



Perolehan

**RM1.54 bilion**

Keuntungan Sebelum Cukai

**RM43.44 juta**

Kulim selaku sayap perladangan Johor Corporation, masih menghadapi cabaran hebat pada tahun ini dan telah mencatatkan kombinasi keputusan bercampur-campur yang mendapat manfaat daripada keadaan cuaca dan harga komoditi yang lebih baik pada 2017. Walaubagaimanapun, 2017 adalah tahun yang mencabar bagi Bahagian Minyak dan Gas (O&G) dan ini telah menyebabkan sumbangan yang lebih rendah kepada perolehan Kulim. Sumbangan Bahagian Intrapreneur Ventures (IV) pula adalah tidak ketara.

Perolehan Kulim sedikit merosot kepada RM1.54 bilion pada 2017 berbanding RM1.61 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Bahagian Perladangan kekal sebagai penyumbang utama kepada perolehan syarikat iaitu 67% atau RM1.03 bilion. Keuntungan sebelum cukai merosot daripada RM59.92 juta kepada RM43.44 juta. Penurunan keuntungan sebelum cukai sebanyak 27.49% adalah disebabkan oleh prestasi yang rendah dan kerugian syarikat subsidiari.

Di sebalik keputusan yang memberangsangkan daripada Bahagian Perladangan, prestasi Bahagian Sokongan O&G pula telah mencatatkan kemerosotan. Perolehannya merosot kepada RM419.71 juta pada 2017 berbanding RM626.17 juta pada 2016. Bahagian O&G mencatatkan kerugian sebelum cukai RM130.28 juta berbanding keuntungan sebelum cukai RM21.03 juta tahun sebelumnya. Sementara itu, Bahagian IV menjana perolehan sebanyak RM56.23 juta iaitu penurunan 2.39% daripada RM57.61 juta yang dilaporkan pada 2016. Keuntungan sebelum cukai juga merosot daripada RM0.705 juta yang dicapai pada 2016 kepada kerugian sebelum cukai RM1.86 juta pada 2017.

Namun begitu, Kulim masih dapat melaksanakan pembayaran dividen sebanyak RM50 juta kepada pemegang sahamnya.

## PERKEMBANGAN KORPORAT

### Pemberhentian Operasi

Pelbagai langkah korporat telah dilaksanakan pada 2017 bagi mengukuhkan Bisnes IV. Pada 1 September 2017, tiga syarikat IV iaitu SIM Manufacturing Sdn Bhd, Jejak Juara Sdn Bhd dan Kulim Civilworks Sdn Bhd menamatkan operasi sekaligus tidak lagi aktif. Dalam perkembangan lain, Sindora Timber Sdn Bhd (STSB) telah menghentikan semua aktiviti kecuali pengurusan ladang sawit di Ladang Sungai Simpang Kiri.

### Pelupusan Ekuiti Classruum

Pada 22 November 2017, Kulim menyempurnakan pelupusan keseluruhan 76% pegangan ekuitinya dalam Classruum Technologies Sdn Bhd (CRTSB) kepada Johor Corporation. Sebagai pemaju kepada platform *Classruum.com* iaitu kelas maya yang menawarkan kemudahan pembelajaran atas talian dengan aplikasi media sosial - CRTSB lebih sesuai diselaraskan di bawah Johor Corporation seiring dengan program pendidikan anjuran Johor Corporation dan Kerajaan Negeri Johor iaitu *E-Learning Johor* yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor pada 27 April 2017.



### Pelupusan Menara Ansar

Pada 28 Disember 2017, Kulim menyempurnakan pelupusan bangunan pejabat 21 tingkat Menara Ansar di Johor Bahru kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad, sebuah syarikat yang ditubuhkan bagi menguruskan aset dan saham Kumpulan Johor Corporation yang diwaqafkan.

Kulim memutuskan untuk melupuskan pelaburannya di Menara Ansar bagi membolehkan Kulim merealisasikan nilai aset bukan teras serta merasionalisasi pelaburan dalam bahagian/sector hartanahnya. Aliran tunai yang terhasil RM155.78 juta (termasuk 6% cukai barang dan perkhidmatan) daripada penjualan tersebut digunakan untuk membayar balik pinjaman dan menurunkan kadar geraan Kulim.

Melangkah ke hadapan, setelah sempurna pelaksanaan Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Terpilih (*Selective Capital Reduction and Repayment* atau SCR) pada 4 Ogos 2016, Kulim telah mengambil langkah memperkukuhkan dan menyusun semula bisnes sedia ada.

Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

**RM50 juta**



## Bisnes Kulim



### Rasionalisasi Perladangan di Kalimantan Tengah

Kulim menyempurnakan pelupusan 40,645 hektar tanah perladangan di Barito Utara (BarUt) di Kalimantan Tengah pada 28 Disember 2017. Usaha untuk mendapatkan status tanah kepada Hak Guna Usaha (HGU) di BarUt telah terhenti sejak 2014. Hanya 307 hektar ditanam dan tiada perkembangan baharu berlaku pada 2017 akibat rintangan perundangan dan warga tempatan serta ketidakpastian mengenai status dan pemilikan tanah.

Sebagai Kumpulan yang menerima pensijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO), Kulim memandang serius perkara ini bagi menyeimbangkan antara bisnes dan prinsip kemapanan. Ia juga akan memberi kesan jangka panjang kepada program penanaman dan pulangan pelaburan Kulim. Justeru, rasionalisasi ini dilaksanakan sebagai sebahagian strategi untuk memperolehi nilai pelaburan Kulim di BarUt. Melalui pengunduran di BarUt, Kulim akan memberi tumpuan kepada pembangunan dan pemulihan ladang di Sumatera Selatan (SumSel) yang kini sedang giat dilaksanakan.

### ANUGERAH & PENGHARGAAN

Satu perkara yang amat menggembirakan ialah Kulim menjadi pemenang *Excellence Category* bagi Sektor Perladangan pada majlis *Global Responsible Business Leadership Award 2017*. Anugerah itu berasaskan Matlamat Pembangunan Kemapanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan antara pengiktirafan paling berprestij bagi syarikat dari seluruh dunia yang menunjukkan kepimpinan dalam tanggungjawab sosial korporat dan kemapanan korporat.

Kulim turut memenangi tiga kategori anugerah pada majlis *9<sup>th</sup> Annual Global CSR Summit and Awards 2017*. Kulim sentiasa mengakui peranan penting wanita dalam tenaga kerjanya dan berusaha keras memperkasa wanita melalui pelbagai inisiatif menerusi *Women OnWards* (WOW) yang ditubuhkan pada Julai 2008. Selain melaksanakan program bagi anggota pekerja wanita, WOW menggalakkan kesaksamaan jantina

serta memperkasa pengetahuan dan kemahiran mereka. Sebagai pengiktirafan sokongan terhadap WOW, Kulim memenangi Emas bagi Anugerah Memperkasa Wanita.

Kulim juga menerima anugerah Gangsa dalam dua kategori lain iaitu Anugerah Amalan Tempat Kerja Terbaik dan Anugerah Kepimpinan Tanggungjawab Sosial Korporat. Majlis *Global CSR Summit Awards* adalah program paling berprestij di Asia untuk tanggungjawab korporat bagi mengiktiraf syarikat bagi produk, perkhidmatan, projek dan program yang cemerlang, inovatif dan bertaraf dunia.

Selain itu, Kulim Pineapple Farm telah dianugerahkan Anugerah Pengeksport Nanas Segar Jaya pada Ulang Tahun ke-60 Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Danamin (M) Sdn Bhd pula dianugerahkan Sijil Penghargaan sebagai Kontraktor Bertambah Baik pada Forum Kontraktor Petronas 2017.



Pengeluaran MSM Kulim adalah

**299,981 tan** meningkat  
**9.74%** daripada  
**273,354 tan** pada **2016**.

Pengeluaran Kernel (KER)  
lebih tinggi iaitu

**5.39%** berbanding  
**5.23%** yang dicatatkan  
pada **2016**.

#### **Profil Usia Tanaman**

**55%** kawasan **pokok matang**  
**38%** kawasan **pokok tidak**  
**matang** atau pokok **muda** dan  
**7%** pokok berumur lebih daripada  
**23 tahun**.

## SOROTAN BAHAGIAN

### Perladangan di Malaysia

Tahun 2017 adalah tempoh yang menguntungkan bagi operasi Perladangan Kulim memandangkan keadaan cuaca yang lebih baik, kestabilan tenaga kerja dan disokong pelbagai inisiatif syarikat dalam meningkatkan produktiviti. Operasi perladangan di Malaysia (Kulim & Johor Corporation) mengeluarkan 1,159,769 tan Buah Tandan Segar (BTS) iaitu peningkatan 18.13% berbanding 981,734 tan tahun sebelumnya. Ini membawa hasil sehektar (YPH) meningkat kepada 23.92 tan daripada 20.75 tan bagi tempoh yang sama. Pencapaian BTS Bahagian Perladangan adalah lebih tinggi berbanding hasil purata yang dicapai oleh industri sawit di Johor dan Semenanjung dengan masing-masing sebanyak 20.66 tan dan 18.70 tan sehektar.

Harga purata Minyak Sawit Mentah (MSM) Kumpulan adalah RM2,852 satu tan bagi operasi di Malaysia, berbanding RM2,532 tahun sebelumnya. Harga Minyak Isirong (PK) juga meningkat daripada RM2,427 satu tan berbanding RM2,387 bagi tempoh sama.

Pengeluaran MSM Kulim adalah 299,981 tan, meningkat 9.74% daripada 273,354 tan pada 2016. Dalam tempoh sama, jumlah pengeluaran PK meningkat 12.91% kepada 79,071 tan. Kadar Perahan Minyak (OER) meningkat kepada 20.44% berbanding 20.40% tahun sebelumnya. Seperti tahun-tahun sebelumnya, kadar purata OER Kulim lebih tinggi daripada purata industri iaitu 19.21% untuk Semenanjung dan 19.72% untuk Malaysia secara keseluruhan. Kulim juga mencatat Kadar

Pengeluaran Kernel (KER) lebih tinggi iaitu 5.39%, berbanding 5.23% yang dicatatkan pada 2016.

Bagi memastikan kemapanan prestasinya, Kulim komited dalam program penanaman semula bagi meningkatkan profil usia tanaman dan mendapatkan hasil optimum. Pada 2017, sebanyak 2,319 hektar (Kulim dan Johor Corporation) ditanam semula menggunakan benih klon berhasil tinggi. Ia dilaksanakan secara berperingkat bagi memaksimumkan potensi tanaman sebelum penebangan pokok dilakukan. Pada akhir 2017, kawasan tanaman Kumpulan di Malaysia terdiri daripada 55% kawasan pokok matang, 38% kawasan pokok tidak matang atau pokok muda dan 7% pokok berumur lebih daripada 23 tahun.

## Bisnes Kulim



### Perladangan di Indonesia

Pada awal 2014, Kulim memperoleh tanah 40,645 hektar di BarUt dalam usaha mengembangkan operasi ke lokasi baharu yang sesuai bagi perladangan kelapa sawit. Sejak daripada itu, penukaran status tanah kepada Hak Guna Usaha (HGU) di BarUt telah terhenti. Memandangkan cabaran yang dihadapi, Kulim memilih untuk menyatukan operasi perladangannya di Indonesia.

Di Sumatera Selatan (SumSel), proses pemulihan sedang dilakukan seperti dijadualkan. PT Tempirai Palm Resources (PT TPR) menyempurnakan 95% pemulihan lapangan seluas 2,500 hektar manakala PT Rambang Agro Jaya (PT RAJ) menyempurnakan 77% daripada pemulihan lapangan seluas 2,500 hektar. Program PT RAJ tergendala disebabkan hujan lebat lebih 45 hari pada November dan Disember 2017 sekaligus mengakibatkan kawasan terbiar.

Pembangunan infrastruktur juga rancak dijalankan. PT TPR telah menyiapkan 14.7 kilometer (km) jalan masuk, membina terusan utama 27km selain menyiapkan kuarters anggota pekerja serta pusat penyimpanan baja dan bahan kimia. Sementara itu, PT RAJ telah menyiapkan 25km jalan masuk, membina terusan utama sepanjang 39.7km, kuarters anggota pekerja, jambatan timbang serta pusat penyimpanan baja dan bahan kimia. Semua aktiviti pembinaan mematuhi Prinsip dan Kriteria RSPO.

Daripada 3,222 hektar yang ada di PT TPR di bawah HGU, 2,500 hektar telah dikenalpasti untuk penanaman baharu. Dalam pertemuan dengan Prosedur Penanaman Baharu RSPO (NPP), PT TPR akan mengenalpasti perunding yang berkelayakan bagi menentukan kesesuaian kawasan untuk penanaman baharu.



### INTRAPRENEUR VENTURES (IV)

Pada 2017, Bahagian IV mencatatkan perolehan sebanyak RM56.23 juta. Angka ini mencatatkan penurunan 2.39% berbanding RM57.61 juta tahun sebelumnya. Bahagian IV mencatatkan kerugian sebelum cukai RM1.86 juta pada 2017 berbanding keuntungan sebelum cukai RM0.705 juta yang dicatatkan sebelum ini.

Extreme Edge Sdn Bhd (EESB) merupakan syarikat paling menguntungkan dalam Bahagian IV apabila menjana keuntungan sebanyak RM2.13 juta. Syarikat lain mencatatkan prestasi memuaskan termasuk MIT Insurance Brokers Sdn Bhd, Perfect Synergy Sdn Bhd, Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd, Special Appearance Sdn Bhd serta Edaran Badang Sdn Bhd.

Pada 2017, Kulim mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan bisnes Bahagian IV dengan menyediakan pangkalan operasi yang akan memberikan hasil diinginkan. Langkah ini, antara lain termasuk:

- Pemberhentian operasi atau penutupan syarikat yang rugi
- Mengubah model perniagaan
- Menggabung dan melupuskan syarikat yang tidak berprestasi atau tidak selaras dengan visi strategik Kumpulan, serta
- Mempelbagai dan memberikan kontrak luar untuk sesetengah bisnes dan aktiviti.



### AGRO MAKANAN – PROJEK LEMBU

Kulim membina portfolio kukuh berteraskan tiga bahagian bisnes: Perladangan, O&G dan IV. Bagaimanapun, Kulim sentiasa menerokai peluang untuk melabur dalam bisnes baharu yang sinergi seiring dengan operasi terasnya. Pembabitin Kulim dalam Bahagian Agro Makanan mencapai objektif syarikat.

Pertama, selaras agenda kemapanan Kulim, ia membolehkan syarikat untuk mempergiatkan aktiviti hijau melalui program kitar semula kompos dan sisa bahan buangan daripada buah sawit bagi menyokong usaha fidlot dan penternakan lembu. Kedua, ia juga menyokong rakan kongsi dan penanam luar dalam membangunkan usahasama yang baik serta menyumbang kepada Program Sekuriti Makanan Negara.

Pada 2017, Kulim mencapai peningkatan yang besar dalam Bahagian Agro Makanan. Projek lembu menjana keuntungan RM8.30 juta daripada penjualan lembu. Aktiviti penanaman nanas MD2 pula mencatat keuntungan RM4.70 juta.

Sehingga 2017, sebanyak 653 ekor lembu ditempatkan dalam fidlot. Daripada jumlah itu, 374 ditempatkan di fidlot Bukit Nyamuk, fidlot Lubuk Bakul (49) dan fidlot Peta Temalik (230). Di bawah Segmen Ternakan Integrasi, jumlah keseluruhan lembu adalah 6,277 ekor berbanding 7,208 pada akhir 2016. Pada akhir 2017, Kulim mempunyai populasi lembu sebanyak 6,930 ekor, penurunan sebanyak 8.39 % (2016: 7,565 ekor). Penurunan angka ini adalah disebabkan penjualan lembu yang kurang produktif dan pengasingan 141 ekor lembu yang kurang sihat.

### MINYAK & GAS (O&G)

Tahun 2017 adalah tempoh yang mencabar bagi Bahagian O&G. Turun naik harga minyak mentah dan kesan matawang yang lemah telah mengganggu prestasi operasi. Dengan perolehan RM419.71 juta, ia mencatatkan penurunan 32.97% berbanding RM626.17 juta tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai direkodkan RM21.03 juta pada 2016, telah mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM130.28 juta pada 2017.

Memandangkan pelaburan O&G di Indonesia masih lagi di peringkat awal penerokaan, Kulim telah menyediakan cadangan untuk merasionalisasikan pelaburannya. Kelulusan bagi mendapatkan Pelan Pembangunan (POD) dijangka diperolehi pada separuh pertama 2018.

Pada 2017, anak syarikat iaitu E.A Technique (M) Berhad (EA Tech) menyumbang sebanyak RM366.97 juta kepada perolehan Kumpulan, penurunan sebanyak 37.98% berbanding RM591.66 juta yang direkodkan pada 2016. EA Tech juga mencatatkan kerugian sebelum cukai RM131.90 juta, daripada keuntungan sebelum cukai RM21.54 juta pada 2016. Penurunan perolehan dan kerugian yang dicatatkan adalah disebabkan oleh kos yang tinggi bagi penyediaan kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pemasangan dan pentauliahan (EPCIC) projek berbanding jumlah kontrak dan perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi.

Selain itu, tahun 2017 adalah tahun yang memuaskan untuk Danamin (M) Sdn Bhd (Danamin) dengan adanya penyediaan kejuruteraan dan jaminan kualiti pembekal yang memenuhi keperluan industri khusus. Danamin merekodkan perolehan sebanyak RM48.08 juta pada 2017, peningkatan 39.36% daripada RM34.50 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai menurun sedikit kepada RM1.12 juta berbanding keuntungan sebelum cukai RM1.32 juta yang dicatatkan sebelumnya.

#### Jumlah populasi lembu

6,930 ekor



#### Jumlah pengeluaran nanas

2,176 tan



## Bisnes Kulim



### AGRO MAKANAN – PROJEK NANAS

Kulim terlibat dalam industri nanas sejak 1994. Ladang nanas MD2 yang diusahakan oleh Kulim Pineapple Farm (KPF) terletak di Ulu Tiram, Johor. Pada 31 Disember 2017, Kulim mempunyai kira-kira 200.15 hektar tanah yang ditanam dengan nanas jenis MD2 premium.

Jumlah pengeluaran nanas pada 2017 adalah berjumlah 2,176 tan, di mana 83% daripadanya telah dijual di dalam negara dan bakinya diekspor ke negara-negara seperti Timur Tengah, Korea Selatan dan Eropah. Dipasarkan di bawah jenama Melita, permintaan bagi nanas MD2 di pasaran tempatan dan juga luar negara adalah baik.

Strategi syarikat ialah menjadi perintis utama pengoptimuman kos dalam bisnes nanas yang mempromosikan Melita sebagai jenama premium tetapi berpatutan. Bagi menghasilkan buah dan sulur nanas premium, Kumpulan akan memberi fokus untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dengan tanaman nanas lebih banyak setiap hektar.

Sebagai nilai tambah, Kulim turut menerokai produk hiliran berasaskan nanas seperti tart, jem, yogurt beku, cip dan minuman yang dijual di bawah jenama Melita.

### UNJURAN DAN PROSPEK

#### Bahagian Perladangan

Prospek bagi 2018 adalah meyakinkan. Seperti tahun sebelumnya, Kulim menetapkan KPI yang realistik bagi setiap bahagian utama yang dikenal pasti dalam *Balanced Scorecard*. Prestasi Bahagian Perladangan Kulim akan terus bergantung pada harga MSM, seterusnya penawaran dan permintaan dinamik pasaran serta kepekaan terhadap persaingan yang hebat daripada produk pengganti. Bahagian Perladangan juga akan terjejas oleh kenaikan kos buruh dan baja serta kebimbangan terhadap isu alam sekitar yang semakin ketara.

Bagaimanapun, Bahagian Perladangan mengambil langkah untuk memastikan kemapanan dengan menggunakan teknologi baharu, penggantian baja, meningkatkan penggunaan mekanisasi dalam ladang, meningkatkan latihan bagi mengoptimumkan operasi dan pengendalian kos yang lebih ketat. Dana bagi Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) akan ditambah dalam usaha berterusan bagi memajukan bahan tanaman yang lebih baik dan meneroka pilihan tenaga alternatif.

#### Bahagian Intrapreneur Ventures (IV)

Program *Intrapreneur JCorp 2.0* diperkenalkan pada 2016. Ia bertujuan mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi usahawan dalam konteks landskap ekonomi dan perniagaan abad ke-21. Program ini mengenalpasti tiga kategori intrapreneur, dengan memberi penekanan dari segi kewangan sebagai satu keuntungan serta perniagaan yang mapan.

Oleh itu, Kulim telah menilai semula semua prestasi syarikat di bawah naungannya. Selaras hala tuju korporat Kulim, keutamaan diberikan kepada syarikat berkaitan bisnes terasnya iaitu perladangan.

Kulim kini berada di landasan yang betul dalam usaha memacu perkembangannya. Ini adalah sesuai di mana Kulim terus meletakkan asas-asas yang akan memantapkan pertumbuhan baharu untuk kejayaan pada masa depan. Di samping itu, Kulim mempunyai perancangan berdaya maju dan strategi yang akan memacu Kulim melalui pasaran yang berubah-ubah serta mencabar. Visi dan tindakan Kumpulan yang diambil hari ini akan menunjukkan keberkesanannya pada masa hadapan.





### Bahagian O&G

Prestasi kurang baik Bahagian O&G hanya bersifat sementara. Ia dijangka berakhir setelah selesai projek EPCIC menjelang separuh pertama 2018. Dengan kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik, bisnes *Marine Charter* dan *Floating Storage and Offloading (FSO)* dijangka membawa semula pulangan yang baik untuk Bahagian O&G.

Melihat ke hadapan, prestasi operasi EA Tech tetap kekal kukuh untuk Bahagian Bisnes O&G. Asas syarikat tetap kukuh kerana disokong tempahan projek yang besar berjumlah RM609.13 juta pada 2017, dan potensi untuk penambahan tempahan sebanyak RM329.28 juta. EA Tech mempunyai kontrak jangka panjang untuk kapal muatan besar di mana ia menyediakan aliran perolehan yang berulang dan stabil.

Melihat kekuatannya dalam bisnes ini, EA Tech berada pada kedudukan yang baik untuk terus memberikan pulangan kepada pemegang sahamnya serta mencapai kemajuan yang mapan.

Melangkah ke hadapan, Danamin mempunyai tempahan projek kira-kira RM70 juta, di mana RM45 juta disumbangkan oleh bisnes fabrikasi dan RM25 juta lagi daripada bisnes *Non Destructive Testing (NDT)*.

Danamin juga sedang menerokai kemungkinan mempelbagaikan bisnes di mana ia dapat memanfaatkan sumber dan keupayaan mereka. Antaranya, termasuk perkongsian pintar melalui bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kulim iaitu Kulim Smart Technology Sdn Bhd untuk melihat keupayaan membina prototaip Sistem Pemeriksaan Pintar (ILIS). Peranti pemeriksaan paip proprietari itu boleh diguna untuk mengesan kegagalan logam dalam kapal dan saluran paip. Peringkat awalnya, fokus utama adalah pada pengeluaran MICRO-ILIS, yang direka untuk memeriksa saluran paip dengan diameter sekecil 3 inci.



EA Tech mempunyai tempahan projek yang besar berjumlah  
**RM609.13 juta**

Danamin mempunyai tempahan projek kira-kira  
**RM70 juta**

## Bisnes Kesihatan Pakar



KPJ Healthcare Berhad (KPJ), bisnes kesihatan pakar Johor Corporation, tersenarai di Bursa Malaysia sejak tahun 1994. KPJ telah mencatatkan sejarah sebagai satu daripada 100 Syarikat-Syarikat Teratas yang tersenarai di Bursa Malaysia. Di penghujung tahun 2017, KPJ menduduki tempat ke-85, dengan modal pasaran mencecah RM4.19 bilion.



Pada akhir 2017, KPJ mempunyai dan mengurus

**25 hospital** di Malaysia

**2 hospital** di Indonesia

**1 hospital** di Bangladesh

Kelebihan KPJ adalah pengalamannya yang kini telah menjangkau lebih 36 tahun dalam sektor perkhidmatan kesihatan swasta. Kini, rangkaian hospital pakarnya meluas dengan 25 hospital pakar di seluruh negara, dua hospital di Indonesia dan sebuah hospital di Bangladesh. KPJ turut mempunyai tiga pusat penjagaan warga emas iaitu di Kuala Lumpur; Sibul, Sarawak; dan di Brisbane, Australia.



### PENCAPAIAN PADA 2017

Beberapa langkah strategik telah diambil sepanjang tahun bertujuan memastikan kerancakan pertumbuhan bisnes. Tumpuan utama organisasi adalah menambah baik perkhidmatan pelanggan. Langkah ini sejajar dengan usaha KPJ untuk mempertingkatkan penguasaan pasaran, di samping mengenalpasti peluang-peluang inovasi baharu dalam sektor perubatan. Setiap usaha ini akhirnya akan menghasilkan pulangan kepada pemegang saham.

### PENCAPAIAN KEWANGAN

KPJ mencatatkan prestasi membanggakan dalam tempoh tahun kewangan 2017, dengan nilai perolehan melebihi RM3.0 bilion untuk tahun kedua berturut-turut sejak penubuhan KPJ.

Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM3.18 bilion, berbanding RM3.02 bilion yang dicatatkan dalam tahun kewangan 2016. Selaras dengan cadangan pihak pengurusan untuk melupuskan seluruh kepentingan dalam operasi penjagaan warga emas di Australia, perolehan pada 2016 telah dinyatakan semula kepada RM2.97 bilion, sesuai dengan peraturan dalam 'MFRS 5: Non-current Assets Held for Sale and Discontinued Operations.'

Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan telah meningkat kepada RM441.6 juta dalam 2017, berbanding RM430.2 juta pada 2016 (nilai dinyatakan semula). Keuntungan sebelum zakat dan cukai yang direkodkan sebanyak RM233.3 juta juga telah meningkat berbanding RM220.7 juta yang dicatatkan pada 2016 (nilai dinyatakan semula). KPJ, sebagai Kumpulan yang komited dengan pembayaran zakat, telah menyumbang sebanyak RM3.9 juta pada 2017, berbanding RM3.8 juta pada 2016. Keuntungan bersih Kumpulan juga telah meningkat sebanyak 7% kepada RM166.9 juta pada 2017, disebabkan oleh pengurusan kos yang lebih baik dan pengurangan kerugian kemerosotan nilai yang dicatatkan pada 2017. Sehingga 31 Disember 2017, modal pasaran bagi KPJ adalah bernilai RM4.1 bilion.

Operasi di Malaysia telah menjadi penyumbang terbesar kepada perolehan Kumpulan dengan sumbangan sebanyak 97% atau RM3.1 bilion daripada keseluruhan perolehan. Segmen hospital dan penjagaan kesihatan, yang menyumbang 97% daripada keseluruhan perolehan Kumpulan, masih merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan Kumpulan dengan kenaikan sebanyak 7% berbanding perolehan segmen hospital dan penjagaan kesihatan dalam tahun 2016. Tempoh tahun kewangan 2017 menyaksikan dividen yang diisytiharkan adalah bernilai 1.78 sen seunit berjumlah RM74.7 juta, yang mewakili 45% daripada perolehan yang boleh diagihkan.

Nilai Perolehan melebihi  
**RM3.0 bilion**

untuk tahun kedua berturut-turut sejak penubuhan KPJ

Keuntungan sebelum zakat dan cukai yang direkodkan sebanyak

**RM233.3 juta**

telah meningkat berbanding RM220.7 juta yang dicatatkan pada 2016 (nilai dinyatakan semula)

Dividen yang diisytiharkan adalah bernilai

**1.78 sen**

seunit berjumlah

**RM74.7 juta**

## Bisnes Kesihatan Pakar



### **PEMBAHAGIAN INI DISEMPURNAKAN DENGAN PENYENARAIAN 4,280,627,292 SAHAM TERBAHAGI DAN 259,226,010 WARAN TAMBAHAN KPJ DI PAPAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA MALAYSIA) PADA 27 SEPTEMBER 2017.**

#### **PELAKSANAAN PROSEDUR KORPORAT 2017**

Pemegang saham telah diberi ganjaran melalui pembahagian saham, di mana setiap saham biasa KPJ dibahagikan kepada empat bahagian. Pembahagian ini disempurnakan dengan penyenaian 4,280,627,292 Saham Terbahagi dan 259,226,010 Waran Tambahan KPJ di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) pada 27 September 2017.

Satu lagi perkembangan direkodkan oleh Lablink (M) Sdn Bhd (Lablink), sebuah anak syarikat KPJ yang mengendalikan makmal perubatan di hospital-hospital Kumpulan. Seiring dengan penekanan terhadap inovasi perubatan, Lablink telah mencatatkan rekodnya sendiri apabila ia menjadi makmal perubatan pertama di negara ini yang mendapat pengiktirafan Keselamatan Bio Tahap 3 (*Bio-Safety Level 3* (BSL3)). Klasifikasi ini diberi atas kemampuan Lablink menganalisis sampel penyakit berbahaya menurut piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

Pada awal 2018, Lablink telah memeterai jalinan kerjasama dengan Quadria Capital bagi membangunkan lagi bisnes patologi dan diagnostiknya di Malaysia dan juga rantau Asia Tenggara. Kerjasama ini akan melebarkan sayap Lablink sebagai penyedia perkhidmatan patologi dan diagnostik di rantau ini.

#### **PEMBANGUNAN KAPASITI**

KPJ telah menambahkan dan membesarkan lagi hospital-hospitalnya, termasuk bangunan ibu pejabat Lablink di Kuala Lumpur.

Di Indonesia, kedua-dua hospital KPJ di Jakarta, iaitu Rumah Sakit Bumi Serpong Damai dan Rumah Sakit Medika Permata Hijau telah dianugerahkan status akreditasi oleh Komisi Akreditasi Rumah Sakit.

Sementara itu, KPJ terus membangunkan lagi kapasiti Sheikh Fazilatunnessa Mujib Memorial KPJ Specialized Hospital di Dhaka, Bangladesh.

#### **INOVASI DI KPJ**

##### **Transformasi yang didorong oleh Teknologi Maklumat (IT)**

Sepanjang tahun 2017, KPJ terus mempertingkatkan inisiatif dan pelaburan dalam bidang teknologi maklumat, termasuk pelaburan dalam infrastruktur dan penambahbaikan sistem. Amaun pelaburan keseluruhan berjumlah RM30 juta, termasuk bagi Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) dan Keselamatan Siber (*Cybersecurity*). KPJ juga menaiktaraf Sistem Maklumat Klinikal KPJ (KCIS) dan Sistem Maklumat Hospital (HITS).

Di samping itu, KPJ Healthshoppe (KPJHS) telah memperkenalkan kemudahan *e-pharmacy*, yang melengkapi farmasi runcitnya (*retail pharmacy*) di hospital-hospital KPJ. Perancangan jangka panjang *e-pharmacy* termasuk mengendalikan perkhidmatan *e-prescription*.

Satu inovasi besar pada 2017 adalah apabila KPJ menjadi penyedia perkhidmatan kesihatan pertama di Malaysia yang mengimplimentasi *IBM Watson for Oncology*, sebuah platform pengkomputeran kognitif untuk kegunaan pakar onkologi KPJ merangka pelan rawatan bagi pesakit kanser.

#### **Klinikal**

Satu lagi inisiatif yang diperkenalkan adalah penambahbaikan kualiti perkhidmatan klinikal demi kebaikan pesakit, termasuk pemantauan "*Level of Care*" di Unit Rawatan Rapi (ICU).

KPJ adalah antara peneraju dalam pembedahan tiga dimensi (3D) di pusat pergigian pakar, KPJ KL Dental Specialist Centre di KPJ Tawakkal Health Centre – dalam bidang kepakaran pembedahan oral dan *maxillofacial*.

#### **Pendidikan Kesihatan**

KPJ Healthcare University College (KPJUC) diiktiraf pada 2011 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai kolej universiti yang boleh menawarkan program kedoktoran pakar. Graduan-graduan program kedoktoran pakar diselia oleh anggota panel dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan KPJUC sendiri.

Tahun 2017 menyaksikan KPJUC menghasilkan dua graduannya yang pertama dari Program Sarjana Otorhinologi – Pembedahan Kepala dan Leher. Program Sarjana Muda Farmasi pula telah diakreditasi oleh Lembaga Farmasi Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia.

KPJUC telah menyusun atur langkah untuk mencapai status universiti penuh menjelang 2020. Model penyampaian program sedang dipersiapkan dan dimantapkan untuk mencapai matlamat ini. Seramai 2,800 pelajar dijangka mendaftar bagi mengikuti program-program akademik di KPJUC.

#### **Pengurusan Modal Insan**

Komitmen KPJ untuk terus memupuk bakat-bakat sedia ada di dalam Kumpulannya. Anggota pekerja yang berkecuali diberikan peluang untuk meneruskan pendidikan melalui kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara, seperti University of East London, United Kingdom; University of South Australia, Australia; Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.



Pendidikan merupakan salah satu daripada cara KPJ mengimplimentasi anjakan paradigma dalam mengendalikan anggota pekerja, di mana matlamat utama organisasi adalah untuk mencipta 'staff experience' yang baik bagi setiap individu.

Rancangan pembangunan modal insan jangka panjang termasuk membentuk sebuah ekosistem yang menggabungkan tiga komponen iaitu hubungan, budaya dan pengurusan prestasi.

### Pemasaran Antarabangsa

Strategi pemasaran antarabangsa KPJ terbahagi kepada dua, iaitu mengekalkan fokus terhadap pasaran sedia ada, seperti Indonesia, Timur Tengah dan Afrika, serta memasuki pasaran-pasaran baharu yang berpotensi tinggi seperti Kepulauan Pasifik, China dan India.

Dalam 2017 menyaksikan perolehan daripada sektor pelancong kesihatan meningkat, hasil dari beberapa pasaran yang baharu dipelopori seperti Kepulauan Pasifik. Malah, Kementerian Kesihatan Tuvalu telah melantik KPJ sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan terpilih bagi rakyat mereka.

Di samping itu, KPJ telah melantik lebih ramai agen-agen pemasaran bagi pasaran-pasaran di Indonesia, China, Timur Tengah dan Afrika Utara.

### Anugerah

KPJ Klang Specialist Hospital telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI), yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi mengiktiraf pencapaian organisasi-organisasi dari sektor-sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Selain itu, KPJ menerima beberapa lagi anugerah berprestij termasuk anugerah *MSWG-ASEAN Corporate Governance Recognition 2017*, yang mengenalpasti dan mengiktiraf 100 Syarikat-Syarikat Tersenarai yang terbaik dari kalangan 900 syarikat, berdasarkan kriteria *ASEAN Corporate Governance Scorecard*. Penilaian tahun 2017 ini adalah lebih ketat berbanding tahun-tahun sebelumnya, menggunakan garis panduan baharu yang diluluskan oleh *ASEAN Capital Markets Forum (ACMF)*.

### Melangkah Ke Tahun 2018

Pembangunan terhadap pendigitalan terus kekal utuh, dan KPJ akan terus mengekalkan momentumnya dengan mendapatkan teknologi baharu, serta penambahbaikan operasi dan infrastruktur IT.

Selain itu, KPJ terus memperkenalkan teknologi perubatan baharu seiring dengan matlamat memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk semua pesakit dan pihak berkepentingan.

Kami yakin bahawa dengan adanya inisiatif yang strategik begini, KPJ akan terus utuh dalam usaha transformasinya, sejajar dengan aspirasi untuk menjadi penyedia perkhidmatan bertaraf global, selain mengekalkan kesinambungan bisnes.

## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran



Tempoh sepanjang 2017 menyaksikan QSR Brands (M) Holdings Bhd menerusi KFC Malaysia mencatatkan pertumbuhan perolehan 8.2% iaitu RM2.56 bilion berbanding RM2.37 bilion pada 2016.



Hasil pertumbuhan perolehan

**8.2%** iaitu  
**RM2.56 bilion**

**RM2.37 bilion (2016)**

### KFC Malaysia

Pada 2017, KFC Malaysia mencatatkan hasil pertumbuhan perolehan 8.2% iaitu RM2.56 bilion berbanding RM2.37 bilion pada 2016 dan pada masa sama, mengekalkan kedudukan tiga tahun berturut-turut bagi anugerah berprestij *Putra Brand - People's Choice Awards*, dengan merangkul Emas di bawah kategori 'Restoran & Makanan Segera'. Ini diikuti beberapa anugerah digital dan pengiklanan yang diiktiraf antaranya, anugerah Emas dan Grand Prix bagi strategi kandungan berkesan dalam *WARC Global Awards*, Emas bagi Kempen 'KFC Kaki' di *Appies Malaysia* serta *Best Long Form Ad* untuk *KFC Bucket Sessions* di *Youtube Malaysia Ads Awards*.



**BAGI MENCERMINKAN KOMITMEN KFC UNTUK MEMBERI PENGALAMAN PELANGGAN YANG TERBAIK, 121 CAWANGAN RESTORANNYA DINAIKTARAF PADA 2017**

**KFC Singapura**

KFC Singapura pada 2017, terus mengukuhkan kedudukan sebagai perniagaan 'quick service restaurant' berasaskan ayam terkemuka menerusi pelbagai lagi inovasi menu menarik. Untuk memenuhi pelbagai citarasa pengguna, perisa yang menjadi trend seperti *Japanese Shoyu Sancho*, *Curry Crunch* dan *Szechuan Red Hot* diperkenalkan untuk jangka masa terhad dan menerima maklum balas yang amat menggalakkan. Bagi menarik minat lebih ramai golongan muda, inovasi unik seperti *Chizza* dan *Double Down* dilancarkan dengan susulan kejayaan yang besar menerusi sambutan hangat daripada pelanggan. Produk ini banyak menghiasi laman *Instagram* pengguna Singapura dan menghasilkan gelombang arus di media sosial yang melangkaui sempadan. Sebagai sebahagian daripada strategi untuk menawarkan lebih nilai kepada pengguna, KFC Singapura terus mempromosikan kepelbagaian menu menerusi *Ultimate Value Box* dan penjimatan harian *\$5 Super Value* bersama pilihan baharu seperti *Colonel Burger*, *Rendang Rice* dan *Famous Bowl*.

Promosi *Chicken Tuesday* diperkenalkan bermula Mei 2017, di mana pelanggan boleh menikmati 6 ketul ayam dengan hanya SG\$9. Khusus buat pelanggan yang menggemari manis, satu lagi perisa baharu, 'White Grape', diperkenalkan dalam menu yogurt beku dan boleh didapati di semua cawangan Froyo bermula Julai 2017. Tahun 2017 berakhir dengan 83 cawangan restoran. Meskipun dengan penurunan 3 unit restoran, kutipan jualan meningkat 2% daripada 2016 dengan SG\$169.8 juta iaitu peningkatan SG\$3.1 juta. Peningkatan disumbang oleh impak jualan tahun penuh beberapa cawangan bersaiz besar yang dibuka pada suku keempat 2016.

KFC Malaysia terus menarik perhatian pelanggan dengan pelbagai inovasi pada 2017. Hidangan masa terhad direka berdasarkan citarasa dan permintaan tempatan supaya dapat menarik kunjungan pelanggan baharu mahupun sedia ada. Atas permintaan ramai, KFC Malaysia membawakan semula dua ciptaan popularnya iaitu *KFC Double Down* dan *KFC Twister*. Penantian peminat mencetuskan fenomena lebih hebat ketika pelancaran semula *KFC Double Down* dan mendorong permintaan yang terlalu tinggi daripada pelanggan. *KFC Double Down* mencapai pertumbuhan jualan kedai yang sama dan pertumbuhan transaksi kedai yang sama; masing-masing 10% dan 6%. *KFC Twister* baharu dilancarkan dengan dua perisa lazat - *Hot & Zesty* dan *Cheezy Twister*. Kombo *Double Twister* yang didatangkan bersama kedua-dua pilihan juga diperkenalkan khas buat peminat setia produk berkenaan. Berikutan sambutan yang amat menggalakkan, *Cheezy Twister* disenaraikan sebagai menu kekal dalam rangkaian *Snackables*. Di samping itu, tawaran nilai *Bucket* seperti *Bucket Berganda* dan *Bucket Berbaloi* turut menyumbang kepada bilangan transaksi bagi 2017.

Bagi mencerminkan komitmen KFC untuk memberi pengalaman pelanggan yang terbaik, 121 cawangan restorannya dinaiktaraf pada 2017. Sebanyak 35

lagi cawangan baharu telah ditambah ke dalam rangkaian, termasuk 9 cawangan pandu lalu untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan. KFC Malaysia menutup 2017 dengan 689 cawangan di seluruh negara iaitu 573 di Semenanjung manakala 116 di Sabah dan Sarawak.

Bagi menyediakan pelbagai saluran dan akses mudah untuk pelanggan, laman web *KFC Delivery* yang dinaiktaraf telah dilancarkan pada 2017 supaya dapat mempertingkatkan pengalaman digital mereka dengan pendekatan utama secara mudah alih.

KFC Malaysia menutup tirai kempen tanggungjawab sosial korporat tahunan, *Add Hope 2017*, dengan satu lagi pencapaian yang membanggakan apabila mengumpul dana RM4.2 juta - satu pembaharuan rekod sepanjang tempoh 11 tahun penganjurannya. Sebahagian besar kutipan itu dijana menerusi penjualan set hidangan *KFC Add Hope*, derma atas talian serta tabung derma di setiap kaunter KFC. KFC Malaysia terus memberi bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik menerusi pelbagai program kemasyarakatan; dan memperkasa komuniti istimewa dengan memberi peluang pekerjaan di restoran *KFC Community Care*.

## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran

### KFC Brunei & Kemboja

KFC Brunei mengakhiri 2017 dengan 16 restoran - sama seperti 2016. Jumlah kutipan pendapatannya merekodkan penurunan sebanyak 0.7% dengan B\$11.46 juta berbanding 2016. Pasaran Brunei mendapat saingan daripada perkembangan pesat di Miri, yang menggamit kecenderungan perbelanjaan rakyat Brunei di bandar itu pada hujung minggu dan cuti umum. Berikutan itu, pemasaran di peringkat restoran telah dilaksanakan menerusi promosi khas bagi meningkatkan kekerapan kunjungan serta pelbagai promosi usaha sama. Dua cawangan dinaiktaraf pada 2017 dan hasil positif direkodkan dengan kenaikan jualan 15% hingga 20%.

KFC Kemboja mencatatkan peningkatan perolehan 0.44% berbanding 2016 dengan jumlah jualan AS\$4.8 juta pada 2017. Peningkatan ini banyak disumbang daripada pertumbuhan ekonomi positif yang didorong oleh aktiviti binaan yang berdaya tahan, perniagaan eksport pakaian serta perkembangan di sektor pertanian; lantas mengukuhkan kuasa perbelanjaan pekerja kelas rendah dan pertengahan. Sebahagian besar jumlah jualan iaitu sebanyak 78% dijana oleh perkhidmatan katering dan kios. Peningkatan margin kasar merupakan hasil daripada usaha berterusan pihak pengurusan dalam mengawal kos makanan serta pengurusan sisa pembaziran yang ketat. Pada 2017 turut menyaksikan dua cawangan baharu dibuka di Steung Meanchey pada September, dan Battambang, pada Oktober. KFC Kemboja percaya bahawa penjenamaan yang lebih berkesan bakal mengukuhkan hasil pendapatannya. KFC Kemboja menutup 2017 dengan 13 restoran, sebelum operasi di Sihanoukville (KFC KPS) ditamatkan pada Oktober.

### Pizza Hut Malaysia

Pada 2017, Pizza Hut Malaysia menyambut ulang tahun ke-35 - satu pencapaian penting selari dengan inovasi yang dilancarkan serta menghasilkan pencapaian jualan yang kukuh.

Pizza Hut mencapai pencapaian luar biasa dengan catatan peningkatan jualan yang kukuh berdasarkan latar belakang 4 tahun yang menunjukkan arah aliran menurun. Hasil jualan meningkat 14% kepada RM543 juta pada 2017 berbanding RM475 juta pada 2016.



### **PADA 2017, PIZZA HUT MALAYSIA MENYAMBUT ULANG TAHUN KE-35 - SATU PENCAPAIAN PENTING SELARI DENGAN INOVASI YANG DILANCARKAN SERTA MENGHASILKAN PENCAPAIAN JUALAN YANG KUKUH.**

Promosi WOW bagi jualan bawa pulang dan promosi *Hut Set Jimat* bagi jualan makan di restoran adalah sebahagian daripada pilihan promosi berbaloi yang diperbaharui pada 2017 dengan sokongan strategi komunikasi baharu dan melalui 'in-store push' yang konsisten. Strategi ini membawa hasil kepada urusan niaga yang lebih mapan bagi Pizza Hut.

Sehubungan itu, beberapa promosi diperkenalkan seperti piza *King Prawn* sempena Tahun Baru Cina dan *Loaded Pocket* sempena Ramadhan. Pelancaran piza *Cheesy Bites* pada akhir 2017 telah menambah kepada portfolio produk Pizza Hut dalam menarik minat pelanggan muda.

Pizza Hut memulakan perjalanan transformasi digital dengan melancarkan semula laman web yang diperbaharui, dengan memperkenalkan aplikasi mudah alih baharu dan restoran berkonsep digital pertama yang menyediakan kios bawa pulang digital pertama di dunia bagi Pizza Hut.

Pizza Hut Malaysia merangkul pencapaian membanggakan pada 2017 apabila memperoleh Perak bagi *Putra Brand Awards* kategori Restoran & Makanan Segera serta *Better on Digital Champion* dan *Brand Builder Award* oleh YUM.



Bagi inisiatif tanggungjawab sosial korporat, Pizza Hut melancarkan program *Hut to Heart* yang memberi pengkhususan dalam melawan penyakit kanser. *Sayangimu* adalah program pertama dengan kerjasama Persatuan Kanser Nasional Malaysia dalam meningkatkan kesedaran dan mengumpul dana untuk melakukan pemeriksaan awal kanser payudara bagi wanita di pedalaman.



#### Pizza Hut Malaysia

Hasil jualan meningkat

**14%** untuk mencatatkan jumlah  
**RM543 juta**

#### Pizza Hut Singapura

Hasil jualan meningkat **2%**  
berbanding 2016 dengan

**SG\$94.6 juta**

#### Pizza Hut Singapura

Tahun 2017 adalah cemerlang bagi Pizza Hut Singapura. Hasil jualan meningkat 2% berbanding 2016 dengan SG\$94.6 juta iaitu peningkatan sebanyak SG\$1.4 juta. Sistem transaksi juga meningkat kepada lebih 16% bagi tempoh sama.

Dengan penurunan bersih pada kadar 1 unit, Pizza Hut Singapura menutup tirai 2017 dengan 79 restoran. Kunci utama kepada prestasi yang memberangsangkan ini disumbang dengan asas tawaran nilai melalui pelancaran promosi bawa pulang 'WOW' dan promosi *2 For \$22 with Free Sides* bagi promosi penghantaran serta produk inovasi yang selari promosi masa terhad ketika musim perayaan.

Inisiatif ini disokong dengan penambahbaikan digital dalam mempertingkatkan pengalaman pelanggan bagi pesanan dan makan di restoran. Pizza Hut Singapura menyertai usaha sama global melalui filem blockbuster *Spiderman 3 Homecoming* pada Jun melalui promosi baharu *Cheesy Lava Pizza*. Piza *Cheesy 7*, salah satu piza kegemaran yang dinantikan pelanggan setiap tahun oleh para pelanggan turut dilancarkan bersama *Cheesy Loaded Puff Pizza* yang diberi pembaharuan.

Dalam usaha digitalnya, pembaharuan dilaksanakan pada laman web Pizza Hut Singapura dengan kemudahan 3-klik pesanan semula beserta pelancaran aplikasi mudah alih baharu dengan

pengantara muka dan aspek pemesanan mudah alih yang lebih ringkas serta pengkhususan yang lebih baik.

Pizza Hut Singapura meneruskan usaha memberi semula kepada komuniti dalam pelbagai bentuk dan aspek. Pada 2017, Pizza Hut dinobat oleh Menteri Pendidikan sebagai *Exemplary Employer* atas sumbangan jangka panjang dan kerjasama erat dengan *Association of People with Special Needs* (APSN).

#### BAHAGIAN HULU

Pada tahun 2017, usaha-usaha penambahbaikan lanjutan telah disusun bagi Bahagian Hulu, untuk memberi tumpuan kepada semua faktor-faktor kuantitatif dan kualitatif yang berkaitan dengan pengoptimuman produktiviti. Pada akhir tahun kewangan 2017, Bahagian Hulu mencatatkan EBITDA disatukan sebanyak RM46.2 juta, iaitu 21.6% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya berikutan hasil yang lebih tinggi sebanyak 13.0% bernilai RM1,893.2 juta.

## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran



### SEGMENT PENTERNAKAN AYAM BERSEPADU

- **Ayamas Integrated Poultry Industry Sdn Bhd (AIPI)**

Operasi ternakan ayam bersepadu di bawah Bahagian Hulu melibatkan usaha penternakan ayam yang menyeluruh bermula dengan Kilang Makanan Ternakan, Ladang-Ladang Penternakan Ayam, Pusat Penetasan dan Ladang-Ladang Ayam Pedaging. AIPI merupakan komponen penting dalam operasi Kumpulan dan memberikan sokongan yang konsisten dari segi sumber bekalan ayam yang berkualiti tinggi kepada restoran-restoran KFC selain mengawal struktur kos dalam industri ayam, serta menyokong perkembangan rangkaian restoran-restoran KFC di dalam dan di luar negara.

- **AIPI Kilang Makanan Ternakan**

Antara kilang makanan ternakan terbesar di Malaysia, menghasilkan bekalan makanan untuk ladang-ladang ayam penternakan dan ayam pedaging milik Kumpulan, serta bagi pelanggan-

peladang kontrak di seluruh negara. Jumlah pengeluaran makanan ternakannya bagi 2017 adalah sebanyak 109,000 tan metrik. Ini telah menghasilkan jualan sebanyak RM175.4 juta bagi tahun tersebut, yang mana adalah 8.8% lebih rendah daripada tahun sebelumnya. EBITDA dicatatkan 49.0% lebih rendah pada RM9.6 juta berbanding 2016 kesan daripada kadar pertukaran mata wang dolar Amerika Syarikat dan harga komoditi yang tinggi.

- **Ladang Ternakan Dan Pusat Penetasan**

Di bawah unit Ladang Ternakan dan Penetasan, ladang-ladang penternakan membekalkan telur-telur ayam ke Pusat Penetasan bagi menghasilkan anak ayam *Day Old Chicks* (DOCs). Selain mempunyai ladangnya sendiri di Mantin, unit ini juga berurus dengan 32 peladang kontrak di seluruh negara, bagi menghasilkan keupayaan kolektif untuk membekalkan 32 juta ekor ayam pedaging setahun ke kilang memproses Ayamas Food Corporation Sdn Bhd (AFCSB). Bagi tahun 2017, unit ini mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 7.1% pada RM156 juta berbanding tahun sebelumnya. Hasil dari inisiatif pengoptimuman produktiviti, kerugian yang dicatatkan pada peringkat EBITDA pada tahun 2016 telah berjaya dikurangkan sebanyak 50.3% bagi tahun ini kepada RM1.7 juta. Inisiatif ini masih diteruskan bagi memulihkan semula operasi unit ini ke arah menghasilkan keuntungan.

### QSR MANUFACTURING SDN BHD (BAKERY & COMMISSARY)

QSR Manufacturing Sdn Bhd (QSRM) ditubuhkan dengan matlamat untuk mencapai pengoptimuman kos serta meningkatkan kelancaran perniagaan secara ekonomi skala bagi operasi '*Bakery & Commissary*'. Ia berperanan sebagai pembekal roti dan coleslaw, bola doh piza mentah, asas "*par baked pizza*", pastri beku, lepa bawang putih, sayur-sayuran segar yang dibersihkan dan dibungkus semula, dan tepung *Nugget Breader* menurut ISO, HACCP & piawaian YUM untuk restoran KFC dan Pizza Hut di Semenanjung. Ini secara langsung dapat mengurangkan beban kerja dan mengoptimumkan tahap perkhidmatan di restoran.

Trend pembuatan produk makanan masakini sedang menuju ke arah jenis makanan sejuk beku atau makanan sedia-untuk-dihidang yang akan mengurangkan masalah operasi harian dan kerumitan lain dalam menyediakan makanan di restoran atau kedai. Dengan peningkatan kapasiti pengeluaran bakeri, hala tuju baharu perniagaan QSRM adalah untuk menyediakan lebih banyak produknya untuk pasaran terbuka tempatan terutamanya KARA (Kedai Ayamas dan Restoran Rasamas) dan rangkaian runcit makanan lain bagi memperluaskan asas pendapatannya.

Jualan untuk 2017 adalah sebanyak RM74.7 juta iaitu 7.0% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. EBITDA melonjak lebih daripada tiga kali ganda kepada RM8.1 juta bagi tempoh yang sama berikutan langkah-langkah penjimatan kos berterusan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan bagi mengekalkan kecekapan operasi.

### QSR TRADING SDN BHD

QSR Trading Sdn Bhd (QSRT) ditubuhkan pada 2001 sebagai sebuah cabang penjualan, pemasaran dan perdagangan bagi QSR Brands selain pasaran luar, di dalam dan di luar negara dengan visi menjadi pengedar pilihan bagi produk Halal berkualiti tinggi. Jumlah perolehan dicatatkan ialah RM505 juta bagi 2017 iaitu 25.4% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. EBITDA meningkat sebanyak 16% pada RM28.1 juta berbanding 2016. Adalah dijangkakan keputusan kewangan QSRT kekal kukuh tahun ini seiring dengan usaha-usaha memperkenalkan produk baharu ke pasaran.

### REGION FOOD INDUSTRIES SDN BHD (PEMBUATAN SOS)

Region Food Industries Sdn Bhd (RFI) merupakan antara peneraju utama dalam sektor pembuatan sos di Malaysia, dengan barisan produk-produk utamanya iaitu sos cili, sos tomato, "*dressing*" dingin (mayonais) dan adunan tepung (sup) yang dihidangkan di rangkaian restoran-restoran KFC dan Pizza Hut di Malaysia. Di pasaran tempatan, sos *Life* boleh didapati di semua gedung-gedung pasaraya seperti Giant dan Tesco, dan juga di rangkaian pemborong lain seperti Speed Mart dan Checkers.

Untuk pasaran eksport, sos *Life* boleh didapati di negara-negara seperti Singapura, Vietnam, Bangladesh, Myanmar, Australia, Mauritius, Brunei, Jepun dan juga negara-negara Timur Tengah.

Kapasiti pengeluaran sos meningkat sedikit kepada 27,552 tan metrik pada 2017 dengan penggunaan kapasiti untuk sos dan mayo masing-masing pada tahap 71% dan 86%. Ini berikutan langkah-langkah tahap penyimpanan stok yang ketat untuk menguruskan kos dengan berkesan. Dengan mesin “*standing pouch*” baharu yang dipasang pada 2017, RFI akan dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat dari restoran milik Kumpulan, di samping berkeupayaan menembusi lebih banyak pasaran perkhidmatan makanan.

Untuk kekal berdaya saing, RFI perlu memperkenalkan produk baharu tahun demi tahun untuk memenuhi permintaan dari Kumpulan dan juga pasaran terbuka. Pada 2017, satu produk baharu yang dilancarkan adalah “*standing pouch*” baharu untuk sos cili dan sos tomato. Ini adalah satu varian baharu di antara pelbagai sos *Life* yang memenuhi jangkaan pengguna untuk produk yang inovatif dan mudah digunakan.

Bagi 2017, jualan RFI adalah lebih tinggi sebanyak 11.5% bernilai RM143.7 juta dan EBITDA adalah 28.1% lebih tinggi pada RM8.2 juta berbanding tahun sebelumnya. RFI juga berada di landasan yang betul untuk meningkatkan kapasiti pengeluarannya bagi pelbagai produk sachet dengan mesin sachet baharu yang akan siap pada pertengahan 2018 bagi memenuhi permintaan untuk produk sachet yang semakin meningkat.

#### AYAMAS FOOD CORPORATION SDN BHD

Ayamas Food Corporation (M) Sdn Bhd (AFCSB) terlibat dalam aktiviti pemprosesan utama dan lanjutan ayam. Kilang tersebut menghasilkan *topping* dan potongan-potongan ayam yang dimasak sepenuhnya serta produk-produk sejuk-beku yang sedia-untuk-dimasak, seperti patti ayam, nugget, sosej, bebola ayam dan sebagainya bagi menyokong keperluan rangkaian restoran-restoran QSR Brands (M) Holdings Bhd, serta untuk membekal kepada pasaran terbuka di bawah jenama *Ayamas*.



Ketiga-tiga kilang Kumpulan secara keseluruhannya memproses lebih daripada 4 juta ekor ayam setiap bulan. Kilang Ayamas di Pelabuhan Klang, Selangor adalah kilang pemprosesan ayam yang terbesar di negara ini. Ia mampu memproses lebih daripada 80,000 ekor ayam setiap hari dan 2,000 tan metrik produk lanjutan ayam setiap bulan. Kilang IPI (Pulau Pinang) dan kilang Bandar Tenggara (Johor) masing-masing mampu menyembelih kira-kira 25,000 dan 50,000 ekor ayam setiap hari.

Bagi 2017, jualan dicatatkan sebanyak RM838.4 juta, melebihi 14% berbanding tahun sebelumnya. AFCSB berjaya menghasilkan EBITDA sebanyak RM6.8 juta untuk 2017 berbanding dengan kerugian sebanyak RM2.4 juta pada 2016. Syarikat menjangka untuk terus memperolehi keputusan yang lebih baik berikutan pelaksanaan pengoptimuman operasi yang berterusan.

Memproses lebih daripada

**155,000**

ekor ayam setiap hari dan

**2,000 tan**

metrik produk lanjutan ayam

## Divisyen Hartanah



Johor Land Berhad (JLand) adalah tulang belakang Johor Corporation dalam Divisyen Hartanah. Walaupun berdepan dengan persekitaran dan pasaran yang sengit, JLand berjaya mencapai hasil yang memberangsangkan pada 2017 serta melihat prospek yang baik pada 2018.



JLand memiliki lebih

**822.70 hektar**

bank tanah yang kebanyakan terletak di **kawasan Iskandar Malaysia**

### JOHOR LAND BERHAD

Johor Land Berhad (JLand), anak syarikat Johor Corporation yang memfokuskan bisnes pembangunan hartanah. JLand memiliki lebih 822.70 hektar bank tanah yang kebanyakan terletak di kawasan Iskandar Malaysia. Beroperasi lebih 45 tahun, JLand melakar sejarah dalam pembinaan perbandaran moden dan penyediaan kediaman berkualiti serta mampu dimiliki.

Setakat ini, JLand selaku sayap pelabur hartanah Johor Corporation membangunkan kediaman perjiranan di Pasir Gudang dan Taman Damansara Aliff. Terkini, pembangunan perbandaran utama yang rancak dilaksanakan ialah Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Selain itu, JLand sedang membangunkan perbandaran terbaharu di Bandar Tiram dan Taman Mutiara Gading, Batu Pahat serta lain-lain projek pembinaan kediaman dan komersil di Tampoi, Bandar Baru Majidee, Mersing, Pagoh

**Aset bersih** meningkat kepada  
**RM1.37 bilion**  
berbanding  
**RM1.29 bilion**  
pada 2016

**Nilai Pembangunan Kasar (GDV)**  
Bandar Dato' Onn  
**RM8 bilion**



serta Kem Tebrau. Sehingga Disember 2017, JLand telah membina dan menyerahkan lebih 35,000 unit kediaman dan komersil kepada pembeli.

Pencapaian ini hasil usaha berterusan JLand dalam mempertingkatkan kualiti, mempraktikkan amalan integriti dan mengekalkan hubungan jangka panjang dengan pihak berkepentingan serta pengetahuan luas dalam pasaran hartanah. JLand sebagai agen pembangunan Johor Corporation akan sentiasa memberi sumbangan positif dan signifikan kepada ekonomi serta pembangunan Johor.

### PRESTASI KEWANGAN

Walaupun berhadapan dengan tahun kewangan yang mencabar disebabkan kesan kejatuhan ekonomi, JLand berjaya menghadapi cabaran dan seterusnya mencapai hasil memberangsangkan pada 2017. Setakat 31 Disember 2017, JLand merekodkan perolehan RM486 juta iaitu 40% lebih tinggi berbanding RM346 juta pada 2016. Produk perumahan dan komersil adalah penyumbang utama pencapaian ini.

Keuntungan sebelum cukai mencatatkan penurunan kepada RM126 juta pada 2017 berbanding RM193 juta tahun sebelumnya. Penurunan RM67 juta itu disebabkan kemerosotan pembahagian keuntungan/kerugian syarikat bersekutu. Kualiti lembaran imbalan JLand pada asasnya kekal teguh dengan aset bersih meningkat kepada RM1.37 bilion pada 2017 berbanding RM1.29 bilion pada 2016.

### BANDAR DATO' ONN

Pembangunan Bandar Dato' Onn adalah selaras matlamat JLand menjadi peneraju syarikat hartanah di Johor. Perbandaran meliputi seluas 612.70 hektar tanah pegangan bebas itu berada di zon Iskandar Malaysia. Ia terletak 12 kilometer (km) dari Bandaraya Johor Bahru dan boleh diakses melalui Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) dan Lebuhraya Penyuraian Timur Johor Bahru (EDL).

Dengan konsep perbandaran serba lengkap, komunitinya berpotensi berkembang maju dalam keadaan perijiran yang selamat, menarik dan meriah. Justeru, Bandar Dato' Onn adalah lokasi pilihan untuk didiami. Pembangunannya dijangka lengkap dalam tempoh 10-15 tahun lagi melibatkan 17,200 unit kediaman dan komersil dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM8 bilion. Setakat ini, 2,613 unit perumahan dan komersil siap dibina manakala 555 unit lagi menjelang 2018.

Sepanjang 2017, JLand menyiapkan pembinaan 359 unit rumah teres dua tingkat dan 15 unit kedai pejabat di Perijiran 15 Fasa 1 dengan Perijiran 2 dengan nilai GDV RM110.9 juta siap dibina pada 2017. Setiap perijiran dilengkapi pelbagai kemudahan seperti pusat komuniti, taman rekreasi dan taman permainan.

Bandar Dato' Onn juga menyediakan pelbagai kemudahan awam dalam kawasan pembangunannya seperti masjid, taman rekreasi, sekolah, pusat beli-belah, stesen minyak dan

balai polis. Di tengah-tengah perbandaran ini, terletak Masjid Sultan Iskandar. Konsep binaannya dipengaruhi seni bina masjid di Turki dan melambangkan era pemodenan Johor pada masa kini. Selain itu, pusat beli-belah AEON siap dibina pada Februari 2017 dan dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada September 2017.

### BANDAR TIRAM

Bandar Tiram adalah perbandaran terbaharu yang dibangunkan oleh JLand melibatkan Fasa 1-5 sejak 2007. Pembangunan seluas lebih 400 hektar itu boleh diakses melalui Lebuhraya Senai-Desaru. Bandar Tiram menawarkan lebih 11,000 unit kediaman dan perumahan dengan GDV RM5 bilion. Keseluruhan pembangunan itu dijangka siap sepenuhnya pada 2035.

Setakat ini, JLand membangunkan 43.30 hektar tanah di Bandar Tiram 1. Ia merangkumi 709 unit rumah teres dua tingkat dan 53 unit kedai pejabat dengan GDV RM362 juta. Sebanyak 91 unit rumah teres dua tingkat masih dalam pembinaan dan 80 unit rumah kedai akan dibangunkan secara berperingkat. Keseluruhan GDV pembangunan Bandar Tiram 1 ialah RM440 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada 2020.

Bandar Tiram juga dilengkapi kemudahan awam seperti sekolah, balai polis, balai bomba, terminal bas, masjid, pasar dan dewan komuniti. Sebuah landskap berpusat juga dibina bagi manfaat penduduk beriadah.

## Divisyen Hartanah

### TAMAN BUKIT DAHLIA

Taman Bukit Dahlia dibangunkan di atas tapak 168.75 hektar dengan pembangunan bercampur merangkumi lebih 3,800 unit rumah teres dua tingkat, rumah berkembar dan kompleks komersil. Pembangunan ini mempunyai akses ke sekitarnya dan terletak secara strategik dalam koridor pertumbuhan Johor. Taman Bukit Dahlia mempunyai GDV RM990 juta.

Pada 2017, sebanyak 116 unit rumah teres dua tingkat *Idaman 2 & 3* Fasa 1 dan Fasa 2 (56), banglo Fasa 2 (18) serta kedai pejabat dua tingkat Zon C (31) siap dibina dengan memiliki Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

### TAMAN DAMANSARA ALIFF

Dibangunkan di tapak 101.20 hektar, Taman Damansara Aliff adalah pembangunan usahasama antara JLand dan Damansara Realty Johor Berhad. Ia merangkumi pembinaan unit komersil, kedai pejabat dan kediaman dalam perjiranan yang tersusun dan inovatif. Kedudukan pembangunan ini strategik dan boleh diakses melalui Lebuh raya Perling-Pasir Gudang dan Jalan Tampoi. Sejumlah 87 unit rumah teres dua tingkat *Aliff Puteri 3* dibina pada Jun 2017. Secara keseluruhan, usahasama ini berjaya membangunkan 235 unit rumah teres dua tingkat dan kedai pejabat serta dilengkapi pelbagai kemudahan awam seperti taman permainan kanak-kanak, padang bolasepak dan trek jogging.

### TAMAN MUTIARA GADING

Taman Mutiara Gading adalah pembangunan bercampur di Sri Gading. Ia dibangunkan di tapak 95.50 hektar dan merangkumi 1,809 unit kediaman, 119 unit kedai pejabat dan plot komersil dengan GDV RM700 juta. Taman perumahan ini terletak di kedudukan strategik 7 km dari bandar Batu Pahat serta berdekatan cadangan lokasi stesen Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR) yang akan beroperasi pada 2026. Taman Mutiara Gading akan dibangunkan secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada 2026.



Pada 2017, JLand melancarkan 200 unit rumah teres dua tingkat dengan GDV RM77 juta. JLand juga akan menyediakan kemudahan untuk penduduk setempat seperti hospital, pasar raya, rumah mampu milik, masjid dan sekolah. Mula dibina pada 2016, pembinaan Hospital Pakar KPJ Sri Gading dijangka siap Oktober 2018 dengan kos pembinaan kasar RM70 juta. Pembinaan Fasa 1 hospital ini menyediakan kemudahan 90 katil daripada jumlah 240 katil keseluruhannya. Kemudahan ini akan menampung kekurangan bekalan keperluan hospital di sekitar kawasan tersebut.

### MENARA JLAND

Menara JLand adalah premis pertama memperkenalkan konsep bangunan pejabat komersil hijau di Johor Bahru. Ia dibina berdasarkan spesifikasi bangunan pejabat gred A dan mensasarkan piawaian Persijilan Emas bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI). Antara ciri-ciri mesra alam pada menara itu ialah pencahayaan siang yang maksima, penggunaan '*double glazed low-E windows*' dan tetapan rekabentuk ruang parkir untuk kereta hibrid dan *carpooling*. Ia turut memberi fokus kepada meningkatkan keberkesanan penggunaan sumber seperti tenaga, air dan bahan serta mengurangkan kesan bangunan ke atas kesihatan manusia dan alam sekitar.

Menara 37 tingkat itu dilengkapi '*Sky Garden*' setiap 2 tingkat pembinaannya dan dek pemerhatian di tingkat 34 yang akan memberi pengalaman berbeza kepada setiap pengunjung. Setakat 2017, 93% menara ini telah siap dan dijangka siap sepenuhnya April 2018.

Menara JLand terletak di kedudukan strategik dalam zon *Ibrahim International Business District* (IIBD) yang bermatlamat menjadikan Johor Bahru tumpuan antarabangsa bagi tujuan pelaburan, komersil dan korporat. Menara ini mempunyai akses keluar masuk dari Singapura dan jaringan penghubungan yang terbaik dari enam pusat pertumbuhan ekonomi dalam lingkungan 60 kilometer – Pasir Gudang, Senai, Iskandar Puteri, Tanjung Langsat, Tanjung Pelepas serta Pengerang. Penghubungan yang strategik dengan jajaran jejantas pejalan kaki yang menghubungkan antara bangunan dan pusat beli-belah di bandaraya ini memberi kelebihan kepada Menara JLand bagi membolehkan pengunjung melakukan aktiviti seperti bekerja, berekreasi serta membeli-belah.

### PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

Sebagai warga korporat, JLand bertanggungjawab dan komited menjayakan aspirasi kerajaan negeri dalam memastikan pemilikan rumah untuk rakyat di bandar mahupun di luar bandar melalui Dasar Perumahan Rakyat Johor. Memorandum Perjanjian (MoA) Pembangunan Perumahan Kos Rendah dan

Mampu Milik antara Johor Corporation dengan Kerajaan Negeri Johor pada September 2013 membuktikan komitmen JLand terhadap aspirasi tersebut. JLand akan melaksanakan pembinaan lebih 8,000 unit perumahan kos rendah dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di beberapa lokasi seperti di Tampoi, Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Bandar Baru Majidee, Taman Mutiara Gading, Jalan Kong Kong-Masai (Pasir Gudang), Kampung Londang Batu (Mersing), Lenga (Muar) dan Kem Tebrau (Johor Bahru).

Pada 2017, JLand menyerahkan 934 unit rumah mampu milik kepada pembeli. Sebanyak 304 unit di Taman Seroja, Tampoi adalah terdiri daripada 160 unit kos rendah berharga RM35,000, selain 80 unit kos sederhana rendah (RM50,000) serta 64 unit kos sederhana (RM80,000). Manakala 630 unit di Bandar Tiram terdiri daripada 250 unit MyHome, 190 unit kos rendah (RM35,000) dan 190 unit kos sederhana rendah (RM50,000). Sejumlah 1,172 unit rumah mampu milik di Bandar Dato' Onn serta Kampung Londang Batu telah siap dan akan diserahkan pada suku kedua 2018.

Selain itu, 594 unit rumah mampu milik dan 728 unit rumah serupa masih dalam pembinaan dan dijangka siap masing-masing pada 2019 dan 2020. Keseluruhan pembinaan rumah mampu milik itu dijangka siap sepenuhnya pada 2025.

Majlis Pecah Tanah Pembinaan Perumahan Komuniti Johor (PKJ) di Lenga diadakan pada 12 Februari 2017 dan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) & Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah Bandar Tiram diadakan pada 30 September 2017.

#### PERANAN AGEN PEMBANGUNAN

Sebagai agen pembangunan Johor Corporation dan selari aspirasi Kerajaan Negeri untuk merangsang dan memacu perkembangan ekonomi, JLand turut memperluaskan agenda pembangunannya. Ini termasuk melaksanakan pembinaan dan kerja menaiktaraf kemudahan sukan dan infrastruktur pembangunan Arena Larkin bagi memenuhi keperluan rakyat serta persediaan tuan rumah Sukan Malaysia (Sukma) 2020. Inisiatif itu bermula pada 2017 dan merangkumi pembinaan stadium tertutup yang baharu selain menaiktaraf stadium akuatik dan Stadium Bolasepak Negeri Johor serta penajajaran semula aliran trafik di sekitarnya. Projek itu dibangunkan di tapak 43.30 hektar dan dijangka siap sepenuhnya pada 2019.

Selain itu, JLand melaksanakan kerja-kerja pembangunan semula warisan dan kebudayaan di sepanjang Sungai Johor menerusi Program Kembara Wangsa Kota Tinggi. Ia dilaksanakan secara berperingkat mulai 2016 hingga 2021.



**DASB MENGURUSKAN  
205,000 METER  
PERSEGI RUANG BOLEH  
DISEWA BERNILAI  
HAMPIR RM2 BILION.  
IA TERLETAK DI LOKASI  
STRATEGIK DI LEMBAH  
KLANG DAN JOHOR  
BAHRU DENGAN PURATA  
KADAR PENGHUNIAN  
89%. JUMLAH  
1,528 PENYEWA**

Setakat 2017, JLand telah menyiapkan kerja menaiktaraf Balai Kota 1528 menjadi Pusat Informasi dan Pelancongan Kota Tinggi (Balai Kota 1528). Majlis penyerahan bangunan itu kepada Kerajaan Negeri diadakan pada 12 Mac 2017. Pembangunan Fasa 1B meliputi kerja menaiktaraf Makam Laksamana Bentan serta pembinaan jeti terapung sedang dijalankan dan dijangka siap pada 2019.

#### DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) adalah syarikat anak milik penuh Johor Corporation. Bernaung di bawah Divisyen Hartanah, DASB menjalankan aktiviti pembangunan dan pengurusan hartanah komersil khususnya kompleks beli-belah serta bangunan pejabat. Sehingga 2017, DASB menguruskan 205,000 meter persegi ruang boleh disewa bernilai hampir RM2 bilion. Ia terletak di lokasi strategik di Lembah Klang dan Johor Bahru dengan purata kadar penghunian 89%. Sebanyak 1,528 penyewa yang menghuni bangunan yang diuruskan meliputi badan korporat, agensi kerajaan, institusi kewangan, syarikat profesional dan persendirian serta peniaga kecil. Sebahagian besarnya syarikat Bumiputera.



## Divisyen Hartanah

DASB bukan sahaja menguruskan bangunan miliknya iaitu Galleria@Kotaraya dan Pusat Perniagaan Taman Dahlia malah bangunan milik Al-Salām REIT melalui syarikat anaknya iaitu Synergy Mall Management Sdn Bhd. Bangunan itu melibatkan pusat beli-belah KOMTAR JBCC dan Pasaraya Komuniti @mart Kempas serta bangunan pejabat meliputi Menara KOMTAR JBCC dan bangunan Malaysian College of Hospitality and Management.

KOMTAR JBCC telah mendapat pengiktiratan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia dengan mendapat anugerah *Best Shopping Centre* dalam kategori *Stand-Alone Shopping Centre* semasa majlis *20th Malaysia Tourism Awards 2016-2017*.

Selain itu, DASB menguruskan bangunan milik Kumpulan Johor Corporation iaitu Larkin Sentral, Menara Ansar, Jeti Tanjung Leman, Tunjuk Laut Beach Resort, Menara VSQ1, Menara 238, Menara JCorp serta Masjid Sultan Iskandar di Bandar Dato' Onn. Bermula Disember 2017, DASB dilantik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang untuk menguruskan bangunan PBT di Sungai Rengit dan Teluk Sengat seperti gerai makanan, terminal bas dan pasar awam.

DASB juga sebagai Agen Penyewaan bagi bangunan baharu milik Johor Land Berhad iaitu Menara JLand, yang berstatus *Green Building* dan bakal dilengkapi MSC Status. Bangunan pejabat setinggi 37 tingkat itu bakal dihuni syarikat konglomerat dan menjadi mercu tanda baharu di Bandaraya Johor Bahru apabila siap pada 2018. Galeri Menara JLand di tingkat bawah Menara KOMTAR pula menjadi pusat pameran dan pengurusan penyewaan. Perasmian galeri itu disempurnakan YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor, pada 22 Januari 2017.



### Perancangan B5 Johor Street Market

Pada 2017, DASB terlibat secara langsung dalam perancangan pembangunan Projek *B5 Johor Street Market* di Tampoi, milik Johor Land Berhad. Ia adalah Pusat Komersil Pelancongan Setempat hasil cetusan inspirasi daripada konsep *Queen Victoria Market* yang menjadi antara tarikan pengunjung ke Melbourne, Australia. Bagaimanapun, konsep itu diterapkan dalam konteks tempatan berdasarkan inspirasi untuk 'Mengimbu Warisan Lama Johor' dengan menjadikannya sebagai lokasi ikonik kepada penduduk tempatan dan tumpuan pelancong di Johor Bahru.

Justeru, reka bentuk, persekitaran dan suasana yang menampilkan ciri-ciri zaman lama Johor akan ditonjolkan bagi mengimbu kembali pesona Johor. Ia mempunyai lima komponen iaitu *Retail Bazaar*, *Food & Beverage*, *Box Park*, *Food Truck* dan *Culture & Arts*. Projek itu yang pertama seumpamanya di Malaysia dan dijangka siap dibina pada akhir 2019. Projek B5 Johor Street Market juga menjadi Titik Sentuhan Bajet Kerajaan Negeri Johor 2018.

### DASB Anjur Iftar Ramadan

DASB turut meraikan 150 tetamu yang mewakili beberapa jabatan kerajaan, Persatuan Penyewa Larkin Sentral dan Pusat Perniagaan Taman Dahlia pada majlis Iftar Ramadan di Restoran Selasih Sri Gelam, Johor Bahru pada 7 Jun 2017. Majlis itu bertujuan merapatkan hubungan dan meningkatkan kerjasama di antara pihak pengurusan DASB dengan agensi kerajaan serta persatuan penyewa.

### Sumbangan Sempena Aidilfitri

Dalam merealisasikan falsafah tanggungjawab korporatnya, DASB dengan kerjasama Mutiara Johor Corporation dan Briged Waqaf™ menyerahkan sumbangan wang tunai serta barang keperluan asas bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan sempena meraikan Aidilfitri. Majlis 15 Jun 2017 itu menyaksikan 166 orang menerima bantuan tersebut.



DASB memperoleh pengiktirafan **SIRIM QAS International Sdn Bhd** untuk menaiktaraf pensijilan ISO 9001:2008 kepada **ISO 9001:2015**

### Memperkasakan Keselamatan

Dalam usaha mempertingkatkan keyakinan pengunjung dan pelancong asing bahawa premis beli-belah yang diuruskan adalah selamat serta bebas jenayah, DASB menambah keupayaan anggota Polis Bantuan Johor Corporation kepada 91 orang pada 2017 berbanding 63 orang pada 2016. Terdahulu, 28 anggota baharu itu menyertai latihan dan diakhiri dengan Perbarisan Tamat Latihan di Dataran Kawad PULAPOL, Segamat pada 7 September 2017. Mereka terdiri daripada 21 anggota lelaki dan tujuh wanita yang menjalani kursus asas Polis Bantuan selama dua bulan.

### Kerjasama dengan Amari Hotel

Angry Birds Activity Park Johor Bahru menjalin kerjasama strategik dengan Amari Hotel - jenama hotel terkenal di peringkat antarabangsa. Ia bertujuan menarik kedatangan pelancong ke Bandaraya Johor Bahru khususnya ke KOMTAR JBCC melalui aktiviti pemasaran yang menguntungkan kedua-dua pihak.

Pada 12 September 2017, majlis pertukaran dokumen kerjasama di antara kedua-dua pihak diadakan di Amari Hotel Johor Bahru yang disempurnakan Tuan Haji Yusaini Haji Sidek, Pengarah Eksekutif DASB; dan Encik Wayne Lunt, Pengurus Besar Amari Hotel.

Melalui kerjasama itu, Hotel Amari Johor Bahru melancarkan pakej penginapan keluarga yang menawarkan tiket masuk ke Angry Birds Activity Park. Pada majlis sama, seramai 30 anak yatim dari Pusat Kebajikan Kalvari menerima tiket ke Angry Birds Activity Park melalui program kebajikan syarikat.



### ABC Challenge 2017

Angry Birds Activity Park Johor Bahru juga menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) melalui program *Angry Birds Crew (ABC) Challenge*. Program itu sebagai platform mendedahkan pelajar dengan gaya hidup sihat, membina keyakinan diri, mengukuhkan kerja berpasukan dan membentuk daya kepimpinan selain mempromosi taman tema aktiviti keluarga tersebut.

Majlis Perasmian Penutup *ABC Challenge 2017* disempurnakan Encik Mustaffa Ibrahim, Ketua Sektor Pembangunan Manusia JPNJ di KOMTAR JBCC pada 9 November 2017. Acara itu merekodkan penyertaan tertinggi dibandingkan tahun sebelumnya iaitu 500 pelajar yang mewakili 100 pasukan dari 57 sekolah dari seluruh Johor. Sekolah Kebangsaan Bandar Uda 2, Johor Bahru menjuarai Kategori A dan B dalam *ABC Challenge 2017* sekaligus merangkul wang tunai RM3,000, piala pusingan, trofi, pingat, sijil penyertaan serta pas tahunan ke Taman Tema Angry Birds Johor Bahru.

### Naiktaraf Pensijilan ISO

Bagi memperkasakan sistem pengurusan operasi bangunan yang memberi penekanan kepada amalan kerja berkualiti, DASB memperoleh pengiktirafan SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk menaiktaraf pensijilan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015. Terdahulu, SIRIM menjalankan *Surveillance Audit* pada 29 dan 30 November 2017.

### Sistem Tiket Berpusat Beroperasi

Keselesaan pengunjung adalah keutamaan DASB. Oleh itu, Terminal Pengangkutan Awam di Larkin Sentral dinaiktaraf daripada sistem konvensional kepada Sistem Tiket Berpusat (*Centralised Ticketing System - CTS*). Sistem itu meningkatkan kemudahan dan keselesaan penumpang bas sekaligus menghapuskan kegiatan ulat tiket serta meningkatkan imej Larkin Sentral.

Kerja menaiktaraf CTS di Larkin Sentral bermula sejak Mac 2016 melibatkan naiktaraf platform bas sebanyak 112 unit, ruang menunggu dengan kapasiti 1,000 penumpang, kaunter dan kiosk pembelian tiket serta memperkenalkan CTS, sistem menurunkan dan mengambil penumpang di platform (*Entry System*) selain naiktaraf ruang niaga.

## Divisyen Hartanah

Bermula 15 Disember 2017, Larkin Sentral memulakan penggunaan CTS di mana pengguna boleh membeli tiket bas ke semua destinasi melalui Kaunter Jualan Manual, Kiosk Tiket serta *online*.

Sehingga akhir 2017, kerja menaiktaraf CTS di Larkin Sentral yang melibatkan kos RM15.7 juta telah siap 92% dan dijangka siap sepenuhnya April 2018.

### Kedudukan Kewangan 2017

Perolehan Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2017 adalah RM124.70 juta berbanding RM117.95 juta bagi tempoh sama 2016. Sebahagian besar pertambahan perolehan itu disumbangkan oleh perolehan sewa daripada UTC di Galleria@Kotaraya bermula Julai 2017 serta peningkatan pendapatan sewa daripada KOMTAR JBCC hasil peningkatan kadar kependudukan kepada 95%.

Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2017 adalah RM37.15 juta berbanding RM27.09 juta tahun sebelumnya. Peningkatan sebanyak RM10.06 juta itu hasil peningkatan perolehan Kumpulan selain penjimatan kos pentadbiran sebanyak RM18 juta melalui amalan perbelanjaan berhemah.



**NILAI HARTANAH AL-`AQAR MENCECAH RM1.46 BILION DENGAN MODAL PASARAN BERNILAI RM1.04 BILION**

**JUMLAH NILAI ASET AL-SALĀM REIT BERJUMLAH RM988.80 JUTA DENGAN JUMLAH MODAL PASARAN RM580 JUTA**



### AL-`AQAR HEALTHCARE REIT

Al-`Aqar Healthcare REIT (Al-`Aqar) disenaraikan di Bursa Malaysia pada 10 Ogos 2006. Ditubuhkan dengan portfolio awal sebanyak enam hartanah, Al-`Aqar kini berkembang kepada 22 hartanah melibatkan 19 hospital dan tiga hartanah berkaitan penjagaan kesihatan di Malaysia serta Australia.

Al-`Aqar diuruskan oleh Damansara REIT Managers Sdn Berhad (DRMSB atau Pengurus), anak syarikat milik penuh Kumpulan Johor Corporation dan disokong oleh KPJ Healthcare Berhad (KPJ). Sehingga 31 Disember 2017, nilai hartanah Al-`Aqar mencecah RM1.46 bilion dengan modal pasaran bernilai RM1.04 bilion.

### Prestasi Kewangan

Al-`Aqar mencatatkan hasil RM99.6 juta bagi Tahun Kewangan 2017 iaitu penurunan 4% berbanding 2016. Perolehan bersih hartanah turut merosot 4.5% kepada RM93.6 juta daripada RM97.6 juta tahun sebelumnya. Penurunan itu disebabkan penjualan Selesa Tower pada 2017.

Keuntungan bagi 2017 berjumlah RM82.1 juta berbanding RM63.1 juta pada 2016. Ia terdiri daripada keuntungan direalisasikan sebanyak

RM59.8 juta berbanding RM61.5 juta tahun sebelumnya dan keuntungan belum direalisasikan berjumlah RM22.3 juta berbanding RM1.5 juta bagi tempoh sama. Peningkatan itu disebabkan keuntungan lebih tinggi dalam pelarasan nilai saksama.

Dividen yang diisytiharkan bagi 2017 adalah 7.70 sen seunit berjumlah RM56.1 juta yang mewakili 96% perolehan yang boleh diagihkan.

### Ulasan Bisnes

Pada 2017, Al-`Aqar menyempurnakan penjualan Selesa Tower kepada Optimum Impress Sdn Bhd pada pertimbangan sebanyak RM100 juta.

Penjualan itu membolehkan Al-`Aqar merealisasikan nilai pelaburan dalam hartanah itu dan keuntungan yang diterima digunakan untuk menurunkan pinjaman sebanyak RM80 juta serta pertimbangan pembelian RM13 juta untuk blok tempat letak kereta di Hospital Pakar KPJ Selangor selain tujuan modal kerja.

Pembelian blok tempat letak kereta 5 tingkat di Hospital Pakar KPJ Selangor selesai pada 27 Disember 2017.

## Divisyen Hartanah



### Prospek

Al-Salām menjangkakan mencatat pertumbuhan sederhana bagi 2018 dengan disokong 100% oleh jaminan penyewaan dan semakan sewa sederhana serta melalui pembelian hartanah.

### AL-SALĀM REIT

Al-Salām REIT adalah REIT Islam yang mempunyai aset pelbagai di Malaysia. Asetnya terletak di lokasi strategik di Pusat Bandaraya Johor Bahru dan bandar utama di seluruh Malaysia. Al-Salām REIT disenaraikan di Bursa Malaysia pada 29 September 2015. Pada 31 Disember 2017, jumlah nilai aset Al-Salām REIT berjumlah RM988.80 juta dengan jumlah modal pasaran RM580 juta.

Aktiviti utama Al-Salām REIT ialah melabur dalam hartanah patuh syariah. Segmen Al-Salām REIT termasuk runcit, pejabat, makanan dan minuman terdiri daripada restoran F&B dan restoran bukan F&B.

Portfolio Al-Salām REIT terdiri daripada KOMTAR JBCC, Menara KOMTAR, @Mart Kempas, 22 premis KFC dan Pizza Hut, lima hartanah bukan restoran dan bangunan kolej.

Al-Salām REIT diuruskan oleh DRMSB yang juga pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang diberi kuasa menjalankan aktiviti pengurusan dana berhubung dengan REIT.

### Prestasi Kewangan

Al-Salām REIT mencatatkan hasil RM80 juta pada 2017 iaitu meningkat 5.1% berbanding 2016. Pendapatan bersih hartanah merosot 0.1% kepada RM56.7 juta daripada RM56.9 juta pada 2016. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya prestasi lebih kukuh dalam segmen runcit manakala NPI sedikit lebih rendah berikutan peningkatan perbelanjaan hartanah di Menara KOMTAR.

**Dividen yang diisytiharkan** bagi 2017 adalah 6.00 sen seunit berjumlah **RM34.8 juta** - mewakili 97.9% perolehan yang boleh diagihkan.

Keuntungan bagi 2017 berjumlah RM40.6 juta berbanding RM46.7 juta pada 2016 yang terdiri daripada keuntungan direalisasikan RM35.5 juta (2016: RM36.0 juta) dan keuntungan belum direalisasi RM5.1 juta (2016: RM10.7 juta).

Dividen yang diisytiharkan bagi 2017 adalah 6.00 sen seunit berjumlah RM34.8 juta - mewakili 97.9% perolehan yang boleh diagihkan.

### Prospek

KOMTAR JBCC dijangka terus menjadi penyumbang terbesar kepada Al-Salām REIT kerana lokasi strategiknya sebagai destinasi pilihan untuk membeli-belah di Johor Bahru. @Mart Kempas dijangka kekal berdaya tahan meskipun keadaan ekonomi tidak menentu. Ini dibuktikan oleh peningkatan kadar ke penghuniannya.

Menara KOMTAR menikmati pendapatan sewa yang stabil bagi jangka panjang kerana ia digunakan sebagai Ibu Pejabat Johor Corporation.

Seterusnya, Al-Salām REIT meramalkan tiada perubahan berkenaan pembaharuan sewaan atau ke penghunian bangunan Malaysian College of Hospitality and Management (dulu KFCH International College) kerana lokasi yang strategik dan mempunyai zon perumahan yang berkembang pesat iaitu Bandar Dato' Onn.

Restoran F&B dan restoran bukan F&B yang disokong mempunyai daya tahan pendapatan yang kukuh untuk Al-Salām REIT yang akan membantu meminimumkan kenaikan perbelanjaan operasi hartanah dalam jangka masa panjang.

# Divisyen Pembangunan Industri



Divisyen Pembangunan Industri (DPI) merupakan agen pelaksana pembangunan perindustrian Johor Corporation. Divisyen ini memajukan 31 kawasan perindustrian di seluruh negeri Johor dengan keluasan 5,837 hektar dan sehingga kini telah menarik pelaburan RM78.92 bilion daripada 1,828 pelabur tempatan dan luar negara.



Sehingga penghujung 2017, Johor Corporation menawarkan

**480 hektar**

tanah industri dan majoritinya di

**Kompleks Perindustrian  
Tanjung Langsat (KPTL)**

Pada masa sama, sebanyak 196,369 peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil pembangunan dan pelaburan yang diterima. Sepanjang 2017, DPI berjaya menarik pelaburan RM713 juta ke negeri Johor di dalam senario ekonomi dunia yang tidak menentu.

Sehingga penghujung 2017, Johor Corporation menawarkan 486 hektar tanah industri yang majoritinya terletak di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (KPTL). DPI juga sedang giat membangunkan taman-taman perindustrian baharu bagi memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi di dalam sektor minyak & gas dan Industri 4.0 iaitu di Pengerang dan Sedenak.

## PEMBANGUNAN TAMAN PERINDUSTRIAN SEDENAK

### a) Hab Sedenak Industri 4.0 dan Pelan Induk Bandar Pintar (Smart City)

Taman Perindustrian Sedenak terletak kira-kira 50 kilometer dari Johor Bahru merupakan sebahagian daripada Zon "Smart Valley" Sedenak-Kulai seluas 20,234 hektar di bawah Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia. Tanah seluas 2,834 hektar yang dimiliki oleh Johor Corporation telah diperuntukkan untuk bagi pembangunan Pusat Industri 4.0 dan Bandar Pintar.

### b) Sedenak Iskandar Data Hub (SIDH)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), entiti utama yang menerajui masa depan ekonomi digital Malaysia, telah memulakan kerjasama dengan Johor Corporation untuk membangunkan SIDH sebagai pusat pangkalan data bertaraf antarabangsa. AECOM, sebuah syarikat reka bentuk dan kejuruteraan telah diberikan tanggungjawab untuk merancang pelan induk SIDH berdasarkan prinsip *live-work-play*. Kerja-kerja pembangunan untuk pusat data Tier III telah bermula pada 2016 dan sehingga Disember 2017 yang meliputi tanah seluas 121 hektar. Pusat pangkalan data ini dijangka memulakan operasi pada tahun 2020.

### c) Pusat Robotik Nasional

Johor Corporation dan Siasun Robot Investment Co Ltd (Siasun) pada 14 Mei 2017 telah menandatangani "*Cooperation Intention Agreement*" (CIA) untuk membangunkan lapan projek (empat institusi dan empat pusat) dengan enam keberhasilan dalam tempoh enam tahun.



## PEMBANGUNAN TAMAN PERINDUSTRIAN PERKAYUAN MUAR

Johor Corporation diamanahkan oleh Kerajaan Johor untuk bertindak sebagai pemaju pembangunan hab industri perabot bagi memenuhi keperluan pembuatan dan pemasaran produk perabot khususnya di Muar. Projek ini juga bertujuan untuk menempatkan semula kilang-kilang perabot yang beroperasi di atas tanah pertanian di sekitar Muar di satu kawasan yang lebih tersusun dan lengkap dengan kemudahan infrastruktur dan pemudahcara. Pembangunan fizikal yang melibatkan tanah seluas 399 hektar itu dijangka mengambil masa tiga tahun. Pembangunan hab ini mengunjurkan penjana pelaburan sebanyak RM1.3 bilion melalui pembinaan 213 kilang.

## KAWASAN INDUSTRI SOKONGAN MINYAK DAN GAS PENERANG

Johor Corporation akan membangunkan kawasan perindustrian seluas 476 hektar bagi industri sokongan minyak dan gas di PIPC. Bagi fasa pertama, 352 hektar akan dimajukan untuk menempatkan aktiviti hiliran seperti kompleks 'aromatic', pembuatan produk kimia, tapak penyimpanan peralatan minyak & gas, serta kejuruteraan dan perkhidmatan minyak & gas.

Pembangunan fasa kedua bagi kawasan seluas 125 hektar merupakan kesinambungan perancangan jangka panjang penglibatan Johor Corporation di PIPC. Terletak bersebelahan dengan pembangunan fasa pertama, ia dirangka untuk mengkhusus kepada industri kecil dan sederhana (IKS) bagi menyokong aktiviti perindustrian di RAPID.

Penglibatan Johor Corporation akan saling melengkapi kemudahan yang sedia ada dan akan datang di PIPC seperti Penerang Deepwater Terminal, taman perindustrian maritim serta hab perkhidmatan komersil.

## PEMBESARAN KOMPLEKS PERINDUSTRIAN TANJUNG LANGSAT (KPTL)

KPTL adalah kawasan perindustrian milik Johor Corporation yang mengkhusus bagi industri berat. Sehingga Disember 2017, seramai 115 pelabur tempatan dan asing komited dengan nilai pelaburan hampir RM29.0 bilion. Daripada jumlah itu, 71 kilang dengan nilai pelaburan RM17.75 bilion telah memulakan operasi. Berikutan permintaan tinggi, Johor Corporation dalam perancangan untuk pembesaran kawasan seluas 309 hektar.

## Divisyen Pembangunan Industri

### TLP TERMINAL SDN BHD

Pengurusan Pelabuhan Tanjung Langsat (PTL) diterajui sebuah syarikat anak milik penuh Johor Corporation iaitu TLP Terminal Sdn Bhd (TLPT).

Secara keseluruhan, jumlah kendalian kargo pada tahun 2017 merosot sebanyak 10% kepada 11.2 juta metrik tan berbanding tahun sebelumnya. Pengendalian kargo berasaskan petroleum menyumbang 94% jumlah keseluruhan pengendalian kargo di PTL. Bagi pengendalian kargo pukal dan kering, PTL telah mengendalikan 0.34 juta tan iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus berbanding tahun 2016.

Peristiwa yang paling penting pada tahun 2017 merupakan kejayaan memperolehi Lesen Operator Terminal daripada Lembaga Pelabuhan Johor untuk tempoh lanjutan 29 tahun berakhir 31 Mei 2046.



### BISNES PELABUHAN

Kedudukan PTL yang strategik iaitu hanya 12 batu nautika dari laluan perkapalan antarabangsa, dilengkapi fasiliti dermaga dan keupayaan mengendalikan kapal bersaiz *Suezmax* dan *Aframax* adalah faktor utama pelabuhan ini terus menjadi pilihan pedagang dan pelabur. PTL dilengkapi dengan 9 dermaga; 7 dermaga cecair dan 2 dermaga kering, serta dalam perancangan untuk meningkatkan keupayaan dengan menambah 2 dermaga kering. Ini akan meningkatkan kapasiti keseluruhan pelabuhan kepada 30 juta metrik tan. PTL juga disokong oleh komponen kluster seperti:

- a) Tangki Penyimpanan Minyak berkapasiti 922,800 meter padu dengan keluasan 161 hektar merangkumi terminal minyak bagi kargo petroleum & petrokimia bagi kargo *edible oil*. Setakat ini, beberapa pelabuhan luar negara dan tempatan telah mula beroperasi seperti Langsat Terminal (One) Sdn Bhd; Langsat Terminal (Two) Sdn Bhd yang turut mengendalikan Deepwater Terminal di Pengerang menerusi Dialog Berhad; Musim Mastika Oil & Fats (M) Sdn Bhd; serta Langsat Bulkers Sdn Bhd.
- b) Hab Oilfield Services & Equipment (OFSE) Tapak industri untuk Khidmat Kejuruteraan Pesisir Pantai seluas 202 hektar diperuntukkan kepada syarikat OFSE global beroperasi di KPTL bagi memberi perkhidmatan industri minyak & gas yang pesat berkembang maju di rantau ini. Antara syarikat yang telah beroperasi ialah Asiaflex Products Sdn Bhd (syarikat Kumpulan Technip), Kiswire Neptune Sdn Bhd; dan Bahru Stainless Sdn Bhd (syarikat anak Acerinox Pte Ltd).

- c) Pangkalan Bekalan Marin Serantau Pangkalan Bekalan Marin Serantau dibangunkan oleh Langsat OSC Sdn Bhd dan Langsat Marine Terminal Sdn Bhd, masing-masing dengan keluasan 20 hektar. Sehingga kini, kedua-dua kawasan ini berjaya menarik RM300 juta pelaburan.

- i. **Langsat OSC Sdn Bhd (LOSC)** Pembinaan fasiliti '*Common User Supply Base*' oleh LOSC telah siap sepenuhnya. Ia beroperasi dengan status Gudang Berlesen Awam (GBA) dan Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) mengikut Seksyen 65 & 65A Akta Kastam 1967. Fasiliti ini merangkumi 16 bengkel bagi penggunaan syarikat yang berkaitan aktiviti hiliran industri minyak & gas. Dengan kepakaran rakan kongsi yang menguruskan fasiliti serupa di Jebel Ali Freezone, Dubai, Emiriah Arab Bersatu mampu menarik syarikat terkemuka O&G beroperasi di situ.
- ii. **Langsat Marine Terminal Sdn Bhd (LMT)**  
Fasiliti gudang dan logistik oleh LMT telah siap dibina sepenuhnya dan berjaya menarik syarikat berpangkalan di Jepun iaitu NKGBS Malaysia Sdn Bhd, untuk menyewa keseluruhan gudang tertutup di situ bermula 2016. LMT turut membawa masuk Welfab Engineering Sdn Bhd, Tiong Nam Sdn Bhd dan FGV Logistics Sdn Bhd. Keseluruhan LMT beroperasi menggunakan GBA di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967.

## Divisyen Pembangunan Industri



Johor Skills melatih

**3,906 peserta**

melalui pelbagai latihan  
kemahiran sepanjang 2017

Projek pembesaran

**Jeti Kargo Kering** bernilai

**RM143 juta**

dan apabila projek siap,  
kapasiti jeti itu meningkat

**155%**

### PEMUDAHCARA – ZON PERDAGANGAN BEBAS (FCZ)

Johor Corporation telah mengambil inisiatif bagi memberi nilai tambah kepada pelabur menerusi cadangan pelaksanaan kawasan FCZ di PTL, di samping memaksimumkan faktor lokasi yang strategik dan peningkatan kapasiti kemudahan pelabuhan sediaada. Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan kepada Johor Corporation untuk mewujudkan FCZ di kawasan seluas 75 hektar pada 3 Jun 2016. Status FCZ di PTL telah diwartakan pada 9 April 2018. Apabila pembangunan itu siap, PTL akan menjadi Hab Logistik Bersepadu di rantau ini. Setakat ini, beberapa pelabur tempatan dan luar negara telah melabur lebih 40% daripada keseluruhan kawasan projek.

### PEMUDAHCARA - KLUSTER PERINDUSTRIAN MINYAK SAWIT

Pembangunan Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di KPTL telah dibiayai dengan sokongan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dengan geran berjumlah RM103 juta. Tujuannya untuk menyediakan kemudahan infrastruktur, bangunan pejabat dan kilang, kilang biomas serta tangki simpanan minyak. Setakat ini, 78 hektar (69%) daripada jumlah keseluruhan POIC telah dioperasikan sepenuhnya oleh pelabur strategik.

### PEMUDAHCARA – JOHOR SKILLS

Peranan Johor Skills menyediakan latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian adalah kritikal untuk memastikan Johor terus berdaya saing sebagai destinasi pelaburan terutama pelaburan luar negara. Sepanjang tempoh 2017, Johor Skills telah melatih seramai 3,906 peserta melalui pelbagai latihan kemahiran yang disediakan. Johor Skills juga akan menawarkan latihan khas untuk industri perabot dan industri sokongan minyak & gas.

### TINGKATKAN KEMUDAHAN PELABUHAN

DPI terus berusaha membawa masuk para pelabur baharu ke KPTL menerusi peningkatan berterusan terutamanya kemudahan dermaga:

- i. Projek Pembesaran Jeti Kargo Kering Berdasarkan unjuran peningkatan aktiviti di Jeti Kargo Kering oleh pengguna sedia ada dan baharu terutamanya bagi MSM Malaysia Holdings Berhad, Johor Corporation sedang merancang pembinaan dua dermaga baharu di Jeti Kargo Kering. Projek pembesaran jeti itu bernilai hampir RM143 juta dan akan bermula pada suku keempat, 2018. Ia dijangka siap sepenuhnya pada 2020. Apabila projek siap, kapasiti Jeti Kargo Kering akan meningkat 155% daripada 2 juta tan metrik kepada 5.1 juta tan metrik setahun.

## Divisyen Pembangunan Industri



**SEPANJANG 2017, TTSB TELAH MENYIAPKAN 34 PROJEK BERNILAI RM95.69 JUTA. IA MELIBATKAN 10 PROJEK KOMERSIL DAN 24 PROJEK INDUSTRI. ANTARANYA, PEMBINAAN PUSAT PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN DI LADANG REM KOTA TINGGI; ESKALATOR DAN LOBI DI LARKIN SENTRAL; SERTA KERJA TANAH DI KAWASAN ZON PERDAGANGAN BEBAS TANJUNG LANGSAT.**

#### TPM TECHNOPARK SDN BHD

TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB) adalah syarikat anak milik penuh Johor Corporation di bawah DPI. Ia menawarkan perkhidmatan pengurusan pembangunan infrastruktur dan projek komersil serta bertindak selaku agen pemasaran dan pemaju projek kawasan perindustrian milik Johor Corporation. Prestasi Kewangan Pendapatan Kumpulan TTSB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM54.17 juta berbanding tempoh sama pada 2016 sebanyak RM67.39 juta. Keuntungan sebelum cukai bagi 2017 turut merekodkan penurunan sebanyak RM1.6 juta berbanding tahun sebelumnya. Sebahagian besar penurunan pendapatan pada 2017 disebabkan pelabur-pelabur dari luar negara mengambil langkah tunggu dan lihat ekoran keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Kedudukan lembaran imbalan Kumpulan TTSB pada asasnya kekal teguh dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM125 juta pada 2017 berbanding RM117 juta tahun sebelumnya.

Prestasi TTSB dijangka lebih baik menjelang 2018 dengan mengambil kira projek-projek pembangunan perindustrian serta komersil yang akan dilancarkan pada masa terdekat meskipun keadaan pasaran hartanah industri dijangka lebih mencabar pada masa akan datang.

#### PEMASARAN TANAH INDUSTRI

Johor Corporation melalui TTSB sentiasa fokus dalam misi menarik pelaburan sekaligus memperkenalkan Johor sebagai lokasi pilihan pelaburan di Malaysia khususnya di KPTL, Kawasan Perindustrian Sedenak dan Pengerang.

Sepanjang 2017, TTSB giat menyertai misi pelaburan anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kerajaan Negeri Johor termasuk ke Jepun, China dan Negara Eropah (Hamburg, Amsterdam dan Stockholm).



TTSB dengan kerjasama DPI turut menganjurkan Sesi Jaringan Kerja Bisnes bersama pelabur serta pihak berkepentingan bagi terus memberi keyakinan kepada mereka yang menyumbang terhadap pembangunan industri di Johor di samping memberi ruang kedua-dua pihak berinteraksi.

### PENGURUSAN PROJEK

TTSB turut memainkan peranan penting sebagai Pengurus Projek. Sepanjang 2017, TTSB menguruskan 45 projek Johor Corporation dan Kumpulan dengan nilai projek hampir RM115 juta.

TTSB melalui Johor Corporation juga bertindak selaku pengurus projek di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Pembangunan Negeri Johor (SDO). Sepanjang 2017, 11 projek SDO bernilai RM19.3 juta akan dibangunkan. Sejak 2011, sebanyak 65 projek daripada SDO dengan nilai projek bernilai RM134.48 telah dibangunkan.

Sepanjang 2017, TTSB menyiapkan 34 projek dengan nilai RM95.69 juta. Ia melibatkan 10 projek komersil dan 24 projek industri. Antaranya, pembinaan bangunan Penyelidikan & Pembangunan (R&D) di Ladang REM Kota Tinggi; eskalator & lobi di Larkin Sentral; serta kerja tanah di Kawasan Zon Perdagangan Bebas Tg Langsat.

### PEMBINAAN KILANG SIAP BINA

TTSB terus merancang pelbagai strategi bisnes yang mampu menjana pendapatan berterusan kepada bisnes terasnya. Antara projek yang sedia untuk dijual adalah *Premium Corporate Premises* yang menawarkan 14 unit kilang siap bina di Zon 12B Fasa 2, Kawasan Perindustrian Pasir Gading.

Selain itu, TTSB melalui Johor Corporation Selain itu, TTSB melalui Johor Corporation turut membangunkan 30 unit kilang siap bina di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang bagi menampung permintaan perusahaan kecil dan sederhana IKS Bumiputera. Projek ini telah mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan dengan geran bernilai RM30 juta dan dijangka siap pada akhir 2018.



### PENGURUSAN KAWASAN PERINDUSTRIAN (PARK MANAGEMENT)

TTSB juga telah dilantik untuk melaksanakan Projek Pilot Pengurusan Kawasan Perindustrian di Johor. Perancangan pelaksanaan sedang disediakan dan dijangka akan digunapakai menjelang 2018.

### PROSPEK KESELURUHAN

Berdasarkan perancangan strategik lima tahun syarikat, TTSB bercadang meningkatkan simpanan tanah industri yang akan menjana perolehan kepada TTSB dan Johor Corporation. Perancangan itu dijangka tercapai melalui pembangunan zon perindustrian baharu. Dengan mengandaikan semua projek yang dirancang itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan, TTSB dijangka mengekalkan statusnya sebagai antara penyumbang utama keuntungan dan tunai kepada Johor Corporation sekaligus memperkukuh peranan Johor Corporation dalam menerajui pembangunan perindustrian di Johor.

Sejak 2011,  
**65 projek** daripada SDO bernilai  
**RM134.48 juta**  
telah dan sedang dibangunkan

**30 unit premis**  
untuk menempatkan IKS Bumiputera  
dijangka siap akhir 2018

## Divisyen Pembangunan Bisnes



Johor Corporation adalah instrumen Kerajaan Negeri Johor yang diamanah melaksanakan program pembangunan keusahawanan demi kesinambungan pacuan ekonomi khususnya di Johor.



Sehingga 31 Disember 2017, terdapat **27 syarikat** diletakkan di bawah **Skim Intrapreneur 2.0** dengan perolehan berjumlah

**RM411 juta**

### INTRAPRENEUR

Program Pembangunan Usahawan Johor Corporation dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan dengan memberi fokus kepada dua kumpulan sasaran. Pertama, sokongan pembangunan usahawan dan membuka peluang bisnes untuk meningkatkan bilangan serta memperkukuhkan kualiti usahawan di Johor. Kedua, usahawan berdaya saing yang mampu memberi sumbangan tahunan melalui dividen dan pembentukan kesan sosial strategik kepada Johor Corporation serta syarikat Kumpulan.

Bagi memastikan Skim Intrapreneur terus relevan, Johor Corporation mengetengahkan wadah baharu iaitu Skim Intrapreneur 2.0. Ia adalah penambahbaikan kepada skim sedia ada yang menyediakan galakan kepada intrapreneur dan bakal intrapreneur. Antara langkah proaktif dan signifikan melalui skim ini ialah

## Divisyen Pembangunan Bisnes

intrapreneur selaku pemegang saham terbesar dalam syarikatnya sendiri dan memberi mereka peluang bergraduasi dalam tempoh 5 tahun penyertaan.

Untuk menarik lebih ramai anggota pekerja dan usahawan luar menyertai Skim Intrapreneur 2.0, Johor Corporation menganjurkan JCorp Intrapreneur 2.0 Challenge pada 13 dan 14 Oktober 2017 di Persada Johor. Acara itu mendapat kerjasama SME Corp. Sebanyak 19 penyertaan diterima iaitu tujuh penyertaan anggota pekerja dan 12 lagi daripada usahawan luar. Sebanyak 12 penyertaan masuk ke peringkat akhir. Pemenangnya ditawarkan geran bersepadanan dan penyertaan dalam Skim Intrapreneur 2.0.

Sehingga 31 Disember 2017, terdapat 27 syarikat diletakkan di bawah Skim Intrapreneur 2.0 dengan perolehan berjumlah RM411 juta. Prestasi keuntungan sebelum cukai secara keseluruhan bagi tempoh itu ialah RM8.50 juta. Tujuh syarikat intrapreneur kekal mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing melebihi RM1 juta, walaupun berhadapan ekonomi yang serba mencabar.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, 10 syarikat intrapreneur berada di bawah Kulim (Malaysia) Berhad; Johor Corporation (8); KPJ Healthcare Berhad (6); Waqaf An-Nur Corporation Berhad (2); dan QSR Brands (M) Holdings Bhd (1).

Dalam budaya berbisnes, intrapreneur digalakkan meningkatkan imej syarikat dalam sektor yang diceburi terutama inovasi. Pencapaian intrapreneur jelas dibuktikan menerusi Microwell Bio Solutions Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan agrokultur dan produk organik. Ia memperoleh pengiktirafan persijilan Innovation Patent daripada Commission of Patents, Australia pada November 2017. Malahan Pengarah Urusannya, Encik Md Nasaruddin Abdullah, dianugerahkan Personaliti Industri & Usahawan Malaysia 2017.

Syarikat Pengangkutan MAJU Berhad pula menerima Anugerah Pengendali Terbaik Bagi Bas Berhenti-Henti dan Perkhidmatan Pelanggan Terbaik pada majlis *Land Public Transport Industry Award 2017* pada 27 Oktober 2017.

Pencapaian dua intrapreneur ini adalah testimoni keberkesanan Skim Intrapreneur 2.0. dan komitmen Johor Corporation melaksanakan program pembangunan usahawan. Komitmen serupa turut diperluaskan kepada industri pertanian bagi menyokong aspirasi kerajaan menjayakan Program Sekuriti Makanan Negara melalui Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Dalam Industri Ternakan Ayam yang mensasarkan 80 intrapreneur menjelang 2023 selain usahawan tani bagi projek penanaman cili.

### PEMBANGUNAN BISNES

Pelbagai inisiatif dijalankan bagi mengembangkan sektor bisnes Johor Corporation dan syarikat Kumpulan. Beberapa tindakan strategik dilaksanakan sepanjang 2017.

Pada 29 Mac 2017, Majlis Pertukaran MoU di antara SME Corp Malaysia dengan Johor Corporation sebagai rakan strategik Program *Local to Global Corporations (LGC) Ascend 800* dirasmikan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ini adalah usaha membuat jaringan bisnes dan usahawan di bawah Program SME Corp dan Johor Corporation.

Bagi projek Cili Bangi, Johor Corporation telah melaksanakan projek perintis melibatkan ladang seluas 1.2 hektar. Ia diusahakan syarikat Absolute Ambient Sdn Bhd di Mukim Bukit Batu, Sedenak, Johor sebagai pemangkin kepada program melahirkan usahawan tani. Melalui projek perintis itu, 1.4 tan cili dituai mulai Mac 2017. Tiga usahawan tani turut dikenalpasti berpotensi diketengahkan.

Pada 3 Mei 2017, Johor Corporation menandatangani perjanjian pelaburan RM10 juta dalam *Axiata Digital Innovation Fund* (ADIF). ADIF adalah dana modal teroka korporat terbesar di Malaysia. Ia hasil kerjasama di antara Axiata Group Bhd (Axiata) dan Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP). Ia ditubuhkan bagi menyokong aspirasi kerajaan membangunkan ekosistem digital secara menyeluruh untuk menampung pertumbuhan ekonomi digital. Axiata melabur RM50 juta dalam ADIF manakala MAVCAP pula RM20 juta.



Penyertaan Johor Corporation dalam ADIF adalah inisiatif melahirkan suasana perniagaan Kumpulan yang lebih kondusif di samping mengukuhkan daya saing syarikat Kumpulan dengan mewujudkan peluang sinergistik bersama syarikat penerima pelaburan dalam ADIF. Sehingga 31 Disember 2017, ADIF melabur RM44 juta dalam 14 syarikat di mana RM26 juta atau 59% pelaburan adalah dalam syarikat Bumiputera.

Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Dalam Rantian Halal Industri Ayam Pedaging Berskala Besar Negeri Johor pula merupakan inisiatif kerajaan membantu pengguna menangani isu ketidakstabilan bekalan dan harga ayam.

Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) melantik Johor Corporation sebagai peneraju bagi melaksanakan program ini. Empat syarikat melibatkan 12 usahawan penternak ayam akan dibangunkan oleh Johor Corporation di Johor tahun ini. Ia melibatkan kerjasama Johor Corporation dan Agrobank.

'Roadmap' Projek Pembangunan Usahawan dilancarkan pada 8 Oktober 2017 sempena Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, Iskandar Puteri.

Menerusi kerjasama strategik dengan Jabatan Perikanan Negeri Johor, Johor Corporation menerusi inisiatif tanggungjawab korporatnya, menyokong penubuhan Pusat Informasi Refugia Udang Karang di Jeti Tanjung Leman, Johor pada 20 November 2017. Ia pusat rujukan teknikal mengenai spesies udang karang dan spesies marin terancam di perairan Tanjung Leman. Inisiatif ini adalah sokongan terhadap aktiviti pendidikan dan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan perlindungan serta pemuliharaan alam sekitar dan sumber sedia supaya kekal lestari.

# Divisyen Tanggungjawab Korporat



Johor Corporation mewujudkan Divisyen Tanggungjawab Korporat yang meliputi Waqaf An-Nur Corporation Berhad, Yayasan Johor Corporation dan Koperasi Perbadanan Johor untuk merealisasikan misi membantu golongan kurang bernasib baik termasuk melalui program latihan keusahawanan, kebajikan mahupun pendidikan.



## FAKTA TERMINAL LARKIN SENTRAL

**26,000** pengguna sehari  
**49** syarikat bas beroperasi  
**577** lot niaga dan bazar

## WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD

### Waqaf Saham Larkin Sentral

Larkin Sentral Property Berhad (LSPB) melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) sebuah entiti yang ditubuhkan oleh Johor Corporation dan dilantik sebagai Nazir Khas oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, melancarkan Prospektus Waqaf Saham Larkin Sentral pada 18 Jun 2017 yang disempurnakan Yang Amat Mulia

Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibrni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor selaku wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibrni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor.

LSPB selaku syarikat anak milik penuh WANCorp adalah pemilik Larkin Sentral Terminal. Terminal pengangkutan awam darat itu menjadi tumpuan hampir 26,000 pengguna sehari atau lebih 9 juta pengguna setahun. Ia menempatkan operasi 49 syarikat bas termasuk syarikat bas ekspres yang

## Divisyen Tanggungjawab Korporat

menawarkan perkhidmatan ke bandar utama seluruh negara. Turut beroperasi ialah 143 bazar menjual pelbagai barang. Manakala 245 lot niaga di pasar awam menjual produk segar, 132 bazar menjual pelbagai barangan serta 57 lagi gerai makan.

LSPB menerbitkan 850 juta unit saham baharu bernilai RM0.10 setiap saham berjumlah RM85 juta. Syarikat itu menawarkan kepada institusi/syarikat dan orang awam untuk melanggan sekurang-kurangnya 1,000 unit saham atau RM100 yang kemudian akan mewakafkan saham itu kepada WANCorp melalui Hujah Wakaf. Dana wakaf itu akan digunakan untuk menaiktaraf dan baik pulih bangunan terminal pengangkutan dan Pasar Awam Larkin Sentral, pembelian tanah dan pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Larkin, Johor Bahru, Johor.

### Rangkaian Masjid An-Nur

WANCorp turut menguruskan enam masjid iaitu Masjid An-Nur Kotaraya, Larkin Sentral, Bandar Pasir Gudang, Kompleks Pasir Gudang, Taman Cendana dan terbaharu, Masjid Sultan Iskandar di Bandar Dato' Onn. Rangkaian Masjid An-Nur memainkan peranan penting dalam menjadikan masjid sebagai lokasi ibadah dan riadah masyarakat setempat. Pelbagai program turut diatur oleh WANCorp dan jawatankuasa masjid bagi memastikan rumah ibadah itu terus diimarahkan. Rangkaian Masjid An-Nur terutamanya Masjid Sultan Iskandar menjadi tumpuan ramai apabila menjadi antara lokasi penganjuran pelbagai aktiviti Kerajaan Negeri dan orang ramai. Antaranya majlis bacaan Yassin anjuran Kerajaan Negeri Johor serta solat terawih dan moreh bersama Timbalan Perdana Menteri.

### Hospital dan KWAN

Sehingga kini, terdapat 24 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di seluruh Malaysia termasuk sebuah Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang dan Klinik Bergerak. Perkhidmatan perubatan pesakit luar di KWAN boleh dinikmati semua lapisan masyarakat serta pelbagai bangsa dan agama dengan bayaran hanya RM5. Sehingga 2017, sejumlah 1,443,674 rawatan diberi kepada pesakit melalui rangkaian KWAN. Ini termasuk 116,859 rawatan kepada pesakit bukan Islam. KWAN juga mempunyai 64 mesin dialisis berbanding 54 pada 2014. Seramai

307 pesakit buah pinggang menerima manfaat dengan menjalani rawatan dengan bayaran hanya RM90.

### Jalinan Ukhuwah™

Program Jalinan Ukhuwah™ adalah platform Johor Corporation turun padang mendekati masyarakat melalui aktiviti gotong-royong, pemeriksaan kesihatan percuma, pengimarah masjid dan penyerahan sumbangan kepada golongan memerlukan. Melalui program ini, barisan pengurusan dan anggota pekerja Johor Corporation berinteraksi dengan pemimpin masyarakat serta purata 1,000 ahli kariah di lokasi terpilih. Aktiviti itu dilaksanakan oleh anggota Briged Waqaf™ Johor Corporation serta wakil Divisyen Tanggungjawab Korporat dan Jabatan Komunikasi Strategik. Program ini mendapat sambutan baik pemimpin masyarakat di Johor. Program Jalinan Ukhuwah™ ini melibatkan semua daerah di Johor.

### Briged Waqaf™

Briged Waqaf™ adalah sukarelawan dari kalangan anggota pekerja Johor Corporation dan Kumpulan. Mereka aktif memberikan bantuan kemanusiaan dan melaksanakan program kemasyarakatan. Briged Waqaf™ memainkan peranan signifikan dalam memberi bantuan bagi meringankan beban mangsa bencana. Bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran, anggota Briged Waqaf™ terpilih dari semkompeni dihantar menyertai Kursus Sukarelawan CDERT (*Civil Defence Emergency Response Team*) anjuran Briged Waqaf™ dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia melalui Perkhemahan Tahunan di Tanjung Leman Beach Resort, Mersing.

Misi bantuan bencana juga kekal menjadi tunjang kepada pergerakan Briged Waqaf™ di mana pada 6-11 November 2017, Briged Waqaf™ menghantar bantuan kepada anggota pekerja hospital KPJ Healthcare dan KFC yang terlibat dengan banjir di Pulau Pinang.

### Dana Niaga™

Dana Niaga™ adalah inisiatif menyediakan modal tanpa faedah '*Al-Qardhul Hassan*' kepada individu yang ingin memulakan bisnes atau mahu mengembangkan bisnes sedia ada. Projek ini

bertujuan meningkatkan syiar Islam melalui bisnes dan menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada usahawan Islam yang memerlukan. Sehingga 2017, jumlah sumbangan dan penerima bantuan ialah RM879,300 melibatkan 392 penerima. Pada 16 November 2017, Dana Niaga™ menerima Lesen Pemberi Pinjam Wang dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Lesen ini pengiktirafan kepada WANCorp sebagai pemberi pinjaman yang diiktiraf dalam bentuk Dana Niaga™ kepada peniaga kecil yang memerlukan pembiayaan modal.

### Program Keusahawanan Bistari

Program Keusahawanan Bistari bermula pada 1992 dan mendapat sambutan serta sokongan padu Jabatan Pendidikan serta pelajar. Sehingga 2017, seramai 21,775 pelajar dari 187 sekolah menengah terlibat dan mendapat manfaat daripada Program Tunas BISTARI. Bagi Program Didik BISTARI, seramai 10,410 murid dari 170 sekolah rendah terlibat sejak program itu diperkenalkan pada 2005.



### YAYASAN JOHOR CORPORATION

#### Projek Tuisyen

Program Tanggungjawab Korporat ini dilaksanakan sejak 2012 dengan kerjasama JPNJ dan khusus untuk murid sekolah rendah terpilih seluruh Johor. Setakat ini, 3,990 murid dari 40 sekolah memperoleh manfaat program ini dan pesertanya menunjukkan prestasi cemerlang dalam peperiksaan yang diduduki.

Kaedah pembelajaran bukan sahaja tertumpu dalam kelas malah mengaplikasikan sistem pembelajaran *E-Learning* melalui *Classroom.com*. Kaedah pembelajaran ini dilaksanakan bagi menarik minat murid selain boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

## Divisyen Tanggungjawab Korporat

Projek tuisyen ini mendapat sokongan syarikat Kumpulan Johor Corporation iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Johor Land Berhad dan QSR Brands (M) Holdings Bhd.

### Program Pengurusan Kewangan Pro Du-It

Program ini dilaksanakan atas prihatin dan kesedaran berkaitan isu kelemahan pengurusan kewangan di kalangan remaja serta belia. Program ini menekankan aspek pengurusan kemahiran kewangan yang sistematik serta melatih peserta menabung dan melakukan pengurusan kewangan yang baik.

Modulnya dibangunkan dengan kerjasama Universiti Malaya bagi tujuan melahirkan generasi 'Celik Kewangan' untuk golongan berusia 7 hingga 12 tahun.

Program Pro DU-IT diperkenalkan di sekolah Johor pada 2017. Setakat ini, 1,500 murid dari 30 sekolah menyertainya. Melalui program ini, peserta dibekalkan sebuah buku log bagi tujuan catatan harian kewangan mereka.

### Pendidikan Keusahawanan Kelas Rancangan Usahawan

Penglibatan Johor Corporation dalam aktiviti keusahawanan bermula 1992 melalui Tunas BISTARI iaitu program keusahawanan untuk pelajar sekolah menengah di Johor.

Bermula 2016, kerjasama antara JPNJ diperkukuhkan lagi dengan termeterai Surat Perjanjian Persefahaman (LOC) untuk menubuhkan 'Kelas Rancangan Usahawan (KRU)'. Program terbaharu ini lebih berfokus kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 aliran kelas perdagangan, ekonomi dan perakaunan. Setakat ini, 22 sekolah terpilih dan telah menubuhkan 44 syarikat.

### Pendidikan Keusahawanan IPT BIZSiswa

Penerapan aspek keusahawanan Johor Corporation tidak hanya terhad pelajar sekolah malah dikembangkan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui program Siswa BISTARI. Pada 2016, penambahbaikan program Siswa BISTARI dilakukan dengan menjenamakan semula sebagai BIZSiswa.

Setakat ini, 14 syarikat ditubuhkan di lima IPT iaitu di Malaysian College of Hospitality and Management, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, KPJ University College dan UiTM Puncak Alam.

Program ini melibatkan mentor di kalangan pengurusan dan eksekutif Johor Corporation serta usahawan sebagai penasihat. Program BIZSiswa menjadi pemacu dalam mewujudkan dan membentuk generasi muda negara ini dengan nilai dan ciri keusahawanan mahupun kepimpinan yang berketrampilan, berdikari, berkarisma malah mampu berfikir secara kreatif dan inovatif.

### Semarak Jawi™

Semarak Jawi™ adalah antara inovasi program tanggungjawab korporat Johor Corporation melalui WANCorp. Penajaan penerbitan akhbar Utusan Jawi selama dua tahun yang berakhir September 2017 menunjukkan komitmen tinggi Johor Corporation mempertahankan khazanah Melayu dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi di kalangan generasi muda.

Portal Berita Jawi di Malaysia boleh dilayari melalui: [www.utusanmelayu.com.my](http://www.utusanmelayu.com.my). Lebih 170,000 pengunjung mendapat pelbagai berita dan isu semasa dalam tulisan Jawi.

Susulan penajaan itu, Peraduan Semarak Jawi™ dianjurkan bagi membudayakan penggunaan tulisan Jawi. Peraduan selama 12 bulan itu menawarkan hadiah utama sebuah kereta Proton Iriz. Ia terbahagi kepada kategori bulanan dan mingguan dan mendapat sambutan pembaca akhbar dan portal Utusan Melayu. Seramai 312 peserta menyertai peraduan bulanan dan 3,744 lagi menyertai peraduan mingguan.

Program lapangan Semarak Jawi™ turut diadakan di sekolah. Setakat ini, 3,603 pelajar dan guru 407 sekolah terlibat pada program ini melalui anjuran Yayasan Johor Corporation.



### Penajaan Pasukan Bola Sepak JDT

Bagi menyokong pembangunan bolasepak tempatan serta pembentukan pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) untuk terus dilaksanakan dengan jayanya, Johor Corporation dan syarikat-syarikat dalam Kumpulan masih meneruskan penajaan terhadap pasukan JDT pada tahun ini.

Sumbangan pada kali ini telah dapat membantu kecemerlangan pasukan JDT. Selain terus menjadi juara liga sebanyak empat kali berturut-turut semenjak 2014, pasukan JDT terus melakar kecemerlangan dengan menjadi juara Piala Malaysia pada tahun 2017.

Hasil sentuhan dan kecekapan pengurusan serta aspirasi DYAM Tunku Mahkota Johor itu, Bangsa Johor kini berbangga dengan pasukan JDT yang ternyata cemerlang dalam liga tempatan setelah menjadi juara liga bagi musim 2014, 2015, 2016 dan 2017. Selain itu, kejayaan cemerlang pasukan JDT pada 2017 ialah menjulang Piala Malaysia.

### Mutiara Johor Corporation

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Mutiara Johor Corporation terus menganjurkan pelbagai program bagi memberi manfaat samada kepada ahli-ahli atau keluarga mereka. Ini termasuklah program berbentuk pendidikan, keagamaan, kebajikan dan sebagainya.

Pada 2017, Johor Corporation telah menyediakan kemudahan gimnasium dan Bilik Laktasi untuk kemudahan anggota pekerjaannya. Ini merupakan hasil inisiatif Mutiara Johor Corporation bagi memastikan kebajikan anggota pekerja terus dipelihara.

Sumbangan Amal Ramadhan terus menjadi program tradisi Mutiara Johor Corporation. Melalui program ini, warga Johor Corporation berpeluang untuk menyantuni masyarakat terutamanya kepada golongan yang memerlukan.



Aspek kebajikan Mutiara Johor Corporation tidak terbatas kepada rakyat di Negara ini. Menyedari beban penderitaan yang dialami oleh rakyat di Timur Tengah seperti Palestin, Syria dan Yemen, Mutiara Johor Corporation mengorak langkah menggerakkan Tabung Kemanusiaan Konflik Timur Tengah pada 2017. Program ini merupakan jalinan kerjasama di antara Mutiara Johor Corporation dengan Mercy Malaysia. Dana yang dikumpulkan bertujuan untuk membiayai kos pembelian ubat dan peralatan perubatan bagi menyokong program perkhidmatan kesihatan di negara-negara terlibat.

### Sukan Pelayaran

Kepimpinan Johor Corporation turut mendapat pengiktirafan di dalam bidang sukan. Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation kini merupakan Presiden kepada Persatuan Pelayaran Malaysia dan juga Persatuan Pelayaran Negeri Johor. Kedua-dua persatuan ini giat memberi galakan dan membangunkan sukan perahu layar samada di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Syarikat-syarikat di dalam Kumpulan turut sama membangunkan sukan ini melalui sumbangan penajaan.

Sumbangan sukan perahu layar ini dapat diterjemahkan melalui pencapaian cemerlang para atlitnya di dalam Sukan SEA 2017. Sumbangan sebanyak 6 Emas, 4 Perak dan 4 Gangsa telah membantu pasukan Negara untuk muncul sebagai juara.



# Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan



Pelbagai aktiviti dijalankan Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan sepanjang 2017 termasuk sesi pertemuan tradisi sejak 1985. Iaitu Majlis Perhimpunan Dialog dan Amanat (PEDOMAN).



## PEDOMAN Johor Corporation 2017

diadakan pada 10 Januari 2017 di Persada Johor melibatkan lebih

**1,000 anggota pekerja**

Majlis itu bertujuan membincangkan pelbagai isu semasa, berkongsi maklumat dan mengumpul maklum balas secara dua hala di antara pihak pengurusan tertinggi Johor Corporation dengan anggota pekerja dari ibu pejabat mahupun syarikat Kumpulan. PEDOMAN Johor Corporation 2017 diadakan pada 10 Januari 2017 di Persada Johor melibatkan lebih 1,000 anggota pekerja. Sempena majlis itu, turut diadakan Majlis Graduasi Peserta *Johor Corporation Leadership Programme Cohort 2*, penyampaian surat kenaikan pangkat dan pelantikan pengarah. PEDOMAN (Pertengahan Tahun) Johor Corporation pula diadakan pada 11 Julai 2017.

Menyedari kepentingan sumber manusia dalam sesebuah organisasi, Divisyen Pengurusan Sumber Manusia melalui Jabatan Pengurusan Sumber Manusia – Operasi menjalankan pelbagai aktiviti bagi mengukuhkan hubungan modal insan seperti *Sesi Kopitiam* bagi membolehkan anggota pekerja mendapatkan maklum balas langsung daripada Naib Presiden Divisyen manakala Hari Terbuka Sumber Manusia sebagai platform untuk memberikan maklumat berkaitan sumber manusia. Selain itu, divisyen mengambil inisiatif untuk mengkaji semula penstrukturan sistem gred perjawatan dan penggajian ke arah yang lebih



## Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan

baik dan kompetitif mengikut keperluan keadaan ekonomi terkini. Bagi menggalakkan budaya dan amalan sihat di kalangan anggota pekerja, Program Jom Sihat 2.0 dilancarkan pada 22 Mac 2017.

Divisyen ini turut menyertai Kembara Kerjaya 4.0 anjuran Kerajaan Negeri Johor dan Azam Kerja Muafakat Johor pada 29 Mac hingga 2 April 2017. Empat daerah dikunjungi bagi mencari calon berkecayaan untuk mengisi kekosongan jawatan di Johor Corporation. Program itu melibatkan kunjungan ke Kota Iskandar, Kluang, Batu Pahat, Muar dan Segamat sebelum berakhir di Johor Bahru.

Peranan Jawatankuasa Modal Insan Kumpulan di sepanjang tahun 2017 telah berkembang dan merangkumi isu-isu strategik, tuju arah dan inisiatif baharu. Dalam Pelan Induk Modal Insan Kumpulan, beberapa inisiatif dan aktiviti bersama telah dijalankan di kalangan Pengamal Sumber Manusia Johor Corporation dan syarikat Kumpulan. Kemuncaknya telah diadakan Program *HR Strategic Retreat 2017* pada 21 hingga 23 Disember 2017 di Cheringin Hills Convention & Spa Resorts, Janda Baik, Pahang. Melalui program tersebut, beberapa resolusi telah dicapai termasuk Ikrar Modal Insan yang akan digunapakai secara menyeluruh dalam kalangan semua pemimpin HR Kumpulan.

Pada 2017 juga, sistem *Human Capital Management System* (HCMS) telah dibangunkan secara berkala yang merangkumi modul *HR Core*, *HR Recruitment*, *HR Training*, *HR Performance Management System* dan *HR Talent Management*. Sistem ini dibangunkan secara kolaborasi dengan Divisyen Kemajuan ICT. Dijangkakan system HCMS akan digunapakai sepenuhnya pada tahun 2018 secara berperingkat.

Tahun 2017 turut menyaksikan perubahan peranan Divisyen Pengurusan Sumber Manusia supaya lebih bersifat '*Business Partner*'. Bagi memupuk dan mengukuhkan 'Budaya Prestasi Tinggi', divisyen ini memperkenalkan '*Balanced Scorecard (BSC)*' di Johor Corporation. Perubahan juga dilakukan pada borang prestasi pekerja bagi memastikan ia sejajar dengan konsep BSC dan 13 kompetensi baharu yang selari dengan empat pemacu utama perniagaan (*key business driver*). Kompetensi perlakuan yang umum juga dilaksanakan untuk eksekutif dan pembantu eksekutif.



Divisyen melalui Jabatan Pengurusan Sumber Manusia – Strategi pula melaksanakan perancangan penggantian (*succession planning*) bagi mengenalpasti dan menilai 43 calon berpotensi sebagai pemimpin di Johor Corporation dan Kumpulan. Metodologi yang digunakan terbukti berkesan dalam membuat penilaian terhadap prestasi dan potensi secara lebih objektif. Pengganti yang memenuhi kriteria kelayakan akan dimasukkan ke dalam *Group Leadership Talent Pool* dan akan menjalani program pembangunan untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan mereka.

Selain inisiatif peningkatan kemahiran yang berterusan, Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan telah membangunkan Model dan Kamus Teknikal Kompetensi. Proses penilaian bagi disiplin teknikal akan dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan organisasi dengan memastikan anggota pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia – Pendidikan pula meneruskan pelaksanaan *Johor Corporation Education Sponsorship Programme* (JESP) dengan menaja 18 bakal graduan dalam bidang kejuruteraan, perakaunan, ekonomi, perancangan bandar serta bidang baharu iaitu sains aktuari. Inisiatif ini menjana kesinambungan dalam penyediaan kumpulan profesional yang bakal menerajui Johor Corporation selaku konglomerat yang bergerak secara aktif ke hadapan dalam pelbagai cabang bisnes.

Pemantauan berterusan juga dilakukan terhadap pelatih *Johor Corporation Chartered Accountancy Programme* (JCAP) yang bakal menjadi Akauntan Bertauliah di Johor. Kerjasama strategik dengan firma perakaunan terpilih membolehkan peserta mendapatkan pentauliah profesional seperti ICAEW, ACCA, MICPA dan CPA Australia di samping memperolehi pengalaman bekerja di firma perakaunan terkemuka di Malaysia serta United Kingdom.

Johor Corporation turut menyokong program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) anjuran Jabatan Perdana Menteri dengan menempatkan 33 pelatih skim tersebut. Program SL1M menjadi satu platform dan inisiatif Johor Corporation melahirkan tenaga kerja profesional yang relevan dengan kehendak pasaran, membantu mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan bilangan graduan yang mempunyai pengalaman alam pekerjaan yang sebenar.

Pada 13 Julai 2017, sebuah pementasan bertajuk '*Our Iceberg Is Melting*' diadakan di bawah inisiatif Unit Pusat Sumber & Galeri Johor Corporation dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Sumber Manusia - Pendidikan melibatkan 35 pelatih SL1M. Persembahan mereka berdasarkan ulasan buku pengurusan terlaris antarabangsa tulisan John Kotter dan Holger Rathgeber. Ini adalah satu pembaharuan bagi program ulasan buku sejak pertama kali diperkenalkan di Johor Corporation pada 1988. Pendekatan itu juga selari dengan situasi semasa serta misi kesinambungan bisnes Johor Corporation.

## Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan

Program *Upskilling HR* telah dilancarkan bagi melahirkan anggota pekerja profesional yang bertauliah dalam bidang sumber manusia menerusi pentauliah oleh Malaysian Institute of Human Resource Management antaranya; *Certified Human Resource Officer*, *Certified Human Resource Manager*, *Certified Training & Development Manager*, *Certified Advance Human Resource Manager* dan *Certified Human Resource Director*.

Pembangunan modal insan adalah asas penting kelangsungan sesebuah organisasi. Justeru itu, bagi melahirkan modal insan yang berjaya dalam aspek kepimpinan dan sahsiah diri, Johor Corporation melalui Jabatan Pembangunan Sumber Manusia – Akademi telah melancarkan beberapa program yang berkaitan pada 2017.

Lanjutan daripada *Johor Corporation Leadership Management Development Framework* (LMDF) yang telah diluluskan pada Disember 2016, satu program berorientasikan kepimpinan di bawah struktur LMDF adalah *Basic Management Programme* (BMP) untuk kumpulan sasaran eksekutif yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun. Program selama setahun itu disertai oleh 20 eksekutif Johor Corporation. Selain itu, 36 anggota pekerja Johor Corporation dan syarikat di dalam kumpulan telah menyertai *Johor Corporation Leadership Programme (JLP) Cohort 3* bagi memastikan kesinambungan program pembangunan kepimpinan di dalam organisasi.

Dalam usaha memastikan kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi, satu program telah dirangka bagi mempersiapkan generasi kepimpinan terutama mereka yang akan menerajui organisasi di peringkat *C-Suite*. Untuk itu, Johor Corporation melalui Jabatan Pembangunan Sumber Manusia – Akademi juga telah merangka sebuah program yang dikenali sebagai *Advanced Johor Corporation Leadership Programme (Advanced JLP)*. Perancangan dan pembangunan modul bagi program ini telah mula dimulakan pada awal 2017 dan akhirnya mendapat kelulusan di peringkat Teraju pada November 2017. Seramai 30 peserta yang terdiri daripada Timbalan Pengurus Besar dan Pengurus Besar akan menyertai program ini yang dijangkakan bermula pada April 2018.



Sementara itu, pelaksanaan *Johor Corporation Directors Conference 2017* menyaksikan pembaharuan dan inovasi apabila peserta perlu memuat turun nota sendiri menerusi *QR Code*. Usaha ini sejajar dengan aspirasi dan saranan Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation seperti dinyatakan pada Majlis Pedoman 2017 ke arah inisiatif inovasi serta penjimatan kos. Matlamat persidangan ialah untuk meningkatkan fidusiar setiap pengarah syarikat terhadap isu semasa dan perkembangan terkini berkaitan tadbir urus korporat serta memastikan keberkesanan pengurusan sesebuah entiti bisnes. Persidangan dihadiri oleh 284 pengarah Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan serta wakil syarikat Kerajaan Negeri.

Aktiviti pembudayaan Nilai Teras Johor Corporation 2.0 diteruskan sepanjang 2017 bertujuan memastikan anggota pekerja sentiasa peka terhadap lima Nilai Teras Johor Corporation 2.0 iaitu Integriti, Profesional, Inovatif, Setia dan Berpasukan. Antara aktiviti itu ialah taklimat nilai dan budaya, peraduan suai padan ikon Nilai Teras selain pertandingan fotografi, video pendek, kuiz dan artikel 47 tahun Johor Corporation, sukan tertutup Johor Corporation dan kaji selidik berhubung tahap kefahaman anggota pekerja terhadap Nilai Teras Johor Corporation 2.0.

Seterusnya, Johor Corporation akan melaksanakan *Culture Intervention Plan* yang merupakan fasa ke-2 pembangunan budaya korporat di Johor Corporation. Fasa ke-2 yang akan dilaksanakan pada pertengahan 2018 memberi tumpuan kepada penerapan sistem nilai yang merangkumi rangka kerja dan blueprint budaya korporat.

Johor Corporation juga menggalakkan aktiviti peningkatan budaya kualiti dan inovasi di semua peringkat syarikat Kumpulan melalui penganjuran pertandingan MEKAR Kumpulan Johor Corporation. Ia sebahagian daripada pengisian program Hari Misi Inovasi Bisnes JCorp 2017 pada 13 dan 14 Disember 2017.

Kategori pertandingan ialah *Innovative & Creative Circle* (ICC), *Cross Functional Team* (XFT), Cadangan dan Idea Ke Arah Kecemerlangan (CEMPAKA), Persekitaran Berkualiti (QE/5S), Pameran Inovatif serta Video Pendek. Seterusnya, dua kumpulan menyertai pertandingan di Konvensyen *Team Excellence 2017* anjuran Malaysia Productivity Corporation (MPC) untuk peringkat Wilayah Selatan dan Kebangsaan bagi kategori *Innovative & Creative Circle* (ICC) serta Persekitaran Berkualiti (QE/5S).

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) juga sentiasa ditambahbaik selaras dengan Pensijilan ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada setiap tahun. Tahun 2017 merekodkan tiada *Nonconformity Report* (NCR) untuk *Surveillance Audit*. Audit pensijilan Persekitaran Berkualiti (QEMS/5S) oleh MPC pada 6 Disember 2017 juga memaparkan peningkatan peratusan markah yang diperolehi berbanding tahun sebelumnya.

Secara keseluruhan, 2017 menyaksikan peningkatan memberangsangkan dari segi pencapaian dalam aspek kualiti yang boleh dilihat melalui penerimaan pelbagai pengiktirafan dan pensijilan serta peningkatan kemahiran dalam aspek kepimpinan, sahsiah diri dan modal insan anggota pekerja Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

# Penyata Tadbir Urus Korporat



**Johor Corporation sentiasa memberikan penekanan terhadap proses tadbir urus korporat yang baik dalam mengendalikan aktiviti dan urusan dalam Kumpulan. Di dalam keadaan persekitaran yang dinamik, Johor Corporation mempraktik amalan tadbir urus korporat yang baik seperti ketelusan, integriti, akauntabiliti dan profesionalisme.**

Johor Corporation juga memberi penekanan terhadap kepatuhan undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Perbadanan Johor No.4/1968 (sebagaimana pindaan Enakmen No.5/1995), Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

Johor Corporation meletakkan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, garis pelaporan dan tanggungjawab serta prosedur yang mudah difahami.



## LEMBAGA PENGARAH

### Komposisi

Lembaga Pengarah Johor Corporation dianggotai oleh 12 ahli terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, tiga wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor, tiga wakil daripada Kerajaan Persekutuan, tiga Pengarah Bebas dan juga Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation. Semuanya kecuali Presiden & Ketua Eksekutif, adalah Pengarah Bukan Eksekutif.

### Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi Johor Corporation dengan cara menetapkan hala tuju dan objektif, memastikan kecukupan serta ketelusan strategi, prestasi kewangan, isu bisnes dan juga sistem kawalan dalaman Johor Corporation.

Seperti termaktub dalam Enakmen, Pengerusi mempunyai peranan yang berbeza dengan Presiden & Ketua Eksekutif. Pengerusi yang merupakan bukan kalangan pengurusan bertanggungjawab bagi memastikan Lembaga Pengarah berfungsi seperti yang diharapkan. Beliau juga memastikan Lembaga Pengarah dan pengurusan berbincang secara membina mengenai pelbagai perkara terutama berkaitan isu strategik dan proses perancangan bisnes.

Sebaliknya, Presiden & Ketua Eksekutif pula bertanggungjawab untuk mengawal aliran maklumat antara pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan ia berkualiti dan terkini. Pengurusan sentiasa menyalurkan maklumat mencukupi dan terkini kepada Lembaga Pengarah bagi memudahkan mereka membuat keputusan selain daripada menyediakan laporan prestasi operasi dan kewangan Kumpulan secara berterusan.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat untuk menganalisis prestasi terkini Johor Corporation dan membincangkan perkara yang berkaitan dengan isu dasar dan strategik bisnes dalam Johor Corporation dan syarikat Kumpulan. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima Ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang 2017, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak lima kali.

### Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi, memudahkan proses membuat keputusan dan pada masa sama memastikan kawalan yang bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong oleh tiga jawatankuasa utama lain iaitu Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah, Jemaah Lembaga Tawaran & Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding.

### Jawatankuasa-Jawatankuasa Tadbir Urus

Johor Corporation sentiasa mendokong struktur dan sistem membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa berkaitan.

- Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)**  
 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif dan dianggotai 13 ahli yang peranannya termasuk membincang dan memutuskan isu strategik Johor Corporation dan juga syarikat Kumpulan. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap bulan.
- Jawatankuasa Teraju Korporat**  
 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif dengan 14 ahli. Peranan jawatankuasa ini termasuk mengesahkan keputusan yang dibuat dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap minggu.
- Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)**  
 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden dan dianggotai 21 ahli dari kalangan pengurusan Johor Corporation. Jawatankuasa ini membincangkan perkara yang berkaitan operasi serta kewangan dan memajukan cadangan yang signifikan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk pertimbangan dan kelulusan lanjut. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap minggu.

### SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaan dalam syarikat milik Johor Corporation diuruskan oleh Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan. Fungsi jabatan ini disokong oleh barisan setiausaha berkekeluargaan dan ia bertanggungjawab dalam memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 1965 serta Keperluan Penyenaaraan di Bursa Malaysia serta Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti, mana-mana yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab memastikan Ahli Lembaga Pengarah mematuhi polisi yang digariskan dan seterusnya mencapai objektif syarikat. Pelantikan setiausaha syarikat akan diluluskan oleh Jawatankuasa Teraju Korporat.

Di samping itu, Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan bertanggungjawab mentadbir pelantikan pengarah syarikat setiap tahun serta memastikan syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan dipenuhi.

### TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JOHOR CORPORATION

Terdapat empat entiti dalam Kumpulan Johor Corporation yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu KPJ Healthcare Berhad, Al-Aqar Healthcare REIT, E.A Technique (M) Berhad dan Al-Salām REIT. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia di mana saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa audit masing-masing.

### MISI KESINAMBUNGAN BISNES JOHOR CORPORATION

Johor Corporation berpegang kepada tanggapan utama tadbir urus korporat seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Tertinggi Kewangan 1999. Ia melibatkan konsep tadbir urus korporat yang melangkaui undang-undang dan peraturan korporat tetapi pada dasarnya merujuk kepada sistem, proses dan struktur sesebuah organisasi.

Bagi memperkukuhkan lagi rangka kerja tadbir urus korporat Johor Corporation di samping memantapkan lagi peranan sebagai sebuah institusi ekonomi Negeri Johor, Presiden & Ketua Eksekutif telah memperkenalkan konsep Misi Kesenambungan Bisnes di peringkat Johor Corporation. Pada asasnya, Misi Kesenambungan Bisnes ini merujuk kepada idea utama seperti berikut:



**“MEMASTIKAN JOHOR CORPORATION KEKAL RELEVAN DAN BERDAYA TAHAN SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI EKONOMI DALAM LANDSKAP ABAD KE-21 - BERDAYA SAING DI DALAM MENJALANKAN BISNES, MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG KEPENTINGAN MELALUI TADBIR URUS, INOVASI DAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT”**

Jabatan Kesinambungan Bisnes ditubuhkan dengan mandat untuk mengkaji dan memperkukuhkan sistem dan amalan tadbir urus di Johor Corporation khususnya berhubung inovasi dan tanggungjawab korporat. Antara inisiatif yang dijalankan oleh jabatan itu sepanjang 2017 meliputi:

- (i) Pelaksanaan projek-projek di bawah Rangka Kerja Inovasi Strategik dan Tanggungjawab Korporat Johor Corporation (Fasa 1 & 2);
- (ii) Pelaksanaan projek penjana Kekayaan Gelombang Baharu Johor Corporation;
- (iii) Penerbitan “*JCorp’s Fortnight Economic Intelligence Report*” iaitu laporan ekonomi semasa bagi Negeri Johor, negara, serantau dan global yang diterbitkan secara berkala dan diedarkan bagi tujuan maklumat dan kegunaan dalaman Johor Corporation
- (iv) Mengadakan “*14 Brown Bag Sessions*” iaitu sesi penerapan dan perkongsian pengetahuan berkenaan inovasi dan tanggungjawab korporat kepada semua anggota pekerja Johor Corporation; dan
- (v) Pelaksanaan inisiatif Transformasi Perbadanan Kemajuan Ekonomi (PKEN) tajaan Kementerian Kewangan.

Pada 13 & 14 Disember 2017, telah diadakan Hari Misi Inovasi Bisnes JCorp yang berlangsung di Persada Johor International Convention Centre. Pelbagai aktiviti berkaitan dengan inovasi dan tanggungjawab korporat dianjurkan semasa program tersebut termasuk ceramah / forum makan tengah hari, ceramah poket, operasi gerai, lawatan lapangan, pameran, pertandingan dan sesi ‘*Élevator Pitch*’ untuk Program Intrapreneur 2.0 JCorp.

Program Intreprenuer 2.0 JCorp diwujudkan bagi menyokong inisiatif inovasi serta menyahut agenda negara di dalam bidang keusahawanan serta Industri Kecil dan Sederhana. Program ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan objektif utama program ini adalah untuk mendapatkan idea-idea bisnes yang mempunyai kredibiliti, bernas dan dinamik daripada usahawan-usahawan millenium baharu.

## KETELUSAN

### Ketelusan Dalam Menjalankan Bisnes

Johor Corporation dan syarikat Kumpulan komited dalam membantu usaha Kerajaan memberantas gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di peringkat organisasi dan individu di samping membudayakan integriti dalam menjalankan bisnes. Sebagai buktinya, Ikrar Integriti Korporat ditandatangani Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation pada 26 November 2013 dan diikuti syarikat Kumpulan pada 8 Januari 2014.

Seterusnya, Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan program integriti dipertingkatkan dan berterusan. Selain daripada Polisi Tiada Hadiah dan Keraian, dua polisi yang dilaksanakan di Johor Corporation dan syarikat Kumpulan ialah Polisi Pemberian Sumbangan dan Penajaan serta Polisi Surat Sokongan Johor Corporation yang masing-masing telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation pada 5 Mac 2018. Antara tujuan polisi-polisi tersebut ialah:-

- i) **Polisi Pemberian Sumbangan dan Penajaan**
  - Menerangkan mengenai garis panduan berhubung dengan pemberian sumbangan dan penajaan yang dibenarkan oleh Johor Corporation.
- ii) **Polisi Surat Sokongan Johor Corporation**
  - Menerangkan tindakan yang perlu dilakukan oleh anggota pekerja Johor Corporation apabila menerima surat sokongan daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana pihak mengenai sesuatu urusan rasmi Johor Corporation.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

### Ketelusan Dalam Proses Membuat Keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan adalah satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberi pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Skim CEMPAKA dan Konvensyen Kualiti, mereka yang menyumbangkan idea bernas dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada Johor Corporation.

### Ketelusan Terhadap Rakan Niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, Johor Corporation mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampaian maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang digunakan oleh kontraktor dan pembekal yang mempunyai bisnes dengan Johor Corporation. Kontraktor dan pembekal boleh menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

Di samping itu, dalam usaha memperkukuhkan mekanisme pengaduan sedia ada, Johor Corporation melaksanakan Polisi '*Whistleblowing*' di mana pengadu yang membuat aduan atau menyebarkan maklumat dengan suci hati dan bukan berniat jahat, identiti pengadu dan maklumat diberi akan dirahsiakan dan pengadu diberi perlindungan daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.

Polisi '*Whistleblowing*' ini bertujuan memudahkan anggota pekerja Johor Corporation, kontraktor, pembekal, ejen atau mana-mana pihak luar untuk membuat pendedahan berkaitan apa-apa kelakuan tidak wajar dalam pengetahuan mereka. Polisi ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan ke atas identiti pemberi maklumat yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar seperti di bawah Seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

### Ketelusan Dalam Penilaian Prestasi Anggota Pekerja

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Syarikat Berkaitan Kerajaan / Majlis Negeri Johor telah mula diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mulai tahun 2015. Pada tahun ini, KPI syarikat berkaitan Kerajaan termasuklah Johor Corporation, berada pada tahun kedua pelaksanaannya.

Bagi memastikan pencapaian KPI dapat dicapai berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan, semua anggota pekerja hendaklah memastikan segala keputusan, perancangan, strategi yang telah dipersetujui dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan komited. Bagi menambahbaik pengukuran pencapaian KPI, bermula pada 2017, Johor Corporation telah menggunakan penilaian prestasi berdasarkan konsep '*Balanced Scorecard (BSC)*' bagi memastikan tindakan dan sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai serta menepati objektif dan matlamat Johor Corporation demi kelangsungan bisnes yang mampan. Seterusnya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia – Strategik akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

### AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah menekankan ketepatan penyata kewangan yang dibentangkan supaya penilaian secara seimbang dapat dibuat mengenai kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah pula membincangkan laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

### Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman yang menggariskan skop, tugas dan tanggungjawab, ciri-ciri kawalan dalaman Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 75.

### Perhubungan Dengan Juruaudit

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Maklumat lanjut mengenai tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah boleh dirujuk di dalam Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah pada muka surat 78.



# Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman



**Johor Corporation komited untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang utuh bagi memastikan tadbir urus di setiap peringkat berjalan lancar. Pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah aspek penting dalam menambah baik amalan tadbir urus dalam Johor Corporation.**

## PENGURUSAN RISIKO

### Penyata Pengurusan Risiko

Johor Corporation mengekalkan satu sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman untuk setiap bisnes yang dilakukan dalam Kumpulan. Pengurusan risiko dan kawalan dalaman merupakan aspek yang penting dalam meningkatkan amalan tadbir urus di Johor Corporation.

### Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko perlu bagi memastikan proses mengenal pasti, menganalisis, menilai dan merawat risiko tertentu. Menerusi pengurusan risiko, Johor Corporation dapat mengenalpasti ancaman risiko dengan lebih awal dan menyediakan strategi kawalan untuk membendung risiko di samping membantu dalam proses membuat keputusan. Pengurusan risiko juga melibatkan pemantauan yang berterusan bagi memastikan risiko sedia ada dapat ditangani atau dihapuskan dan mengambil kira risiko baharu yang mungkin timbul.

Rangka kerja Pengurusan Risiko Johor Corporation adalah berasaskan amalan terbaik Piawaian bagi Pengurusan Risiko Australia / New Zealand (AS/NZS 4360:2004) ; Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway (*Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission – COSO*) dalam Pengurusan Risiko Organisasi – Rangka Kerja Bersepadu (2004); dan Pertubuhan Antarabangsa bagi Pempiawaan Pengurusan Risiko – Prinsip dan Garis Panduan (ISO 31000 : 2009). Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan tadbir urus, struktur, proses serta tanggungjawab pengurusan risiko di Johor Corporation.

Sesi kesedaran Pengurusan Risiko telah diadakan pada Ogos 2017 kepada semua wakil jabatan untuk mengekalkan budaya kesedaran risiko dan menggalakkan kefahaman mengenai kepentingan pengurusan risiko di kalangan anggota pekerja.

### Laporan Pengurusan Risiko

Sebelum ini, Laporan Pengurusan Risiko telah dibentangkan di dalam Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Berikutan penstrukturan semula Jawatankuasa di Johor Corporation pada 2017, Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah dimansuhkan dan pelaporan bagi pengurusan risiko dibentangkan di dalam Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah. Maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah adalah pada muka surat 17.

## Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Tugas dan Tanggungjawab Pengurusan Risiko adalah seperti berikut :

<b>Lembaga Pengarah</b>	Bertanggungjawab terhadap Tadbir Urus bagi Pengurusan Risiko dan Pematuhan Undang-Undang di Johor Corporation. Meluluskan Dasar Pengurusan Risiko dan Rangka Kerja Pematuhan.
<b>Jawatankuasa Tadbir Urus &amp; Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah (Board of Governance &amp; Business Ecosystem Committee)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengawasan terhadap Tadbir Urus bagi Pengurusan Risiko dan Pematuhan Undang-Undang di Johor Corporation.</li> <li>• Mengawasi prosedur dan amalan dalam mengenal pasti, menilai, menangani dan memantau pendedahan risiko Johor Corporation dan Kumpulan.</li> <li>• Menasihati / memberi pandangan kepada pihak pengurusan dari semasa ke semasa berhubung jenis sumber dan kawalan dalaman yang diperlukan dalam menangani risiko tersebut.</li> <li>• Melaporkan secara kerap kepada Lembaga Pengarah berkaitan isu-isu atau risiko yang dihadapi.</li> <li>• Mengetahui dan mengakses risiko utama yang dihadapi oleh setiap bahagian secara sistematik.</li> <li>• Untuk mengakses potensi dan peluang risiko.</li> <li>• Membangunkan dan melaksanakan strategi pengurusan risiko dan menetapkan tanggungjawab bagi setiap pelan tindakan dalam menguruskan risiko-risiko utama di dalam setiap unit perniagaan.</li> <li>• Menjalankan kajian suku tahunan terhadap trend risiko, status pelan tindakan dan mengemaskini laporan kepada Lembaga Pengarah.</li> </ul>
<b>Presiden &amp; Ketua Eksekutif</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab terhadap Pengurusan Risiko secara keseluruhan: polisi risiko, pemantauan risiko dan pelaporan kepada Jawatankuasa Jawatankuasa Tadbir Urus &amp; Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah.</li> <li>• Pemantauan Pengurusan Risiko dan Pematuhan Undang-Undang.</li> <li>• Penentuan terhadap tahap rawatan risiko dan risiko yang boleh diterima.</li> <li>• Pemantauan terhadap 'Master Risk Register' dan sentiasa melaporkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus &amp; Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah mengenai pengurusan isu-isu risiko.</li> <li>• 'Champion' bagi Pengurusan Risiko Johor Corporation.</li> </ul>
<b>Pengurusan Atasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian strategik dan risiko operasi, pengurusan, pemantauan dan pelaporan kepada Presiden &amp; Ketua Eksekutif melalui Pematuhan Audit Kumpulan (GCA) untuk semua risiko.</li> </ul>
<b>Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguruskan proses mengenalpasti dan memantau risiko di Johor Corporation.</li> <li>• Penyelenggaraan Daftar Risiko.</li> <li>• Bertanggungjawab dalam mewujudkan, melaksanakan dan menyebarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko.</li> <li>• Mendorong anggota pekerja dalam melaksanakan amalan terbaik bagi hal-hal berkaitan risiko.</li> <li>• Menyediakan peluang latihan yang berterusan untuk semua anggota pekerja dan menggalakkan budaya risiko dalam Johor Corporation.</li> <li>• Memastikan anggota pekerja dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan pengurusan risiko.</li> </ul>
<b>Semua Anggota Pekerja</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesedaran mengenai risiko operasi dan perniagaan bersama dengan keupayaan dan tanggungjawab yang sesuai untuk mengenalpasti dan melaporkan peningkatan risiko atau risiko baharu dengan cara yang tepat pada masanya.</li> <li>• Memberi pandangan dan nasihat kepada pengurusan atasan bagi amalan terbaik pengurusan risiko.</li> </ul>
<b>Audit Dalaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan nasihat bebas profesional mengenai risiko utama dan isu kawalan apabila diminta.</li> <li>• Mengadakan kajian audit berkala terhadap proses pengurusan risiko Johor Corporation.</li> </ul>



## Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

### CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

#### Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan memastikan wujud langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalam *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi hartanah dan pengurusan sumber manusia.

#### Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap syarikat dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

#### Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan garis panduan yang disediakan untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum serta keputusan kewangan yang dirancangan. Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset daripada kerugian fizikal dan menginsurkannya pada tahap yang wajar.

#### Penilaian Pelaburan

Kumpulan menyediakan prosedur yang jelas berhubung kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjawan tahunan. Kelulusan bagi perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

### Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalam kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit Jabatan Audit Dalam Kumpulan (GIA). GIA menggunakan perancangan audit berasaskan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya termasuk ke atas risiko itu sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalam kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah dan memantau pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

### AUDIT DALAMAN

Johor Corporation mempunyai fungsi audit dalam yang dijalankan oleh Audit Dalam Kumpulan (GIA) dan melapor terus kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah. GIA menerima laporan daripada Jabatan Audit Dalam bahagian-bahagian untuk tujuan makluman kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah. GIA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Johor Corporation juga adalah ahli korporat Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM). Secara tidak langsung, GIA mematuhi Piawaian Audit Dalam Profesional Antarabangsa dan menerimapakai piawaian ini ketika melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan pengurusan aktiviti audit dalam.

Bagi memastikan aktiviti audit dalam dijalankan oleh mereka yang profesional dan cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka sentiasa relevan dan terkini, GIA juga menyediakan peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjaannya. Ini termasuk program Juruaudit Dalam Bertauliah (*Certified Internal Auditor*). Terdapat seramai 10 juruaudit bertauliah yang berkhidmat dalam Kumpulan pada masa kini.

# Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah



**Berikutan penstrukturan semula jawatankuasa di Johor Corporation pada 2017, beberapa cadangan rombakan rangka kerja jawatankuasa sedia ada telah dilakukan dan diluluskan Ahli Lembaga Pengarah pada 18 Jun 2017. Antaranya ialah penjenamaan semula Jawatankuasa Audit sebagai Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah.**

Proses penjenamaan semula dilakukan untuk menyelaraskan nama jawatankuasa dengan portfolio yang dipertanggungjawabkan. Penambahan portfolio melibatkan penambahbaikan ekosistem. Ini kerana cerapan daripada fungsi di bawah portfolio ini mampu menambahbaik ekosistem tadbir urus bisnes Johor Corporation.

## Komposisi

Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah dipengerusikan Yang Berbahagia Datuk Ibrahim Ahmad, Pengarah Bebas dan dianggotai oleh tiga ahli.

Yang Berhormat Tuan Haji A. Rahim Haji Nin adalah Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation dan merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor. Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim Mohamed pula dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah berkuatkuasa 1 November 2017 dan merupakan mantan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), manakala Puan Zainah Mustafa pula ahli felo *Association of Chartered Certified Accountant* (ACCA) United Kingdom.

## KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Pada 2017, jawatankuasa mengadakan empat kali mesyuarat (termasuk satu mesyuarat khas pada 5 April 2017) seperti berikut:

	Tarikh Mesyuarat			
	19 FEB	5 APR	28 JUL	19 NOV
<b>YBhg Datuk Ibrahim Bin Ahmad</b> <i>(dilantik pada 1 September 2017)</i>	-	-	-	✓
<b>YBhg Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed</b> <i>(dilantik pada 1 November 2017)</i>	-	-	-	✓
<b>YB Tuan Haji A. Rahim Bin Haji Nin</b> <i>(dilantik pada 22 Oktober 2017)</i>	-	-	-	✓
<b>Puan Hajah Zainah Binti Mustafa</b>	✓	✓	✓	✓
<b>Encik Izaddeen Bin Daud</b> <i>(bersara pada 31 Ogos 2017)</i>	✓	✓	✓	-
<b>YB Tuan Haji Mohd Nasir Bin Abd Salam</b> <i>(bersara pada 19 Oktober 2017)</i>	✓	-	✓	-
<b>YBhg Datuk Dr Hafsa Binti Hashim</b> <i>(bersara pada 12 September 2017)</i>	✓	✓	✓	-

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah ini termasuk:

### Audit Dalaman

- Mengawasi proses audit dalaman di dalam Johor Corporation dan syarikat Kumpulan;
- Meneliti dan mengesahkan perancangan tahunan audit dalaman Johor Corporation dan syarikat Kumpulan;
- Meneliti laporan dan penemuan audit yang dilakukan jabatan audit dalaman Johor Corporation dan jabatan audit dalaman bahagian-bahagian serta mencadangkan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil;
- Memastikan rangka kerja yang komprehensif untuk audit yang dinamik, tadbir urus dan dalam pelaksanaan audit dalaman dan luaran; dan
- Memangkin kepada perhubungan yang baik antara fungsi audit dalaman dan audit luaran Johor Corporation dengan pihak pengurusan dan operasi.



## Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah

### Audit Luaran dan Penyata Kewangan

- Menyemak penyata kewangan tahunan Johor Corporation dengan tumpuan terhadap:
  - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang lain;
  - Sebarang perubahan ke atas polisi dan amalan kewangan;
  - Pelarasan-pelarasan utama lanjutan dari kerja audit;
  - Penekanan khusus (*special emphasis*).
- Mengadakan pertemuan secara berasingan dengan juruaudit luar;
- Meneliti penemuan-penemuan oleh juruaudit luar dan maklumbalas oleh pengurusan;
- Membincangkan masalah atau pemerhatian yang timbul daripada kerja-kerja sementara dan akhir audit;
- Mencadangkan untuk pertimbangan ahli Lembaga Pengarah ke atas Penyata Kewangan Johor Corporation.

### Pengurusan Risiko

- Memastikan proses pengurusan risiko adalah menyeluruh dan berterusan; dan
- Meneliti penemuan, kesimpulan dan cadangan penambahbaikan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan di samping membincangkan risiko utama yang dikenalpasti berdasarkan kategori risiko, kesan serta menilai tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

### Pematuhan

- Memastikan pematuhan pengurusan, operasi dan aktiviti perniagaan Johor Corporation dengan memenuhi keperluan pengawalseliaan utama, polisi dan prosedur institusi.

### Inspektorat

- Meneliti dan membincangkan penemuan, kesimpulan dan cadangan oleh Jabatan Inspektorat dan Pemantauan Projek Kumpulan serta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek.

### Etika dan Integriti

- Mengawasi, meneliti dan memberi nasihat mengenai perkara berkaitan etika dan integriti pengurusan, operasi dan urus niaga yang diketengahkan/dibangkitkan oleh Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

### Pengurusan Kesenambungan Bisnes

- Meneliti, membincangkan dan memberi nasihat pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes Johor Corporation yang memberi tumpuan kepada:
  - Pelaksanaan Rangka Kerja Inovasi Strategik dan Tanggungjawab Korporat Johor Corporation;
  - Pelaksanaan projek yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Inovasi Strategik dan Tanggungjawab Korporat Johor Corporation dan aktiviti/inisiatif berkaitan;
  - Penciptaan ekosistem inovasi yang kondusif;
  - Kemampuan perniagaan; dan
  - Meneliti dan menilai keberhasilan pelaksanaan inisiatif - strategik kesinambungan bisnes Johor Corporation.

### Pelan Perancangan Strategik

- Sekiranya perlu, menyemak dan meneliti pelan perancangan strategik Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

### Tanggungjawab Lain

- Memangkin komitmen institusi kepada kawalan dalaman yang kuat dan berkesan;
- Penelitian dan pemantauan yang berterusan terhadap polisi berkaitan audit, pengurusan risiko, inspektorat dan pemantauan projek, etika dan integriti, dan pematuhan terhadap keperluan kawal selia, konflik kepentingan, dan pencegahan penipuan (*fraud*);
- Memantau dan meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan Johor Corporation dan syarikat Kumpulan;
- Memastikan akses terhadap maklumat yang diperlukan adalah mencukupi untuk tujuan prestasi fungsi dalaman Johor Corporation yang berkesan.

### RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti yang dijalankan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

- Meneliti laporan mesyuarat *Internal Audit Committee (IAC)* yang diadakan pada 7 Februari 2017;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalaman Tahunan 2017;
- Meneliti laporan dan penemuan audit yang dilaksanakan oleh unit audit dalam Johor Corporation dan unit audit dalam bahagian-bahagian serta mencadangkan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil;
- Membincangkan masalah dan perkara yang timbul ketika audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara lain yang menjadi perhatian mereka;
- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 6 Februari 2017.
- Meneliti penyempurnaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes Johor Corporation yang dilaksanakan sepanjang 2017 oleh Jabatan Pengurusan Kesenambungan Bisnes;
- Membincangkan penemuan pengawasan projek yang dilaporkan Jabatan Inspektorat beserta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek;
- Membincangkan mengenai Akta dan Garispanduan yang perlu dipatuhi Johor Corporation dan syarikat Kumpulan;
- Membincangkan penyempurnaan inisiatif dan aktiviti yang dijalankan Unit Integriti Kumpulan sepanjang 2017;
- Meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

# Penyata Kewangan

## Penyata Kewangan

Sijil Ketua Audit Negara	81
Laporan Para Pengarah	85
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (Akaun Kumpulan)	88
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation	89
Penyata Pendapatan Komprehensif	90
Penyata Kedudukan Kewangan	92
Penyata Perubahan Ekuiti	94
Penyata Aliran Tunai	97
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	100
Senarai Syarikat-Syarikat Anak, Syarikat-Syarikat Bersekutu dan Syarikat-Syarikat Usahasama	221



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN JOHOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 90 hingga 243.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawai pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Johor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Perbadanan Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Johor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Johor dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Johor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995), saya juga melaporkan perkara berikut:


- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Johor dan subsidiarinya yang mana kami telah

bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.

- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 17 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

#### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
27 MAC 2018





# Laporan Para Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

## KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation Bil. 4, 1968, (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihat), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM Juta	Johor Corporation RM Juta
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai	542	113
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	(83)	-
Keuntungan bersih selepas cukai	459	113
Keuntungan dikaitkan kepada:		
Milikan Johor Corporation	398	113
Kepentingan bukan kawalan	61	-
	459	113

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

## Laporan Para Pengarah

### LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan dalam tempoh dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:

YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin	(Pengerusi)
YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	(Timbalan Pengerusi)
Yang Berhormat Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	(Presiden & Ketua Eksekutif)
YB Dato' Tuan Haji Azmi Bin Rohani	
YB Dato' Ishak Bin Sahari	
YB Tuan Haji Mohd Nasir Bin Abd Salam	(Bersara pada 19 Oktober 2017)
YB Tuan Haji A. Rahim Bin Haji Nin	(Dilantik pada 20 Oktober 2017)
YBhg Datuk Siti Zauyah Binti Md Desa	
YBhg Dato' Azman Bin Mahmud	
YBhg Datuk Dr Hafsah Binti Hashim	
YB Datuk Haji Md Jais Bin Haji Sarday	
YBhg Encik Izaddeen Bin Daud	(Bersara pada 31 Ogos 2017)
YBhg Datuk Ibrahim Bin Ahmad	(Dilantik pada 1 September 2017)
YBhg Datuk Seri Dr Ismail Bin Haji Bakar	(Dilantik pada 1 Oktober 2017)

### IMBUHAN PENGARAH

Maklumat mengenai imbuhan para Pengarah dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

### PENGAGIHAN DANA KEPADA KERAJAAN NEGERI

Jumlah pengagihan dana yang akan dibayar oleh Johor Corporation kepada Kerajaan Negeri bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah RM11 juta (2016:RM11 juta).


### MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
- untuk memastikan tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
  - untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, termasuk nilai aset semasa seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation telah dikurangkan nilainya kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
- yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
  - yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
  - yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

**MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
  - (ii) dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



**DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**  
Pengerusi



**DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**  
Presiden & Ketua Eksekutif


Johor Bahru

27 MAC 2018

## Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation

Kami, Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin dan Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



**DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**  
Pengerusi



**DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**  
Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru

27 MAC 2018

# Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation

Saya, Mohamad Salleh Bin Mohamad Yusof, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Johor Bahru pada 27 MAC 2018



Dihadapan saya,

Pesuruhjaya sumpah



Lot K1 & K2 Podium 2  
Bangunan Ansar, 65 Jalan Trus  
80000 Johor Bahru  
Johor (Bersebelahan UTC)

# Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>Operasi berterusan</b>					
Hasil	4	5,579	5,355	245	288
Kos jualan		(3,786)	(3,633)	(19)	(56)
Keuntungan kasar		1,793	1,722	226	232
<b>Lain-lain item pendapatan</b>					
Lain-lain pendapatan	5	498	520	176	348
<b>Lain-lain item perbelanjaan</b>					
Perbelanjaan pengedaran		(36)	(43)	(4)	(7)
Perbelanjaan pentadbiran		(1,213)	(1,171)	(113)	(117)
Lain-lain perbelanjaan	6	(63)	(195)	(51)	(215)
Kos kewangan	7	(423)	(433)	(122)	(129)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		14	77	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usaha sama, bersih selepas cukai		95	64	-	-
<b>Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan</b>	8	665	541	112	112
Cukai	11	(123)	(126)	1	8
<b>Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai</b>		542	415	113	120
<b>Operasi yang dihentikan</b>					
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	(83)	-	-	-
<b>Keuntungan bersih selepas cukai</b>		459	415	113	120

Penyata Pendapatan Komprehensif  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

Nota	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:</b>				
Keuntungan bersih atas aset kewangan sedia untuk dijual	14	8	-	-
Pertukaran matawang asing dari operasi asing	31	(2)	-	-
<b>Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:</b>				
Lebihan/(kurangan) bersih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	478	121	(84)	(10)
<b>Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif tahun kewangan semasa, bersih selepas cukai</b>	<b>523</b>	<b>127</b>	<b>(84)</b>	<b>(10)</b>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa</b>	<b>982</b>	<b>542</b>	<b>29</b>	<b>110</b>
<b>Keuntungan dikaitkan kepada:</b>				
Milikan Johor Corporation	398	274	113	120
Kepentingan bukan kawalan	61	141	-	-
	<b>459</b>	<b>415</b>	<b>113</b>	<b>120</b>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:</b>				
Milikan Johor Corporation	861	401	29	110
Kepentingan bukan kawalan	121	141	-	-
	<b>982</b>	<b>542</b>	<b>29</b>	<b>110</b>

# Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2017

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>ASET</b>					
<b>Aset bukan semasa</b>					
Harta, loji dan kelengkapan	13	10,330	9,731	414	608
Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah	14(a)	469	137	365	73
Hartanah pelaburan	15	3,640	3,609	1,499	1,450
Aset tidak zahir	16	250	261	-	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak	17	-	-	3,327	3,195
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	18	258	249	4	4
Pelaburan dalam syarikat-syarikat usaha sama	19	1,408	1,351	-	-
Aset cukai tertunda	20	306	280	259	209
Lain-lain pelaburan	21	215	221	-	-
Penghutang perdagangan dan lain-lain	23	65	51	-	153
		16,941	15,890	5,868	5,692
<b>Aset semasa</b>					
Kos pembangunan hartanah	14(b)	1,332	1,245	690	457
Inventori	22	324	183	18	21
Penghutang perdagangan dan lain-lain	23	1,440	1,575	143	425
Lain-lain aset semasa	24	8	523	-	329
Lain-lain pelaburan	21	5	16	56	48
Cukai boleh diperolehi kembali		68	53	3	3
Derivatif instrumen kewangan	25	-	-	-	-
Baki tunai dan bank	26	882	1,268	30	77
		4,059	4,863	940	1,360
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	27	795	327	317	192
		4,854	5,190	1,257	1,552
<b>Jumlah aset</b>		<b>21,795</b>	<b>21,080</b>	<b>7,125</b>	<b>7,244</b>



Penyata Kedudukan Kewangan  
Pada 31 Disember 2017  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

Nota	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>				
<b>Liabiliti semasa</b>				
Liabiliti cukai semasa	64	55	-	-
Pembiayaan dan pinjaman	28 2,307	2,349	11	406
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	29 1,944	1,817	1,055	917
Derivatif instrumen kewangan	25 2	-	-	-
	4,317	4,221	1,066	1,323
Liabiliti berkaitan langsung dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	27 203	-	-	-
	4,520	4,221	1,066	1,323
<b>Jumlah aset semasa bersih</b>	<b>334</b>	969	<b>191</b>	229
<b>Liabiliti bukan semasa</b>				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	29 271	87	378	368
Lain-lain liabiliti jangka panjang	30 1,056	970	783	694
Liabiliti cukai tertunda	20 935	857	302	280
Pembiayaan dan pinjaman	28 6,387	7,158	2,609	2,610
	8,649	9,072	4,072	3,952
<b>Jumlah liabiliti</b>	<b>13,169</b>	13,293	<b>5,138</b>	5,275
<b>Jumlah aset bersih</b>	<b>8,626</b>	7,787	<b>1,987</b>	1,969
<b>Ekuiti</b>				
Rizab modal	31(a) 471	443	55	55
Rizab penilaian semula aset	31(b) 1,540	1,152	118	202
Rizab turun naik matawang	31(c) (64)	(80)	-	-
Rizab pelarasan nilai saksama	31(d) 69	55	-	-
Rizab urus niaga ekuiti	31(e) (66)	(61)	-	-
Rizab hasil	31(f) 4,460	4,074	1,814	1,712
	6,410	5,583	1,987	1,969
Kepentingan bukan kawalan	2,216	2,204	-	-
<b>Jumlah ekuiti</b>	<b>8,626</b>	7,787	<b>1,987</b>	1,969
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>	<b>21,795</b>	21,080	<b>7,125</b>	7,244

# Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2016	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urus niaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah Rizab	Keperluan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Baki awal pada 1 Januari 2016	337	1,026	(74)	48	(56)	3,628	4,909	4,291	9,200
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	274	274	141	415
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>									
Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	-	127	-	-	-	-	127	(6)	121
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	7	-	-	7	1	8
Pertukaran matawang asing bagi operasi asing	-	(1)	(6)	-	-	-	(7)	5	(2)
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	126	(6)	7	-	-	127	-	127
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	126	(6)	7	-	274	401	141	542
<b>Transaksi dengan pemilik</b>									
Penebusan saham utama boleh tebus boleh ubah syarikat anak	86	-	-	-	-	(86)	-	-	-
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	-	(98)	(98)
Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	20	-	-	-	-	50	70	114	184
Pertambahan/pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak:									
Penebusan Modal Terpilih dalam syarikat anak	-	-	-	-	-	250	250	(2,422)	(2,172)
Lain-lain pengurangan kepentingan	-	-	-	-	-	(31)	(31)	176	145
Pengambilalihan syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	(5)	-	(5)	2	(3)
Pengagajian dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	(11)	(11)	-	(11)
Baki akhir pada 31 Disember 2016	443	1,152	(80)	55	(61)	4,074	5,583	2,204	7,787

## Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2017	Rizab modal	Rizab penilaian aset	Rizab turun naik matawang	Rizab pelarasan nilai saksama	Rizab urus niaga ekuiti	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Baki awal pada 1 Januari 2017	443	1,152	(80)	55	(61)	4,074	5,583	2,204	7,787
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	-	398	398	61	459
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>									
Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	-	435	-	-	-	(2)	433	45	478
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan sedia untuk dijual	-	-	-	14	-	-	14	-	14
Pertukaran matawang asing bagi operasi asing	-	-	16	-	-	-	16	15	31
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	435	16	14	-	(2)	463	60	523
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	435	16	14	-	396	861	121	982
<b>Transaksi dengan pemilik</b>									
Klasifikasi semula	47	(47)	-	-	-	-	-	-	-
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	-	(116)	(116)
Pelupusan syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	-	-	-	(20)	(20)
Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	-	1	1	31	32
Pertambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	(19)	-	-	-	(5)	-	(24)	(4)	(28)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	-	(11)	(11)	-	(11)
	28	(47)	-	-	(5)	(10)	(34)	(109)	(143)
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2017</b>	<b>471</b>	<b>1,540</b>	<b>(64)</b>	<b>69</b>	<b>(66)</b>	<b>4,460</b>	<b>6,410</b>	<b>2,216</b>	<b>8,626</b>

## Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

<b>Johor Corporation</b>	<b>Rizab modal</b>	<b>Rizab penilaian semula aset</b>	<b>Rizab hasil</b>	<b>Jumlah ekuiti</b>
Baki awal pada 1 Januari 2016	55	212	1,603	1,870
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	120	120
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>				
Defisit penilaian ke atas harta, loji dan kelengkapan	-	(10)	-	(10)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>	-	(10)	120	110
<b>Transaksi dengan pemilik</b>				
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	(11)	(11)
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2016</b>	<b>55</b>	<b>202</b>	<b>1,712</b>	<b>1,969</b>
	<b>Rizab modal</b>	<b>Rizab penilaian semula aset</b>	<b>Rizab hasil</b>	<b>Jumlah ekuiti</b>
Baki awal pada 1 Januari 2017	55	202	1,712	1,969
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	113	113
<b>Lain-lain perbelanjaan komprehensif</b>				
Defisit penilaian ke atas harta, loji dan kelengkapan	-	(84)	-	(84)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>	-	(84)	113	29
<b>Transaksi dengan pemilik</b>				
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	-	(11)	(11)
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2017</b>	<b>55</b>	<b>118</b>	<b>1,814</b>	<b>1,987</b>



# Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
<b>KEGIATAN OPERASI</b>				
Keuntungan sebelum cukai:				
Operasi berterusan	665	541	112	112
Operasi dihentikan	(84)	-	-	-
Pelarasan-pelarasan:				
Harta, loji dan kelengkapan:				
Keuntungan bersih atas pelupusan	(40)	(17)	(32)	(9)
Hapuskira	12	42	-	-
Susutnilai	521	390	14	24
Kerugian rosotnilai	13	12	-	-
Hartanah pelaburan:				
Perubahan dalam nilai saksama	(107)	(290)	(5)	(194)
Keuntungan bersih atas pelupusan	-	-	(13)	-
Keuntungan atas pelupusan:				
Syarikat-syarikat bersekutu	-	(1)	-	-
Lain-lain pelaburan	(1)	-	(33)	-
Pampasan ke atas pelaburan	(36)	-	-	-
Pembelian rendah atas pengambilalihan syarikat anak	-	(20)	-	-
Perbelanjaan pembangunan:				
Hapuskira	3	-	3	-
Pelaburan:				
Perubahan dalam nilai saksama dalam lain-lain pelaburan	(29)	(2)	(43)	6
Peruntukan bagi rosotnilai di dalam syarikat anak	-	-	27	116
Hapuskira	-	26	-	43
Aset tidak zahir:				
Pelunasan dan rosotnilai	12	62	-	-
Pendapatan dividen	(3)	(3)	(111)	(133)
(Keuntungan)/kerugian pertukaran matawang asing belum direalisasi	(22)	60	-	-
Keuntungan daripada penghapusan liabiliti	(92)	-	-	-
Pelunasan geran kerajaan	(13)	(12)	(3)	(4)
Pelunasan tanah pajakan sewaan	(18)	(17)	(12)	(15)
Elaun rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	28	35	21	-
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	(2)	(56)	(35)	(83)
Hutang lapuk dihapuskan (bersih)	37	1	-	-
Perbelanjaan faedah	423	433	122	129
Pendapatan faedah	(46)	(54)	(5)	(3)
Pendapatan faedah yang dicaj	(22)	-	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	(109)	(141)	-	-
<b>Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja</b>	<b>1,090</b>	<b>989</b>	<b>7</b>	<b>(11)</b>

## Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>Perubahan dalam modal kerja</b>				
Inventori	(26)	41	3	1
Kos pembangunan hartanah	(321)	(357)	(229)	(106)
Penghutang	503	(333)	115	(196)
Pemiutang	465	76	78	(17)
Syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama	5	24	-	-
<b>Tunai dijana/(digunakan dalam) kegiatan operasi</b>	<b>1,716</b>	440	<b>(26)</b>	(329)
Pulangan cukai	7	39	-	20
Cukai dibayar	(161)	(162)	-	-
Dividen diterima	3	3	111	133
Faedah diterima	46	54	5	3
<b>Tunai bersih dijana daripada /(digunakan dalam) kegiatan operasi</b>	<b>1,611</b>	374	<b>90</b>	(173)
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>				
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:				
Syarikat-syarikat anak	-	-	1	3
Syarikat-syarikat bersekutu	-	2	-	-
Lain-lain pelaburan	41	20	7	24
Deposit yang diterima daripada penjualan syarikat bersekutu	-	34	-	34
Deposit dibayar atas pengambilalihan syarikat anak	(7)	(130)	-	-
Pendahuluan dibayar kepada syarikat anak	-	-	-	(52)
Perolehan daripada pelupusan tanah dipegang untuk jualan	-	-	-	10
Harta, loji dan kelengkapan:				
Perolehan daripada pelupusan	358	65	33	5
Pembelian	(1,212)	(617)	(14)	(28)
Hartanah pelaburan:				
Perolehan daripada pelupusan	179	1	42	1
Pembelian	(306)	(18)	-	-
Aset tidak zahir:				
Tambahkan	(13)	(12)	-	-
Pengambilalihan syarikat anak	-	(38)	-	-
Pembelian:				
Lain-lain pelaburan	(23)	(4)	(2)	-
Tunai bersih masuk atas pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai pegangan untuk dijual	2	-	68	-
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pelaburan</b>	<b>(981)</b>	(697)	<b>135</b>	(3)

**Penyata Aliran Tunai**  
 Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>				
Deposit tetap tertakluk kepada sekatan/cagaran tidak dianggap sebagai kesetaraan tunai	<b>52</b>	1	-	1
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	<b>903</b>	1,872	-	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	<b>(1,362)</b>	(423)	<b>(402)</b>	(9)
Geran kerajaan diterima	<b>12</b>	45	<b>7</b>	40
Pendahuluan diterima daripada syarikat anak, bayaran bersih	-	-	<b>245</b>	245
Faedah dibayar	<b>(423)</b>	(433)	<b>(88)</b>	(100)
Faedah dibayar kepada syarikat anak	-	-	<b>(34)</b>	(29)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	<b>(116)</b>	(98)	-	-
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	-	(5)	-	(5)
Perolehan daripada pengurangan kepentingan syarikat anak	-	100	-	-
Keuntungan timbul daripada aktiviti waran dan ESOS	-	145	-	-
Penebusan Modal Terpilih syarikat anak	-	(2,172)	-	-
Pampasan dibayar	<b>(29)</b>	-	-	-
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pembiayaan</b>	<b>(963)</b>	(968)	<b>(272)</b>	143
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	<b>(333)</b>	(1,291)	<b>(47)</b>	(33)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	<b>1,031</b>	2,310	<b>77</b>	91
Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai	<b>3</b>	12	-	-
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b>701</b>	1,031	<b>30</b>	58
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>				
Baki tunai dan bank	<b>589</b>	783	<b>21</b>	75
Simpanan tetap	<b>293</b>	485	<b>9</b>	2
	<b>882</b>	1,268	<b>30</b>	77
Simpanan tetap tertakluk kepada sekatan/dicagarkan	<b>(45)</b>	(97)	-	(19)
Overdraf bank	<b>(136)</b>	(140)	-	-
	<b>701</b>	1,031	<b>30</b>	58

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation Bil. 4, 1968, (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 11, Menara KOMTAR

Johor Bahru City Centre

80000 Johor Bahru, Johor

Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 meliputi Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihat), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

### 2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai pindaan dan FRS baru yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM juta) melainkan dinyatakan selainnya.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut. Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasikan polisi perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, perkara-perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara dimana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan sebagaimana didedahkan dalam Nota 3.

### Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("Rangka Kerja MFRS")

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan MASB baru yang telah diluluskan, iaitu Rangka Kerja MFRS Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Rangka Kerja MFRS digunapakai oleh semua Entiti Lain daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 'Pertanian' ("MFRS 141") dan IC Interpretasi 15 'Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah' ("IC 15"), termasuk induk, pelabur besar dan pengusaha (di sini dipanggil 'Entiti Peralihan').



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.1 Asas penyediaan (sambungan)

#### Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“Rangka Kerja MFRS”) (sambungan)

Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru dan boleh memilih untuk menggunakan Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) sebagai rangka kerja pelaporan kewangan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

Kumpulan termasuk dalam definisi skop Entiti Peralihan, sehubungan dengan itu perlu untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRS yang pertama untuk tahun berakhir 31 Disember 2018. Dalam membentangkan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan perlu untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan pemakaian Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki awal keuntungan terkumpul.

Kumpulan belum lagi selesai melakukan penilaiannya terhadap kesan kewangan bagi perbezaan antara Piawaian Pelaporan Kewangan dan piawaian perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Sehubungan dengan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 mungkin berbeza sekiranya disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

### 2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan

Polisi-polisi perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2017, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai penambahbaikan kepada FRS yang diwajibkan bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017:

#### Perihal

---

Pindaan kepada FRS 107: Penyata Aliran Tunai - Inisiatif Pendedahan  
Pindaan kepada FRS 112: Cukai Pendapatan - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda Bagi Kerugian Belum Direalisasikan  
Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran FRS 2014-2016: FRS 12 'Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain'

---

Para Pengarah Johor Corporation tidak menjangkakan bahawa menerima pakai pembaharuan ini akan memberikan kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation (Nota 28).

- (a) Pindaan kepada FRS 107 'Penyata Aliran Tunai - Inisiatif Pendedahan' (berkuatkuasa dari 1 Januari 2017) memperkenalkan pendedahan tambahan mengenai perubahan dalam liabiliti daripada aktiviti pembiayaan.
- (b) Pindaan kepada FRS 112 'Cukai Pendapatan - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Direalisasi' (berkuatkuasa dari 1 Januari 2017) menjelaskan keperluan untuk mengiktiraf aset cukai tertunda ke atas kerugian tidak nyata daripada perbezaan sementara yang boleh ditolak atas aset yang dibawa pada nilai saksama. Di samping itu, dalam menilai sama ada sesebuah entiti mempunyai keuntungan yang mencukupi untuk dikenakan cukai pada masa hadapan terhadap perbezaan sementara boleh tolak dapat digunakan, pindaan memerlukan entiti untuk membandingkan perbezaan sementara boleh tolak dengan keuntungan yang dikenakan cukai masa hadapan tetapi tidak termasuk potongan cukai yang terhasil daripada pembalikan perbezaan sementara. Pindaan hendaklah diaplikasikan secara retrospektif.
- (c) Penambahbaikan Tahunan kepada kitaran FRS 2014-2016: Perubahan kepada FRS 12 "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti lain" menjelaskan bahawa kepentingan entiti dalam syarikat anak, usaha sama atau syarikat bersekutu yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual mengikut FRS 5, entiti tidak dikehendaki mendedahkan ringkasan maklumat kewangan mengenai kepentingan tersebut. Keperluan pendedahan lain dalam FRS 12 tetap terpakai.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan Johor Corporation belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini. Kumpulan dan Johor Corporation bercadang untuk menggunakan piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa.

Perihal	Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 140 : Pengkelasan mengenai 'Perubahan Penggunaan' - Aset dipindahkan ke atau dari Hartanah Pelaburan	1 Januari 2018
Interpretasi IC 22 : Transaksi Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan	1 Januari 2018
MFRS 9 : Instrumen Kewangan	1 Januari 2018
MFRS 15 : Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan	1 Januari 2018
Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS 1: Gunapakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia	1 Januari 2018
Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS 128 : Pelaburan dalam Syarikat Sekutu dan Syarikat Usaha Sama	1 Januari 2018
MFRS 16 : Pajakan	1 Januari 2019
Interpretasi IC 23: Ketidakpastian mengenai Pengolahan Cukai Pendapatan	1 Januari 2019

Beberapa piawaian baru dan pindaan untuk tafsiran tahun kewangan berkuatkuasa bermula selepas 1 Januari 2018 seperti yang berikut di bawah:

- (a) Pindaan kepada MFRS 140: 'Klasifikasi 'Perubahan dalam Penggunaan' - Aset yang dipindahkan ke, atau dari, Hartanah Pelaburan' (berkuatkuasa dari 1 Januari 2018) menjelaskan bahawa untuk pindahan ke, atau dari hartanah pelaburan perlu ada pertukaran penggunaan. Perubahan dalam penggunaan akan melibatkan penilaian sama ada sesuatu harta memenuhi, atau sudah tidak memenuhi, definisi harta pelaburan. Perubahan mesti disokong dengan bukti bahawa perubahan dalam penggunaan telah berlaku dan perubahan dalam niat pengurusan untuk pengasingan tidak mencukupi untuk menyokong pemindahan harta. Pindaan ini juga menjelaskan prinsip yang sama diaplikasikan kepada aset dalam pembinaan.
- (b) Interpretasi IC 22: 'Transaksi Mata Wang Asing dan Pertimbangan Awal' (berkuatkuasa dari 1 Januari 2018) digunakan apabila entiti mengiktiraf aset bukan monetari dan liabiliti bukan monetari yang timbul daripada pembayaran atau penerimaan pertimbangan pendahuluan. MFRS 121 mengkehendaki entiti menggunakan kadar tukaran pada 'tarikh urus niaga' untuk merekod urus niaga mata wang asing.

Interpretasi IC 22 memberikan panduan cara menentukan 'tarikh urus niaga' apabila pembayaran / penerimaan tunggal dibuat, juga bagi situasi dimana pembayaran / penerimaan dibuat secara banyak. Tarikh urus niaga adalah tarikh apabila pembayaran atau penerimaan pertimbangan pendahuluan menimbulkan aset bukan monetari atau liabiliti bukan monetari apabila entiti tidak lagi terdedah kepada risiko pertukaran asing. Sekiranya terdapat banyak pembayaran atau penerimaan pendahuluan, entiti itu hendaklah menentukan tarikh urus niaga untuk setiap pembayaran atau penerimaan. Entiti mempunyai pilihan untuk mengaplikasikan Interpretasi IC 22 secara retrospektif atau secara prospektif.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

- (c) MFRS 9 : Instrumen Kewangan (berkuatkuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'

MFRS 9 dikekalkan tetapi dipermudahkan dengan campuran model pengukuran dalam MFRS 139 dan menetapkan tiga kategori pengukuran utama untuk aset kewangan: kos dilunaskan, nilai saksama melalui untung rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas klasifikasi bergantung kepada model bisnes entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Instrumen ekuiti pelaburan sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung rugi dengan pilihan tidak boleh batal pada permulaan untuk membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen tersebut tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan hanya jika entiti tersebut dipegang untuk mengutip aliran tunai berkontrak dan aliran tunai tersebut mewakili prinsipal dan faedah.

Untuk liabiliti, piawaian mengekalkan kebanyakan keperluan MFRS 139. Ini termasuk perakaunan kos dilunaskan untuk kebanyakan liabiliti kewangan, dengan dwicabang derivatif terbenam. Perubahan utama adalah kes dimana nilai saksama diambil untuk liabiliti kewangan, sebahagian perubahan nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit entiti direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya dari penyata pendapatan, melainkan ia mewujudkan ketidakpadanan perakaunan.

MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit jangkaan menggantikan model kerugian kerosotan ditanggung digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit jangkaan adalah berpandangan ke hadapan dan dapat menghapuskan keperluan yang mencetuskan suatu peristiwa berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

MFRS 9 adalah digunakan secara retrospektif tetapi amaun perbandingan tidak perlu dinyatakan semula. Kesan daripada piawaian ini kini sedang didalam proses penilaian oleh para Pengarah Johor Corporation.

- (d) MFRS 15 : Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan (berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018)

Prinsip teras dalam MFRS 15 ialah entiti mengiktiraf hasil untuk menampakkan pindahan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan, sebagai contoh, apabila pelanggan mempunyai kemampuan untuk penggunaan secara langsung dan memperoleh manfaat dari barang atau perkhidmatan.

Lima langkah proses baru digunakan sebelum hasil dapat diiktiraf:

- (i) Kenal pasti kontrak dengan pelanggan;
- (ii) Kenal pasti kewajipan prestasi yang berasingan;
- (iii) Tentukan harga urus niaga kontrak;
- (iv) Peruntukkan harga urus niaga kepada setiap kewajipan prestasi berasingan; dan
- (v) Mengiktiraf hasil bagi setiap obligasi pelaksanaan yang dipenuhi.

Peruntukan utama piawaian baru adalah seperti berikut:

- (i) Apa-apa barang atau perkhidmatan yang digabungkan secara ketara mestilah diiktiraf secara berasingan, dan apa-apa diskaun atau rebat harga kontrak mesti diperuntukkan secara umum kepada elemen yang berasingan;
- (ii) Sekiranya pertimbangan berbeza-beza (seperti insentif, rebat, yuran prestasi, royalti, kejayaan sesuatu keputusan), jumlah hasil minimum mesti diiktiraf jika ianya bukan risiko penarikbalikan yang signifikan;
- (iii) Titik dimana hasil yang diiktiraf boleh beralih: beberapa hasil yang diiktiraf pada masa diakhir kontrak mungkin perlu diiktiraf semasa tempoh kontrak dan sebaliknya;
- (iv) Terdapat peraturan khusus baru antaranya mengenai lesen, jaminan, yuran pendahuluan yang tidak dapat dikembalikan, dan pengaturan muatan; dan
- (v) Seperti mana-mana piawaian baru, terdapat peningkatan pendedahan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

- (e) MFRS 16 'Pajakan' menggantikan MFRS 117 'Pajakan' dan interpretasi yang berkaitan (berkuatkuasa dari 1 Januari 2019)

Di bawah MFRS 16, pajakan adalah kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti dalam tempoh masa pertukaran untuk dipertimbangkan.

MFRS 16 menghapuskan pengelasan pajakan oleh pemajak sebagai sama ada pajakan kewangan (di kunci kira-kira) atau pajakan operasi (di luar kunci kira-kira). MFRS 16 memerlukan 'hak penggunaan' aset sandaran dan liabiliti pajakan menunjukkan pembayaran pajakan masa depan bagi kebanyakan pajakan.

Bagi pemberi pajak, MFRS 16 mengekalkan kebanyakan keperluan dalam MFRS 117. Pemberi pajak akan terus mengelaskan semua pajakan sebagai sama ada pajakan operasi atau pajakan kewangan dan melaporkan secara berbeza.

- (f) Interpretasi IC 23: 'Ketidakpastian mengenai Pengolahan Cukai Pendapatan' (berkuatkuasa dari 1 Januari 2019) menyediakan panduan untuk mengenal dan mengukur aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda dan semasa apabila terdapat ketidakpastian berhubung dengan pengolahan cukai.

Sekiranya entiti membuat kesimpulan bahawa pengolahan cukai tidak berkemungkinan untuk diterima oleh pihak berkuasa cukai, kesan ketidakpastian cukai harus dimasukkan dalam tempoh ketika penentuan tersebut dibuat. Entiti perlu mengukur kesan ketidakpastian menggunakan kaedah yang paling sesuai untuk meramalkan penyelesaian ketidakpastian.

Interpretasi IC 23 akan diaplikasikan secara retrospektif.

#### 2.4 Asas-asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan kesemua syarikat anaknya pada tarikh laporan. Penyata kewangan syarikat-syarikat anak yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urus niaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Johor Corporation mengawal satu pelaburan jika dan hanya jika Johor Corporation mempunyai semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak yang ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, untuk pulangan pemboleh ubah daripada pelaburan dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangan.

Apabila Johor Corporation mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi penerima pelaburan, Johor Corporation menganggap yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Kumpulan dalam penerima pelaburan yang mencukupi untuk memberikan kuasanya ke atas penerima pelaburan:

- (i) Saiz pegangan hak mengundi Johor Corporation berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;
- (ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Johor Corporation, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- (iii) Hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain; dan

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)

- (iv) Mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Johor Corporation telah, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak mengundi dimesyuarat pemegang saham sebelumnya.

Syarikat-syarikat anak disatukan apabila Johor Corporation mempunyai kawalan ke atas syarikat anak dan tidak akan disatukan apabila Johor Corporation kehilangan kawalan ke atas syarikat anak itu. Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusan niaga antara kumpulan tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dan setiap komponen kerugian komprehensif lain-lain didalam syarikat anak adalah diagihkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan kawalan walaupun kesannya memberikan kepentingan bukan kawalan menghasilkan baki defisit.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat-syarikat anak yang tidak akan mengakibatkan Kumpulan kehilangan kawalan ke atas syarikat anak diambil kira sebagai urusan niaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam syarikat anak. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemilik Johor Corporation.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sebuah syarikat anak, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan diantara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama pegangan yang tinggal dan (ii) amaun dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat anak dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul syarikat anak yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke perolehan tertahan. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam syarikat anak terdahulu pada tarikh kawalan hilang dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

#### Kombinasi perniagaan

Pengambilalihan syarikat-syarikat anak diambil kira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih dikira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kumpulan memilih asas secara transaksi demi transaksi untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar daripada aset bersih yang boleh dikenal pasti. Kos urusan niaga yang dibelanjakan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Sebarang pertimbangan kontingen yang akan dipindahkan oleh pengambilalihan akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya ke atas pertimbangan kontingen adalah dalam nilai saksama yang disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti, akan diiktiraf menurut FRS 139 sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Jika pertimbangan kontingen diklasifikasikan sebagai ekuiti, ia tidak akan dikaji semula. Penyelesaian berikutnya diambil kira di dalam ekuiti. Dalam keadaan dimana pertimbangan kontingen tidak termasuk dalam skop FRS 139, ia diukur mengikut FRS yang sesuai.

Apabila Kumpulan mengambil alih perniagaan, Kumpulan menilai aset dan liabiliti kewangan yang diandaikan mengikut pengelasan dan kedudukan mengikut terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pemisahan derivatif tersembunyi dalam kontrak hos oleh syarikat yang diambilalih.

Jika dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)

##### Kombinasi perniagaan (sambungan)

Muhibah pada mulanya diukur pada kos, merupakan lebih agregat pertimbangan yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf ke atas aset bersih dan liabiliti yang boleh dikenalpasti bagi kepentingan bukan kawalan. Jika pertimbangan ini adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat anak yang diambil alih, perbezaannya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dasar perakaunan untuk muhibah dinyatakan di Nota 2.9 (a).

#### 2.5 Urus niaga dengan kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam syarikat-syarikat anak yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada milikan Johor Corporation, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti dikaitkan kepada milikan Johor Corporation.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Johor Corporation dalam syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, amaun dibawa kepentingan kawalan dan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada milikan Johor Corporation.

#### 2.6 Mata wang asing

##### (a) Mata wang fungsian dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Johor Corporation.

##### (b) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang fungsian Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambil kira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas pertukaran item-item bukan monetari dimana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti.

**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan**  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.6 Mata wang asing (sambungan)

#### (c) Operasi luar negara

Aset dan liabiliti operasi luar negara ditukar ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga. Perbezaan tukaran yang timbul daripada pertukaran adalah diambilkira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab pertukaran mata wang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut mata wang fungsian bagi operasi luar negara tersebut dan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

### 2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Harta prisihat dan tanah ladang (mewakili lingkungan tanah pegangan bebas dan tanah pajakan) diukur pada nilai saksama tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai diambil kira selepas tarikh penilaian semula dibuat. Penilaian ini dilakukan dengan kekerapan yang mencukupi bagi memastikan bahawa amaun dibawa tidak berbeza dengan ketara daripada nilai saksama harta-harta prisihat dan tanah ladang pada tarikh pelaporan.

Lebih daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab penilaian semula aset, kecuali setakat mana ia membalikkan pengurangan penilaian semula bagi aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi, dimana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi. Defisit penilaian semula diiktiraf dalam penyata untung atau rugi, kecuali setakat mana ia mengimbangi lebihan yang sedia ada ke atas aset yang sama dan direkod di dalam rizab penilaian semula aset.

Sebarang susutnilai terkumpul harta prisihat pada tarikh penilaian semula dihapuskan dengan amaun dibawa kasar aset dan jumlah bersih dinyatakan semula kepada jumlah aset yang dinilai. Sebarang susutnilai terkumpul tanah ladang pada tarikh penilaian semula tidak dihapuskan dengan amaun dibawa kasar, aset dan jumlah bersih tidak dinyatakan semula kepada jumlah aset yang dinilai. Lebihan penilaian semula termasuk di dalam rizab penilaian semula aset adalah berkenaan dengan aset yang dipindahkan ke rizab hasil apabila dilupuskan.

Semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak kelapa sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasikan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan atas jangka hayat apabila ladang tersebut matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan sekurang-kurangnya 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu. Perbelanjaan overhead ladang dibahagikan kepada untung atau rugi dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susutnilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam amaun dibawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain akan diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

Tanah pajakan	15 – 904 tahun
Perbelanjaan pembangunan ladang	17 – 22 tahun dari tahun matang
Bangunan	4 – 50 tahun
Harta prisihatın	50 – 999 tahun
Loji dan jentera	3 – 25 tahun
Peralatan pejabat	5 – 15 tahun
Lekapan dan kelengkapan	2 – 20 tahun
Kenderaan bermotor	3 – 5 tahun
Pengubahsuaian	10 tahun

Modal kerja dalam pelaksanaan termasuk didalam harta, loji dan kelengkapan adalah tidak disusutnilai memandangkan aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula. Rujuk polisi perakaunan berkenaan rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.10.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

#### 2.8 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urus niaga bagi hartanah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf dengan sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartanah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun dimana ianya dinilai.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartanah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada hartanah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.



**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan**  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.9 Aset-aset tidak zahir

#### (a) Muhibah

Muhibah pada awalnya diukur pada kos. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul. Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit menjana tunai kepada muhibah yang telah diperuntukkan diuji untuk rosotnilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin dirosotnilai, dengan membandingkan amaun dibawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi dimana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada amaun dibawa, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi muhibah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya. Rujuk polisi perakaunan berkenaan rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.10.

#### (b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan pada awalnya diukur pada kos. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi rosotnilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan dirosotnilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna adalah dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas anggaran tempoh hayat berguna aset-aset seperti berikut:

Perbelanjaan pembangunan perisian	5 tahun
Lain-lain	1 - 2 tahun

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk rosotnilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin dirosotnilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif. Rujuk polisi perakaunan berkenaan rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.10.

Untung atau rugi daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun bawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.10 Rosotnilai aset-aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah dimana terdapat aliran tunai Unit Penjana Tunai ("UPT") yang boleh dikenal pasti secara berasingan.

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika amaun dibawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan amaun dibawa bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan amaun dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan asas pro-rata.

#### Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai kali terakhir. Sekiranya demikian, amaun dibawa aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susutnilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

#### 2.11 Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak

Syarikat anak adalah sebuah entiti dimana Kumpulan memiliki semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan tersebut (hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, untuk merubah pulangan daripada pelaburannya dalam penerima pelaburan tersebut; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa atas pelaburan untuk mempengaruhi pulangannya.

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat anak diambilkira pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Bagi pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan diantara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Dimana indikasi rosotnilai wujud, amaun dibawa pelaburan tersebut telah dinilai dan diambilkira dalam amaun diperolehi semula. Lihat polisi perakaunan dalam rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.10.

Jumlah terhutang daripada syarikat anak dimana Johor Corporation tidak menjangkakan bayaran balik pada masa hadapan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan Johor Corporation dalam syarikat anak.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.12 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama

Syarikat bersekutu adalah entiti dimana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam kewangan dan keputusan dasar operasi penerima pelaburan tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar.

Usaha sama adalah pengaturan bersama dimana pihak-pihak yang tersebut dalam pengaturan bersama mempunyai hak kawalan bersama ke atas aset bersih pengaturan bersama. Kawalan bersama adalah persetujuan kawalan usaha sama yang telah dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama.

Pada pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti dalam pelaburan diiktiraf sebagai muhibah dan dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan ke atas kos pelaburan dikecualikan daripada amaun dibawa pelaburan dan sebaliknya termasuk sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu ini atau keuntungan atau kerugian usaha sama bagi tempoh dimana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu atau usaha sama adalah ekuiti yang diambilkira dari tarikh dimana penerima pelaburan menjadi syarikat bersekutu atau usaha sama.

Dibawah kaedah ekuiti, pada pengiktirafan permulaan pelaburan didalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf pada kos, dan amaun dibawa ditambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu atau usaha sama selepas tarikh pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama yang sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusan hulu dan hiliran diantara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan didalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Kerugian tidak direalisasikan dihapuskan melainkan urusan berkenaan menunjukkan bukti rosotnilai aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Dimana perlu, pelarasan dibuat ke atas dasar-dasar perakaunan sejajar dengan dasar Kumpulan.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran untuk menentukan sama ada adakah perlu untuk mengiktiraf sebarang tambahan kerugian rosotnilai yang berkaitan dengan pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Apabila perlu, amaun dibawa keseluruhan pelaburan diuji untuk rosotnilai menurut FRS 136 Rosotnilai Aset sebagai aset tunggal, dengan membandingkan amaun yang boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual) dengan amaun yang dibawa. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf di dalam untung atau rugi. Pembalikan kerugian rosotnilai kemudiannya diiktiraf setakat mana amaun pelaburan yang boleh diperolehi semula meningkat.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan diantara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Dimana indikasi rosotnilai wujud, amaun dibawa pelaburan akan dinilai dan dikurangkan serta merta kepada amaun boleh diperolehi semula. Lihat polisi perakaunan rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.10.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.13 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset-aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, serta, bagi kes aset-aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung.

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan penghutang, pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang dan aset-aset kewangan sedia untuk dijual.

##### (a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset-aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ianya dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif-derivatif (termasuk derivatif-derivatif terbenam berasingan) atau aset-aset kewangan diperolehi untuk tujuan jualan pada masa terdekat.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian (selain daripada yang berkaitan dengan derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai sebagaimana diterangkan dalam Nota 2.32) yang timbul daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian bersih ke atas aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen. Perbezaan-perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diiktiraf berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset-aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset-aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan pada tarikh penyelesaian.

##### (b) Pembiayaan dan penghutang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak tersenarai dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan penghutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan penghutang dinyahiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pembiayaan dan penghutang diklasifikasi sebagai aset-aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh-tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

##### (c) Pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang hingga matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.13 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### (c) Pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung atau rugi apabila pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang dinyahiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa, kecuali pelaburan-pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

#### (d) Aset-aset kewangan sedia dijual

Aset-aset kewangan tersedia untuk dijual yang ditentukan sebagai sedia dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana tiga kategori di atas.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian rosotnilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelum ini di dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai satu pelarasan klasifikasi semula bila aset kewangan dinyahiktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen-dividen daripada instrumen ekuiti tersedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi bila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran diwujudkan.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak kerugian rosotnilai. Aset-aset kewangan tersedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai aset-aset bukan semasa melainkan dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan akan dinyahiktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Apabila suatu aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jualan atau belian cara biasa adalah jualan atau belian aset-aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset-aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua jualan dan belian cara biasa aset-aset kewangan diiktiraf atau dinyahiktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh dimana Kumpulan dan Johor Corporation memberi komitmen untuk menjual atau membeli aset tersebut.

### 2.14 Rosotnilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosotnilai.

#### (a) Penghutang perdagangan dan lain-lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosotnilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang ketara dan kegagalan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.14 Rosotnilai aset-aset kewangan (sambungan)

##### (a) Penghutang perdagangan dan lain-lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan (sambungan)

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan tidak boleh dikutip, ianya dihapuskan menerusi akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosotnilai tersebut diiktiraf, kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap dimana amaun dibawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Amaun pembalikan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

##### (b) Aset-aset kewangan tersedia untuk dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama dibawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf sebelum ini di dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Kerugian rosotnilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian rosotnilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

#### 2.15 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, simpanan semasa, dan pelaburan jangka pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagangkan.

#### 2.16 Kontrak pembinaan

Hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan masing-masing dengan merujuk kaedah tahap penyediaan aktiviti kontrak pada tarikh laporan. Peringkat penyediaan dinilai dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung yang mungkin boleh pulih. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana ia ditanggung. Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Hasil kontrak daripada kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pemasangan dan pentauliahan penyimpanan kapal-kapal dan pemunggahan terapung ("EPCIC") terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga ke tahap dimana ia berkemungkinan bahawa mereka akan memberikan hasil dan mereka mampu untuk diukur dengan pasti.

**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan**  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.16 Kontrak pembinaan (sambungan)

Apabila jumlah kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil berperingkat, baki diklasifikasikan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak. Apabila bil berperingkat melebihi kos yang ditanggung, keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki diklasifikasikan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan atas kontrak.

### 2.17 Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah

#### (a) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah dimana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau dimana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal. Tanah sedemikian diklasifikasi dalam aset-aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti-aktiviti pembangunan telah bermula dan dimana ianya boleh ditunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi normal.

#### (b) Kos-kos pembangunan hartanah

Kos-kos pembangunan hartanah terdiri daripada segala kos yang berkaitan terus dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti sedemikian dimana termasuk pembangunan hartanah dan pembangunan tanah perindustrian.

Apabila hasil kewangan bagi satu aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah diiktiraf di dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan kos-kos pembangunan hartanah yang telah dibelanjakan setakat ini dan dibandingkan kepada kos-kos pembangunan hartanah keseluruhan yang dianggarkan.

Dimana hasil kewangan bagi suatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggar dengan pasti, hasil pembangunan hartanah hanya diiktiraf sehingga kos-kos pembangunan hartanah ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi, dan kos-kos pembangunan hartanah atas hartanah yang dijual diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas satu projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan ditanggung semasa tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf serta merta sebagai satu perbelanjaan.

Kos-kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai satu perbelanjaan, diiktiraf sebagai satu aset, yang diukur pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih.

Lebih hasil diiktiraf dalam untung atau rugi ke atas tuntutan kepada pembeli-pembeli diklasifikasi sebagai tuntutan terakru dalam penghutang dagangan dan lebih tuntutan kepada pembeli-pembeli ke atas hasil diiktiraf di dalam untung atau rugi diklasifikasi sebagai tuntutan berperingkat dalam pemutang dagangan.

### 2.18 Inventori

Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajar selain daripada inventori yang berkaitan dengan segmen perniagaan restoran khidmat segera Kumpulan, dimana ditentukan berdasarkan kaedah masuk-dahulu, keluar-dahulu.

Kos hasil pertanian adalah berdasarkan kaedah purata wajar dan termasuk kos bahan langsung dan bahagian yang sesuai bagi perbelanjaan hasil ladang, kos pengeluaran dan kos overhead berdasarkan kapasiti operasi biasa.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.18 Inventori (sambungan)

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

#### 2.19 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) disebabkan satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan amaun obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang ditunjukkan, mengikut kesesuaian risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan adalah disebabkan oleh peredaran masa yang berlalu adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

#### 2.20 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan yang diiktiraf pada nilai saksama dimana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Bagi geran yang berkaitan dengan aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas di dalam penyata untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

Geran kerajaan sebagai pampasan kepada Kumpulan untuk perbelanjaan adalah diiktiraf dalam untung rugi sebagai pendapatan lain secara sistematik dalam tempoh yang sama dimana perbelanjaan tersebut diiktiraf.

#### 2.21 Liabiliti-liabiliti kewangan

Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi seperti terkandung di dalam perjanjian kontrak yang diikat dan didefinisikan sebagai suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti-liabiliti kewangan, di dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai sama ada liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti-liabiliti kewangan lain.

##### (a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti-liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Johor Corporation yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan lindung nilai. Liabiliti-liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang keuntungan atau kerugian yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Johor Corporation belum menentukan sebarang liabiliti kewangan lain pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.21 Liabiliti-liabiliti kewangan (sambungan)

#### (b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain

Liabiliti-liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Johor Corporation termasuk pemiutang dagangan, lain-lain pemiutang serta pembiayaan dan pinjaman.

Pemiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urus niaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pembiayaan dan pinjaman diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga, dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

Bagi liabiliti-liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti-liabiliti tersebut dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Suatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf bila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyahiktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

### 2.22 Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik pemegangnya untuk kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang tertentu yang ditanggung gagal melakukan pembayaran apabila tiba tempoh, selaras dengan syarat-syarat instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan. Liabiliti pada mulanya diukur pada nilai saksama dan seterusnya pada tahap yang lebih tinggi daripada jumlah yang ditentukan menurut FRS 137 "Peruntukan, liabiliti luar jangka dan aset luar jangka" dan amaun yang diiktiraf pada awal pelunasan terkumpul kumulatif, sekiranya sesuai.

Nilai saksama jaminan kewangan ditentukan sebagai perbezaan nilai semasa aliran tunai bersih antara pembayaran kontrak di bawah instrumen hutang dan bayaran yang diperlukan tanpa jaminan, atau anggaran jumlah yang akan dibayar kepada pihak ketiga untuk menunaikan obligasi.

Sekiranya kontrak jaminan kewangan berhubung dengan pinjaman dan pemiutang diberikan kepada syarikat anak, syarikat usaha sama dan syarikat bersekutu oleh Johor Corporation tanpa pampasan, nilai saksama diambilkira sebagai sumbangan dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos pelaburan dalam syarikat anak, syarikat usaha sama dan syarikat bersekutu .

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.23 Kos-kos pinjaman

Kos-kos pinjaman dipermodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyiapan aset tersebut. Permodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation tanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

#### 2.24 Manfaat anggota pekerja

##### (a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit akan diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

##### (b) Pelan caruman wajib

Kumpulan mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditakrif oleh undang-undang negara-negara di mana ia beroperasi. Syarikat-syarikat di Malaysia dalam Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditentukan. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

#### 2.25 Pajak-pajakan

##### (a) Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilihan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusutnilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilihan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.25 Pajakan-pajakan (sambungan)

#### (b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada amaun dibawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 2.27(j).

### 2.26 Operasi yang dihentikan

Suatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika amaun dibawahnya akan diperolehi semula terutamanya melalui urus niaga jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusutnilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara amaun bawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

### 2.27 Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

#### (a) Jualan barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang yang signifikan kepada pengguna. Hasil tidak diiktiraf ke satu tahap di mana terdapat ketidakpastian yang signifikan berhubung penerimaan wang daripada pertimbangan yang akan diperolehi, kos-kos berkaitan atau pemulangan barang yang mungkin berlaku.

#### (b) Jualan harta dan pembangunan industri

Hasil daripada jualan harta diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana dijelaskan dalam Nota 2.17(b).

#### (c) Perkhidmatan penjagaan kesihatan

Hasil daripada operasi hospital terdiri daripada caj pesakit dalam dan pesakit luar hospital, yuran perundingan, dan penjualan produk farmaseutikal, bekalan perubatan dan produk pembedahan. Ini diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan dan barangan dihantar, selepas diskaun, rebet dan pulangan.

#### (d) Perkhidmatan pengangkutan

Hasil daripada yuran pelabuhan kapal, caj perkhidmatan dermaga dan perkhidmatan pelabuhan lain diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

#### (e) Perkhidmatan sokongan minyak dan gas

Hasil daripada perkhidmatan sokongan minyak dan gas berkaitan dengan bisnes pemilikan kapal dan pengendali kapal marin untuk pengangkutan dan penyimpanan minyak dan gas dipersisiran pantai, penyedia perkhidmatan pelabuhan laut pembinaan kapal, pembaikan kapal, fabrikasi kecil struktur keluli, perkhidmatan kejuruteraan dan perundingan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.27 Pengiktirafan hasil (sambungan)

**(f) Perkhidmatan hotel**

Hasil daripada perkhidmatan hotel terdiri daripada sewaan bilik hotel, operasi pusat konvensyen, jualan makanan dan minuman dan lain-lain pendapatan berkaitan diiktiraf pada asas akruan.

**(g) Perkhidmatan pengurusan**

Perkhidmatan pengurusan adalah merupakan perbelanjaan yang dicaj kepada penduduk rumah persaraan dibawah perjanjian pengurusan jangka panjang. Yuran pengurusan tertunda diiktiraf atas prestasi perkhidmatan, dikira mengikut terma yang dinyatakan didalam kontrak pemastautin.

**(h) Kontrak-kontrak pembinaan**

Hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana yang dijelaskan dalam Nota 2.16.

**(i) Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf bila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran wujud.

**(j) Pendapatan sewa**

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian jumlah pendapatan sewa, bagi tempoh pajakan tersebut.

**(k) Pendapatan faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

**(l) Lain-lain perkhidmatan yang diberikan**

Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf menurut tahap penyiapan pada tarikh laporan. Tahap penyiapan ditafsir dengan merujuk kepada tinjauan dan kerja yang telah terlaksana.

#### 2.28 Cukai pendapatan

**(a) Cukai semasa**

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percukaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap dimana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.28 Cukai pendapatan (sambungan)

#### (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan amaun dibawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali dimana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urus niaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, bawa kehadapan bagi kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap dimana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa kehadapan yang boleh digunakan kecuali dimana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak, timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urus niaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai.

Amaun dibawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap dimana tiada kemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap dimana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan dikenakan pada tahun itu apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percukaian dan undang-undang percukaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan tersebut.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urus niaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibbah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda tersebut berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama, sama ada entiti yang boleh dikenakan cukai atau entiti kena cukai yang berbeza dimana terdapat hasrat untuk menyelesaikan baki secara asas bersih.

Faedah cukai yang timbul daripada elaun cukai pelaburan dan elaun pelaburan semula diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

### 2.29 Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen Kumpulan adalah Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen-segmen tersebut. Pendedahan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini dinyatakan dalam Nota 38, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.30 Kontingensi

Kontingen liabiliti atau aset adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan dimana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa-peristiwa masa depan yang tidak pasti secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Kontingen liabiliti dan aset adalah tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

#### 2.31 Derivatif dan aktiviti lindung nilai

Derivatif diiktiraf awalnya pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai pada awalnya dan seterusnya dinilai semula pada nilai saksama pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Perakaunan untuk perubahan nilai saksama seterusnya bergantung kepada sama ada derivatif tersebut ditentukan sebagai instrumen lindung nilai, jika ianya telah ditentukan, perkara tersebut akan dilindung nilai. Derivatif yang tidak layak untuk dilindung nilai akan dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan dan diambilkira menurut asas perakaunan sebagaimana dinyatakan di Nota 2.14. Derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai akan ditentukan sama ada:

- (a) Nilai saksama atas aset atau liabiliti atau komitmen atas lindung nilai (nilai saksama lindung nilai); atau
- (b) Lindung nilai yang dikaitkan kepada risiko tertentu berhubung dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau dikaitkan kepada transaksi ramalan yang berkemungkinan tinggi (aliran tunai lindung nilai).

Pada permulaan transaksi, Kumpulan mendokumenkan hubungan antara instrumen lindung nilai dan perkara yang dilindung nilai, termasuk objektif pengurusan risiko dan strategi untuk melaksanakan pelbagai transaksi lindung nilai. Kumpulan juga mendokumenkan penilaiannya, atas permulaan lindung nilai dan secara berterusan untuk menentukan sama ada derivatif tersebut digunakan dalam transaksi lindung nilai dan seterusnya sangat berkesan untuk imbalan perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai untuk perkara yang dilindung nilai.

Nilai saksama atas derivatif lindung nilai dikategorikan sebagai aset atau liabiliti bukan semasa apabila baki tempoh matang perkara yang dilindung nilai lebih daripada 12 bulan, dan dikategorikan sebagai aset atau liabiliti semasa apabila baki tempoh matang perkara yang dilindung nilai kurang daripada 12 bulan. Derivatif yang diniagakan dikategorikan sebagai aset atau liabiliti semasa.

**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan**  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.32 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur dikalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- (ii) Dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1	-	Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa
Tahap 2	-	Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung yang boleh diperhatikan
Tahap 3	-	Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, Kumpulan menentukan sama ada pemindahan telah berlaku diantara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

## 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang boleh memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka oleh pihak pengurusan pada tarikh laporan ini. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara perlu dibuat ke atas amaun dibawa aset atau liabiliti dimasa akan datang.

### 3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

#### (a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut:

##### (i) Pelaburan didalam KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ walaupun ia mempunyai kurang daripada 50% hak mengundi.

Kumpulan merupakan pemegang saham majoriti KPJ dengan 44% kepentingan ekuiti. Pemegang saham kedua, ketiga dan keempat terbesar ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan Amanah Saham Bumiputra, yang masing-masing memiliki 13%, 7% dan 5% saham ekuiti dalam KPJ. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti KPJ. Dari sudut sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

#### 3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan (sambungan)

##### (a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut (sambungan):

###### (i) Pelaburan didalam KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”) (sambungan)

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, KPJ merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

###### (ii) Pelaburan didalam AI-'Aqar Healthcare REIT (“AI-'Aqar”)

Pada 31 Disember 2017, Johor Corporation melalui KPJ, memegang 42% kepentingan ekuiti dalam AI-'Aqar. Berdasarkan penilaian oleh pengurusan dari fakta dan hal keadaan yang berkenaan dengan kepentingan ekuiti yang dipegang dalam AI-'Aqar dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah mengenalpasti bahawa wujud kawalan di peringkat Johor Corporation mengikut keperluan FRS 10.

KPJ memajak hartanah daripada AI-'Aqar, yang merupakan syarikat yang dikawal oleh Damansara REIT Managers Sdn Bhd (“DREIT”), pengurus dana dan cabang pengurusan hartanah pelaburan Kumpulan. Oleh itu, pengurus dana mempunyai kuasa membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan AI-'Aqar. Walau bagaimanapun, apa-apa keputusan yang dibuat, memberi kesan kepada keseluruhan pendedahan Kumpulan kepada pulangan yang berubah-ubah dan dilakukan demi kepentingan Kumpulan.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas AI-'Aqar. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, AI-'Aqar merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

###### (iii) Pelaburan didalam Waqaf An-Nur Berhad (“WanBhd”)

WanBhd adalah sebuah syarikat terhad dengan jaminan yang ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham-saham syarikat Johor Corporation yang telah dikurniakan mengikut prinsip-prinsip syariah. Walau bagaimanapun, WanBhd telah tidak aktif sejak penubuhannya. Pada 31 Disember 2017, WanBhd memegang 100% kepentingan ekuiti di dalam Sindora Ventures Sdn Bhd (“SVSB”) dan kepentingan tidak langsung dalam 2 buah syarikat-syarikat anak lain (melalui SVSB).

Berdasarkan penilaian pengurusan terhadap fakta dan hal keadaan yang berkaitan dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa penyata kewangan WanBhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 akan disatukan dengan Johor Corporation, kerana pada masa ini, Ahli-ahli Lembaga Pengarah (“ALP”) adalah hanya diwakili oleh dua orang wakil dari Johor Corporation yang mana tidak selaras dengan kehendak Memorandum dan Artikel (“M&A”) WanBhd yang memerlukan sekurang-kurangnya empat orang pengarah yang dilantik, yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Johor Corporation, Mufti Negeri Johor, Pengarah Jabatan Agama Islam Johor dan Pegawai Waqaf daripada Negeri Johor.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas WanBhd. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, WanBhd merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

###### (iv) Pelaburan didalam AI-Salam REIT (“AI-Salam”)

AI-Salam telah ditubuhkan pada 26 Mac 2015 dan disenaraikan pada 29 September 2015 dengan 580 juta unit saham di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Ia telah ditubuhkan untuk melabur sama ada, secara langsung dan tidak langsung, dalam pelbagai portfolio yang mematuhi Syariah dengan bangunan-bangunan yang menghasilkan pendapatan daripada perniagaan runcit, pejabat dan hartanah industri dan aset berkaitan termasuk kompleks membeli-belah, bangunan pejabat, bangunan kolej, gudang dan kedai runcit.



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan (sambungan)

##### (a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut (sambungan):

##### (iv) Pelaburan didalam AI-Salam REIT ("AI-Salam") (sambungan)

Pada 31 Disember 2017, Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak secara kolektifnya memegang 67% kepentingan ekuiti dalam AI-Salam. Berdasarkan penilaian pihak pengurusan ke atas fakta-fakta dan hal keadaan yang berkenaan dengan kepentingan ekuiti yang dipegang dalam AI-Salam pada tahun kewangan semasa, pengurusan telah menetapkan bahawa wujud kawalan di peringkat Johor Corporation mengikut keperluan FRS 10.

AI-Salam diuruskan oleh Damansara REITS Managers Sdn Bhd ("DREIT"), sebuah syarikat anak milikan penuh Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB"), yang merupakan syarikat anak milikan penuh Johor Corporation. Johor Corporation, melalui kepentingan kolektif ekuiti dalam AI-Salam dan kawalan ke atas DREIT, pengurus dana, mempunyai kuasa membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dalam AI-Salam, dan memberi kesan kepada pendedahan keseluruhan Kumpulan untuk pulangan yang berubah-ubah.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas AI-Salam. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, AI-Salam merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

##### (b) Cukai tertunda pada hartanah pelaburan

Bagi tujuan untuk mengukur liabiliti cukai tertunda dan aset cukai tertunda yang timbul daripada hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, Kumpulan telah membuat kesimpulan bahawa hartanah pelaburan tertentu dipegang dibawah model perniagaan yang objektifnya ialah untuk mengambil sebahagian besar daripada manfaat ekonomi yang termaktub berdasarkan hartanah pelaburan dari masa ke masa manakala yang lain dipegang untuk dijual pada akhirnya. Implikasinya, Kumpulan telah menilai cukai tertunda ke atas perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan tersebut menggunakan kadar cukai pendapatan atau kadar cukai keuntungan hartanah, mengikut mana yang sesuai.

#### 3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berhubung masa hadapan dan punca utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang adalah dibincangkan seperti di bawah:

##### (a) Rosotnilai muhibah

Muhibah diuji untuk rosotnilai pada setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tanda-tanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai boleh pulih Unit Penajaan Tunai ("UPT") kepada muhibah yang diperuntukkan.

Dianggarkan amaun boleh pulih memerlukan pengurusan membuat anggaran aliran tunai masa hadapan daripada UPT dan juga memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Jumlah diperolehi daripada UPT ditentukan berdasarkan daripada nilai saksama tertinggi tolak kos untuk dijual atau nilai dalam pengiraan. Hasil daripada penilaian kemerosotan nilai, Kumpulan telah mengiktiraf rosotnilai sejumlah RM3 juta pada tahun kewangan semasa (2016: RM59 juta).

Butiran lanjut mengenai penggunaan jangkaan dan andaian-andaian utama yang digunakan dalam penilaian rosotnilai bagi muhibah dinyatakan dalam Nota 16.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

##### (b) Rosotnilai pembiayaan dan penghutang

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan telah dirosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi rosotnilai, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan membayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam membuat bayaran.

Dimana terdapat bukti yang objektif bagi rosotnilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa. Amaun dibawa dan perincian mengenai penghutang Kumpulan pada tarikh laporan dan rosotnilai diiktiraf dinyatakan dalam Nota 23.

##### (c) Pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh bahagian kos-kos pembangunan hartanah ditanggung bagi kerja yang telah dilaksanakan kepada anggaran kos-kos pembangunan hartanah keseluruhan.

Pertimbangan yang ketara diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, tahap kos-kos pembangunan harta ditanggung, hasil dan kos pembangunan harta keseluruhan yang dianggarkan, serta sejauh mana kos-kos pembangunan harta boleh diperolehi. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan menilai berdasarkan pengalaman lampau dan merujuk kepada khidmat pakar.

Amaun dibawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti Kumpulan yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembangunan hartanah dinyatakan dalam Nota 14.

##### (d) Nilai saksama hartanah pelaburan dan harta, loji dan kelengkapan

Nilai saksama hartanah pelaburan dan harta, loji dan kelengkapan Kumpulan adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh penilai profesional bebas. Penilaian mengguna pakai anggaran, pertimbangan dan andaian dalam penentuan nilai saksama bagi hartanah pelaburan dan harta, loji dan kelengkapan. Penilaian membentuk asas bagi amaun dibawa dalam penyata kewangan yang dinyatakan dalam Nota 13 dan 15.

##### (e) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara, kredit cukai atau kerugian cukai yang boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung prestasi kewangan masa depan entiti tertentu yang mana aset cukai tertunda telah diiktiraf. Jumlah aset cukai tertunda yang timbul daripada perbezaan sementara dan kerugian cukai tidak digunakan tidak diiktiraf berjumlah RM222 juta (2016:RM253 juta).

##### (f) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan adalah dianggarkan berdasarkan peraturan yang diatur dibawah Akta Cukai Pendapatan, 1967. Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan peruntukan cukai pendapatan dan pendedahan penalti cukai kerana terdapat banyak transaksi dan pengiraan dimana penentuan cukai muktamad adalah tidak pasti semasa perjalanan biasa sesuatu perniagaan. Kumpulan mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan dikenakan, atau apa-apa penalti cukai akan menjadi kenyataan. Hal dimana cukai akhir adalah berbeza daripada jumlah yang dicatatkan pada permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh dimana penentuan tersebut dibuat.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

##### (g) Kontrak pembinaan

Kumpulan mengiktiraf hasil kontrak pembinaan mengikut FRS 111. Jika hasil kontrak pembinaan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak akan diiktiraf setakat kos kontrak yang mungkin akan dapat diperolehi semula. Kos kontrak akan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun dimana ia ditanggung. Apabila kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangkakan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Pertimbangan penting dan anggaran yang tinggi diperlukan dalam menilai kesan daripada kontrak; penentuan sama ada variasi dalam kerja-kerja kontrak hendaklah dimasukkan ke dalam hasil kontrak; pengukuran tuntutan dimana Kumpulan bertujuan untuk mengutip daripada pelanggan sebagai bayaran balik untuk kos tidak termasuk dalam harga kontrak kerana pengukuran jumlah itu adalah tertakluk kepada tahap yang tinggi yang tidak menentu dan sering bergantung kepada hasil rundingan; dan anggaran yang dibuat berkenaan dengan jumlah anggaran kos kontrak termasuk kerugian dan kemusnahan.

Perubahan sebanyak 5% dalam jumlah anggaran kos yang dianggarkan akan memberi kesan lebih kurang RM48 juta (2016: RM31 juta) tambahan kerugian untuk tahun tersebut. Rujuk Nota 24 untuk pendedahan tambahan yang berkaitan dengan kontrak pembinaan.

##### (h) Penilaian pelaburan

Kumpulan mengklasifikasikan pelaburannya dalam instrumen ekuiti tidak tersiar harga sebagai sedia untuk dijual ("AFS") aset kewangan apabila ia tidak mempunyai niat untuk memegang ia untuk dagangan, atau menetapkan ia pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Pelaburan Kumpulan dalam aset kewangan AFS didalam World Logistics Council Limited ("WLC") dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai sebagai instrumen ekuiti tidak mempunyai harga yang tersiar didalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti. Dalam tahun kewangan, Pengarah melaksanakan penilaian terhadap pelaburan Asia Logistics Council Sdn Bhd ("ALC") berdasarkan pelbagai teknik penilaian boleh diterima untuk menentukan nilai saksama instrumen tersebut. Berdasarkan penilaian yang adil, para Pengarah membuat kesimpulan bahawa instrumen tersebut perlu dibawa pada kos tolak rosotnilai terutamanya kerana pelbagai ukuran nilai saksama yang munasabah adalah penting dan kebarangkalian pelbagai anggaran tidak boleh dinilai dengan munasabah.

##### (i) Rosotnilai pelaburan

Kumpulan membawa pelaburan yang terdiri daripada pelaburan dalam aset kewangan AFS pada kos sebagai nilai saksama yang tidak boleh ditentukan. Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam aset kewangan AFS terjejas jika, dan hanya jika, disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal ('peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian itu (atau peristiwa-peristiwa) mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan aset kewangan AFS yang boleh dianggarkan dengan pasti. Para Pengarah telah mempertimbangkan kelewatan dalam rancangan perniagaan WLC sebagai indikasi rosotnilai berkaitan dengan pelaburan ALC dalam WLC dan sewajarnya para Pengarah telah menilai rosotnilai pelaburan. Berdasarkan penilaian rosotnilai yang dijalankan, para Pengarah telah membuat kesimpulan bahawa amaun dibawa pelaburan adalah boleh diperolehi.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**4. HASIL**

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Perkhidmatan penjagaan kesihatan	3,178	2,922	-	-
Barangan dijual	1,245	932	36	30
Pembangunan hartanah dan perindustrian	474	449	13	82
Perkhidmatan sokongan minyak dan gas	277	245	-	-
Hasil kontrak	143	381	-	-
Pendapatan sewa	129	142	44	43
Perkhidmatan pengurusan	31	95	5	-
Pemberian lain-lain perkhidmatan	35	52	36	-
Perkhidmatan perhotelan	33	43	-	-
Perkhidmatan pengangkutan	31	91	-	-
Pendapatan dividen	3	3	111	133
	<b>5,579</b>	5,355	<b>245</b>	288

**5. LAIN-LAIN PENDAPATAN**

Item-item berikut telah diambilkira dalam pengiraan lain-lain pendapatan:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Pelunasan geran kerajaan (Nota 30)	13	12	3	4
Perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan (Nota 15)	107	290	5	194
Perubahan dalam nilai saksama lain-lain pelaburan	29	8	43	-
Pampasan ke atas pelaburan (Nota 39)	36	-	-	-
Keuntungan atas pelupusan:				
Harta, loji dan kelengkapan	40	17	32	9
Harta pelaburan	-	-	13	-
Lain-lain pelaburan	1	-	33	-
Syarikat-syarikat bersekutu	-	1	-	-
Pendapatan faedah	46	54	5	3
Keuntungan daripada penghapusan pembiayaan (Nota 28)	92	-	-	-
Geran berkaitan terimaan pendapatan daripada kerajaan	-	-	-	49
Pembelian rendah atas pengambilalihan syarikat anak	-	20	-	-
Pendapatan faedah yang dcaj	22	-	-	-
Pembalikan peruntukan bagi kerosotan penghutang perdagangan dan lain-lain	2	56	35	83
Keuntungan pertukaran matawang asing belum terealisasi	22	-	-	-
Hutang lapuk terpulih	2	1	-	-
Lain-lain pendapatan	62	61	7	7

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 6. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

Item-item berikut telah diambil kira dalam pengiraan lain-lain perbelanjaan:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Pelunasan dan rosotnilai aset tidak zahir (Nota 16)	12	62	-	-
Perubahan dalam nilai saksama lain-lain pelaburan	-	6	-	6
Elaun bagi rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	28	35	21	-
Penghapusan kira hutang lapuk	39	2	-	-
Penghapusan kira pelaburan	-	26	-	43
Perbelanjaan geran	-	-	-	49
Sumbangan Wakaf	-	3	-	-
Peruntukan bagi rosotnilai dalam syarikat-syarikat anak, bersih (Nota 17)	-	-	27	116
Penghapusan kira tanah yang dipegang untuk pembangunan hartanah (Nota 14)	3	-	3	-
Kerugian pertukaran matawang asing terealisasi	-	13	-	-
Kerugian pertukaran matawang asing belum terealisasi	-	60	-	-

## 7. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Perbelanjaan faedah atas:				
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	152	202	88	96
Pinjaman berjangka	170	142	-	3
Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT")	36	34	-	-
Pinjaman jangka pendek	14	10	-	-
Pajakan kewangan	3	7	-	-
Overdraf bank	3	6	-	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2	13	2	4
Jumlah pinjaman kepada syarikat anak	-	-	32	25
Lain-lain	43	19	-	1
	<b>423</b>	433	<b>122</b>	129
Dimodalkan sebagai aset layak:				
Harta, loji dan kelengkapan	15	16	-	-
Kos pembangunan hartanah	18	7	17	4
Hartanah pelaburan	5	2	-	-
	<b>38</b>	25	<b>17</b>	4

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**8. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DARIPADA OPERASI BERTERUSAN**

Item-item berikut telah diambil kira dalam pengiraan keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Yuran konsultan perubatan	796	779	-	-
Kos-kos peladangan	641	-	15	-
Kos kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pemasangan dan pentauliahan penyimpanan kapal-kapal dan pemunggaran terapung ("EPCIC")	318	-	-	-
Yuran audit	6	6	*	*
Kos pembekal perubatan	777	707	-	-
Peruntukan bagi kerugian yang boleh dijangka	130	-	-	-
Penyewaan harta, loji dan kelengkapan	68	5	-	-
Harta, loji dan kelengkapan:				
Susutnilai (Nota 13)	521	390	14	24
Hapuskira	12	42	-	-
Rosotnilai (Nota 13)	13	12	-	-
Kos pembangunan hartanah diiktiraf sebagai belanja	287	226	8	30
Pelunasan sewa tanah pajakan	18	17	12	15
Penyewaan pejabat dan bangunan	46	77	-	-
Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 9)	1,160	1,100	48	46
Baikpulih dan penyelenggaraan	87	66	-	-

\* Yuran audit bagi Johor Corporation adalah RM100,000 (2016: RM100,000)

**9. PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA (TERMASUK IMBUHAN PENGARAH EKSEKUTIF)**

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Upah, gaji dan bonus	1,027	948	44	40
Pelan persaraan caruman ditentukan	110	92	4	6
Lain-lain manfaat pekerja	23	60	-	-
	1,160	1,100	48	46

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 10. IMBUHAN PERSONEL PENGURUSAN UTAMA

Pengurusan utama terdiri daripada para Pengarah, Ketua Eksekutif dan pengurusan tertinggi Kumpulan yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Imbuan personel pengurusan utama adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
Pengarah Eksekutif:				
Yuran	527	505	284	130
Imbuan	1,662	1,686	1,541	1,686
Pelan persaraan caruman ditentukan	250	238	231	238
Lain-lain manfaat	1	10	1	10
	<b>2,440</b>	2,439	<b>2,057</b>	2,064
Pengarah bukan Eksekutif:				
Yuran	3,396	1,665	3,396	1,665
Lain-lain personel pengurusan utama:				
Yuran	1,716	3,034	-	-
Imbuan	24,820	30,027	11,014	10,813
Lain-lain manfaat pekerja	1,593	4,151	20	6
Pelan caruman ditentukan	2,820	3,835	1,481	1,526
	<b>30,949</b>	41,047	<b>12,515</b>	12,345
	<b>36,785</b>	45,151	<b>17,968</b>	16,074

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**11. CUKAI**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Cukai bagi tahun kewangan semasa:				
Malaysia	<b>144</b>	132	-	-
Luar Negara	-	-	-	-
Terlebih peruntukan dalam tahun kewangan terdahulu	<b>(2)</b>	(12)	-	(11)
	<b>142</b>	120	-	(11)
Cukai tertunda (Nota 20)	<b>(18)</b>	6	<b>(1)</b>	3
	<b>(18)</b>	6	<b>(1)</b>	3
Cukai pendapatan daripada operasi berterusan	<b>124</b>	126	<b>(1)</b>	(8)
Cukai pendapatan daripada operasi dihentikan (Nota 12)	<b>(1)</b>	-	-	-
Jumlah cukai	<b>123</b>	126	<b>(1)</b>	(8)

Penyesuaian cukai pendapatan diaplikasikan ke atas keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan dan dihentikan pada kadar cukai pendapatan berkanun Malaysia pada kadar cukai pendapatan efektif bagi Kumpulan dan Johor Corporation:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	<b>665</b>	541	<b>112</b>	112
Kerugian sebelum cukai daripada operasi dihentikan (Nota 12)	<b>(84)</b>	-	-	-
	<b>581</b>	541	<b>112</b>	112
Cukai dikira pada kadar cukai pendapatan Malaysia 24%	<b>140</b>	130	<b>27</b>	27
Cukai tertunda diiktiraf pada kadar cukai berbeza	<b>(3)</b>	(25)	-	(4)
Perbelanjaan tidak dibenarkan	<b>115</b>	120	<b>13</b>	29
Pendapatan tidak dikenakan cukai	<b>(83)</b>	(12)	<b>(42)</b>	(13)
Perbezaan sementara tidak diiktiraf sebagai cukai tertunda	<b>15</b>	20	-	-
Penyahiktirafan aset cukai tertunda diiktiraf sebelumnya	<b>32</b>	-	<b>34</b>	(2)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	<b>(3)</b>	(18)	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usaha sama	<b>(30)</b>	(15)	-	-
Cukai keuntungan harta tanah	<b>(58)</b>	(62)	<b>(33)</b>	(34)
Terlebih peruntukan dalam tahun kewangan terdahulu:				
Cukai pendapatan	<b>(2)</b>	(12)	-	(11)
Jumlah cukai	<b>123</b>	126	<b>(1)</b>	(8)

Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak tertentu dikecualikan daripada cukai berhubung dengan pendapatan tertentu, dimana akan tamat dalam tempoh tahun 2018 hingga 2022.



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 12. OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL

### Operasi yang dihentikan pada tahun 2017

#### (a) Pelupusan bagi PT Sawit Sumber Rejo, PT Wahana Semesta Karisma dan PT Harapan Barito Sejahtera ("Syarikat-syarikat anak BARUT")

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan melalui Kulim (Malaysia) Berhad memeterai perjanjian bagi pelupusan syarikat anak BARUT, yang terlibat dalam perladangan minyak kelapa sawit (Nota 17). Hasil daripada pelupusan BARUT dinyatakan secara berasingan di dalam penyata pendapatan komprehensif sebagai 'kerugian daripada operasi dihentikan, bersih selepas cukai'. Pelupusan BARUT mempunyai kesan berikut ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017:

	2017
<b>Aset:</b>	
Harta, loji dan kelengkapan	93
Tunai dan kesetaraan tunai	-
<b>Liabiliti:</b>	
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	(15)
<b>Aset bersih</b>	<b>78</b>
<b>Kepentingan bukan kawalan</b>	<b>-</b>
Aset bersih dikaitkan kepada Kumpulan	78
Terimaan tunai daripada pelupusan	(2)
Kerugian atas pelupusan kepada Kumpulan	76

Aliran tunai masuk atas pelupusan:

	2017
Terimaan tunai daripada pelupusan	2
Tunai dan kesetaraan tunai daripada pelupusan syarikat anak	-
Aliran tunai masuk bersih	2

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**12. OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)****Operasi yang dihentikan pada tahun 2017 (sambungan)****(a) Pelupusan bagi PT Sawit Sumber Rejo, PT Wahana Semesta Karisma dan PT Harapan Barito Sejahtera ("Syarikat-syarikat anak BARUT") (sambungan)**

Keputusan dinyatakan sebagai operasi yang dihentikan:

	2017
Hasil	-
Perbelanjaan	-
Kerugian daripada operasi	-
Kos kewangan	-
Kerugian atas pelupusan kepada Kumpulan	(76)
Kerugian sebelum cukai daripada operasi yang dihentikan (Nota 11)	(76)
Cukai pendapatan (Nota 11)	-
Kerugian daripada operasi dihentikan, bersih selepas cukai	(76)

Aliran tunai dari pelupusan syarikat anak dinyatakan sebagai operasi yang dihentikan:

	2017
Aliran tunai bersih daripada kegiatan operasi	-
Aliran tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	(1)
Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan kewangan	1
Aliran keluar tunai bersih	-



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**12. OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)**

**Operasi yang dihentikan pada tahun 2017 (sambungan)**

**(b) Pelupusan Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd dan syarikat-syarikat anak**

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan melalui KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") dan AI-'Aqar Healthcare REIT (AI-'Aqar) telah membuat keputusan untuk melupuskan Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd dan syarikat-syarikat anaknya serta pelaburan hartanah dalam AI-'Aqar Australia Pty Ltd. Para Pengarah KPJ dan AI-'Aqar telah mendekati beberapa pihak yang berminat berkaitan dengan potensi jualan operasi. Pelupusan itu tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan dan para Pengarah KPJ dan AI-'Aqar berpendapat bahawa penjualan tersebut akan selesai pada 2018. Oleh yang demikian, aset dan liabiliti yang berkaitan telah dinyatakan sebagai pelupusan Kumpulan yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual pada 31 Disember 2017.

Penyata pendapatan komprehensif operasi yang dihentikan adalah seperti berikut:

	<b>2017</b>
Hasil	<b>55</b>
Kos jualan	<b>(43)</b>
Keuntungan kasar	<b>12</b>
Perbelanjaan pentadbiran	<b>(23)</b>
Lain-lain pendapatan	<b>5</b>
Kerugian daripada operasi	<b>(6)</b>
Pendapatan kewangan	<b>-</b>
Kos kewangan	<b>(2)</b>
Kerugian sebelum cukai (Nota 11)	<b>(8)</b>
Cukai pendapatan (Nota 11)	<b>1</b>
Kerugian bersih bagi tahun kewangan	<b>(7)</b>

Penyata aliran tunai operasi yang dihentikan adalah seperti berikut:

	<b>2017</b>
Aliran tunai bersih daripada kegiatan operasi	<b>(5)</b>
Aliran tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	<b>10</b>
Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan kewangan	<b>(6)</b>
Aliran masuk tunai bersih	<b>(1)</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<b>27</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<b>26</b>

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN

Kumpulan	Tanah pegangan bebas	Tanah pajakan	Perbelanjaan pembangunan ladang	Bangunan	Harta prisihat	*Lain-lain aset	Modal kerja dalam proses	Jumlah
<b>Kos atau penilaian</b>								
Pada 1 Januari 2016	1,433	2,254	1,453	126	2,151	3,303	1,098	11,818
Tambahan	6	2	67	18	13	208	325	639
Pelupusan	-	(1)	(5)	-	(34)	(53)	-	(93)
Hapuskira	-	-	(28)	(1)	(4)	(122)	(4)	(159)
Klasifikasi semula	77	(2)	-	493	(22)	351	(897)	-
Pelupusan								
syarikat-syarikat anak	-	-	-	(2)	-	(4)	-	(6)
Pengambilalihan								
syarikat-syarikat anak (Nota 17 (g))	-	44	168	13	-	3	-	228
Pindahan:								
ke aset dipegang untuk dijual	-	-	-	-	(107)	(73)	-	(180)
ke hartanah pelaburan (Nota 15)	-	-	-	-	-	-	(3)	(3)
ke inventori	-	(5)	-	-	-	-	(21)	(26)
dari penghutang perdagangan dan lain-lain	-	-	-	-	-	65	(62)	3
Perbezaan tukaran	7	3	1	-	2	3	4	20
Penilaian semula	57	75	-	-	7	-	-	139
Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017	<b>1,580</b>	<b>2,370</b>	<b>1,656</b>	<b>647</b>	<b>2,006</b>	<b>3,681</b>	<b>440</b>	<b>12,380</b>
Tambahan	-	29	91	21	67	542	481	1,231
Pelupusan	(48)	(3)	(33)	(1)	(49)	(260)	-	(394)
Hapuskira	-	-	(14)	(4)	-	(43)	(2)	(63)
Klasifikasi semula	-	-	-	4	23	128	(155)	-
Pelupusan								
syarikat-syarikat anak	-	(84)	(8)	-	-	-	-	(92)
Pindahan:								
ke aset dipegang untuk dijual	(39)	(82)	-	-	(54)	(12)	(1)	(188)
ke hartanah pelaburan (Nota 15)	-	-	-	(46)	(5)	-	29	(22)
dari aset-aset tidak zahir (Nota 16)	-	-	-	-	-	12	-	12
Perbezaan tukaran	(1)	(10)	(17)	(1)	(6)	(5)	-	(40)
Penilaian semula	244	250	-	-	58	-	-	552
Pada 31 Disember 2017	<b>1,736</b>	<b>2,470</b>	<b>1,675</b>	<b>620</b>	<b>2,040</b>	<b>4,043</b>	<b>792</b>	<b>13,376</b>

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Tanah pegangan bebas	Tanah pajakan	Perbelanjaan pembangunan ladang	Bangunan	Harta prishatin	*Lain-lain aset	Modal kerja dalam proses	Jumlah
<b>Susutnilai terkumpul:</b>								
Pada 1 Januari 2016	-	155	398	111	122	1,652	-	2,438
Caj tahun kewangan semasa (Nota 8)	-	51	44	16	33	246	-	390
Pelupusan	-	-	-	-	-	(42)	-	(42)
Hapuskira	-	(1)	(11)	-	(3)	(102)	-	(117)
Pindahan:								
ke aset dipegang untuk dijual	-	-	-	-	(7)	(25)	-	(32)
Pengambilalihan syarikat-syarikat anak (Nota 17 (g))	-	-	7	1	-	2	-	10
Pelupusan syarikat-syarikat anak	-	-	-	-	-	(2)	-	(2)
Perbezaan tukaran	-	(1)	-	-	(1)	4	-	2
Penilaian semula	-	(5)	-	-	(13)	-	-	(18)
Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017	-	<b>199</b>	<b>438</b>	<b>128</b>	<b>131</b>	<b>1,733</b>	-	<b>2,629</b>
Caj tahun kewangan semasa (Nota 8)	-	<b>74</b>	<b>50</b>	<b>8</b>	<b>36</b>	<b>353</b>	-	<b>521</b>
Pelupusan	-	<b>(41)</b>	-	-	-	<b>(28)</b>	-	<b>(69)</b>
Hapuskira	-	-	<b>(6)</b>	<b>(2)</b>	-	<b>(43)</b>	-	<b>(51)</b>
Klasifikasi semula	-	-	-	<b>(1)</b>	<b>13</b>	<b>(12)</b>	-	-
Pindahan:								
ke aset dipegang untuk dijual	-	-	-	-	-	<b>(4)</b>	-	<b>(4)</b>
ke hartanah pelaburan (Nota 15)	-	-	-	-	<b>(1)</b>	-	-	<b>(1)</b>
Perbezaan tukaran	-	-	<b>(1)</b>	-	-	<b>(2)</b>	-	<b>(3)</b>
Penilaian semula	-	<b>(1)</b>	-	<b>(1)</b>	-	-	-	<b>(2)</b>
Pada 31 Disember 2017	-	<b>231</b>	<b>481</b>	<b>132</b>	<b>179</b>	<b>1,997</b>	-	<b>3,020</b>

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)**

Kumpulan	Tanah pegangan bebas	Tanah pajakan	Perbelanjaan pembangunan ladang	Bangunan	Harta prisihatin	*Lain-lain aset	Modal kerja dalam proses	Jumlah
<b>Kerugian rosotnilai terkumpul:</b>								
Pada 1 Januari 2016	-	1	1	1	-	11	-	14
Caj tahun kewangan semasa (Nota 8)	-	-	-	1	-	11	-	12
Pelupusan syarikat-syarikat anak	-	-	-	(1)	-	(2)	-	(3)
Pelupusan	-	-	-	-	-	(3)	-	(3)
Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017	-	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	-	<b>17</b>	-	<b>20</b>
Caj tahun kewangan semasa (Nota 8)	-	-	-	<b>10</b>	-	<b>3</b>	-	<b>13</b>
Pelupusan	-	-	-	-	-	<b>(7)</b>	-	<b>(7)</b>
Pada 31 Disember 2017	-	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>11</b>	-	<b>13</b>	-	<b>26</b>
<b>Amaun dibawa bersih:</b>								
Pada 31 Disember 2016	1,580	2,170	1,217	518	1,875	1,931	440	9,731
Pada 31 Disember 2017	<b>1,736</b>	<b>2,238</b>	<b>1,193</b>	<b>477</b>	<b>1,861</b>	<b>2,033</b>	<b>792</b>	<b>10,330</b>



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

\* Lain-lain aset Kumpulan boleh dianalisis seperti berikut:

Kumpulan	Loji dan jentera	Kelengkapan pejabat	Kelengkapan perabot	Kenderaan bermotor	Ubahsuai	Jumlah
<b>Pada kos atau penilaian:</b>						
Pada 1 Januari 2016	2,214	39	515	128	407	3,303
Tambahan	68	2	8	9	121	208
Pelupusan	(25)	-	(10)	(7)	(11)	(53)
Hapuskira	(79)	-	(40)	(3)	-	(122)
Klasifikasi semula	382	12	61	-	(104)	351
Pelupusan						
syarikat-syarikat anak	-	-	(4)	-	-	(4)
Pengambilalihan						
syarikat-syarikat anak	1	-	1	1	-	3
Pindahan:						
ke aset dipegang untuk dijual	(60)	-	(13)	-	-	(73)
dari penghutang perdagangan dan lain-lain	65	-	-	-	-	65
Perbezaan pertukaran	7	-	(6)	-	2	3
<b>Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017</b>	<b>2,573</b>	<b>53</b>	<b>512</b>	<b>128</b>	<b>415</b>	<b>3,681</b>
Tambahan	243	203	15	24	57	542
Pelupusan	(15)	(4)	(236)	(5)	-	(260)
Hapuskira	(26)	(6)	(9)	(2)	-	(43)
Klasifikasi semula	121	2	4	2	(1)	128
Pindahan:						
ke aset dipegang untuk dijual	(6)	-	(2)	-	(4)	(12)
dari aset-aset tidak zahir	-	-	-	-	12	12
Perbezaan pertukaran	(3)	(1)	-	-	(1)	(5)
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>2,887</b>	<b>247</b>	<b>284</b>	<b>147</b>	<b>478</b>	<b>4,043</b>

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)**

<b>Kumpulan</b>	<b>Loji dan jentera</b>	<b>Kelengkapan pejabat</b>	<b>Kelengkapan perabot</b>	<b>Kenderaan bermotor</b>	<b>Ubahsuai</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Susutnilai terkumpul:</b>						
Pada 1 Januari 2016	930	15	295	90	322	1,652
Caj tahun kewangan semasa	152	5	38	13	38	246
Pelupusan	(22)	-	(6)	(6)	(8)	(42)
Hapuskira	(62)	(1)	(37)	(2)	-	(102)
Klasifikasi semula	-	6	43	-	(49)	-
Pindahan:						
ke dipegang untuk dijual	(14)	-	-	-	(11)	(25)
Pengambilalihan syarikat-syarikat anak	1	-	-	1	-	2
Pelupusan syarikat-syarikat anak	-	-	(2)	-	-	(2)
Perbezaan pertukaran	2	-	2	-	-	4
Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017	<b>987</b>	<b>25</b>	<b>333</b>	<b>96</b>	<b>292</b>	<b>1,733</b>
Caj tahun kewangan semasa	<b>168</b>	<b>117</b>	<b>30</b>	<b>16</b>	<b>22</b>	<b>353</b>
Pelupusan	<b>(13)</b>	<b>(4)</b>	<b>(8)</b>	<b>(3)</b>	-	<b>(28)</b>
Hapuskira	<b>(22)</b>	<b>(4)</b>	<b>(14)</b>	<b>(2)</b>	<b>(1)</b>	<b>(43)</b>
Klasifikasi semula	<b>57</b>	<b>12</b>	<b>(119)</b>	<b>12</b>	<b>26</b>	<b>(12)</b>
Pindahan:						
ke aset dipegang untuk dijual	<b>(3)</b>	-	<b>(1)</b>	-	-	<b>(4)</b>
Perbezaan pertukaran	<b>(2)</b>	-	-	-	-	<b>(2)</b>
Pada 31 Disember 2017	<b>1,172</b>	<b>146</b>	<b>221</b>	<b>119</b>	<b>339</b>	<b>1,997</b>



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Loji dan jentera	Kelengkapan pejabat	Kelengkapan perabot	Kenderaan bermotor	Ubahsuai	Jumlah
<b>Kerugian rosotnilai terkumpul:</b>						
Pada 1 Januari 2016	11	-	-	-	-	11
Caj tahun kewangan semasa	5	-	5	-	1	11
Pelupusan	(3)	-	-	-	-	(3)
Pelupusan syarikat-syarikat anak	-	-	(2)	-	-	(2)
Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017	<b>13</b>	-	<b>3</b>	-	<b>1</b>	<b>17</b>
Caj tahun kewangan semasa	<b>3</b>	-	-	-	-	<b>3</b>
Pelupusan	<b>(5)</b>	-	<b>(1)</b>	-	<b>(1)</b>	<b>(7)</b>
Pada 31 Disember 2017	<b>11</b>	-	<b>2</b>	-	-	<b>13</b>
<b>Amaun dibawa bersih:</b>						
Pada 31 Disember 2016	1,573	28	176	32	122	1,931
Pada 31 Disember 2017	<b>1,704</b>	<b>101</b>	<b>61</b>	<b>28</b>	<b>139</b>	<b>2,033</b>

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)**

<b>Johor Corporation</b>	<b>Tanah pegangan bebas</b>	<b>Tanah pajakan</b>	<b>Perbelanjaan pembangunan ladang</b>	<b>Bangunan</b>	<b>*Lain-lain aset</b>	<b>Modal kerja dalam proses</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Pada kos atau penilaian:</b>							
Pada 1 Januari 2016	151	402	65	76	47	-	741
Tambahan	-	-	21	2	2	3	28
Pelupusan	(1)	-	(5)	-	(1)	-	(7)
Penilaian semula	-	(13)	-	-	-	-	(13)
<b>Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017</b>	<b>150</b>	<b>389</b>	<b>81</b>	<b>78</b>	<b>48</b>	<b>3</b>	<b>749</b>
Tambahan	-	-	12	1	1	-	14
Pelupusan	-	(1)	-	-	-	-	(1)
Penilaian semula	-	(111)	-	-	-	-	(111)
Klasifikasi semula	-	-	-	-	3	(3)	-
Pindahan ke aset dipegang untuk dijual (Nota 27)	-	(92)	-	-	-	-	(92)
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>150</b>	<b>185</b>	<b>93</b>	<b>79</b>	<b>52</b>	<b>-</b>	<b>559</b>
<b>Susutnilai terkumpul:</b>							
Pada 1 Januari 2016	-	24	22	35	37	-	118
Caj tahun kewangan semasa (Nota 8)	-	15	1	3	5	-	24
Pelupusan	-	-	-	-	(1)	-	(1)
<b>Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017</b>	<b>-</b>	<b>39</b>	<b>23</b>	<b>38</b>	<b>41</b>	<b>-</b>	<b>141</b>
Caj tahun kewangan semasa (Nota 8)	-	5	2	3	4	-	14
Pindahan ke aset dipegang untuk dijual (Nota 27)	-	(10)	-	-	-	-	(10)
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>-</b>	<b>34</b>	<b>25</b>	<b>41</b>	<b>45</b>	<b>-</b>	<b>145</b>



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Johor Corporation	Tanah pegangan bebas	Tanah pajakan	Perbelanjaan pembangunan ladang	Bangunan	*Lain-lain aset	Modal kerja dalam proses	Jumlah
<b>Kerugian rosot nilai terkumpul:</b>							
Pada 1 Januari 2016 dan 31 Disember 2016 / 1 Januari 2017 dan 31 Disember 2017	-	-	-	-	-	-	-
<b>Amaun di bawa bersih:</b>							
Pada 31 Disember 2016	150	350	58	40	7	3	608
Pada 31 Disember 2017	<b>150</b>	<b>151</b>	<b>68</b>	<b>38</b>	<b>7</b>	-	<b>414</b>

\* Lain-lain aset Johor Corporation boleh dianalisis seperti berikut:

Johor Corporation	Loji dan jentera	Kelengkapan perabot	Kenderaan bermotor	Jumlah
<b>Pada kos atau penilaian:</b>				
Pada 1 Januari 2016	17	24	6	47
Tambahan	-	1	1	2
Pelupusan	-	-	(1)	(1)
Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017	<b>17</b>	<b>25</b>	<b>6</b>	<b>48</b>
Tambahan	-	-	<b>1</b>	<b>1</b>
Klasifikasi semula	-	<b>3</b>	-	<b>3</b>
Pada 31 Disember 2017	<b>17</b>	<b>28</b>	<b>7</b>	<b>52</b>

**Susut nilai terkumpul:**

Pada 1 Januari 2016	14	19	4	37
Caj tahun kewangan semasa	1	3	1	5
Pelupusan	-	-	(1)	(1)
Pada 31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017	<b>15</b>	<b>22</b>	<b>4</b>	<b>41</b>
Caj tahun kewangan semasa	-	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>4</b>
Pelupusan	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2017	<b>15</b>	<b>25</b>	<b>5</b>	<b>45</b>

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)**

<b>Johor Corporation</b>	<b>Loji dan jentera</b>	<b>Kelengkapan perabot</b>	<b>Kenderaan bermotor</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Kerugian rosot nilai terkumpul:</b>				
Pada 1 Januari 2016 dan 31 Disember 2016 / 1 Januari 2017 dan 31 Disember 2017	-	-	-	-
<b>Amaun dibawa bersih:</b>				
Pada 31 Disember 2016	2	3	2	7
Pada 31 Disember 2017	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>7</b>

Nilai buku bersih harta, loji dan kelengkapan Kumpulan yang diperolehi melalui pajakan kewangan berjumlah RM107 juta (2016: RM120 juta).

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah memperolehi harta, loji dan kelengkapan dengan kos agregat sebanyak, masing-masing RM1,231 juta (2016: RM639 juta) dan RM14 juta (2016: RM28 juta). Perolehan tersebut diselesaikan melalui cara-cara berikut:

	<b>Kumpulan 2017</b>	<b>2016</b>	<b>Johor Corporation 2017</b>	<b>2016</b>
Bayaran tunai	<b>1,212</b>	617	<b>14</b>	28
Pajakan kewangan	<b>4</b>	6	-	-
Permodalan kos pinjaman	<b>15</b>	16	-	-
	<b>1,231</b>	639	<b>14</b>	28

Pada 31 Disember 2017, harta, loji dan kelengkapan Kumpulan dengan nilai buku bersih sebanyak RM1,211 juta (2016: RM1,173 juta) telah disandarkan sebagai cagaran untuk pinjaman.

**Permodalan kos pinjaman**

Kadar permodalan yang digunakan oleh Kumpulan untuk menentukan jumlah kos pinjaman layak untuk permodalan adalah 5.5% (2016: 3.6%).

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Butir-butir tanah pegangan bebas, tanah pajakan dan harta prisihatın yang dinyatakan pada kos atau penilaian adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>Kos:</b>				
Tanah pegangan bebas	97	102	150	150
Tanah pajakan	76	157	30	123
<b>Penilaian:</b>				
Tanah pegangan bebas	1,639	1,478	-	-
Tanah pajakan	2,394	2,211	155	266
Harta prisihatın	2,040	2,069	-	-
	<b>6,246</b>	6,017	<b>335</b>	539

#### Penilaian semula harta prisihatın dan tanah ladang (pegangan bebas dan pajakan).

Harta prisihatın dan tanah ladang (pegangan bebas dan pajakan) telah dinilai semula pada 31 Disember 2017 berdasarkan penilaian pasaran terbuka yang dijalankan oleh sebuah firma bebas profesional untuk menentukan nilai saksama. Nilai buku harta prisihatın dan tanah ladang (pegangan bebas dan pajakan) telah diselaraskan bagi menggambarkan penilaian semula dan lebih daripadanya dikreditkan ke rizab penilaian semula aset.

Jika amaun keseluruhan harta prisihatın dan tanah ladang (pegangan bebas dan pajakan) ditentukan mengikut kos sejarah, ianya akan dinyatakan sepertimana berikut:

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
Nilai buku bersih:				
Harta prisihatın	874	878	-	-
Tanah ladang:				
Tanah pegangan bebas	1,275	1,275	-	-
Tanah pajakan	822	830	111	111

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**13. HARTA, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)**

Nilai saksama harta, loji dan kelengkapan dianggarkan oleh para Pengarah berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh firma penilai profesional berdasarkan teknik-teknik penilaian di bawah:

**Kumpulan**

<b>Penerangan</b>	<b>Teknik penilaian</b>	<b>Input ketara yang tidak boleh diperhatikan</b>	<b>Hubungan yang tidak boleh diperhatikan kepada nilai saksama</b>
Harta prishatin	Kaedah pelaburan	Kadar permodalan (6.00%-8.50%) (2016: 6.00%-8.00%)	Anggaran nilai saksama akan meningkat/ (berkurang) jika kadar permodalan berkurang/ (bertambah)
**23. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)****(c) Lain-lain penghutang****Analisis pengumuran lain-lain penghutang**

Analisis pengumuran lain-lain penghutang Kumpulan adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Belum melebihi tempoh dan tidak dirosotnilai	<b>566</b>	563	<b>17</b>	49
1 hingga 30 hari melebihi tempoh dan tidak dirosotnilai	<b>18</b>	9	<b>1</b>	2
31 hingga 60 hari melebihi tempoh dan tidak dirosotnilai	<b>3</b>	1	-	-
61 hingga 90 hari melebihi tempoh dan tidak dirosotnilai	<b>10</b>	5	-	-
91 hingga 120 hari melebihi tempoh dan tidak dirosotnilai	<b>49</b>	55	-	-
Lebih daripada 121 hari melebihi tempoh dan tidak dirosotnilai	<b>69</b>	68	-	133
	<b>715</b>	701	<b>18</b>	184
Dirosotnilai	<b>34</b>	24	<b>6</b>	4
	<b>749</b>	725	<b>24</b>	188

**Lain-lain penghutang yang dirosotnilai**

Pada tarikh laporan, Kumpulan dan Johor Corporation masing-masing telah membuat peruntukan sebanyak RM34 juta (2016: RM24 juta) dan RM6 juta (2016: RM4 juta) masing-masing untuk rosotnilai atas lain-lain penghutang.

Terdapat pembalikan peruntukan yang dibuat di dalam akaun peruntukan Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 masing-masing sebanyak RM10 juta (2016: RM2 juta) dan RM 2 juta (2016: RM4 juta).

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Pergerakan akaun peruntukan:				
Pada 1 Januari	<b>24</b>	22	<b>4</b>	-
Caj pada tahun kewangan semasa	<b>10</b>	5	<b>2</b>	4
Pembalikan kerugian rosotnilai	-	(3)	-	-
Pada 31 Disember	<b>34</b>	24	<b>6</b>	4

**24. LAIN-LAIN ASET SEMASA**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Bayaran terdahulu	-	369	-	329
Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak	<b>8</b>	154	-	-
	<b>8</b>	523	-	329

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

#### 24. LAIN-LAIN ASET SEMASA (SAMBUNGAN)

	Kumpulan 2017	2016
Kos kontrak pembinaan yang ditanggung sehingga kini (Kerugian)/keuntungan yang boleh diagihkan	825 (80)	628 96
Bil peringkat siap	745 (835)	724 (527)
Kesan perbezaan pertukaran asing	(34)	(43)
Jumlah terhutang (kepada)/daripada pelanggan kontrak	(124)	154
Dinyatakan seperti berikut:		
Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak	8	154
Peruntukan bagi kerugian yang boleh dijangka (Nota 29)	(130)	-
Jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak (Nota 29)	(2)	-
	(124)	154

Termasuk didalam kerugian Kumpulan yang diiktiraf adalah kerugian yang boleh dijangka dan kerosakan disebabkan oleh kenaikan kos kontrak yang berpunca daripada permintaan tambahan bagi kerja pembaikan dari pelanggan kontrak. Kumpulan telah menghantar cadangan berkaitan dengan penyelesaian kos kontrak pada November 2017 dan Januari 2018.

#### 25. DERIVATIF INSTRUMEN KEWANGAN

	Kumpulan Nilai nosional 2017	2016	Kumpulan Amaun dibawa 2017	2016
<b>Aliran tunai lindung nilai:</b>				
Aset semasa				
Tukaran kadar faedah	455	210	-	-
	455	210	-	-
Liabiliti semasa				
Tukaran kadar faedah	-	-	2	-
	-	-	2	-

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**26. BAKI TUNAI DAN BANK**

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Baki tunai dan bank	<b>589</b>	783	<b>21</b>	75
Simpanan tetap dengan:				
Bank berlesen	<b>293</b>	484	<b>9</b>	2
Institusi kewangan lain	<b>-</b>	1	<b>-</b>	-
<b>Baki tunai dan bank</b>	<b>882</b>	1,268	<b>30</b>	77

Termasuk dalam deposit dengan bank berlesen adalah jumlah berikut yang tertakluk kepada had:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Dicagarkan dengan bank berlesen bagi kemudahan jaminan bank diberikan kepada syarikat-syarikat anak/pihak ketiga	<b>19</b>	61	<b>-</b>	-
Penggunaan terhad dibawah SUKUK	<b>-</b>	17	<b>-</b>	-
Penggunaan terhad dibawah Geran Kerajaan	<b>-</b>	19	<b>-</b>	19
Penggunaan terhad - lain-lain	<b>26</b>	-	<b>-</b>	-
	<b>45</b>	97	<b>-</b>	19

Profil matawang tunai dan kesetaraan tunai adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Ringgit Malaysia	<b>850</b>	1,207	<b>30</b>	77
Rupiah Indonesia	<b>24</b>	26	<b>-</b>	-
Dollar Australia	<b>8</b>	35	<b>-</b>	-
	<b>882</b>	1,268	<b>30</b>	77

Kadar-kadar faedah purata wajaran bagi deposit, baki tunai dan bank yang berkuatkuasa pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Deposit dengan bank berlesen	<b>3.64%</b>	3.70%	<b>3.30%</b>	3.40%
Deposit dengan institusi kewangan lain	<b>3.10%</b>	3.10%	<b>-</b>	-

Deposit bagi Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai purata kematangan masing-masing selama 45 hari (2016: 50 hari) dan 31 hari (2016: 30 hari) masing-masing.

Termasuk dalam baki tunai dan bank bagi Kumpulan adalah sebanyak RM87 juta (2016: RM74 juta) yang mana penggunaannya adalah tertakluk kepada Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pembangunan Perumahan) 2002.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**27. PELUPUSAN ASET KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL / LIABILITI YANG BERKAITAN LANGSUNG DENGAN KUMPULAN PELUPUSAN YANG DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK DIJUAL**

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual:				
Harta, loji dan peralatan (Nota 27a,c(i),d)	230	148	82	-
Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah (Nota 27b(i))	-	-	27	-
Kos pembangunan hartanah (Nota 27c(i)(ii))	67	-	2	-
Hartanah pelaburan (Nota 27a,c(i),d)	426	109	206	155
Lain-lain pelaburan (Nota 27d)	18	70	-	37
Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 27d)	12	-	-	-
Baki tunai dan bank (Nota 27d)	28	-	-	-
Aset cukai tertunda (Nota 27d)	14	-	-	-
	<b>795</b>	<b>327</b>	<b>317</b>	<b>192</b>
Liabiliti yang berkaitan langsung dengan kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual:				
Pembiayaan dan pinjaman (Nota 27d)	34	-	-	-
Pemiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 27d)	156	-	-	-
Liabiliti cukai tertunda (Nota 27d)	13	-	-	-
	<b>203</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Di bawah adalah pelupusan aset ketara Kumpulan yang diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual, yang mana dijangka akan selesai pada tahun 2018:

**(a) Harta, loji dan kelengkapan**

**Kumpulan dan Johor Corporation**

Pada 10 November 2017, satu Perjanjian Jualan Kemudahan telah dimeterai oleh Johor Corporation ("penjual") dan DIALOG Terminal Sdn Bhd ("pembeli") berhubung dengan pelupusan kemudahan terminal tangki yang terdiri daripada peralatan, jentera dan aset untuk pengendalian, penyimpanan, pemisahan, pengadunan dan pengedaran petroleum melalui kapal dan produk berkaitan petroleum, produk petrokimia dan lain-lain produk kimia dan bahan lain untuk komponen pengadunan kira-kira 100,000 meter padu dalam kapasiti penyimpanan untuk pertimbangan jualan berjumlah RM91 juta. Ini telah dinyatakan di bawah Segmen Perindustrian dalam Nota 38.

**(b) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah**

**Johor Corporation**

- (i) Pada 1 Oktober 2017, Johor Corporation telah bersetuju untuk menjual tanah komersil berukuran 5.861 ekar kepada Johor Land Berhad untuk pembangunan projek B5 Johor Street Market dengan pertimbangan berjumlah RM38 juta.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**27. PELUPUSAN ASET KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL / LIABILITI YANG BERKAITAN LANGSUNG DENGAN KUMPULAN PELUPUSAN YANG DIKELASKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)**

Di bawah adalah pelupusan aset ketara Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual: (sambungan)

**(c) Hartanah pelaburan, harta, loji dan kelengkapan dan kos pembangunan hartanah****Kumpulan dan Johor Corporation**

- (i) Kumpulan dan Johor Corporation telah memeterai perjanjian pembangunan dengan Kerajaan Negeri untuk menyerahkan beberapa hartanah pelaburan, harta, loji dan kelengkapan dan kos pembangunan hartanah untuk projek pembangunan dengan pertukaran tanah yang berhampiran selepas projek pembangunan Larkin Arena siap dibina dalam terma "Serah Balik Kurnia Semula" ("SBKS").
- (ii) Bandar Baru Majidee Sdn Bhd, syarikat anak Johor Land Berhad memeterai Perjanjian Hak Pembangunan Bersama, Perjanjian Tambahan dan Perjanjian Tambahan Kedua pada 23 November 2014, 7 April 2016 dan 14 Disember 2017 untuk pertimbangan berjumlah RM130 juta untuk jualan hak pembangunan harta, loji dan kelengkapan yang tertentu bersama dengan infrastruktur dan kemudahan yang lengkap.

**(d) Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd dan AI-'Aqar Australia Pty Ltd**

AI-'Aqar Australia Pty Ltd, syarikat anak kepada AI-'Aqar Healthcare Berhad merancang untuk melupuskan harta pelaburannya di Australia berhubung dengan pelupusan Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd dan syarikat anaknya oleh KPJ Healthcare Berhad.

Aset dan liabiliti Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd dan AI-'Aqar Australia Pty Ltd adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan 2017</b>
<b>Aset dipegang untuk jualan:</b>	
Harta, loji dan kelengkapan	<b>103</b>
Hartanah pelaburan	<b>151</b>
Lain-lain pelaburan	<b>18</b>
Penghutang perdagangan dan penghutang lain	<b>12</b>
Baki tunai dan bank	<b>28</b>
Aset cukai tertunda	<b>14</b>
	<b>326</b>
<b>Liabiliti yang berkaitan dengan aset yang dipegang untuk dijual:</b>	
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	<b>156</b>
Pinjaman	<b>34</b>
Liabiliti cukai tertunda	<b>13</b>
	<b>203</b>





Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
<b>Bukan semasa</b>				
Bercagar:				
Pajakan kewangan	37	27	-	-
Pembiayaan berjangka	1,430	2,304	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	270	-	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2,562	3,350	2,562	2,556
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	116	121	-	-
Tidak bercagar:				
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	900	900	-	-
Pembiayaan berjangka	952	55	-	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	120	89	47	54
Saham Keutamaan Boleh Tebus	-	312	-	-
	<b>6,387</b>	7,158	<b>2,609</b>	2,610
<b>Semasa</b>				
Bercagar:				
Overdraf bank	99	95	-	-
Kredit pusingan	289	97	-	-
Terimaan bank	3	-	-	-
Pajakan kewangan	23	45	-	-
Pembiayaan berjangka	390	525	-	-
Pembiayaan penyambung	98	98	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	55	-	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	574	413	-	400
Tidak bercagar:				
Overdraf bank	37	45	-	-
Kredit pusingan	599	702	-	-
Pembiayaan berjangka	118	313	-	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	22	16	11	6
	<b>2,307</b>	2,349	<b>11</b>	406
Jumlah pembiayaan dan pinjaman	<b>8,694</b>	9,507	<b>2,620</b>	3,016

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

Jadual berikut adalah ringkasan terma-terma pembayaran balik bagi pembiayaan dan pinjaman Kumpulan:

<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>Tahun matang</b>	<b>Nilai bawa</b>	<b>Kurang 1 tahun</b>	<b>Antara 1-2 tahun</b>	<b>Antara 2-5 tahun</b>	<b>Lebih 5 tahun</b>
<b>Bercagar:</b>						
Overdraf bank	<b>Atas permintaan</b>	<b>99</b>	<b>99</b>	-	-	-
Kredit pusingan	-	<b>289</b>	<b>289</b>	-	-	-
Terimaan bank	<b>Atas permintaan</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	-	-	-
Pajakan kewangan	<b>2017-2022</b>	<b>60</b>	<b>23</b>	<b>11</b>	<b>26</b>	-
Pembiayaan berjangka	<b>2017-2030</b>	<b>1,820</b>	<b>390</b>	<b>159</b>	<b>743</b>	<b>528</b>
Pembiayaan penyambung	<b>Atas permintaan</b>	<b>98</b>	<b>98</b>	-	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	<b>2017-2023</b>	<b>325</b>	<b>55</b>	<b>250</b>	-	<b>20</b>
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>2017-2022</b>	<b>3,136</b>	<b>574</b>	<b>800</b>	<b>1,762</b>	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	<b>2017-2034</b>	<b>116</b>	-	-	<b>28</b>	<b>88</b>
<b>Tidak bercagar:</b>						
Overdraf bank	<b>Atas permintaan</b>	<b>37</b>	<b>37</b>	-	-	-
Kredit pusingan	-	<b>599</b>	<b>599</b>	-	-	-
Pembiayaan berjangka	<b>2017-2030</b>	<b>1,070</b>	<b>118</b>	<b>107</b>	<b>292</b>	<b>553</b>
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>2017-2022</b>	<b>900</b>	-	-	<b>900</b>	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	<b>2017-2029</b>	<b>142</b>	<b>22</b>	-	-	<b>120</b>
<b>Jumlah</b>		<b>8,694</b>	<b>2,307</b>	<b>1,327</b>	<b>3,751</b>	<b>1,309</b>

**Pada 31 Disember 2016**

<b>Bercagar:</b>						
Overdraf bank	Atas permintaan	95	95	-	-	-
Kredit pusingan	-	97	97	-	-	-
Pajakan kewangan	2016-2019	72	45	15	12	-
Pembiayaan berjangka	2016-2029	2,829	525	571	1,282	451
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017-2022	3,763	413	-	1,571	1,779
Pembiayaan penyambung	Atas permintaan	98	98	-	-	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2016-2034	121	-	-	8	113
<b>Tidak bercagar:</b>						
Overdraf bank	Atas permintaan	45	45	-	-	-
Kredit pusingan	-	702	702	-	-	-
Pembiayaan berjangka	2016-2019	368	313	55	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017-2022	900	-	-	-	900
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2016-2022	105	16	-	-	89
Saham Keutamaan Boleh Tebus	2018	312	-	312	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>9,507</b>	<b>2,349</b>	<b>953</b>	<b>2,873</b>	<b>3,332</b>



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Jadual berikut adalah ringkasan terma-terma pembayaran balik bagi pembiayaan dan pinjaman Johor Corporation:

Pada 31 Disember 2017	Tahun matang	Nilai dibawa	Kurang 1 tahun	Antara 1-2 tahun	Antara 2-5 tahun	Lebih 5 tahun
Bercagar:						
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017-2022	2,562	-	800	1,762	-
Tidak bercagar:						
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2017-2029	58	11	-	-	47
<b>Jumlah</b>		<b>2,620</b>	<b>11</b>	<b>800</b>	<b>1,762</b>	<b>47</b>

### Pada 31 Disember 2016

Bercagar:						
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017-2022	2,956	400	-	-	2,556
Tidak bercagar:						
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2016-2029	60	6	-	-	54
<b>Jumlah</b>		<b>3,016</b>	<b>406</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2,610</b>

	Kumpulan 2017	2016
<b>Liabiliti pajakan kewangan</b>		
Pembayaran pajakan minima:		
Tidak melebihi dari 1 tahun	24	45
Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	12	17
Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	26	12
	<b>62</b>	<b>74</b>
Caj-caj kewangan masa hadapan ke atas pajakan kewangan	(2)	(2)
<b>Jumlah dibawa liabiliti pajakan kewangan</b>	<b>60</b>	<b>72</b>
Bukan semasa	37	27
Semasa	23	45
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>72</b>

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>Purata wajaran kadar faedah berkesan ke atas pinjaman pada tarikh laporan:</b>				
Overdraf bank	7.76	7.54	-	-
Kredit pusingan	5.10	3.28	-	-
Pembiayaan berjangka	5.95	5.75	-	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	4.19	3.42	4.00	4.83
Terimaan bank	4.70	2.48	-	-
Pembiayaan penyambung	7.75	6.13	-	-
Pajakan kewangan	3.14	2.95	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	1.75	-	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	5.71	4.29	3.67	3.67
Saham Keutamaan Boleh Tebus	-	12.00	-	-

Pinjaman Kumpulan: Tempoh matang atau perletakan harga semula

	Tidak melebihi 1 tahun	Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	Melebihi 5 tahun	Jumlah
<b>Pada 31 Disember 2017</b>					
Tetap	1,604	1,060	2,716	229	5,609
Terapung	703	267	1,035	1,080	3,085
Jumlah	2,307	1,327	3,751	1,309	8,694
<b>Pada 31 Disember 2016</b>					
Tetap	919	392	2,468	2,165	5,944
Terapung	1,430	561	405	1,167	3,563
Jumlah	2,349	953	2,873	3,332	9,507

Pinjaman Johor Corporation: Tempoh matang atau perletakan harga semula

	Tidak melebihi 1 tahun	Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	Melebihi 5 tahun	Jumlah
<b>Pada 31 Disember 2017</b>					
Tetap	11	800	1,762	47	2,620
<b>Pada 31 Disember 2016</b>					
Tetap	406	-	-	2,610	3,016



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

### Anggaran nilai saksama

Melainkan sebagaimana didedahkan di bawah semua amaun dibawa pinjaman pada tarikh laporan hampir menyamai nilai saksama masing-masing:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	Amaun dibawa	Nilai saksama	Amaun dibawa	Nilai saksama
<b>Pada 31 Disember 2017</b>				
Pembiayaan berjangka - kadar terapung	2,891	3,174	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	325	325	-	-
Kredit Pusingan	888	888	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	4,036	3,853	2,562	2,600
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	258	255	58	58
<b>Pada 31 Disember 2016</b>				
Pembiayaan berjangka - kadar terapung	3,190	2,924	-	-
Kredit Pusingan	799	799	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	4,663	3,845	2,956	3,004
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	226	222	60	60

### Penyesuaian liabiliti kewangan berpunca dari aktiviti kewangan

Jadual di bawah memperincikan perubahan didalam liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation yang berpunca daripada aktiviti kewangan termasuk perubahan tunai dan bukan tunai. Liabiliti berpunca daripada aktiviti kewangan adalah daripada aliran tunai atau aliran tunai masa hadapan, yang diklasifikasikan dalam penyata aliran tunai Kumpulan dan Johor Corporation sebagai aliran tunai daripada aktiviti kewangan.

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
<b>Pembiayaan dan pinjaman</b>				
Pada 1 Januari	9,507	8,017	3,016	3,025
Perubahan tunai bersih (i)	(911)	1,016	(490)	(109)
Pertambahan faedah	423	433	88	100
Lain-lain perubahan (ii)	(325)	41	6	-
Pada 31 Disember	8,694	9,507	2,620	3,016

- (i) Perubahan pembiayaan dan pinjaman bersih menggambarkan jumlah terimaan pembiayaan bersih dan pembayaran balik pinjaman dalam penyata aliran tunai.
- (ii) Lain-lain perubahan termasuk pembayaran kos transaksi dan penyelesaian RPS-i BCSB (Nota 28(d)).

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

#### Waad-waad penting dan sekuriti

#### Johor Corporation

##### (a) Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")

Pada 14 Jun 2012, Johor Corporation telah memeterai Program Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") berjumlah RM3 bilion, di bawah prinsip Syariah Wakalah Bil Istithmar bersama Maybank Investment Bank ("MIB") ("Agen Kemudahan") dan, MIB dan CIMB Investment Bank ("CIMB") ("Pengatur Utama Bersama"). NJSI telah diterbitkan dalam 3 siri seperti berikut:

Siri	Amaun prinsipal	Tempoh (tahun)	Kadar pulangan (% setahun)	Tarikh matang
Siri 1	400	5	3.48	14 Jun 2017
Siri 2	800	7	3.68	14 Jun 2019
Siri 3	1,800	10	3.84	14 Jun 2022
	3,000			

Kekerapan pengagihan jangkaan berkala ("Pembayaran keuntungan") adalah pada setiap setengah tahunan atau apa-apa kekerapan tempoh lain yang dipersetujui antara Johor Corporation dan Agen Tempahan Bersama ("ATB") sebelum dari penerbitan setiap NJSI.

Kerajaan Persekutuan Malaysia ("KPM") telah bersetuju untuk menjamin (tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat) obligasi pembayaran oleh Johor Corporation di bawah NJSI mengikut Akta Jaminan Pinjaman (Badan Korporat) 1965, yang tertakluk kepada jumlah yang terjamin (yang nilai nominal NJSI dijamin oleh KPM yang tidak melebihi RM3 bilion secara agregat) untuk tempoh 11 tahun dari tarikh terbitan pertama NJSI.

Sebagai pertimbangan peruntukan jaminan oleh KPM, Johor Corporation menjadi sebuah badan korporat yang diisytihar oleh Menteri Kewangan selaras dengan Jaminan Pinjaman (Deklarasi Badan Korporat) (Johor Corporation) Perintah 2012 [P.U(A) 128/2012] telah bersetuju untuk membayar secara tahunan Yuran Jaminan sebanyak 0.01% untuk 5 tahun pertama dan 0.02% untuk tahun ke 6 dan seterusnya berdasarkan NJSI yang masih belum dijelaskan.

Selepas dari penerbitan, NJSI tidak boleh ditawarkan, dijual, dipindahkan atau dilupuskan sama ada secara langsung atau tidak langsung, mahupun apa-apa dokumen atau bahan lain yang mungkin berkaitan dengannya yang akan diedarkan di Malaysia, selain daripada kategori individu yang tergolong dalam Jadual 6 atau Seksyen 229(1)(b), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007, sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa.

NJSI tidak disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad atau mana-mana bursa saham lain.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan NJSI yang diterbitkan oleh Johor Corporation selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan NJSI menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

### Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

#### Johor Corporation (sambungan)

##### (b) Pembiayaan Kerajaan Persekutuan

Pada 17 Julai 2002, Johor Corporation telah memohon untuk menstruktur semula pinjaman Kerajaan Persekutuan (termasuk faedah tertunggak) daripada Kementerian Kewangan.

Perjanjian bagi skim penstruktur semula berjumlah RM58 juta telah dimuktamadkan pada 13 April 2017 dengan syarat-syarat berikut:

- (i) Tempoh pembayaran balik pinjaman dijadualkan semula selama 15 tahun, bermula tahun 2015 dengan ansuran pada setiap setengah tahunan pada 1 Jun dan 1 Disember;
- (ii) Kadar faedah sebanyak 4% setahun;
- (iii) Faedah bayaran lewat 2% setahun akan dikenakan jika pembayaran balik pinjaman tidak mematuhi jadual yang dipersetujui; dan
- (iv) Pengecualian ke atas faedah yang terakru sebelumnya berjumlah RM17 juta akan hanya diluluskan sekiranya pembayaran balik pinjaman mematuhi jadual yang dipersetujui. Sekiranya berlaku kegagalan mematuhi jadual pembayaran, maka faedah terakru tersebut hendaklah dibayar penuh sekali gus pada 31 Disember 2030.

Tiada waad kewangan lain berkaitan dengan Pembiayaan Kerajaan Persekutuan.

### Syarikat-syarikat anak

#### (a) Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

- i. Kemudahan pembiayaan Islam

Sehubungan dengan kemudahan pinjaman berjangka yang berjumlah RM164 juta yang telah diberikan kepada KMB dan syarikat-syarikat anaknya, waad-waad kewangan penting berikut telah dipersetujui:

1. Nisbah jumlah pinjaman kepada dana pemegang saham yang disatukan tidak melebihi 125% pada setiap masa; dan
2. KMB akan mendapatkan dan memastikan bahawa setiap syarikat anaknya tidak dan/atau tidak akan memeterai sebarang perjanjian yang mengakibatkan sekatan ke atas kemampuan setiap syarikat anaknya untuk membuat atau membayar dividen atau lain-lain bentuk pengagihan kepada pemegang-pemegang saham; dan
3. Nisbah gearing syarikat anak KMB tidak akan melebihi 1.75 kali; dan
4. Jumlah minima Nilai Bersih Nyata ("NBN") sebanyak RM350 juta atas asas yang disatukan dan jumlah liabiliti kepada NBN atas asas yang disatukan tidak melebihi 1.5 hingga 1.

Pinjaman tersebut dijamin dengan caj ke atas deposit tetap tertentu dan hartanah, loji dan kelengkapan, dan jaminan korporat dari KMB.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

#### Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

#### Syarikat-syarikat anak (sambungan)

##### (a) Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

###### ii. Segmen minyak dan gas

1. Jumlah pembiayaan E.A. Technique (M) Berhad ("EAT") kepada nilai bersih nyata ("Nisbah penggearing") tidak akan melebihi 3.0 kali pada setiap masa seperti dinyatakan dalam formula di bawah:

$$\frac{\text{Jumlah Pembiayaan}}{\text{Nilai Bersih Nyata + Subordinasi Pemegang Saham dan Pendahuluan Pengarah}}$$

2. Nisbah hutang ke atas ekuiti EAT tidak akan melebihi 10.0 kali pada setiap masa.

##### (b) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP")

Pinjaman mudah dari Kerajaan Persekutuan Malaysia ("KPM")

Pada 13 Februari 2013, TLP telah memeterai Perjanjian Pinjaman dengan KPM berjumlah RM111 juta bagi pembinaan Dermaga 8 dan Dermaga 9, yang dijamin oleh aset yang dibina dan surat jaminan oleh Johor Corporation.

Pembayaran balik pinjaman dan faedah yang berkaitan telah digantung sementara disebabkan oleh perubahan dalam terma-terma pembayaran balik dan kadar faedah yang belum dapat dimuktamadkan hingga tarikh laporan ini.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pinjaman mudah dari KPM diterbitkan oleh TLP selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman mudah dari KPM menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

##### (c) JCorp Capital Solutions Sdn Bhd ("JCSSB")

Pembiayaan penyambung

- (i) Pada 21 November 2013, JCSSB telah memeterai Perjanjian Kemudahan baru, dengan bank berlesen untuk Kemudahan Dagangan Margin sehingga jumlah agregat maksimum sebanyak RM26 juta, untuk membiayai sebahagian pembelian saham dan waran tersiar harga di KPJ. Kemudahan ini dijamin dengan 17.5 juta saham KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") yang tersiar harga. Pada 21 Julai 2014, Perjanjian Kemudahan Dagangan Margin bertarikh 21 November 2013 dengan sebuah bank berlesen telah disemak semula dan meningkatkan jumlah agregat maksimum dari RM26 juta kepada RM99 juta untuk membiayai penukaran 23 juta unit waran KPJ ke saham baru KPJ dengan asas 1 untuk 1 pada harga penukaran sebanyak RM3.13 bagi satu saham. Kemudahan ini dijamin dengan sekuriti yang sama.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pinjaman penyambung diterbitkan oleh JCSSB selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman penyambung menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

### Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

### Syarikat-syarikat anak (sambungan)

#### (c) JCorp Capital Solutions Sdn Bhd ("JCSSB") (sambungan)

Pembiayaan penyambung (sambungan)

- (ii) Pada 4 Mei 2017, JCSSB telah memeterai Kredit Berganti Jangka Pendek ("KBJP-i") dengan agregat maksimum sebanyak RM300 juta untuk membiayai semula Kemudahan Dagangan Margin di atas yang sedia ada dan/atau membiayai keperluan modal kerja JCSSB dan syarikat yang berkaitan. Kemudahan ini dijamin dengan saham KPJ dan/atau saham lain yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia dan Surat Aku Maklum dari Johor Corporation.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan KBJP-i yang diterbitkan oleh JCSSB selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman penyambung menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

#### (d) Business Chronicles Sdn Bhd ("BCSB")

Saham Keutamaan Boleh Tebus

Dalam tahun 2017, Kumpulan memeterai perjanjian penyelesaian dengan baki pemegang saham RPS-i yang tinggal. Jumlah pampasan adalah seperti berikut:

- (i) RM 58 juta dimana RM28 juta yang telah dibayar dalam tahun 2017 dan RM2 juta telah dibayar sebagai dividen keutamaan dalam tahun sebelumnya. Baki RM22 juta (pada asas didiskaun) perlu dibayar dalam tempoh 5 tahun akan datang dan direkodkan sebagai lain-lain pemiutang (Nota 29 (b(iii)));
- (ii) RM182 juta terhutang (pada asas didiskaun) perlu dibayar dalam tempoh 5 tahun akan datang dan direkodkan sebagai lain-lain pemiutang (Nota 29 (b(iii))).

Baki faedah terakru bersama-sama baki pinjaman berjumlah RM92 juta telah dibalikkan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun semasa.

#### (e) Efinite Structure Sdn Bhd ("ESSB")

Sukuk Ijarah, pembiayaan berjangka cara Islam

Selaras dengan Program Rasionalisasi Aset ("Program") yang melibatkan ESSB, Johor Corporation, Tanjung Langsat Port ("TLP"), Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") dan Johor City Development Sdn Bhd ("JCD"), ESSB telah memeterai Perjanjian Kemudahan Sukuk Ijarah dan Perjanjian Kemudahan Induk Tawarruq pada tahun 2013 untuk mendapatkan Sukuk Ijarah dan pembiayaan berjangka cara Islam berjumlah RM353 juta.

Sepanjang tahun kewangan, ESSB telah membiayai semula pinjaman yang sedia ada sepenuhnya dengan memeterai Kemudahan Pembiayaan Cara Islam Bersindiket ("KPCIB") berjumlah RM325 juta. KPCIB dicagarkan terhadap aset tertentu Johor Corporation dan TLP dan Surat Aku Maklum daripada Johor Corporation.

ESSB akan mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("NPPK") tidak kurang daripada 1.25 kali pada setiap masa dan Nisbah Perlindungan Keselamatan tidak kurang daripada 1.5 kali.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

#### Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

#### Syarikat-syarikat anak (sambungan)

##### (f) KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Pinjaman berjangka - patuh Syariah

Pinjaman berjangka berjumlah RM346 juta dijamin atas hartanah pelaburan tertentu. Pinjaman lain dijamin dengan aset tertentu KPJ.

KPJ harus mematuhi perjanjian penting yang berikut:

- (i) Nisbah kewangan kepada nisbah ekuiti KPJ tidak melebihi 1.5 kali (Nota Jangka Sederhana Islam);
- (ii) Dividen syarikat anak diisytiharkan atau dibayar tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada keuntungan selepas cukai;
- (iii) Nisbah semasa perkhidmatan hutang syarikat anak kekal pada sekurang-kurangnya 1.5 kali;
- (iv) Pinjaman syarikat anak ke atas aset ketara bersih tidak melebihi 2.0 kali;
- (v) Nilai pinjaman bank ke atas Nilai Ketara Bersih KPJ tidak melebihi 1.25 kali;
- (vi) Nisbah Liputan Faedah tidak melebihi 4 kali; dan
- (vii) Nisbah penggearingan syarikat anak kekal pada sekurang-kurangnya 3.5 kali.

##### (g) TPM Technopark Sdn Bhd ("TPM")

Pembiayaan berjangka Islam, Kemudahan kredit pusingan

- (i) Kemudahan-i Kredit Pusingan ("KKP-i") berjumlah RM20 juta di bawah Perjanjian Kemudahan Bai'Inah dijamin oleh Perjanjian Hak Pembangunan ("PHK").
- (ii) Pembiayaan berjangka Islam dan kemudahan kredit pusingan berjumlah RM123 juta dijamin dengan aset tertentu dan Surat Aku Maklum daripada Johor Corporation.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pembiayaan berjangka Islam dan KKP-i yang dikeluarkan oleh TPM selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pembiayaan berjangka Islam dan KKP-i menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

##### (h) BDO Assets Management Sdn Bhd ("BDO")

Pembiayaan Jangka Panjang Komoditi Murabahah-I ("PJPKM-i") berjumlah RM245 juta dicagarkan atas saham dan aset tertentu.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan PJPKM-i yang dikeluarkan kepada BDO selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan PJPKM-i menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 28. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

### Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)

#### Syarikat-syarikat anak (sambungan)

##### (i) Al-'Aqar Capital Sdn Bhd ("AACSB")

Sukuk Ijarah

Pada tahun 2013, AACSB telah mengambil kemudahan pembiayaan cara Islam yang merangkumi NJSI yang bernilai nominal RM1 bilion dan menerbitkan nilai nominal NJSI berjumlah RM655 juta. Pada 20 Julai 2017, AACSB telah membuat sebahagian penebusan awal berjumlah RM80 juta. Baki program Sukuk Ijarah berjumlah RM575 juta akan matang pada Mei 2018. Syarikat sedang melaksanakan langkah-langkah untuk membiayai semula penerbitan tersebut.

Kemudahan pembiayaan dijamin dengan hartanah pelaburan berjumlah RM1.24 billion (2016: RM1.2 billion).

AACSB perlu pada setiap masa mengekalkan dan/atau menyebabkan untuk mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("NPPK"):

- i. NPPK pada Tahap Terbitan tidak kurang daripada 1.5 kali;
- ii. NPPK di tahap Al-'Aqar Healthcare REIT tidak kurang daripada 1.5 kali;
- iii. waad-waad kewangan yang lain boleh ditentukan oleh RAM Rating Services Berhad ("RAM") dan turut dipersetujui oleh AACSB.

##### (j) Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")

Pinjaman berjangka yang berjumlah RM391 juta ini dijamin dengan caj undang-undang ke atas hartanah pelaburan tertentu milik DASB dan pembahagian saham.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pinjaman berjangka yang dikeluarkan kepada DASB selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman berjangka menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**29. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN**

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
<b>Semasa</b>				
Pemiutang perdagangan	690	772	28	13
Lain-lain pemiutang	707	815	213	280
Peruntukan bagi kerugian yang boleh dijangka (Nota 24)	130	-	-	-
Jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak (Nota 24)	2	-	-	-
Wang tahanan	4	5	1	2
Pemiutang penyewaan pajakan	-	15	-	-
Jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu	4	-	-	-
Akruan perdagangan	275	185	3	3
Jumlah terhutang kepada lain-lain pemegang saham syarikat anak	125	15	-	-
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat anak	-	-	810	619
Penyelesaian timbang tara	7	10	-	-
	<b>1,944</b>	1,817	<b>1,055</b>	917
<b>Bukan semasa</b>				
Jumlah terhutang kepada syarikat anak	-	-	295	368
Penyelesaian timbang tara	67	82	-	-
Lain-lain pemiutang	204	5	83	-
	<b>271</b>	87	<b>378</b>	368
Jumlah	<b>2,215</b>	1,904	<b>1,433</b>	1,285

**(a) Pemiutang perdagangan dan akruan perdagangan**

Amaun-amaun ini adalah tanpa faedah. Pemiutang perdagangan biasanya diselesaikan dalam jangka masa 60 hari (2016: 60 hari).

**(b) Lain-lain pemiutang, wang tahanan dan pemiutang penyewaan pajakan**

Amaun-amaun ini adalah tanpa faedah dan biasanya diselesaikan dalam jangka masa purata enam bulan (2016: purata enam bulan). Termasuk didalam lain-lain pemiutang adalah:

- (i) amaun berjumlah RM83 juta untuk pengambilalihan tanah tambahan yang perlu dibayar pada tahun 2020;
- (ii) jumlah amaun yang akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Johor dan Tabung Amanah Warisan Johor berjumlah RM182 juta (2016: RM tiada) untuk 5 tahun akan datang pada kadar didiskaun iaitu 6.60% (2016: tiada); dan
- (iii) jumlah perlu dibayar kepada pemegang saham SKBT-i yang berjumlah RM22 juta (2016: RM tiada) untuk 5 tahun akan datang didiskaun pada kadar 6.60% (2016: tiada).

**(c) Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat sekutu dan lain-lain pemegang saham syarikat-syarikat anak**

Amaun-amaun ini tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 29. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

### (d) Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat anak

Amaun ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan kecuali syarikat anak yang faedah dikenakan antara 6.50% hingga 6.75% (2016: 6.55% hingga 6.77%) setahun. Amaun terhutang kepada syarikat anak tersebut hendaklah dibayar di antara tahun 2013 dan 2023 selaras dengan Perjanjian Ijarah yang dimeterai di antara syarikat anak dan Johor Corporation pada 24 Jun 2013.

#### Penyesuaian liabiliti kewangan berpunca dari aktiviti kewangan

Jadual di bawah memperincikan perubahan di dalam liabiliti Johor Corporation yang berpunca daripada aktiviti kewangan termasuk perubahan tunai dan bukan tunai. Liabiliti daripada aktiviti kewangan adalah daripada aliran tunai atau aliran tunai masa hadapan, yang diklasifikasikan dalam penyata aliran tunai Johor Corporation sebagai aliran tunai daripada aktiviti kewangan.

	Johor Corporation	
	2017	2016
Pada 1 Januari	619	376
Perubahan tunai bersih (i)	211	216
Pertambahan faedah	34	29
Lain-lain perubahan (ii)	(54)	(2)
Pada 31 Disember	810	619

### (e) Penyelesaian timbang tara

Pada 11 November 2016, Tanjung Langsung Port ("TLP") telah memeterai Perjanjian Penyelesaian dengan pihak yang menuntut untuk jumlah penyelesaian USD30 juta. Kedua-dua pihak dengan permohonan bersama kepada Mahkamah Persekutuan, bersetuju untuk menangguhkan Seksyen 80 Permohonan Syarikat daripada 7 Februari 2017 hingga 20 Februari 2017 untuk membolehkan Pihak Menuntut untuk mengesahkan pematuhan dengan Fasal 3.1.2 Perjanjian Penyelesaian oleh Syarikat. Sekiranya kedua-dua syarat terdahulu, iaitu bayaran awal USD4 juta dan pengeluaran Surat Aku Janji selepas mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan, Pihak Menuntut selama-lamanya hendaklah mengetepikan tuntutan asalnya USD141 juta dan kepentingan mengenainya di bawah pemberian, yang mana tuntutan dan hak hendaklah digabungkan atau diambil alih oleh jumlah penyelesaian yang dipersetujui USD30 juta seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Penyelesaian.

Pada 14 Mac 2017, Pihak Menuntut telah memaklumkan kepada TLP bahawa semua terma dan syarat yang ditetapkan di bawah Perjanjian Penyelesaian telah dipatuhi. Pihak Menuntut berpuas hati dan melepaskan tuntutan asal dan hak di bawah Pemberian Separa terhadap TLP termasuk semua perintah dan penghakiman Mahkamah memihak kepada Pihak Menuntut yang kini semua hak hendaklah digantikan dengan Perjanjian Penyelesaian.

Pada 17 Mac 2017, TLP dan Pihak Menuntut telah memaklumkan kepada Mahkamah Rayuan bahawa kedua-dua pihak telah menyempurnakan penyelesaian pertikaian dan oleh itu meminta Mahkamah untuk mengeneipkan rayuan kedua-dua pihak pada tarikh perbicaraan yang akan ditetapkan pada 20 April 2017. TLP telah memfailkan Notis Pemberhentian pada 24 Mac 2017 terhadap rayuan-rayuan TLP di Mahkamah Rayuan dan permohonan-permohonan TLP di Mahkamah Persekutuan bagi kebenaran untuk merayu dan permohonan TLP di bawah Seksyen 80.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**29. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)****(e) Penyelesaian timbang tara (sambungan)**

Berdasarkan Perjanjian Penyelesaian, jumlah penyelesaian hendaklah diselesaikan oleh TLP mengikut cara yang berikut:

- (i) Pembayaran awal sebanyak USD4 juta yang mana telah dibayar pada tahun 2016;
- (ii) Pembayaran kedua sebanyak USD4 juta yang mana telah dibayar oleh TLP pada 27 Mac 2017; dan
- (iii) Baki USD23 juta hendaklah dibayar sebanyak 6 ansuran tahunan dengan ansuran pertama akan berakhir dalam tempoh setahun dari tarikh perjanjian syarat terdahulu yang dinyatakan di atas. Ansuran pertama dan kedua berjumlah USD3 juta setiap satu dan ansuran ketiga hingga keenam berjumlah USD4 juta setiap satu.

Surat Akujanji telah dikeluarkan oleh Johor Corporation pada 3 Februari 2017.

Baki jumlah penyelesaian USD27 juta, selepas ditolak bayaran awal, bayaran tersebut telah dikurangkan kepada nilai saksama yang diiktiraf menggunakan kadar faedah pasaran semasa bagi pinjaman sebanyak 8%. Perbezaan antara nilai saksama dan jumlah baki penyelesaian diiktiraf sebagai faedah sepanjang tempoh baki penyelesaian melalui pelunasan.

Jumlah tertunggak adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Baki tertunggak	<b>74</b>	92
Profil kematangan :		
Dalam tempoh 12 bulan	<b>7</b>	10
Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun	<b>51</b>	47
Lebih daripada 5 tahun	<b>16</b>	35
Jumlah baki tertunggak	<b>74</b>	92
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan (di bawah liabiliti semasa)	<b>(7)</b>	(10)
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan (di bawah liabiliti bukan semasa)	<b>67</b>	82
Nilai dibawa	<b>74</b>	92
Nilai saksama	<b>74</b>	92

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 29. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

### (e) Penyelesaian timbang tara (sambungan)

Pergerakan dalam peruntukan timbang tara seperti berikut:

	Kumpulan 2017	2016
Pada 1 Januari	92	77
Peruntukan tambahan bagi tahun semasa (Keuntungan) / kerugian pertukaran asing tidak direalisasi	-	4
Penyelesaian timbang tara	(8)	27
Faedah ke atas penyelesaian timbang tara	(16)	(16)
	6	-
Pada 31 Disember	74	92

## 30. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
Geran Kerajaan (Nota (a))	295	315	243	258
Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu (Nota (b))	682	580	527	436
Lain-lain pemiutang jangka panjang (Nota (c))	38	39	-	-
Deposit (Nota (d))	28	27	-	-
Lain-lain	13	9	13	-
	1,056	970	783	694

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**30. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)****(a) Geran Kerajaan**

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
<b>Pada kos:</b>				
Pada 1 Januari	340	462	265	278
Geran diterima dalam tahun kewangan semasa	12	45	7	40
Pembalikan	(19)	(163)	(19)	(49)
Klasifikasi semula	-	(4)	-	(4)
Pada 31 Disember	333	340	253	265
<b>Pelunasan terkumpul:</b>				
Pada 1 Januari	25	176	7	3
Pelunasan (Nota 5)	13	12	3	4
Pembalikan	-	(163)	-	-
Pada 31 Disember	38	25	10	7
Baki pada 31 Disember	295	315	243	258

**(b) Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu**

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
<b>Pada kos:</b>				
Pada 1 Januari	632	242	451	115
Tambahan	120	390	103	336
Pada 31 Disember	752	632	554	451
<b>Pelunasan terkumpul:</b>				
Pada 1 Januari	52	35	15	-
Pelunasan bagi tahun kewangan semasa	18	17	12	15
Pada 31 Disember	70	52	27	15
Amaun dibawa pada 31 Disember	682	580	527	436



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**30. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)**

**(b) Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu (sambungan)**

Ini mewakili wang diterima terdahulu daripada pajakan semula bagi tempoh pajakan antara 30 hingga 60 tahun yang akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Kurang 1 tahun	14	13	9	7
1 hingga 2 tahun	15	23	10	17
2 hingga 3 tahun	16	23	10	17
Melebihi 3 tahun	637	521	498	395
Pada 31 Disember	682	580	527	436

**(c) Lain-lain pemiutang jangka panjang**

Lain-lain pemiutang jangka panjang adalah berkaitan dengan baki balasan belian bagi pembelian tanah pegangan bebas dan hartanah daripada Kerajaan Negeri Johor dan Setiausaha Negeri Johor (Diperbadankan) ("SUK"). Jumlah tersebut adalah tidak dicagar, tidak dikenakan faedah dan perlu dibayar balik seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2017	2016	2017	2016
Kurang 1 tahun	1	1	-	-
1 hingga 2 tahun	1	1	-	-
2 hingga 3 tahun	1	1	-	-
Melebihi 3 tahun	35	36	-	-
Pada 31 Disember	38	39	-	-

**(d) Deposit**

Deposit merupakan jumlah yang diterima daripada perunding perubatan, yang perlu dibayar atas kematian, persaraan (pada umur 65 tahun) atau hilang upaya perunding perubatan. Deposit akan luput dengan penamatan perkhidmatan pakar perunding perubatan itu sama ada berlakunya kemungkiran oleh Kumpulan atau penamatan awal oleh perunding perubatan. Walau bagaimanapun, deposit boleh dibayar balik kepada perunding perubatan jika kelulusan daripada Lembaga Pengarah KPJ diperolehi.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 31. RIZAB

#### (a) Rizab modal

Rizab modal merangkumi terutamanya Rizab Waran, Rizab ESOS, dan lain-lain rizab yang disimpan oleh syarikat-syarikat anak dalam Kumpulan.

#### (b) Rizab penilaian semula aset

Rizab penilaian semula aset mewakili lebih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan bagi harta prisihat dan tanah ladang.

#### (c) Rizab perubahan matawang

Rizab perubahan matawang terdiri daripada semua perbezaan matawang asing yang timbul daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana matawang fungsian adalah berbeza daripada matawang Kumpulan yang dinyatakan.

#### (d) Rizab pelarasan nilai saksama

Rizab pelarasan nilai saksama terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aset-aset kewangan sedia dijual sehingga pelaburan tersebut dinyahiktirafkan atau dirosotnilai.

#### (e) Rizab urus niaga ekuiti

Rizab urus niaga ekuiti terdiri daripada perbezaan antara bahagian kepentingan bukan kawalan dalam syarikat-syarikat anak yang diambilalih/dijual dan balasan telah dibayar/diterima.

#### (f) Rizab hasil

Rizab hasil terdiri daripada sebahagian keuntungan perniagaan yang disimpan oleh Kumpulan dan Johor Corporation untuk pelaburan di masa hadapan.

### 32. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut di dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan sepunya atau pengaruh ketara sepunya. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Selain daripada dinyatakan dalam penyata kewangan, transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
Telah dibayar/perlu dibayar kepada syarikat-syarikat anak:				
Pembelian buah tandan segar	-	-	-	29
Yuran pengurusan	-	-	3	1
Belanja sewaan	-	-	7	2
Belanja faedah	-	-	34	29
Belanja pemasaran	-	-	3	6
Telah dibayar/perlu dibayar kepada entiti berkaitan kerajaan:				
Premium tanah	-	197	6	197

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 32. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Selain daripada dinyatakan dalam penyata kewangan, transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut (sambungan):

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
Penerimaan/akan diterima daripada syarikat-syarikat anak:				
Jualan barang	-	-	36	29
Pendapatan faedah	-	-	2	1
Dividen	-	-	111	128
Pendapatan yuran pengurusan	40	-	40	3
Pendapatan sewa	-	-	7	5
Yuran konsesi	-	-	22	22
Jualan harta tanah, loji dan peralatan	-	-	32	-
Jualan hartanah pelaburan	147	-	37	-
Jualan saham lain	67	-	67	-

Johor Corporation telah ditubuhkan di bawah Enakmen Johor Corporation (No. 4, 1986) (seperti yang dipinda oleh Enakmen No. 5 1995), dan dikawal oleh Kerajaan Negeri Johor. Kumpulan menganggap untuk tujuan FRS 124 - "Kenyataan Pihak Berkaitan", Kerajaan Negeri Johor mempunyai hak untuk melaksanakan kawalan ke atas Johor Corporation. Hasilnya, badan-badan Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor terkawal (secara kolektif dirujuk sebagai "entiti berkaitan kerajaan") adalah pihak berkaitan Kumpulan dan Johor Corporation.

Selain daripada urus niaga secara individu penting seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan, Kumpulan dan Johor Corporation secara kolektif, tetapi tidak termasuk secara individu, urus niaga penting dengan entiti berkaitan kerajaan yang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (i) Cukai tanah dan taksiran yang dibayar kepada Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor;
- (ii) Lesen perniagaan dan sewaan yang dibayar kepada entiti berkaitan Kerajaan Negeri Johor; dan
- (iii) Pertukaran premium tanah yang dibayar kepada entiti berkaitan Kerajaan Negeri Johor.

Urus niaga ini dijalankan dalam perjalanan biasa perniagaan Kumpulan atas terma secara konsisten selaras dengan dasar dan proses dalaman Kumpulan. Syarat ini tidak bergantung kepada sama ada pihak tersebut adalah entiti berkaitan kerajaan atau tidak.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**33. KOMITMEN****(a) Komitmen modal**

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan:				
Telah dikontrakkan	182	312	46	50
Tidak dikontrakkan	427	265	-	-
	<b>609</b>	577	<b>46</b>	50
Dianalisa seperti berikut:				
Harta, loji dan kelengkapan	460	437	-	-
Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah	58	62	46	50
Hartanah pelaburan	91	78	-	-
	<b>609</b>	577	<b>46</b>	50

**34. LIABILITI LUAR JANGKA****(a) Johor Corporation**

Pengambilalihan Tanah Kem Tebrau

Johor Corporation adalah tertakluk kepada pelbagai litigasi berhubung dengan pengambilalihan tanah seperti berikut:

- (i) tuntutan dari beberapa pihak ketiga bahawa mereka telah dikecualikan daripada menyertai siasatan tanah;
- (ii) tuntutan dari pemilik tanah tentang pampasan RM6 bilion berbanding dengan pampasan sebenar yang dibayar dari Johor Corporation berjumlah RM329 juta; dan
- (iii) semakan kehakiman bahawa keputusan Kerajaan Negeri dan Johor Corporation adalah dalam niat tidak elok dan / atau menyalahi undang-undang dan dengan itu batal dan tidak sah.

Tuntutan-tuntutan tersebut sedang berjalan di dalam beberapa mahkamah dan semua keputusan sehingga kini adalah memihak kepada Johor Corporation.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**34. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)**

**(b) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP")**

- (i) Pada 10 Oktober 2014, TLP telah menerima Notis Timbang Tara daripada Langsat Terminal (One) Sdn Bhd ("LGT1") atas tuntutan TLP gagal untuk menyediakan jeti dan fasiliti pelabuhan yang mencukupi ("Timbang Tara"). TLP telah memberi maklum balas pada 7 November 2014 yang mempertikaikan dakwaan tersebut. LGT1 telah mengemukakan kerugian dan tuntutan ganti rugi sebanyak RM600 juta dan pada 8 Julai 2016 TLP telah menuntut balas untuk jumlah RM63 juta pada 31 Mei 2016. Perbicaraan untuk Timbang Tara itu diadakan pada 2017. Pada 9 Mac 2018, kedua-dua pihak telah memeterai Perjanjian Penyelesaian sebagai penyelesaian yang lengkap dan terakhir untuk Timbang Tara dan telah menghantar notis bersama kepada Tribunal Timbang Tara untuk menamatkan perkara yang sama.
- (ii) Pada 7 April 2014, TLP telah memulakan prosiding timbang tara terhadap kontraktor Dialog E&C Sdn Bhd ("DECSB") yang bertanggungjawab bagi kejuruteraan terperinci, perolehan, pembinaan dan pentauliahan tangki simpanan minyak, di mana kejadian kebakaran yang telah berlaku pada tahun 2008, untuk menanggung kerugian TLP dengan "back to back basis" terhadap liabiliti yang timbul daripada anugerah timbang tara yang disebut dalam Nota 29(e) ("Timbang Tara"). Pada 9 Mac 2018, kedua-dua pihak telah memeterai Perjanjian Penyelesaian sebagai penyelesaian yang lengkap dan terakhir untuk Timbang Tara dan telah menghantar notis bersama kepada Tribunal Timbang Tara untuk menamatkan perkara yang sama.

**(c) KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")**

KPJ adalah tertakluk kepada tindakan undang-undang perniagaan, yang timbul daripada operasi hospital syarikat anak. Para Pengarah berpendapat, berdasarkan kepada khidmat nasihat guaman dan khidmat perlindungan penyelewengan, tiada kepentingan yang memerlukan pengiktirafan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**35. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN**

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

<b>Kumpulan</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Pembiayaan dan penghutang:		
Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 23)	<b>1,505</b>	1,626
Baki tunai dan bank (Nota 26)	<b>882</b>	1,268
	<b>2,387</b>	2,894
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:		
Lain-lain pelaburan (Nota 21)	<b>7</b>	21
	<b>7</b>	21
Aset kewangan sedia dijual:		
Lain-lain pelaburan (Nota 21)	<b>213</b>	216
	<b>220</b>	237
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas:		
Pemiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 29)	<b>2,215</b>	1,904
Pembiayaan dan pinjaman (Nota 28)	<b>8,694</b>	9,507
	<b>10,909</b>	11,411
<b>Johor Corporation</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Pembiayaan dan penghutang:		
Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 23)	<b>143</b>	578
Baki tunai dan bank (Nota 26)	<b>30</b>	77
	<b>173</b>	655
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:		
Lain-lain pelaburan (Nota 21)	<b>56</b>	48
	<b>56</b>	48
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas:		
Pemiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 29)	<b>1,433</b>	1,285
Pembiayaan dan pinjaman (Nota 28)	<b>2,620</b>	3,016
	<b>4,053</b>	4,301

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 36. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi bisnes dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah, risiko matawang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Ahli-ahli jawatankuasa audit memberikan pendapat bebas atas keberkesanan proses pengurusan risiko.

lanya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung nilai dimana sesuai dan menjimatkan kos. Kumpulan menggunakan perakaunan aliran tunai lindung nilai ke atas hubungan lindung nilai yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut:

#### (a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul atas instrumen-instrumen kewangan tertunggak sekiranya satu pihak gagal menjelaskan tanggungannya. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan cuba untuk mendapatkan pelaburan aset tunai yang selamat dan menguntungkan. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko kredit. Kumpulan akan memastikan syarikat-syarikat anak yang operasinya signifikan bahawa polisi penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambil kira sejarah hutang dan menghadkan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi syarikat-syarikat anak yang signifikan, tiada berlakunya pemberian had kredit yang melampau sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak yang tidak produktif.

#### Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Jaminan Kewangan yang diberi oleh Johor Corporation tidak diiktiraf dalam penyata kewangan kerana nilai saksama pada pengiktirafan awal adalah tidak material.

#### Profil tumpuan risiko kredit

Selain daripada jumlah terhutang daripada syarikat anak kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

#### Aset-aset kewangan yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai

Maklumat mengenai penghutang perdagangan dan lain-lain yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 23. Deposit-deposit dengan bank dan institusi kewangan lain dan pelaburan diletakkan dalam institusi-institusi kewangan bereputasi atau syarikat-syarikat yang mempunyai rekod kredit yang tinggi dan tiada sejarah kemungkiran bayaran.

#### Aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai

Maklumat mengenai aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 23.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**36. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(b) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan dan Johor Corporation yang akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan kekurangan dana. Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasian tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

**Analisis instrumen kewangan menurut baki kematangan berkontrak**

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak.

<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>Atas permintaan atau dalam 1 tahun</b>	<b>Melebihi 1 hingga 5 tahun</b>	<b>Lebih 5 tahun</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Kumpulan</b>				
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	1,944	289	-	2,233
Lain-lain liabiliti jangka panjang	1	37	-	38
Pembiayaan dan pinjaman	2,438	6,209	533	9,180
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	4,383	6,535	533	11,451
<b>Johor Corporation</b>				
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	1,054	403	-	1,457
Pembiayaan dan pinjaman	12	2,589	20	2,621
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	1,066	2,992	20	4,078

<b>Pada 31 Disember 2016</b>	<b>Atas permintaan atau dalam 1 tahun</b>	<b>Melebihi 1 hingga 5 tahun</b>	<b>Lebih 5 tahun</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Kumpulan</b>				
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	1,822	86	-	1,908
Pembiayaan dan pinjaman	2,433	4,023	3,461	9,917
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	4,255	4,109	3,461	11,825
<b>Johor Corporation</b>				
Liabiliti kewangan:				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	916	393	-	1,309
Pembiayaan dan pinjaman	407	2,586	24	3,017
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	1,323	2,979	24	4,326



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 36. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko dimana nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pinjaman dan pembiayaan. Pinjaman yang diambil pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung.

#### Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pada tarikh laporan, perubahan 10 mata asas ("ma") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) keuntungan atau kerugian selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

	Kumpulan 2017	2016	Johor Corporation 2017	2016
Kadar faedah:				
Meningkat dalam kadar faedah sebanyak 10 ma	8	9	3	3
Menurun dalam kadar faedah sebanyak 10 ma	(8)	(9)	(3)	(3)

#### (d) Risiko mata wang asing

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan, belian dan pinjaman yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti-entiti Kumpulan berkenaan. Urus niaga ini didenominasi adalah terutamanya dalam Dolar Amerika Syarikat ("USD").

lanya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai pendedahan risiko mata transaksi wang asing.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan-pelaburan dalam operasi asing, yang mana aset bersih terdedah kepada risiko terjemahan mata wang asing. lanya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko terjemahan mata wang asing. Kumpulan mengekalkan akaun bank yang didenominasi oleh mata wang asing, terutamanya dalam USD, sebagai satu lindung nilai yang semula jadi berbanding risiko mata wang asing.

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing, berdasarkan amaun dibawa pada tarikh laporan berakhir adalah:

	Kumpulan Didenominasi dalam USD 2017	2016
Penghutang perdagangan dan lain-lain	43	207
Baki tunai dan bank	82	302
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	(244)	(167)
Pembiayaan dan pinjaman	(315)	(552)
Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan	(434)	(210)

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**36. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(d) Risiko mata wang asing (sambungan)****Analisis sensitiviti bagi risiko mata wang asing**

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih selepas cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar pertukaran USD berbanding mata wang fungsian entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pembolehubah lain adalah sama.

	Keuntungan bersih selepas cukai		Pendapatan komprehensif lain bersih selepas cukai	
	2017	2016	2017	2016
<b>USD</b>				
Mengukuh 5% (2016: 5%)	(23)	(9)	1	1
Menyusut 5% (2016: 5%)	23	9	(1)	(1)

**(e) Risiko harga pasaran**

Risiko harga pasaran adalah risiko dimana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan yang akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga pasaran (selain daripada faedah atau pertukaran kadar).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia disenaraikan di Bursa Malaysia. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi atau aset-aset kewangan tersedia untuk dijual.

**Harga komoditi**

Kumpulan menggunakan instrumen-instrumen kewangan derivatif (jualan dan belian masa hadapan minyak kelapa sawit Malaysia) bagi menjamin harga jualan minyak kelapa sawit yang minima dan menutup kedudukan yang dikeluarkan sebelumnya. Perakaunan aliran tunai lindung nilai digunakan ke atas risiko harga derivatif. Sepanjang tahun kewangan semasa Kumpulan tidak mempunyai pendedahan yang signifikan kepada risiko harga komoditi.

**Nilai saksama**

Instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan amaun yang dibawa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama.

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran amaun dibawa yang munasabah:

	<b>Nota</b>
Penghutang perdagangan dan lain-lain	23
Pembiayaan dan pinjaman (kecuali pinjaman tertentu yang nilai saksama dinyatakan dalam Nota 29)	28
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	29

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 36. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (e) Risiko harga pasaran (sambungan)

##### Nilai saksama (sambungan)

Amaun dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, sama ada disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kerana ia adalah instrumen kadar terapung yang dihargaikan semula pada kadar faedah pasaran, pada atau berdekatan tarikh laporan.

Nilai saksama lain-lain pemiutang (bukan semasa) dan pinjaman dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pembiayaan pasaran bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

##### Instrumen ekuiti tersiar harga

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

##### Derivatif

Kontrak tukaran faedah dinilai menggunakan teknik penilaian dengan input yang boleh diperhatikan di pasaran. Teknik yang paling kerap digunakan atas penilaian termasuklah model harga hadapan dan kajian, menggunakan pengiraan nilai kini. Model ini menggabungkan pelbagai input termasuklah kualiti kredit pihak balas, tempat pertukaran mata wang asing, kadar hadapan dan keluk kadar faedah.

##### Hierarki nilai saksama

Kumpulan mempunyai aset dan liabiliti berikut yang dinilai pada nilai saksama atau tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:

Kumpulan Pada 31 Disember 2017	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada kos:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	173	173
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	12	12
Saham tersiar harga	27	-	-	27
Waran tersiar harga	3	-	-	3
Pelaburan dana	5	-	-	5
Aset-aset bukan kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Hartanah pelaburan	-	-	3,640	3,640
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Hartanah prisihatn	-	-	1,861	1,861
- Tanah pegangan bebas	-	-	1,736	1,736
- Tanah pajakan	-	-	2,238	2,238
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan:				
Pembiayaan berjangka - kadar terapung	-	-	3,174	3,174
Sekuriti Hutang Cara Islam	-	-	325	325
Kredit Pusingan	-	-	888	888
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	-	-	3,853	3,853
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	-	-	255	255
	35	-	18,155	18,190

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**36. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(e) Risiko harga pasaran (sambungan)****Hierarki nilai saksama (sambungan)**

<b>Kumpulan Pada 31 Disember 2016</b>	<b>Tahap 1</b>	<b>Tahap 2</b>	<b>Tahap 3</b>	<b>Jumlah</b>
Aset-aset kewangan dinilai pada kos:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	173	173
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tidak tersiar harga	-	-	12	12
Saham tersiar harga	42	-	-	42
Pelaburan dana	10	-	-	10
Aset-aset bukan kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Hartanah pelaburan	-	-	3,609	3,609
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Hartanah prisihatim	-	-	1,875	1,875
- Tanah pegangan bebas	-	-	1,580	1,580
- Tanah pajakan	-	-	2,170	2,170
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:				
Pembiayaan berjangka - kadar terapung	-	-	2,924	2,924
Kredit Pusingan	-	-	799	799
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	-	-	3,845	3,845
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	-	-	222	222
	52	-	17,209	17,261

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
 Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
 Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

36. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

**Johor Corporation**

**Pada 31 Disember 2017**

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tersiar harga	24	-	-	24
Waran tersiar harga	32	-	-	32
Hartanah pelaburan	-	-	1,499	1,499
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Tanah pegangan bebas	-	-	150	150
- Tanah pajakan	-	-	151	151
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:				
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	-	-	2,600	2,600
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	-	-	58	58
	56	-	4,458	4,514

**Johor Corporation**

**Pada 31 Disember 2016**

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Saham tersiar harga	32	-	-	32
Waran tersiar harga	16	-	-	16
Hartanah pelaburan	-	-	1,450	1,450
Harta, loji dan kelengkapan:				
- Tanah pegangan bebas	-	-	150	150
- Tanah pajakan	-	-	350	350
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:				
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	-	-	3,004	3,004
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	-	-	60	60
	48	-	5,014	5,062

Sepanjang tarikh laporan berakhir 31 Disember 2017 dan 2016, tiada sebarang pindahan di antara Tahap 1 dan Tahap 2 hierarki nilai saksama.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 37. PENGURUSAN MODAL

Objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga keupayaan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi syarat-syarat kewangan dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan berkala mengkaji semula dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, unjuran keuntungan, unjuran aliran tunai, unjuran perbelanjaan modal dan unjuran peluang pelaburan strategik.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah penggearing ("gearing ratio") bersih. Nisbah penggearing ini dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman di tolak tunai dan kesamaan tunai.

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2017</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Pembiayaan dan pinjaman (Nota 28)	<b>8,694</b>	9,507	<b>2,620</b>	3,016
Tolak: Baki tunai dan bank (Nota 26)	<b>(882)</b>	(1,268)	<b>(30)</b>	(77)
Hutang bersih	<b>7,812</b>	8,239	<b>2,590</b>	2,939
Jumlah ekuiti	<b>8,626</b>	7,787	<b>1,987</b>	1,969
Nisbah hutang kepada ekuiti	<b>0.91</b>	1.06	<b>1.30</b>	1.49

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Pada 31 Disember 2017, Kumpulan dan Johor Corporation telah mematuhi semua waad-waad kewangan luaran seperti dinyatakan dalam Nota 28.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada sebuah syarikat anak tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundingan, untuk mengekalkan dana pemegang saham minimum sebanyak RM600,000 pada bila-bila masa. Keperluan modal yang dikenakan secara luaran ini telah dipatuhi oleh syarikat anak tersebut bagi tahun kewangan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 38. MAKLUMAT SEGMENT

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen Kumpulan adalah Jawatankuasa Pengurusan Atasan Kumpulan yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen-segmen tersebut.

Keputusan-keputusan segmen, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah termasuk item-item yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas asas yang munasabah.

Perbelanjaan modal segmen adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun kewangan semasa untuk membeli hartanah, loji dan kelengkapan, hartanah pelaburan dan tanah yang dipegang untuk pembangunan hartanah.

#### Segmen-segmen yang boleh dilaporkan

Segmen-segmen utama Kumpulan yang boleh dilaporkan adalah seperti berikut:

- Minyak sawit – Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak sawit mentah, pengurusan perladangan dan perkhidmatan perundingan.
- Prisihatin – Hospital dan perkhidmatan kesihatan.
- Hartanah – Pembangunan hartanah, pembangunan perumahan, perkhidmatan pengurusan hartanah, pelaburan hartanah dan pelaburan amanah hartanah.
- Industri – Pembangunan dan penjualan tanah industri, pengurusan projek, mempromosi, membangun, melaksana dan menguruskan pelabuhan.
- Restoran khidmat cepat – Kedai Kentucky Fried Chicken, Pizza Hut dan Ayamias.
- Intrapreneur venture – Pengurusan letak kenderaan, jualan produk berasaskan kayu dan mel pukal dan percetakan.

Lain-lain operasi Kumpulan tidak mempunyai saiz yang memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

Penyesuaian di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif adalah berkaitan dengan penghapusan QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd, syarikat anak usaha sama Kumpulan, yang telah termasuk dalam segmen yang dilaporkan.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**38. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)**

<b>Kumpulan Pada 31 Disember 2017</b>	<b>Minyak sawit</b>	<b>Prisihatini</b>	<b>Hartanah</b>	<b>Industri</b>	<b>Restoran khidmat cepat</b>	<b>Intrapreneur venture</b>	<b>Sub jumlah</b>
Hasil dari pihak luar	1,136	3,178	713	106	4,644	56	9,833
Hasil antara segmen	(109)	-	(136)	(6)	-	(7)	(258)
Jumlah hasil	1,027	3,178	577	100	4,644	49	9,575
<b>Keputusan</b>							
Keputusan segmen	380	264	428	18	352	(9)	1,433
Pendapatan tidak diperuntukkan							
Kos tidak diperuntukkan							
Keuntungan daripada operasi							
Kos kewangan							
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu							
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usaha sama							
Keuntungan sebelum cukai							
Cukai							
Keuntungan selepas cukai							



Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

38. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

<b>Kumpulan Pada 31 Disember 2017</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Penyesuaian</b>	<b>Operasi berterusan</b>	<b>Operasi yang dihentikan</b>	<b>Kumpulan</b>
Hasil dari pihak luar	801	10,634	(4,560)	6,074	55	6,129
Hasil antara segmen	(237)	(495)	-	(495)	-	(495)
Jumlah hasil	564	10,139	(4,560)	5,579	55	5,634
<b>Keputusan</b>						
Keputusan segmen	(44)	1,389	(355)	1,034	(82)	952
Pendapatan tidak diperuntukkan		9	-	9	-	9
Kos tidak diperuntukkan		(64)	-	(64)	-	(64)
Keuntungan daripada operasi		1,334	(355)	979	(82)	897
Kos kewangan		(503)	80	(423)	(2)	(425)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		14	-	14	-	14
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usaha sama		-	95	95	-	95
Keuntungan sebelum cukai		845	(180)	665	(84)	581
Cukai		(214)	91	(123)	1	(122)
Keuntungan selepas cukai		631	(89)	542	(83)	459

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 38. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

Kumpulan Pada 31 Disember 2017	Minyak sawit		Prisihatim		Hartanah		Industri		Restoran khidmat cepat		Intrapreneur venture		Lain-lain		Jumlah		Penyesuaian		Kumpulan			
<b>Lain-lain informasi</b>																						
Aset-aset segmen	5,780	3,479	3,505	1,528	4,983	43	5,770	25,088	(4,959)	20,129												
Syarikat-syarikat bersekutu	-	463	214	-	-	-	(419)	258	-	258											258	
Syarikat-syarikat usaha sama	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-											1,408	
Aset-aset tidak diperuntukkan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-											-	
Jumlah aset disatukan	2,908	2,381	1,981	965	2,273	42	4,758	15,308	(2,231)	13,077											92	
Liabiliti segmen	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-											-	
Liabiliti tidak diperuntukkan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-											-	
Jumlah liabiliti disatukan	325	871	501	3	238	-	828	2,766	(237)	2,529											530	
Perbelanjaan modal	180	223	7	10	236	-	103	759	(229)	530											-	
Susutnilai dan pelunasan																						

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

38. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

Kumpulan Pada 31 Disember 2016	Restoran					Jumlah	Penyesuaian	Kumpulan
	Minyak sawit	Prishatin	Hartanah	Industri	khidmat cepat			
Hasil dari pihak luar	981	3,021	580	227	4,297	10,129	(4,244)	5,885
Hasil antara segmen	(162)	-	(119)	(30)	-	(530)	-	(530)
Jumlah hasil	819	3,021	461	197	4,297	9,599	(4,244)	5,355
<b>Keputusan</b>								
Keputusan segmen	131	239	306	63	225	1,069	(235)	834
Pendapatan tidak diperuntukkan						73	-	73
Kos tidak diperuntukkan						(74)	-	(74)
Keuntungan daripada operasi						1,068	(235)	833
Kos kewangan						(511)	78	(433)
Bahagian keuntungan syarikat- syarikat bersekutu						77	-	77
Bahagian keuntungan syarikat- syarikat usaha sama						-	64	64
Keuntungan sebelum cukai						634	(93)	541
Cukai						(192)	66	(126)
Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan						442	(27)	415
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan						36	(36)	-
Keuntungan bagi tahun kewangan semasa						478	(63)	415

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 38. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

Kumpulan Pada 31 Disember 2016	Minyak sawit	Prisihatim	Hartanah	Industri	Restoran khidmat cepat	Intrapreneuer venture	Lain-lain	Jumlah	Penyesuaian	Kumpulan
<b>Lain-lain informasi</b>										
Aset-aset segmen	5,591	3,538	3,096	1,469	4,955	83	5,676	24,408	(4,936)	19,472
Syarikat-syarikat bersekutu	-	78	162	-	-	-	9	249	-	249
Syarikat-syarikat usaha sama	-	-	-	-	-	-	-	-	1,351	1,351
Aset-aset tidak diperuntukkan	-	-	-	-	-	-	-	8	-	8
Jumlah aset disatukan								24,665	(3,585)	21,080
Liabiliti segmen	3,426	2,163	2,671	1,021	2,352	78	3,586	15,297	(2,319)	12,978
Liabiliti tidak diperuntukkan	-	-	-	-	-	-	-	315	-	315
Jumlah liabiliti disatukan								15,612	(2,319)	13,293
Perbelanjaan modal	248	262	3	4	233	-	722	1,472	(230)	1,242
Susutnilai dan pelunasan	85	151	4	10	227	3	136	616	(226)	390

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

## 38. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Jualan (Luaran)		Jumlah Aset		Perbelanjaan Modal	
	2017	2016	2017	2016	2017	2016
Malaysia	9,141	8,597	24,254	23,580	2,758	1,411
Singapura	811	791	277	265	-	52
Australia	70	63	337	345	4	4
Indonesia	49	60	182	126	4	4
Brunei	35	35	24	24	-	1
Thailand	-	25	-	55	-	-
Kemboja	21	21	11	11	-	-
Bangladesh	12	7	3	2	-	-
Jumlah	10,139	9,599	25,088	24,408	2,766	1,472
Penyesuaian	(4,560)	(4,244)	(4,959)	(4,936)	(237)	(230)
Kumpulan	5,579	5,355	20,129	19,472	2,529	1,242
Syarikat-syarikat bersekutu			258	249		
Syarikat-syarikat usaha sama			1,408	1,351		
Aset-aset tidak diperuntukkan			-	8		
Jumlah aset			21,795	21,080		

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 39. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN

#### 1. Johor Corporation

- (a) Pada 10 November 2017, satu Perjanjian Jualan dan Perjanjian Sewa telah dimeterai di antara Johor Corporation dan Langsung Terminal (Three) Sdn Bhd berkaitan dengan pelupusan kemudahan terminal tangki dan pajakan tanah untuk tempoh selama 30 tahun. Pertimbangan jualan masing-masing adalah sebanyak RM91 juta dan RM62 juta.
- (b) Kerajaan Negeri pada 16 Ogos 2017 telah meluluskan struktur kos pembangunan Arena Larkin berjumlah RM357 juta. Salah satu komponen yang dipersetujui bagi pembangunan Arena Larkin adalah bahawa Johor Corporation dan Johor Foods Sdn Bhd menyerahkan tanah tertentu kepada Kerajaan Negeri dengan pertukaran tanah berhampiran dan pertimbangan kewangan yang lain sebagai balasan. Dipersetujui juga bahawa struktur kos pembangunan Arena Larkin yang diluluskan diadaptasikan ke dalam perjanjian Arena Larkin antara Kerajaan Negeri dan Johor Corporation dan Johor Foods Sdn Bhd. Penasihat Undang-Undang Negeri sedang mengkaji draf perjanjian yang dijangka akan ditandatangani dan diselesaikan pada 2018.

#### 2. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

- (a) Pelupusan PT Sawit Sumber Rejo, PT Wahana Semesta Karisma, PT Harapan Barito Sejahtera ("BARUT")

PT Graha Sumber Berkah ("GSB") dan PT Wisesa Inspirasi Nusantara ("WIN") telah memeterai Perjanjian Pemindahan Saham ("STA") bertarikh 6 Disember 2017 untuk pelupusan 95% kepentingan WIN di dalam PT Harapan Barito Sejahtera ("HBS"), PT Sawit Sumber Rejo ("SSR") dan PT Wahana Semesta Kharisma ("WSK") kepada GSB dengan pertimbangan berjumlah IDR7 bilion (RM2 juta) (selepas ini dirujuk sebagai "Harga Pembelian") yang akan dibayar balik dalam tempoh 2 tahun dari tarikh tersebut. Pelupusan tersebut telah selesai pada 28 Disember 2017 dan telah menyebabkan kerugian atas pelupusan berjumlah RM75 juta.

- (b) Perjanjian pampasan

Pada 14 Februari 2014, KMB telah menyelesaikan pengambilalihan 74% kepentingan dalam WIN untuk pertimbangan RM59 juta (USD17 juta) daripada GSB. KMB dan GSB memeterai Perjanjian Pemegang Saham ("PPS") untuk WIN bertarikh 14 Februari 2014 ("secara kolektif dirujuk sebagai Pihak Tertentu").

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab di bawah PPS, KMB telah berjanji untuk menyediakan tambahan pelaburan sehingga RM87 juta (USD25 juta) dalam WIN dan/atau syarikat anaknya iaitu HBS, SSR dan WSK berhubung dengan konsesi tanah perkebunan kelapa sawit seluas 40,645 hektar ("Tanah") yang terletak di Kalimantan Tengah. WIN memiliki 95% kepentingan di dalam HBS, SSR dan WSK.

Sebagai balasan ke atas pelaburan tambahan oleh KMB di WIN dan syarikat-syarikat anaknya, GSB telah bersetuju membantu WIN untuk mendapatkan Hak Guna Usaha ("HGU") untuk Tanah berdasarkan terma dan syarat yang terkandung dalam PPS. Walau bagaimanapun, GSB telah gagal mendapatkan HGU berkenaan dengan Tanah yang menyebabkan KMB mengeluarkan Notis Kesalahan kepada GSB pada 8 Jun 2017. Dengan pengeluaran Notis Kesalahan tersebut, Pihak Tertentu berharap perkara itu dapat diselesaikan dengan baik.

KMB dan GSB telah memeterai Perjanjian Penyelesaian bertarikh 6 Disember 2017 di mana GSB telah bersetuju, dan telah berjanji untuk membayar balik kepada KMB jumlah bersih RM41 juta (nilai saksama selepas didiskaun berjumlah RM36 juta) ("Jumlah Penyelesaian yang Dipersetujui") sebagai penyelesaian penuh dan muktamad bagi kegagalan GSB untuk memperoleh HGU yang akan dibayar balik dalam tempoh 2 tahun dari tarikh tersebut. Jumlah tersebut telah diiktiraf sebagai untung di dalam penyata pendapatan komprehensif.

GSB juga telah mencagarkan 1,650 saham dalam CSE (yang merupakan 11% faedah ekuiti) memihak kepada KMB sebagai jaminan bagi pembayaran Jumlah Penyelesaian yang Dipersetujui. Faedah 11% tersebut dinilai pada RM75 juta.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017  
Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 39. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

#### 2. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

(c) Cadangan pengambilalihan PT Citra Sarana Energy ("CSE")

Pada 10 Disember 2014, KMB melalui Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd ("KENSUB") telah memeterai Perjanjian Langganan Bersyarat dan Pembelian Saham ("PLBPS") dengan CSE dan pemegang sahamnya yang sedia ada, iaitu PT Wisesa Inspirasi Sumatera ("WIS") dan PT Inti Energi Sejahtera ("IES"), untuk mengambilalih 60% kepentingan ekuiti di CSE untuk mengambil bahagian dalam penerokaan dan pembangunan sektor minyak dan gas di South West Bukit Barisan Blok, Sumatera Tengah, Indonesia dengan pertimbangan tunai berjumlah kira-kira USD134 juta (RM535 juta).

Pada 7 Februari 2016, KENSUB telah memeterai Perjanjian Tambahan PLBPS ("PT PLBPS") untuk menyemak semula jumlah pertimbangan tunai dari USD134 juta (RM535 juta) kepada USD80 juta (RM318 juta).

Pada 6 Disember 2017, KENSUB, WIS dan CSE (secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak Tertentu") telah bersetuju bahawa Perjanjian Tambahan berkenaan dengan PLBPS bertarikh 7 Februari 2016 diubah dan dipinda yang mempengaruhi mod pembayaran baki harga belian untuk Jualan saham sebanyak USD11 juta (RM46 juta), antara lain. WIS merancang untuk menjual 7% sahamnya dalam CSE kepada bakal pelabur (selepas ini dirujuk sebagai "Pelupusan CSE"). Pihak Tertentu bersetuju bahawa baki harga belian untuk jualan saham berjumlah USD11 juta (RM46 juta) akan dibayar oleh KENSUB kepada WIS dengan cara menolak dari kelayakan KENSUB kepada terimaan tunai daripada Pelupusan CSE. Ini adalah berdasarkan CSSPA bertarikh 10 Disember 2014 dan SA CSSPA bertarikh 7 Februari 2016 yang dimeterai antara WIS, IES, CSE dan KENSUB yang 60% daripada saham dalam CSE dipegang oleh WIS untuk faedah KENSUB. Oleh itu, KENSUB berhak menerima hasil daripada Pembahagian CSE sebagai pemilik saham yang bermanfaat.

Pada 31 Disember 2017, KENSUB telah membayar sejumlah USD59 juta (RM231 juta) yang terdiri daripada:

1. USD13 juta (RM47 juta) sebagai deposit untuk Perolehan Saham;
2. USD41 juta (RM162 juta) sebagai Prabayaran untuk Langganan Saham; dan
3. USD5 juta (RM22 juta) sebagai sebahagian daripada Tambahan Pelaburan berjumlah USD15 juta selaras dengan PLBPS dan PT PLBPS.

Baki bayaran berkenaan dengan tambahan pelaburan berjumlah USD10 juta (RM41 juta) akan dibayar selepas penyelesaian baki harga belian untuk jualan saham USD11 juta (RM46 juta).

Tarikh penyempurnaan PLBPS dan PT PLBPS telah dipanjangkan lagi hingga 4 November 2018 kerana masih belum memenuhi syarat kelulusan Kerajaan Indonesia dan Pasukan Petugas Khas untuk Upstream Aktiviti Minyak dan Gas ("SKK MIGAS") berkenaan dengan perubahan kawalan ("PK") dari Kontrak Perkongsian Pengeluaran ("KPP") yang dijangka diperolehi pada Jun 2018.

Para Pengarah KMB berpendapat bahawa PLBPS dan PT PLBPS akan diselesaikan pada penghujung 2018 dan sedang menilai beberapa cadangan yang melibatkan pelaburan ini.

## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

Amaun dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 39. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

#### 2. Kulim (Malaysia) Berhad (sambungan)

- (d) Pada 22 November 2016, E.A. Technique (M) Berhad ("EAT") mengumumkan bahawa ia telah sebulat suara bersetuju dengan pihak MTC Engineering Sdn Bhd ("MTCE") untuk menamatkan perjanjian dan meneruskan cadangan yang lain untuk membolehkan pemindahan secara terang-terangan aset milik MTCE dilaksanakan. Semua pihak juga bersetuju bahawa Perjanjian Usaha Bersama hendaklah disifatkan sebagai batal dan tidak sah dan tiada mana-mana pihak mempunyai apa-apa tuntutan terhadap Cadangan Usaha Sama.

Pada tarikh yang sama, EAT telah mengumumkan memeterai Jualan bersyarat dan Perjanjian Jual Beli ("PJB") dengan MTCE berhubung dengan cadangan pengambilalihan "Topside Equipment" yang kini dipasang pada kapal EAT dikenali sebagai M.T. Nautica Muar, yang terdiri daripada antara lain, sistem ujian lanjutan baik, sistem menara suar, pemeteran tergelincir, pam kargo, cangkuk pelepasan cepat dan dek helikopter (secara kolektif dikenali sebagai "Topside Equipment") untuk pertimbangan pembelian berjumlah USD24 juta/(RM97 juta) ("Cadangan Pengambilalihan").

Cadangan Pengambilalihan telah diluluskan pada 25 Januari 2017 oleh Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia"). Surat Nasihat Bebas ("SNB") telah diserahkan kepada Bursa Malaysia untuk kelulusan bagi melaksanakan pengeluaran SNB kepada bukan pemegang saham EAT berkenaan dengan Cadangan Pengambilalihan.

EAT telah menerima kelulusan dari Pemegang Saham mengenai Pengambilalihan "Topside Equipment" daripada MTCE dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang telah diadakan pada 20 Mac 2017 di Puteri Pacific Hotel, Johor Bahru.

Semua syarat terdahulu ke atas PJB telah dipenuhi oleh semua pihak. Pembayaran kepada pihak masing-masing telah diselesaikan pada 23 Jun 2017.

Pengambilalihan itu telah selesai dan pengumuman telah dibuat pada 1 Ogos 2017. Pembaharuan Kontrak Novasi di antara MTCE, EAT dan Vestigo Petroleum Sdn Bhd ("VPSB") telah dimeterai pada 11 April 2017. Selaras dengan Pembaharuan Kontrak Novasi, EAT akan menyewa kapal dengan "Topside Equipment" secara langsung kepada VPSB.

#### 3. KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Pada 23 Januari 2018, Lembaga Pengarah KPJ telah mengumumkan bahawa syarikat anak milik penuh KPJ, Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd ("KPJSB") dan syarikat anak milik penuh KPJSB Lablink (M) Sdn Bhd ("Lablink"), telah memeterai Perjanjian Jual Beli Saham ("SSPA") dengan KL Kappa Sdn Bhd ("KL Kappa" atau "Pelabur") untuk langganan saham baru dan pembelian beberapa saham sedia ada di Lablink oleh KL Kappa daripada KPJSB.

